



PERJUANGAN ORANG MELAYU MENENTANG PENJAJAHAN

ABAD 15 — 19

HAJI BUYONG BIN ADIL

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1983

KK. 391 - 2689 0101

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

©Hakcipta Haji Buyong Adil 1983
Cetakan Pertama 1983

M
929
Buy

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur.
\$8.00

325952
APB

26 MAR 1985

KATA PENGANTAR

Sekali lagi saya merasa sukacita kerana Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku sejarah karangan Allahyarham Tuan Haji Buyong bin Adil bertajuk *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan—Abad 15-19*.

Saya dapati kisah sejarah yang dibincangkan oleh pengarangnya ini berlainan sedikit daripada kebiasaan buku sejarah yang menceritakan kisah orang-orang Melayu. Kisah sejarah orang Melayu yang dihidangkan dalam buku ini adalah mengenai kisah orang Melayu menentang bangsa asing yang cuba menjajah negeri-negeri Melayu iaitu Melaka, Johor, Naning, Selangor, Kedah, Perak, Pahang, Kelantan dan Trengganu, dan penjajah-penjajah itu terutama orang-orang barat iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris mengatakan bahawa mereka lebih bertamadun daripada bangsa Melayu.

Di samping itu juga, sejarah penentangan bangsa Melayu terhadap penjajahan asing yang diceritakan dalam buku ini, dirasakan perlu diketahui oleh bangsa Melayu sekarang ini yang telah pun menjadi satu bangsa yang merdeka, agar dapat menambahkan kesedaran bahawa kemerdekaan bangsa dan negeri kita ini, sebenarnya telah dipertahankan oleh bangsa Melayu sendiri sejak berabad-abad dahulu lagi. Dan setelah membaca buku ini, kita harus berbangga kerana bangsa Melayu yang terhitung sebagai sebuah daripada rumpun bangsa yang juga ramai bilangannya di dunia ini, sememangnya mempunyai sejarahnya yang gemilang.

Di sini saya mengucapkan tahniah kepada Allahyarham Tuan Haji Buyong Adil yang telah berusaha mengarang buku ini, dan saya juga berharap semoga bertambah lagi ahli-ahli sejarah di Malaysia ini, menghasilkan buku sejarah yang bernilai mengenai bangsa Melayu.

KATA PENGANTAR

Diharapkan semoga buku sejarah *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan—Abad 15-19* ini mendapat sambutan yang baik dan memberikan faedah sepenuhnya.

2hb. April 1981

Datuk Haji Hassan Ahmad
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

PENDAHULUAN

Sebelum kedatangan orang-orang barat (Eropah), orang Siam-lah (Thai) bangsa yang pertama mencuba untuk menjajah negeri-negeri Melayu. Pada pertengahan kurun masihi yang ke-15 dua kali Siam datang menyerang kerajaan Melayu Melaka, dan pada tahun 1500 pula mereka telah menyerang negeri Pahang. Tetapi Siam gagal hendak menakluki Melaka dan Pahang; orang Melayu telah berjaya menentang serangan-serangan Siam itu.

Ahli-ahli sejarah telah menegaskan dari tahun 1511 hingga tahun 1957 iaitu selama hampir lima ratus tahun, orang Melayu telah dijajah berganti-ganti oleh bangsa barat iaitu Portugis, Belanda dan kemudiannya Inggeris. Tetapi yang sebenarnya, bukanlah semua orang Melayu di Tanah Melayu ini telah dijajah oleh orang-orang barat itu. Orang Portugis hanya dapat menakluki bandar Melaka. Semasa Portugis memerintah di Melaka, mereka juga mencuba hendak menakluki Nanning dan Rembau tetapi tidak berjaya. Daerah Muar, terutama Pagoh, dan beberapa buah tempat di tepi Sungai Johor telah juga diserang oleh Portugis tetapi tidak berhasil dan mereka telah mendapat tentangan hebat dari orang-orang Melayu di tempat itu. Pendeknya, selain dari bandar Melaka itu negeri-negeri Melayu lainnya tiadalah pernah takluk kepada Portugis. Ketika Melaka diperintah oleh Portugis, negeri-negeri Melayu lainnya seperti Johor, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Trengganu, tetap terus diperintah oleh raja-rajanya. Kedah, Perlis dan Kelantan sahajalah yang dijajah oleh Siam sejak dari tahun 1821 hingga tahun 1909. Dalam pada itu, selama Siam menjajah negeri Kedah itu, telah beberapa kali pula orang-orang Melayu di Kedah bertempur menentang orang-orang Siam itu.

Belanda pula hanya dapat menjajah negeri Melaka dan daerah Nanning, dan memerintah di Kuala Selangor selama setahun (1784-1785). Negeri-negeri Melayu lainnya, tiada sebuah pun yang pernah takluk kepada Belanda. Di negeri-negeri Melayu itu Belanda hanya

PENDAHULUAN

datang berniaga atau membeli bijih timah.

Mengenai orang Inggeris pula, mereka mengambil Pulau Pinang dan Singapura dari raja-raja Melayu yang telah dipujuk dan diperdayakan. Mereka mengambil Pulau Pinang dari Sultan Kedah, manakala Singapura dari Sultan Husain Shah dan Temenggung Abdul Rahman setelah diperdayakan oleh Residen Crawford dan Melaka dari tangan Belanda mengikut perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824.

Negeri-negeri Melayu yang lain tidak pernah takluk kepada Inggeris, cuma sebagai negeri-negeri yang dilindungi oleh pemerintah Inggeris (protected states), iaitu dengan kehendak raja-raja Melayu itu sendiri, dan di peringkat permulaan penaungan Inggeris itu juga telah ditentang oleh rakyat Melayu negeri itu seperti di Perak, Selangor dan Pahang.

Penentangan orang Melayu terhadap orang-orang Siam, Portugis, Belanda dan Inggeris yang datang hendak menjajah ke negeri-negeri Melayu itulah yang diceritakan dalam buku ini dengan tujuan semoga janganlah hendaknya ada orang yang memikirkan bahawa orang Melayu itu suatu bangsa yang begitu mudah dijajah oleh bangsa asing. Dan penentangan orang Melayu terhadap penjajahan bangsa asing yang disebutkan dalam buku ini, tiadalah dimasukkan orang Melayu di Kepulauan Melayu (Indonesia sekarang), kerana jika dimasukkan pula kisah penentangan orang-orang Melayu di sana terhadap penjajahan bangsa asing, buku ini akan menjadi sebuah buku yang tebal.

Semoga khidmat pejuang-pejuang Melayu menentang penjajahan bangsa asing pada zaman yang silam itu tinggal menjadi kenangan megah kepada bangsa Melayu sepanjang abad.

Kuala Lumpur,
4hb. Mei, 1982

Haji Buyong bin Adil

KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|----------------------------------------------------------------------------|------------|
| Kata Pengantar | v |
| Pendahuluan | vii |
| 1. Penentangan Percubaan Penjajahan Siam di Melaka dan Pahang. | 1 ✓ |
| 2. Penjajahan Portugis di Melaka (1511) | 9 ✓ |
| 3. Sultan Mahmud Menentang Penjajahan Portugis (1511-1528) | 23 ✓ |
| 4. Sultan Alauddin Riayat Shah II Menentang Portugis (1528-1564) | 33 ✓ |
| 5. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II Melawan Portugis (1586-1587, 1589) | 39 |
| 6. Aceh Menentang Portugis (1537-1629) | 51 |
| 7. Naning Melawan Portugis (1586) | 63 |
| 8. Johor Membantu Belanda Menyerang Portugis (1606) | 67 |
| 9. Johor Membantu Belanda Mengalahkan Portugis (1640-1641) | 71 |
| 10. Naning dan Rembau Menentang Belanda (Kurun Masihi ke-17) | 77 |
| 11. Penentangan Terhadap Belanda di Linggi dan Melaka (1756-1758) | 95 |
| 12. Penentangan Terhadap Belanda di Melaka (1782-1784) | 103 |

| | | |
|----------------|---------------------------------------------------------|----------------|
| 13. | Penjajahan Belanda di Selangor (1784-1786) | 109 |
| 14. | Inggeris di Pulau Pinang (1791) | 113 |
| 15. | Penjajahan Inggeris di Naning (1831-1832) | 137 |
| 16. | Penjajahan Inggeris di Perak (1874-1876) | 151 |
| 17. | Campur Tangan Inggeris di Selangor (1870-1875) | 179 |
| 18. | Penjajahan Inggeris di Pahang (1891-1895) ✓ | 201 |
| 19. | Campur Tangan Inggeris di Kelantan (Perang Tok Janggut) | 221 |
| 20. | Campur Tangan Inggeris di Trengganu. | 231 |
| 21. | Gerakan Kebangsaan Melayu Menentang Penjajahan Inggeris | 243 |

$$\begin{array}{r} 31 \\ 2 \overline{) 63} \\ \underline{10} \\ 37 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 21 \\ 2 \overline{) 42} \\ \underline{10} \\ 32 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 151 \\ 11 \overline{) 1661} \\ \underline{39} \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 707 \\ 2 \overline{) 1414} \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 185 \\ 2 \overline{) 370} \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 300 \\ 2 \overline{) 600} \end{array}$$

1

PENENTANGAN PERCUBAAN PENJAJAHAN SIAM DI MELAKA DAN PAHANG

Mengikut hikayat *Sejarah Melayu* karangan Tun Sri Lanang (Cetera 13): pada masa Sultan Muzaffar Shah (Raja Kasim) memerintah di negeri Melaka, negeri itu semakin besar dan pesat perniagaannya. Apabila raja Siam yang disebut namanya Paduka Bubunnya mendengar khabar negeri Melaka negeri besar dan tiada takluk kepada Siam, Raja Siam itu pun menghantar orangnya pergi ke Melaka meminta Raja Melaka (Sultan Muzaffar Shah) berkirin surat kepada Raja Siam menyatakan baginda menyembah ke Siam. Tetapi Sultan Muzaffar Shah tiada mahu menyembah ke Siam.

Apabila Raja Siam dapat tahu Raja Melaka tiada mahu menyembah ke Siam, Raja Siam pun melengkapkan angkatan perangnya yang terlalu ramai orangnya, diketuai oleh panglima perang Siam bernama Awi Cakri, pergi berjalan darat sampai ke Hulu Pahang hendak menyerang Melaka.

Apabila Sultan Muzaffar Shah mendengar khabar angkatan perang Siam hendak menyerang Melaka, baginda pun menghimpunkan segala rakyat baginda dari teluk rantau daerah takluk Melaka datang berkumpul ke Melaka hendak melawan serangan orang Siam itu. Orang dari Kelang, laki-laki dan perempuan, di bawah ketua Tun Perak (anak almarhum Bendahara Seri Wak Raja Melaka) yang pada masa itu jadi Penghulu di Kelang, datang juga ke Melaka hendak membantu Melaka melawan Siam.

Apabila angkatan perang orang Siam itu sampai di Melaka, berperanglah orang Siam dengan orang Melaka yang dibantu oleh orang Kelang dan lain-lain daerah takluk Melaka. Beberapa lamanya berperang, banyaklah orang Siam yang mati; Melaka pun tiada alah oleh Siam; orang Siam pun undur meninggalkan Melaka, melalui Hulu Muar, lalu balik semula ke negeri mereka.

Dalam sebuah lagi hikayat *Sejarah Melayu* (Dari Simpanan Perpustakaan Raffles Naskhah No. 18, Cetera 8) menyebutkan pula: ketua panglima perang Siam yang datang menyerang Melaka itu bernama Awi Cakra.

Mengikut cerita dalam sebuah buku sejarah Siam yang bernama *Pongsawadan Luang Prasoet* (diterbitkan dalam tahun 1680) mengatakan: angkatan perang kerajaan Siam yang mula-mula datang menyerang negeri Melaka itu ialah dalam Tahun Siam (Culasakara) 806, bersamaan dengan tahun masihi 1445, iaitu semasa negeri Siam diperintah oleh rajanya yang bergelar Boromoraja II.

Daripada ketiga-tiga riwayat yang disebutkan itu, dapatlah dibuat kesimpulan: ketika Sultan Muzaffar Shah baru memulakan pemerintahan di Melaka (Baginda menaiki takhta kerajaan Melaka kira-kira pada akhir tahun 1445 atau awal tahun 1446), iaitu pada masa negeri Siam diperintah oleh rajanya yang bergelar Boromoraja II, satu angkatan perang Siam telah datang melalui Hulu Pahang lalu menyerang negeri Melaka. Negeri Melaka diserang kerana tidak mahu tunduk kepada Siam. Orang Melaka yang mempertahankan tanah air mereka daripada serangan Siam itu, telah mendapat bantuan dari daerah takluk Melaka terutama orang dari Kelang yang dibawa oleh Penghulu Kelang (Tun Perak). Setelah beberapa lama berperang, dan ramai di antara orang Siam terbunuh dalam peperangan itu, maka angkatan Siam itu pun berundur meninggalkan negeri Melaka, melalui Hulu Muar, Hulu Pahang, dan terus kembali ke negeri mereka. Akhirnya negeri Melaka tiada dapat ditakluk oleh Siam.

Berkenaan dengan Raja Siam yang dikatakan oleh *Sejarah Melayu* bernama (Paduka) *Bubunnya* itu, adalah dipercayai kesilapan pengambilan daripada nama *Boromoraja* atau boleh jadi juga kesilapan pengambilan daripada gelaran diraja bangsa Mon dalam pertengahan kurun masihi yang ke-15 yang berbunyi *Bana* yang masih ada dalam sebutan orang Burma sekarang yang berbunyi *Binya*.

Berkenaan dengan nama panglima Siam yang mengetuai angkatan perang Siam yang pertama menyerang Melaka itu, *Sejarah Melayu* menyebutnya *Awī Cakri* dan *Awī Cakra*, dan dipercayai gelaran yang sebenarnya ialah *Okya Cakra* tetapi *Okya Cakra* ini bukanlah nama khas bagi orang Siam, melainkan suatu gelaran bagi seorang pegawai Siam pada zaman dahulu.

Jadi, daripada kedua-dua keterangan itu, kesimpulannya ialah semasa Siam mula-mula menyerang Melaka, raja yang memerintah di negeri Siam masa itu bergelar Boromoraja II (memerintah dari

tahun 1424-1448), dan panglima perangnya bergelar Okya Cakra.

Mengikut sejarahnya: selepas peperangan itu, Tun Perak (Penghulu Kelang) tidak dibenarkan oleh Sultan Muzaffar Shah balik ke Kelang, dan diminta tinggal terus di Melaka memegang jawatan kerajaan. Selepas itu, Tun Perak telah dilantik oleh Sultan Muzaffar Shah menjadi Bendahara Melaka, bergelar Bendahara Paduka Raja, menggantikan iparnya Tun Ali Seri Nara Diraja (suami kepada saudara perempuan Tun Perak yang bernama Tun Wati) yang telah memegang jawatan Bendahara itu selama ini.

Beberapa lama lepas itu, semasa di bawah pemerintahan Sultan Muzaffar Shah juga, datang lagi angkatan perang Siam melalui laut menyerang Melaka. Angkatan Siam ini diketuai oleh panglima perangnya yang bernama Okya Tejo. Dalam Sejarah Melayu, Cetera 13, dan Sejarah Melayu Naskhah No. 18, Cetera 8, menyebutkan nama panglima perang Siam itu *Awi Dicu*. Nama Awi Dicu itu nyatalah pengambilan daripada bahasa Siam *Okya Tejo* dan Okya Tejo ini juga bukannya nama khas bagi orang perseorangan, cuma suatu gelaran yang bererti "ketua perang".

Angkatan perang laut Siam itu telah ditentang oleh angkatan perang laut kerajaan Melaka yang diketuai oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak dengan dibantu oleh panglima-panglima perang Melaka yang bergelar Seri Bija Diraja (namanya Tun Hamzah, disebut juga Datuk Bongkok) serta anak Seri Bija Diraja yang bernama Tun Umar. Pertempuran antara kedua belah pihak itu berlaku di perairan pelabuhan Melaka, dan telah merebak sampai ke perairan Batu Pahat (di negeri Johor sekarang) dan angkatan Siam itu telah dikejar oleh angkatan laut Melaka hingga sampai ke Singapura, dan dari Singapura angkatan Siam itu pun balik semula ke negeri Siam dan sekali lagi angkatan Siam gagal mengalahkan Melaka.

Mengikut *Pongsawadan Luang Prasoet*: Serangan Siam kali yang kedua ke negeri Melaka itu ialah dalam Tahun Siam (Culasakara) 718, bersamaan dengan tahun masihi 1456, dan masa itu diperintah oleh rajanya yang bergelar Boroma Trailokanat (1448-1488), iaitu lebih kurang sepuluh tahun kemudian daripada serangan yang pertama dahulu.

Nampaknya serangan Siam kali yang kedua ke negeri Melaka itu telah berlaku pada akhir zaman pemerintahan Sultan Muzaffar

Shah, kerana baginda memerintah Melaka dari akhir tahun 1445 atau awal 1446 hingga tahun 1459.

Menurut *Sejarah Melayu* (Cetera 13); tiada lama setelah Siam menyerang Melaka kali yang kedua itu, Sultan Muzaffar Shah pun mangkat (1459), diganti oleh putera baginda yang bernama Raja Abdullah sebagai Raja Melaka bergelar Sultan Mansur Shah; Tun Perak (Bendahara Paduka Raja) masih menjadi Bendahara Melaka.

Pada masa Sultan Mansur Shah memerintah di Melaka (1459-1477), kira-kira di antara tahun 1457-1459, baginda telah menghantarkan angkatan laut Melaka mengandungi dua ratus buah perahu, yang diketuai oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak dengan dibantu oleh Seri Bija Diraja (Tun Hamzah Datuk Bongkok) dan hulubalang-hulubalang Melaka pergi menyerang (melalui laut) ke negeri Pahang di tempat yang bernama *Pura*. Pada masa itu negeri Pahang yang diperintah oleh rajanya yang bergelar Maharaja Dewa Sura, takluk di bawah kuasa Siam menerusi kerajaan Ligor (Nakhon Si Thammarat) yang juga di bawah kuasa Siam.

Angkatan perang kerajaan Melaka yang sampai di negeri Pahang (*Pura*) itu telah ditentang hebat oleh orang Pahang di bawah perintah Maharaja Dewa Sura. Dalam peperangan itu dengan mudah sahaja angkatan Melaka mengalahkan Pahang. Raja Negeri itu (Maharaja Dewa Sura) telah melarikan diri mudik Sungai Pahang hingga sampai di sebuah jeram di hulu Sungai Pahang yang dipanggil Jeram Koi (Jeram Kuai). Akhirnya Raja Pahang itu telah dapat ditangkap oleh Seri Bija Diraja dan diserahkan kepada Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Raja Pahang itu serta seorang puterinya bernama Wanang Seri (Onang Seri) dan seekor gajah kenaikan Raja Pahang itu, dibawa ke Melaka dan diserahkan kepada Sultan Mansur Shah. Puteri itu (Onang Seri) telah diislamkan dan diberi nama Puteri Lela Wangsa, kemudian berkahwin dengan Sultan Mansur Shah.

Setelah Pahang ditakluk oleh Melaka, Sultan Mansur Shah telah menghantar Seri Bija Diraja (Tun Hamzah) lengkap dengan alat kebesaran kerajaan mengikut tarafnya pergi ke Pahang (*Pura* — Bandar Pekan sekarang) dan memerintah di negeri itu. Puteri Lela Wangsa (Onang Seri) puteri Raja Pahang isteri Sultan Mansur Shah itu telah berputerakan dua orang dan diberi nama Raja Ahmad dan Raja Muhammad; kasad baginda Raja Muhammad itulah hendak

dirajakan di Melaka menggantikan baginda. (Dari Sejarah Melayu dan hikayat Bustanus-Salatin).

Apabila Raja Muhammad telah besar, pada suatu hari, tatkala Raja Muhammad pergi bermain di Kampung Datuk Bendahara Paduka Raja (Tun Perak), dan kebetulan pada masa itu anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang bernama Tun Besar sedang bermain sepak raga dengan kawan-kawannya. Tatkala Raja Muhammad hampir dengan gelanggang tempat bermain sepak raga itu, tiba-tiba, dengan tiada disengajakan, raga yang disepak oleh Tun Besar menimpa dasar Raja Muhammad dan dasar itu jatuh ke tanah. Oleh sebab Raja Muhammad merasa malu, dengan tiada bersabar lagi lalu ditikamnya Tun Besar hingga mati. Apabila pengikut Bendahara di kampung itu melihat Tun Besar mati ditikam oleh Raja Muhammad, mereka menjadi gempar, keluar dari rumah masing-masing dengan membawa alat senjata hendak membalas bela di atas kematian Tun Besar. Tetapi pada ketika itu juga Bendahara Paduka Raja Tun Perak datang ke tempat itu dan setelah mengetahui anaknya Tun Besar telah mati ditikam Raja Muhammad dan sekalian anak buahnya hendak membalas bela di atas kematian anaknya itu, Bendahara pun melarang anak buahnya berbuat apa-apa kepada Raja Muhammad sambil mengatakan: Hamba Melayu tiada pernah derhaka kepada rajanya. Tetapi diingatkannya pula anak buahnya itu supaya jangan bertuankan anak raja yang seorang itu (Raja Muhammad).

Apabila Sultan Mansur Shah mengetahui kejadian itu, baginda pun memanggil Raja Muhammad lalu memarahinya dan menyesali perbuatan Raja Muhammad yang telah menyebabkan dirinya tiada dapat dirajakan di Melaka (kerana orang-orang Bendahara Paduka Raja tidak mahu berajakan Raja Muhammad).

Sultan Mansur Shah telah memanggil Seri Bija Diraja (Tun Hamzah) dari Pahang dan menitahkan Seri Bija Diraja, Seri Nara Diraja (Tun Tahir) dan orang-orang besar Melaka yang lain serta pengiring Raja Muhammad membawa Raja Muhammad pergi ke Pahang (Pura). Kemudian Raja Muhammad telah dilantik menjadi Sultan di negeri Pahang bergelar Sultan Muhammad Shah; bagindalah Sultan Pahang yang pertama keturunan daripada Raja Melaka. Peristiwa ini telah berlaku dalam tahun 1470. Sultan Muhammad Shah telah beristerikan seorang puteri Kelantan bernama Magindera

Puteri, dan berputerakan Raja Ahmad, Raja Abdul Jamil dan Raja Mahmud.

Setelah memerintah di Pahang selama enam tahun, pada 17 hulan Jamadilawal Tahun Hijrah 880 (bersamaan dengan 17 hulan September 1475), Sultan Muhammad Shah telah mangkat. Pada masa itu ayahanda almarhum, Sultan Mansur Shah masih lagi hidup.

Raja Ahmad, kekanda almarhum yang ada di Melaka telah diangkat oleh ayahandanya Sultan Mansur Shah menjadi Sultan di negeri Pahang (Sultan Pahang yang ke-2) bergelar Sultan Ahmad Shah.

Sultan Mansur Shah telah mangkat pada tahun 1477, dan digantikan oleh putera baginda yang bernama Raja Husain sebagai Sultan Melaka bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah. Pada tahun 1488 Sultan Alauddin Riayat Shah mangkat, digantikan oleh putera almarhum, bergelar Sultan Mahmud Shah (memerintah di Melaka dari tahun 1488-1511).

Pada tahun 1500, semasa negeri Pahang di bawah pemerintahan Sultan Abdul Jamil (Putera almarhum Sultan Muhammad, Sultan Pahang yang pertama) dengan dibantu oleh adik sepupu baginda bergelar Sultan Mansur Shah (putera Sultan Ahmad Shah, Sultan Pahang yang kedua), Raja Siam (Thai, Ayuthia) yang bergelar Rama Tibodi II telah memerintahkan Raja Ligor (Legor) menghantar angkatan perang yang besar menyerang negeri Pahang yang di bawah perintah sultan keturunan dari Melaka itu.

Hikayat *Sejarah Melayu* (Cetera 31) menceritakan: apabila kedengaran ke Pahang mengatakan Raja Ligor (Legor) hendak datang menyerang ke Pahang, Sultan Abdul Jamil pun menitahkan rakyat baginda berlengkap kota parit dan menghimpunkan rakyat baginda. Dan apabila berita itu terdengar pula ke Melaka, Sultan Mahmud Shah di Melaka pun menghantar suatu angkatan perang, diketuai oleh Bendahara Seri Maharaja (Tun Mutahir) Bendahara Melaka dengan dibantu oleh Laksamana Khoja Hasan dan beberapa ramai lagi hulubalang Melaka pergi membantu Pahang. Apabila orang Melaka itu sampai di Pahang (Pura), telah diterima oleh Sultan Abdul Jamil dan Sultan Mansur Shah dengan sukacita, dan dengan permintaan Sultan Abdul Jamil, orang Melaka yang datang

itu telah bekerja bersama-sama menyiapkan "Kota Pahang" yang belum siap itu.

Setelah angkatan perang Raja Ligor sampai di Pahang (ikut jalan darat) maka mereka pun berperanglah dengan orang Pahang yang dibantu oleh orang Melaka. Akhirnya kalah orang Ligor dan Raja Ligor serta orangnya pun lari ke Hulu Pahang, lalu ke Kelantan, ke Patani dan balik semula ke Ligor. Sultan Mansur Shah telah memberi anugerah kepada Bendahara Seri Maharaja; dan apabila orang Melaka hendak balik ke Melaka, Sultan Abdul Jamil dan Sultan Mansur Shah telah mempersembahkan surat daripada baginda berdua kepada Sultan Mahmud Shah Melaka kerana bantuan Melaka itu. Dari semenjak itu tiadalah lagi orang Siam datang menyerang negeri Pahang.



PENJAJAHAN PORTUGIS DI MELAKA (1511)

Di antara negeri-negeri Melayu di Nusantara, negeri Melakalah yang pertama didatangi dan dijajah oleh orang Barat.

Pada masa Sultan Mahmud Shah menjadi Sultan Melaka (1488-1511) dan Tun Mutahir menjadi Bendahara (Bendahara Seri Maharaja), pada suatu hari iaitu pada 11 hari bulan September 1509, satu angkatan Portugis mengandungi lima buah kapal besar, diketuai oleh Diego Lopez de Sequeira, telah sampai di pelabuhan Melaka. Beberapa orang daripada mereka telah pergi ke bandar Melaka.

Hikayat *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang (Cetera 32) ada menceritakan perihal orang Portugis yang mula-mula datang ke Melaka itu demikian:

"Maka dilihat oleh Feringgi (Portugis) itu negeri Melaka terlalu baiknya, dan bandarnya pun terlalu ramai; maka segala orang pun berkampung melihat rupa Feringgi itu, maka sekaliannya hairan melihat dia. Maka kata orang Melaka, 'Ia ini Benggali putih'. Maka pada seorang orang Feringgi itu berpuluh-puluh orang Melaka mengerumuni dia; ada yang memutar janggut, ada yang menepuk kepala, ada yang mengambil cepiaunya, ada yang memegang tangannya. Maka kapten kapal itu pun naik mengadap Bendahara Seri Maharaja; maka oleh Bendahara diangkat anak kapten itu, dipersalini, maka kapten kapal itu pun persembah pada Bendahara Seri Maharaja rantai emas bepermata seutas, ia sendiri memasukkan pada leher Bendahara Seri Maharaja. Maka segala orang hendak gusar akan Feringgi itu, tiada diberi oleh Bendahara, katanya, "Jangan dituruti, kerana ia orang tiada tahu bahasa!"

Mengikut cerita sejarahnya yang lebih lanjut mengenai kisah orang Portugis yang mula-mula datang ke Melaka itu (1509) ialah:

Apabila Diego Lopez de Sequeira dengan angkatan kapal Portugis itu sampai, mereka pun berlabuh di pelabuhan Melaka. Sequeira telah menyuruh seorang pegawainya bernama Texeira naik ke darat menyampaikan hadiah dan surat daripada Raja Portugal, King Emanuel. Hadiah itu telah dipersembahkan oleh Texeira dalam suatu penghadapan kepada Bendahara Seri Maharaja (seperti yang diceritakan oleh *Sejarah Melayu* itu).

Oleh sebab orang Portugis yang sampai di Melaka itu telah menjalankan perniagaan yakni telah membeli dagangan di bandar Melaka, timbullah perasaan cemburu saudagar bangsa Gujarat dan saudagar-saudagar bangsa lain yang ada di Melaka, kerana mereka khuatir perniagaan mereka di Melaka akan mendapat saingan hebat dari orang Portugis. Saudagar-saudagar itu telah mencadangkan (menghasut) kepada Bendahara Seri Maharaja supaya orang Portugis yang mereka katakan orang kafir itu dihalau keluar dari bumi Melaka. Oleh sebab itu Bendahara Seri Maharaja telah mengarahkan beberapa orangnya menangkap orang Portugis itu.

Pada suatu hari, sekumpulan orang Portugis seramai lebih kurang lapan belas orang termasuk seorang pegawai mereka bernama Ruy de Araujo, yang sedang membeli barang dagangan di bandar Melaka telah ditangkap oleh orang Bendahara kemudian dipenjarakan. Diego Lopez de Sequeira telah memohon kepada Bendahara supaya orang-orangnya itu dilepaskan tetapi permintaan Sequeira itu tidak berjaya. Oleh sebab Sequeira bimbang ia pula akan ditangkap oleh orang Melaka, maka ia telah membakar dua buah kapalnya (kerana anak-anak kapalnya telah berkurangan) dan dengan segera meninggalkan Melaka dan pulang ke negerinya.

Dalam bulan November 1510, setelah orang Portugis menakluk bandar Goa (di pantai barat India), dan apabila berita itu sampai ke Melaka, dengan nasihat seorang saudagar India di Melaka bernama Ninacatu, Bendahara Seri Maharaja pun melepaskan Ruy de Araujo serta orang-orangnya. Orang Portugis itu telah diberikan sebuah rumah tumpangan di bandar Melaka. Tetapi gerak-geri orang Portugis itu sentiasa diawasi. Ninacatu telah bersahabat baik dengan Ruy de Araujo.

Bendahara Seri Maharaja (Tun Mutahir) ada seorang anak gadis yang cantik paras rupanya, bernama Tun Fatimah. Tun Fatimah telah dikahwinkan oleh Bendahara Seri Maharaja dengan seorang anak saudaranya bernama Tun Ali, anak Seri Nara Diraja Tun Tahir dan tatkala Sultan Mahmud melihat wajah Tun Fatimah semasa bersanding dengan Tun Ali itu, baginda telah jatuh beraham terhadap Tun Fatimah, maka baginda merasa sakit hati terhadap Bendahara Seri Maharaja kerana Bendahara tiada mempelawa baginda mengahwini anaknya yang cantik itu.

Dalam tahun 1510 itu juga, telah terjadi perselisihan faham d

antara saudagar bangsa India di Melaka yang bernama Nina Sura Dewana dengan Raja Mudeliar serta seorang India yang dipanggil Kitul. Raja Mudeliar yang tiada suka kepada Bendahara Seri Maharaja telah membuat fitnah dengan cara memberi rasuah kepada Laksama Khoja Hasan dan menyuruhnya memberitahu Sultan Mahmud mengatakan Bendahara Seri Maharaja sedang menjalankan rancangan sulit, melengkapkan alat kebesaran kerajaan, kerana Bendahara hendak merampas takhta kerajaan Melaka dari Sultan Mahmud Shah yakni hendak menggulingkan baginda dari takhta kerajaan Melaka.

Setelah mendengar berita tersebut, Sultan Mahmud Shah begitu murka kepada Bendahara Seri Maharaja tambahan pula Sultan Mahmud memang telah berdendam hati kepada Bendahara Seri Maharaja kerana tidak menunjukkan anaknya Tun Fatimah kepada baginda dan telah mengahwinkannya dengan Tun Ali, maka bertambah murkalah baginda kepada Bendahara. Dengan tidak usul periksa lagi, kerana menurutkan kemarahan hati, Sultan Mahmud pun menitahkan orang-orang baginda (pertanda) pergi membunuh Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Bersama Bendahara ada tiga orang lagi keluarga Bendahara yang turut dibunuh, iaitu anaknya Tun Hassan Temenggung, adik Bendahara itu Seri Nara Diraja Tun Tahir, dan suami Tun Fatimah yang bernama Tun Ali (anak Tun Tahir). Selepas peristiwa pembunuhan itu dan setelah lepas idahnya, Sultan Mahmud Shah telah memperisterikan Tun Fatimah. Tiada lama lepas itu, baharulah Sultan Mahmud Shah mengetahui bahawa Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang dikatakan hendak merampas kerajaan baginda itu, tidaklah benar, semata-mata fitnah Raja Mudeliar dan Kitul. Mereka berdua telah dihukum bunuh oleh Sultan Mahmud Shah, dan baginda sangat menyesali tindakannya yang telah menyebabkan kematian Bendahara Seri Maharaja dan tiga orang lagi keluarga Bendahara itu. Tetapi apa hendak dikatakan, perbuatan yang tiada usul periksa itu telah terlanjur!

Tun Mat Paduka Tuan (anak almarhum Bendahara Paduka Raja Tun Perak) yang telah tua dan tepok itu, telah diangkat menjadi Bendahara Melaka bergelar Bendahara Paduka Tuan, disebut juga Bendahara Tepok.

Kegagalan Diego Lopez de Sequeira hendak menanamkan

pengaruh Portugis di Melaka (1509), telah mendapat perhatian Raja Portugal dan orang besarnya bernama Alfonso d'Albuquerque. Tetapi masa itu (1510) Albuquerque belum dapat berbuat apa-apa kerana ia sedang berusaha menakluki beberapa buah bandar di tepeluh Farsi dan di pantai barat India. Apabila Albuquerque dapat menakluki bandar Goa (November 1510) di pantai barat India, ia telah dilantik menjadi Wizurai (Viceroy) kerajaan Portugal di timur, dan tinggal di Goa menggantikan Francisco de Almeida.

Raja Portugal, King Emanuel, telah menghantar satu angkatan kapal laut yang diketuai oleh Diego Mendez de Vasconcelos, pergi ke Melaka. Apabila angkatan itu sampai di Goa, Albuquerque tidak membenarkan Vasconcelos pergi menyerang Melaka, kerana angkatan yang dibawa oleh Vasconcelos itu sangat kecil dan tidak cukup kelengkapannya untuk menentang kekuatan perang di bandar Melaka masa itu. Albuquerque baharu sahaja (tahun 1510) menerima surat daripada Ruy de Araujo di Melaka (surat yang disampaikan secara rahsia dari Melaka dengan pertolongan saudagar India di sana) yang menyatakan keadaan bandar Melaka dan kekuatan perangnya yang begitu kuat serta kemajuan perniagaan di bandar itu. Dalam surat itu juga Araujo menyatakan bagaimana ia dan kawan-kawannya yang ditawan di bandar Melaka itu mengalami penderitaan hidup. Mereka dikurung, disiksa dan kadang-kadang tidak diberi makan serta dipaksa memeluk agama Islam. Tetapi apabila sampai angin musim ketika banyak kapal orang India dapat belayar dari Melaka balik ke India, pada masa itu orang Portugis yang ditawan di Melaka mendapat layanan yang baik dan dibenarkan berjumpa orang lain. Ninacatulah yang selalu berbuat baik dan menolong orang Portugis itu. Dialah juga yang telah menolong Araujo mengirinkan surat kepada Albuquerque di India. Dalam surat itu juga Araujo berharap sangat supaya Albuquerque menghantar angkatan perang yang besar datang menyerang dan menakluk Melaka.

Dalam pada itu, lapan orang daripada orang Portugis yang ditawan itu, termasuk seorang pegawainya bernama Joao Viegas, berjaya melepaskan diri dan lari dari bandar Melaka menuju ke Pidir (Pidie) sebuah bandar di pantai timur Sumatera.

Beberapa bulan kemudian daripada itu, pada awal bulan Mei 1511, Alfonso d'Albuquerque membawa satu angkatan perang laut

Portugis mengandungi 19 buah kapal, 800 orang askar Portugis dan 600 orang askar India, telah bertolak dari negeri India (dari Kocin) menuju ke Melaka. Kapal yang dinaiki oleh Albuquerque sebagai pemimpin angkatan itu bernama *Flor de la Mar*.

Dalam pelayaran itu, dengan pertolongan pemandu kapal orang Gujarat yang ditemui di laut, Albuquerque dan angkatannya telah sampai di Pidir (Pidie) di pantai timur Sumatera. Di Pidir, Albuquerque telah disambut dengan baik oleh Raja Pidir yang kagum melihatkan angkatan Portugis yang besar itu. Di Pidir juga Albuquerque telah berjumpa dengan lapan orang Portugis yang lari dari Melaka, dan mereka telah menceritakan segala pengalaman pahit yang telah mereka alami semasa di dalam tawanan.

Dari Pidir angkatan Albuquerque itu singgah pula di Pasai. Apabila Albuquerque dapat tahu ada sebuah kapal orang Melayu baharu saja bertolak dari Pasai hendak balik ke Melaka untuk memberitahu kedatangan orang Portugis di Pasai itu, maka Albuquerque pun dengan segera meninggalkan Pasai pergi mengejar dan menangkap kapal orang Melayu itu. Albuquerque telah melakukan perbuatan yang zalim dan kejam, setelah mendapat maklumat mengenai Melaka dari orang Melayu itu, mereka pun dibunuh dan kapal mereka dirampas. Albuquerque meneruskan pelayarannya menuju ke Melaka.

Semasa menyeberangi Selat Melaka, tidak berapa jauh lagi hendak sampai ke Melaka, Albuquerque telah dapat maklumat daripada nakhoda sebuah kapal orang India yang membawa dagangan yang baharu bertolak dari Melaka hendak pergi ke negeri Siam. Nakhoda kapal itu mengatakan: Ruy de Araujo yang ada di Melaka itu masih hidup; dan Sultan Melaka memang sudah tahu ada kapal orang Portugis hendak datang menyerang Melaka.

Albuquerque meneruskan pelayarannya dan sampai di pelabuhan Melaka pada awal bulan Julai 1511. Di pelabuhan, mereka pun membunyikan trompet dan tembakan meriam beberapa das sebagai menandakan kedatangan mereka.

Sultan Mahmud telah menghantarkan utusan pergi berjumpa ketua angkatan Portugis itu bertanyakan sama ada kedatangan mereka itu dengan tujuan baik (damai) atau hendak berperang dan utusan itu menyatakan juga kepada ketua Portugis itu bahawa Bendahara Seri Maharaja yang terlibat dalam kumpulan orang yang

melawan Diego Lopez de Sequeira dulu, telah dibunuh.

Utusan itu telah balik menghadap Sultan Mahmud dan menyampaikan permintaan Albuquerque supaya baginda mengembalikan orang Portugis yang ditawan itu, dan juga tuntutan bayaran ganti rugi angkatan Diego Lopez de Sequeira dulu dan bayaran itu hendaklah daripada harta pusaka Bendahara Seri Maharaja (Tun Mutahir).

Mendengar permintaan dan tuntutan ketua Portugis itu (Alfonso d'Albuquerque), Sultan Mahmud menyatakan sebelum permintaan itu disempurnakan, orang Portugis hendaklah lebih dulu membuat perdamaian dengan kerajaan Melaka. Tetapi Albuquerque telah menegaskan: jika Sultan Melaka tidak menyempurnakan permintaan dan tuntutannya itu, orang Portugis akan menyerang Melaka.

Sementara itu Sultan Mahmud telah menitahkan putera baginda iaitu Sultan Ahmad yang menjalankan pentadbiran di negeri Melaka masa itu, melengkapkan angkatan perang, menguatkan semua kubu pertahanan di bandar Melaka, dan baginda telah mengerahkan juga perahu angkatan perang Melaka, belayar di pelabuhan Melaka untuk memperagakan (menunjukkan) kekuatan angkatan laut Melaka kepada orang Portugis itu. Pada masa itulah juga saudagar-saudagar bangsa asing yang ada di bandar Melaka seperti saudagar India, Gujerat, Farsi dan Arab telah menyatakan kepada Sultan Mahmud dan orang-orang besar Melaka bahawa orang Portugis yang datang itu tidak akan berani menyerang bandar Melaka, bahkan apabila sampai angin musim mereka akan bertolak meninggalkan Melaka.

Dengan pertolongan seorang saudagar India yang ada di bandar Melaka, Ruy de Araujo telah dapat mengirim surat kepada Albuquerque di kapalnya, mengatakan: Syahbandar bangsa Gujerat yang ada di Melaka itu telah meminta Sultan Mahmud supaya jangan membuat perjanjian damai dengan orang Portugis yang datang itu, kerana perbuatan itu akan membenarkan orang Portugis berniaga di Melaka, dan kalau mereka dapat berniaga di Melaka, maka perniagaan saudagar bangsa Asia yang ada di Melaka itu akan mendapat saingan hebat.

Pada masa itu juga Albuquerque telah mendapat berita yang mengatakan: Bendahara Seri Maharaja yang telah dibunuh itu

bukanlah disebabkan kerana orang Melaka menyerang orang Diego Lopez de Sequeira, sebaliknya kerana Bendahara Seri Maharaja dikatakan hendak membangkitkan pemberontakan menggulingkan kerajaan Sultan Mahmud. Dalam pada itu, dengan secara sulit Albuquerque telah memberitahu de Araujo: walau apa pun akan terjadi kepada orang Portugis yang ditawan di Melaka itu, ia tidak akan melambatkan lagi serangannya ke bandar Melaka. Araujo mengatakan pula: orang Gujerat yang ada di bandar Melaka itu siang malam bekerja keras membaiki dan menguatkan lagi kubu pertahanan yang ada di bandar Melaka, dan Araujo mencadangkan supaya serangan ke bandar Melaka itu hendaklah dilakukan dengan segera dan dengan serangan yang pantas.

Alfonso d'Albuquerque telah memberi kata dua kepada kerajaan Melaka mengatakan: orang Portugis yang menunggu dalam kapal mereka di pelabuhan Melaka itu, tidak akan berganjak walaupun mereka terpaksa menunggu selama satu tahun atau sepuluh tahun. Tetapi jika orang Portugis yang ditawan itu tidak dikembalikan semula, tidak lama lagi Sultan Melaka akan kehilangan negerinya.

Sultan Mahmud menjawab: orang tawanan itu tidak dikembalikan bukanlah kerana apa-apa melainkan kerana baginda sedang menyediakan pakaian untuk mereka, dan baginda telah menyuruh Albuquerque membawa kapalnya keluar dari pelabuhan Melaka. Kemudian Albuquerque telah mengeluarkan beberapa buah kapalnya yang kecil dari pelabuhan Melaka tetapi kapalnya yang besar-besar tetap juga menunggu di pelabuhan Melaka.

Setelah enam hari kapal Portugis itu berada di pelabuhan Melaka, pada hari ketujuhnya orang Portugis itu pun mulalah membakar beberapa buah rumah di pantai Melaka dan membakar semua kapal yang ada di pelabuhan Melaka, kecuali lima buah tongkang orang Cina dan kapal orang India yang datang dari bahagian pantai timur India. Pada masa itu baharulah Sultan Mahmud mengembalikan orang Portugis yang ditawan itu, dan baginda mengakui akan membayar harga barang yang telah dirampas dari Diego Lopez de Sequeira dulu.

Pada masa itu ada lima buah tongkang besar kepunyaan orang Cina di pelabuhan Melaka. Orang Cina itu telah menawarkan tongkang-tongkang mereka untuk menolong orang Portugis, dan

telah memberitahu orang Portugis itu: dalam bandar Melaka masa itu, selain dari orang Melayu, ada 20,000 orang perajurit perang yang terdiri daripada askar upahan bangsa Jawa; selain dari itu juga ada sebilangan besar orang Farsi dan orang Islam lainnya; gajah perang ada sebanyak dua puluh ekor, dan banyak terdapat meriam dan senjata api; barang makanan yang didatangkan dari Tanah Jawa masih banyak dalam simpanan di bandar Melaka. Orang Cina itu tidak begitu yakin orang Portugis dapat mengalahkan bandar Melaka kecuali dengan cara menjadikan penduduk bandar Melaka kebuluran makanan yakni dengan menyekat bekalan makanan yang datang dari Tanah Jawa. Albuquerque telah meminjam beberapa buah perahu besar kepunyaan orang Cina itu untuk mendaratkan askarnya, dan orang Cina itu diberikan sebuah perahu gelung yang besar dan tinggi untuk orang Cina itu melihat bagaimana caranya orang Portugis berperang.

Ruy de Araujo telah memberitahu Alfonso d'Albuquerque lebih dulu Albuquerque mestilah menawan jambatan dekat Kuala Sungai Melaka yang menghubungkan kawasan bandar Melaka bahagian utara dengan kawasan tempat istana raja dan masjid di kaki Bukit Melaka di bahagian selatan bandar itu. Apabila jambatan itu dapat ditawan, bolehlah orang Portugis menceraikan pasukan perang kerajaan Melaka itu berpecah dua, dan dapatlah orang Portugis menentukan kemenangan dalam peperangan itu atau sekurang-kurangnya dapatlah melancarkan pukulan hebat terhadap musuh mereka.

Albuquerque telah bermesyuarat di kapal *Flor de la Mar* dengan pegawai-pegawai bawahnya bagi mengaturkan cara hendak mendaratkan askar-askarnya, dan mesyuarat itu telah mengambil keputusan hendak mendaratkan pasukan perang mereka pada dua tempat: satu pasukan akan mendarat di bahagian selatan bandar Melaka, dan satu pasukan lagi di bahagian utara bandar Melaka. Kedua-dua pasukan itu akan sama-sama menyerang dan menawan jambatan dekat Kuala Sungai Melaka yang terletak di tengah-tengah bandar itu tiada berapa jauh dari Bukit Melaka. Albuquerque telah menetapkan serangan ke bandar Melaka akan dimulakan pada 2 hari bulan Julai 1511.

Pada awal subuh 25 hari bulan Julai 1511 askar-askar Portugis dengan beberapa buah perahu telah mula mendarat di tempat

tempat yang ditentukan. Perahu-perahu mereka telah dibedil dengan tembakan-tembakan meriam dari darat oleh orang Melaka. Tetapi dapat juga mereka mendarat, dan berlakulah pertempuran hebat di antara orang Portugis dengan orang Melaka. Dalam pertempuran berdekatan dengan Bukit Melaka, Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad dengan mengenderai gajah masing-masing turut sama memimpin askar baginda melawan musuh. Setelah bertempur dengan begitu hebat dan ramai askar kedua belah pihak yang terbunuh, akhirnya orang Portugis berjaya menawan jambatan dekat kuala Sungai Melaka itu dan mereka telah membuat kubu pertahanan di kedua hujung jambatan itu. Pada masa itu kelihatan banyak rumah dalam bandar Melaka yang terbakar, begitu juga dengan istana serta beberapa buah rumah dekat Bukit Melaka itu telah turut musnah.

Askar-askar Portugis yang telah menawan jambatan dan sedang membuat kubu pertahanan di hujung jambatan itu telah diserang oleh orang Melaka dengan tembakan dan lontaran lembing, tombak serta sumpitan beracun. Oleh sebab serangan yang tiada berhenti-henti itu, tambahan pula askar Portugis telah keputusan bekalan makanan, akhirnya seramai tujuh puluh orang askar Portugis telah terbunuh kecuali seorang pegawainya bernama Fernao Gomez de Lemos. Pada petang itu juga askar-askar Portugis di bandar Melaka yang masih hidup telah lari balik ke kapal mereka. Pada masa itu, orang-orang Melaka telah mula memperbaiki dan menguatkan lagi kubu pertahanan mereka, terutama yang berhampiran dengan jambatan kuala Sungai Melaka itu.

Mengenai peperangan yang disebutkan itu, hikayat *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang (Cetera 34) ada menceritakan demikian pula:

Maka Sultan Ahmad pun mengerahkan segala rakyat, menghadirkan kelengkapan perang. Maka berperanglah Feringgi dengan orang Melaka, maka dibedillah dari kapal seperti hujan datangnya dan bunyinya seperti guruh di langit, rupa kilat apinya seperti kilat di udara, bunyi istinggarnya seperti kacang direndang. Maka segala orang Melaka tiada boleh berdiri di pantai daripada kesangatan bedil Feringgi itu. Maka ghali dan fusta dilanggarkannya ke pantai maka Feringgi pun naik; maka dikeluarkan oleh orang Melaka, lalu berperang terlalu ramai. Maka Sultan Ahmad pun keluar naik gajah, Jinakji namanya, Seri Udani di kepala gajah, Tun Ali Hati di buntut gajah. Maka Makhdum (Makhdum Sadar Jahan) dibawa baginda bertimbal rangka, kerana baginda berguru kepada Makhdum ilmu tauhid.

Maka Sultan Ahmad pergilah ke jambatan mendapatkan Feringgi, terlalu banyak hulubalang mengiringkan baginda. Maka Sultan Ahmad ditempuh baginda dengan gajah, dan segala hulubalang Feringgi pun pecah berhamburan, lalu ke air; maka sekaliannya pun undur turun ke perahunya. Maka dibedilnya dari kapal dengan meriam besar-besar seperti halilintar bunyinya. Maka baginda terdiri di atas gajah baginda di hujung jambatan, khabar pun tiada baginda akan bedil yang seperti hujan itu. Maka Makhdum berperang dua-dua tangannya pada kiri kanan rangka gajah, maka kata Makhdum, "Hai Sultan, di sini bukannya tempat tauhid; mari kita kembali!" Maka Sultan Ahmad pun tersenyum. Maka baginda pun kembali ke istana baginda. Maka Feringgi berseru-seru dari kapal, katanya, "Hai orang Melaka, ingat-ingat kamu sekalian, demi Dios esok kita naik darat." Maka sahut orang Melaka "Baiklah."

Sementara itu, mengikut cerita selanjutnya: pada masa orang Melaka membaiki dan menguatkan semula kubu pertahanan mereka di bandar Melaka itu, seorang saudagar kaya di bandar Melaka bernama Ninacatu telah menghantar barang hadiah kepada Albuquerque dan berjanji akan menolong orang Portugis itu apabila mereka datang menyerang bandar Melaka. Ninacatu juga meminta perlindungan dari Albuquerque. Ninacatu telah diberikan sehelai bendera, dan diarahkan supaya memasang bendera itu di hadapan rumahnya apabila orang Portugis datang menyerang bandar Melaka, dengan itu Ninacatu dan rumahnya tidak akan dipengapakan oleh orang Portugis.

Mengikut cerita dalam hikayat *Sejarah Melayu*: pada masa orang Melaka berjaga-jaga akan serangan Portugis itu, semangaja perajurit Melaka telah digalakkan dengan membaca Hikayat Amir Hamzah yang menceritakan kegagahan dan keberanian Amir Hamzah dalam peperangan.

Selanjutnya diceritakan pula: lebih kurang dua minggu selepas itu, pada 10 hari bulan Ogos 1511 mulalah Albuquerque melancarkan serangan kali kedua ke bandar Melaka. Sebelum menjelang siang, orang Portugis itu telah membedil bandar Melaka dengan meriam-meriam besar dari kapal mereka. Dalam serangan ini, satu pasukan askar Portugis telah cuba mendarat di bahagian utara bandar Melaka. Selepas bertempur hebat dengan orang Melaka yang berjaga di situ, dapat juga mereka mendarat. Antonio de Abreu yang membawa sebuah tongkang besar lengkap dengan askar dan alat senjatanya, telah dapat merapatkan tongkang itu ke jambatan di kuala sungai Melaka, dan dari tongkang itulah orang Portugis telah

membedil dan menghalau orang Melaka yang berkubu dekat jambatan itu. Jambatan itu telah dapat ditawan oleh orang Portugis dan orang Melaka yang bertahan di situ telah berundur ke masjid berhampiran Bukit Melaka. Tiada lama selepas itu masjid itu pula ditawan oleh askar Portugis di bawah pimpinan panglima Portugis yang bernama de Lima. Sejurus kemudian askar Portugis telah bertembung lalu bertempur dengan orang Melaka yang dipimpin oleh Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad sendiri. Pasukan orang Melaka itu menggunakan 20 ekor gajah perang dan telah menyerbu pasukan askar Portugis dan berlakulah pertempuran hebat. Seekor gajah pasukan Melaka yang di hadapan sekali telah ditikam matanya oleh orang Portugis menyebabkan gajah itu mengamuk dan diikuti pula oleh gajah yang lain hingga berlakulah kekacauan hingga askar kedua belah pihak yang berperang itu lari bertempieran susup-sasap ke sana ke mari.

Apabila hari beransur gelap (malam) askar-askar Portugis mula menguatkan kubu pertahanan mereka di situ dengan meriam-meriam besar. Sepanjang malam itu bandar Melaka yang dihujani dengan tembakan meriam dari orang Portugis. Albuquerque yang mengetuai askar Portugis dekat jambatan itu sibuk pula menyelenggarakan orangnya yang cedera dan luka dalam pertempuran tadi. Lebih kurang dua puluh lapan orang askar Portugis telah terbunuh.

Dalam masa pertempuran reda, kedua-dua pihak telah berusaha menguatkan pasukan masing-masing. Pada masa itu pula Albuquerque telah menghubungi Sultan Mahmud supaya membenarkan orang Portugis mendirikan sebuah kota batu di bandar Melaka dan mengambil harta rampasan di bandar Melaka kerana kemenangan mereka. Tetapi Albuquerque tidak menerima jawapan dari Sultan Mahmud.

Dua minggu selepas itu, pada 24 hari bulan Ogos 1511 Alfonso d'Albuquerque telah membawa askarnya lengkap dengan alat senjata, pergi berjalan ke merata-rata lorong dalam bandar Melaka sambil menyerang sebarang halangan dan membunuh siapa saja yang cuba melawan mereka. Askar Portugis itu juga telah dibenarkan mengambil harta rampasan dalam bandar Melaka. Di antara harta rampasan yang telah diambil oleh pegawai dan askar Portugis dalam bandar Melaka itu termasuklah beberapa ketul bidur emas,

pasu-pasu emas, batu-batu permata, kain sutera yang bermutu tinggi, air wangi yang mahal-mahal dan kayu-kayu wangi.

Pada masa itu ada di antara pegawai Portugis yang mencadangkan supaya seluruh bandar Melaka dibinasakan sahaja dan kemudian mereka balik ke India. Tetapi cadangan itu bertentangan dengan rancangan Alfonso d'Albuquerque. Walaupun Albuquerque tidak melarang askarnya mengambil harta rampasan itu seberapa banyak yang mereka boleh dapat, tetapi Albuquerque tidak bersetuju bandar Melaka dibinasakan, kerana ia merasa bandar Melaka akan menjadi sebuah bandar perniagaan dan perdagangan yang penting kepada penjajahan Portugis di sebelah timur. Dengan itu, Albuquerque mahukan supaya bandar Melaka dibangunkan semula secepat yang boleh.

Sejak itu tiadalah lagi berlaku pertempuran di bandar Melaka. Sultan Mahmud dan puteranya Sultan Ahmad serta keluarga dan pengiring mereka telah meninggalkan bandar Melaka yang telah ditawan oleh orang Portugis itu. Sultan Ahmad telah berhenti pada suatu tempat tiada berapa jauh dari bandar Melaka bernama Bertam, manakala Sultan Mahmud di Batu Hampar. Tiada lama kemudian, setelah Bertam dan Batu Hampar diserang oleh orang Portugis, baginda telah berundur lagi hingga sampai ke Hulu Muar dan akhirnya Sultan Mahmud berkerajaan di negeri Johor, bersemayam di Pagoh dan berkota di Bentayan dalam daerah Muar.

Berkenaan dengan cerita orang Portugis yang berjaya menakluki Melaka, dalam Hikayat *Sejarah Melayu* susunan Tun Seri Lanang (Cetera 34) ada menyatakan:

Setelah hari siang, maka Peringgi pun naik ke darat. Maka Sultan Ahmad pun naik gajah, Juru Demang namanya; Seri Udani di kepala gajah, Tun Ali Hati di buntut. Maka baginda keluarlah dengan segala hulubalang, maka peranglah dengan Feringgi beramuk-amukan. Seketika perang itu, maka rakyat Feringgi pun undur daripada sangat tempuh orang Melaka. Maka tampil Alfonso d'Albuquerque dengan seribu rakyat soldadu beristinggar, menempuh pada segala orang Melaka; bunyi peluru istinggar itu seperti kacang jatuh ke bidai demikianlah. Daripada sangat tempuh anak Portugal, maka pecahlah perang orang Melaka, lalu undur. Maka tinggal Sultan Ahmad seorang berdiri di atas gajah; maka oleh Feringgi gajah Sultan Ahmad dikepungnya, di banyak-banyakinya. Maka Sultan Ahmad pun beradakkan tombak dengan Feringgi, kena tapak tangan baginda, luka sedikit. Maka oleh Sultan Ahmad digendangkannya (kedang) tangannya, maka titah baginda, "Hai anak Melayu, lihatlah tangan kita sudah

luka." Telah segala hulubalang melihat baginda luka itu, maka segala hulubalang Melayu pun tampil pula beramuk dengan Feringgi.

Adapun tatkala mula Feringgi melanggar itu, maka Tun Salehuddin minta ikat pinggangnya pada cucunya; maka diikat oleh cucunya. Seraya katanya, "Nenek, baik-baik memakai ikat pinggang Datuk Paduka Raja ini; jangan nenek bawa lari." Maka kata Tun Salehuddin, "Insya Allah Ta'ala, lihatlah olehmu." Maka ia pun pergilah keluar mengiringkan Sultan Ahmad. Telah dilihatnya tangan Sultan Ahmad luka itu, maka Tun Salehuddin pun tampil ke hadapan gajah Sultan, beradakkan tombak dengan Feringgi; maka ditikam oleh Feringgi, kena dada Tun Salehuddin terus ke belakangnya, rebah, lalu mati. Maka tengah tiga hulubalang Melaka yang pilihan mati, dan Seri Udani pun luka ari-arinya diradak Feringgi dengan tombak panjang. Maka gajah pun diderumkan, Seri Udani pun disorong, dibawa kembali ke rumahnya. Maka disuruh oleh Sultan Ahmad lihat pada tabib. Maka diduga oleh tabib, "Tiada mengapa, insya Allah Ta'ala dapat diubati. Jikalau sekerat beras juga lagi masuknya, nescaya Seri Udani mati." Maka Melaka pun alah dinaiki oleh Feringgi dari ujung balai, tiba-tiba lalu ke dalam. Maka segala orang Melaka pun larilah; maka Sultan Mahmud pun berlepas diri. Maka Bendahara ditandu orang dibawa lari, Selamat Gagah nama orang yang memandu itu; maka Feringgi pun datang berturut-turut; maka kata Bendahara pun Selamat Gagah, "Balik, balik; langgarkan aku pada Feringgi." Maka tiada diberi oleh segala anak cucunya. Maka kata Bendahara, "Ceh, cabarnya segala orang muda-muda ini. Apa dayaku telah tepok! Jikalau aku lagi baik, matilah aku dengan Melaka ini."

Maka Sultan Ahmad pun undur ke Hulu Muar. Maka baginda diam di Pagoh, dan Sultan Mahmud diam di Batu Hampar; maka Sultan Ahmad berkota di Bentayan. Maka Feringgi pun diamlah di Melaka, maka pagar ruyung istana dibuatnya kota.

Setelah lebih kurang lima bulan Alfonso d'Albuquerque berada di bandar Melaka mengaturkan pemerintahan Portugis di situ, dalam bulan Januari 1512, setelah siap mendirikan sebuah kota batu di bandar Melaka (dipanggil *La Famosa*), Alfonso d'Albuquerque pun meninggalkan Melaka balik ke Goa.



3

SULTAN MAHMUD MENENTANG PENJAJAHAN PORTUGIS (1511-1528)

Setelah angkatan Portugis yang diketuai oleh Alfonso d'Albuquerque berjaya menawan bandar Melaka dari Raja Melayu pada pertengahan bulan Ogos 1511, Sultan Mahmud serta puteranya bernama Sultan Ahmad telah meninggalkan bandar Melaka bersama dengan pengiring baginda.

Sultan Ahmad serta pengikut baginda telah berhenti pada suatu tempat di tepi Sungai Melaka bernama Bertam tiada berapa jauh di hulu dari bandar Melaka.

Sultan Mahmud bersama pengiringnya pula berundur ke hulu lagi lalu berhenti di tempat yang bernama Batu Hampar, tiada jauh dari Tabuh Naning sekarang ini.

Sultan Ahmad berpendapat apabila selesai orang Portugis melakukan rampasan barang dan harta benda di bandar Melaka itu, mereka akan keluar meninggalkan bandar Melaka dan pada masa itulah baginda dan pengiringnya berangkat balik ke bandar Melaka.

Tetapi apabila Sultan Ahmad mendapati orang Portugis tiada meninggalkan bandar Melaka, bahkan telah mula pula membangunkan kota batu di bandar itu, maka Sultan Ahmad dan orang baginda pun membuat tempat kediaman dan mendirikan kubu di Bertam. Di sungai Melaka sebelah hilir dekat kampung Bertam itu, dipasang ranjau kayu dan buluh merintangi sungai untuk menghalang perahu dari hilir yang hendak datang ke Bertam.

Apabila Alfonso d'Albuquerque yang berada di bandar Melaka mendapat tahu bahawa raja-raja Melayu Melaka itu telah membuat penempatan di pedalaman bandar Melaka dan telah membuat kubu beranjau di Bertam, maka dalam bulan September 1511 itu juga, Albuquerque pun menghantar pasukannya pergi menyerang orang Melayu di Bertam. Sultan Ahmad dan pengikutnya telah memberikan tentangan yang hebat juga, tetapi akhirnya telah dikalahkan oleh orang Portugis. Pasukan Melaka itu telah berundur meninggal-

kan Bertam menuju ke hulu lagi, manakala askar Portugis balik ke bandar Melaka.

Sultan Ahmad telah bersatu dengan pasukan ayahandanya Sultan Mahmud di Batu Hampar, dan angkatan Melaka itu telah berangkat ke hulu lagi sampai ke Hulu Muar. Dari situ mereka menghilir Sungai Muar hingga sampai ke daerah Muar dalam negeri Johor dan kemudian membuat tempat kediaman dan berkerajaan pada suatu tempat di tepi Sungai Muar bernama Pagoh. Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad telah mendirikan sebuah kubu atau kota pada suatu tempat di tepi Sungai Muar yang berhampiran dengan kuala Sungai Muar bernama Bentayan. Angkatan Melaka ini telah mula bersiap untuk menyerang Portugis di bandar Melaka.

Semasa Sultan Mahmud berada di daerah Muar itu, baginda sering berutus surat secara rahsia dengan seorang yang bernama Timutu Raja atau Utimuti Raja di bandar Melaka. Sultan Mahmud telah diberitahu bahawa kekuatan perang orang Portugis yang ada di bandar Melaka itu tidaklah berapa kuat, dan Timutu Raja mengajak Sultan Mahmud membawa angkatannya menyerang orang Portugis, dan Timutu Raja menyatakan ia akan membantu Sultan Mahmud.

Perang Pagoh I

Oleh sebab Alfonso d'Albuquerque khuatir terhadap ancaman Sultan Mahmud dan orang-orangnya yang ada di daerah Muar itu, maka pada akhir tahun 1511 Albuquerque telah menghantar angkatan perangnya mengandungi seramai 400 orang askar Portugis, dan askar upahan terdiri daripada 600 orang askar Jawa dan 300 orang askar Pegu (Burma) pergi menyerang Kuala Muar kemudian ke Pagoh. Di Pagoh telah berlaku pertempuran hebat di antara pihak Portugis dengan orang Melayu pengikut Sultan Mahmud dan itulah perang yang pertama kali berlaku di Pagoh di antara orang Melayu dengan orang Portugis. Dalam pertempuran itu, Sultan Mahmud telah dikalahkan dan baginda berundur dari Pagoh dan telah meninggalkan beberapa buah kereta kenderaan serta beberapa ekor gajah kepunyaan baginda di Muar. Baginda pergi ke Hulu Muar kemudian ke negeri Pahang.

Dalam hikayat *Sejarah Melayu* (Cetera 34) ada menyebutkan dalam peperangan melawan Portugis di Pagoh itu, Sang Setia hulubalang gagah Sultan Mahmud mati terbunuh. Sultan Mahmud

serta pengikut baginda telah berundur meninggalkan Pagoh; dan Bendahara Tepoh (Bendahara Melaka yang akhir) ditandu orang dibawa sama berundur meninggalkan Pagoh. Dalam masa berundur itu, sampai di tempat yang bernama Lubuk Batu (dalam daerah Segamat sekarang), Bendahara Tepoh meninggal dunia, dan telah dikebumikan di situ juga, Bendahara itulah yang disebut orang juga "Bendahara Lubuk Batu." Sultan Mahmud dan angkataannya terus undur ke hulu lagi lalu sampai ke tempat yang bernama Penarekan, lalu keluar dari hulu Sungai Muar, masuk ke Sungai Serting, menghilir sungai itu lalu sampai ke Sungai Bera, menghilir Sungai Pahang dan sampai di Pahang (Pekan sekarang). Tiada berapa lama di Pahang, Sultan Mahmud pun berangkat ke Pulau Bentan. (Lihat: *Sejarah Pahang*).

Mengikut pendapat beberapa orang ahli sejarah zaman ini mengatakan: semasa Sultan Mahmud berangkat meninggalkan Pagoh setelah dialahkan oleh orang Portugis itu, boleh jadi putera baginda Sultan Ahmad serta beberapa orang pengikutnya masih tinggal di daerah Muar, atau mungkin juga kalau Sultan Ahmad pergi ke Pahang bersama-sama ayahnya Sultan Mahmud, dari Pahang Sultan Ahmad balik semula ke daerah Muar. Pada masa itu Sultan Ahmad meneruskan perhubungan sulit dengan Timutu Raja di Melaka, iaitu pada akhir tahun 1511.

Dalam bulan Disember 1511 itu juga, Alfonso d'Albuquerque telah mendapat tahu bahawa Timutu Raja ada membuat perhubungan secara sulit dengan Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad di Muar. Albuquerque telah menangkap Timutu Raja dan dihukum bunuh iaitu pada 27 hari bulan Disember 1511.

Dalam bulan Januari 1512, Alfonso d'Albuquerque telah balik ke Goa iaitu setelah siap didirikan *Kota Melaka* yang dibina daripada batu.

Perang Pagoh II

Mengikut riwayat seorang pegawai Portugis bernama Fernao Peres de Andrade: dalam bulan Jun 1512, Sultan Mahmud serta pengikutnya telah berangkat melalui jalan laut datang ke daerah Muar lalu bersemayam semula di Pagoh dan berkota di Bentayan.

Sungguhpun tiada didapati keterangan yang tepat di manakah jalan yang telah dilalui semasa balik ke daerah Muar itu, tetapi

dipercayai baginda telah bertolak dari Pahang pergi ke Bentan, dan setelah mengumpulkan orang serta kelengkapan di Bentan, baharulah baginda datang semula ke daerah Muar iaitu pada pertengahan tahun 1512. Dalam hikayat *Sejarah Melayu* hanya mengatakan: dari Pahang baginda pergi ke Bentan, tetapi tidak pula mengatakan baginda datang semula ke Pagoh.

Sekembalinya Sultan Mahmud ke daerah Muar, Pagoh dan Bentayan berada semula dalam perintah baginda.

Mengikut riwayat Portugis: dalam bulan Julai 1512 itu juga, Sultan Mahmud telah menghantar angkatan perang diketuai oleh Laksamana Hang Nadim menuju ke bandar Melaka.

Angkatan Laksamana Hang Nadim itu telah bertempur dengan angkatan Portugis yang diketuai oleh Fernao Peres de Andrade, pertempuran itu telah berlaku tidak jauh di utara Kuala Muar, dan akhirnya angkatan Laksamana Hang Nadim telah dikalahkan oleh angkatan Portugis, dan Hang Nadim balik ke Muar. Mengikut riwayat seorang ahli sejarah Portugis bernama Castan Heda, mengatakan: dalam bulan Julai atau Ogos 1512 itu juga, angkatan Portugis yang diketuai oleh Fernao Peres de Andrade telah menyerang Pagoh, dan itulah serangan Portugis yang kedua ke Pagoh. Sultan Mahmud telah berundur meninggalkan daerah Muar.

Dalam bulan Januari 1513, Sultan Mahmud telah berada semula di Bentan dan baginda bersemayam di tempat yang bernama Kopak. Dari tahun 1513 hingga tahun 1519 Sultan Mahmud bersemayam di Pulau Bentan.

Kisah selanjutnya mengenai Sultan Mahmud semasa di Bentan (1513-1519), bolehlah diketahui dalam hikayat *Sejarah Melayu*. Antara lain ceritanya ialah: pada masa itulah putera baginda daripada isteri baginda puteri Kelantan (Onang Kening) yang bernama Raja Muzaffar dikahwinkan dengan anak tiri baginda yang bernama Tun Terang, iaitu anak Tun Fatimah dengan suaminya yang pertama di Melaka (Tun Ali). Tun Fatimah isteri Sultan Mahmud itu berputerakan Raja Alauddin yang dijadikan Bakal Sultan bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah II. Pada masa di Bentan itu juga Sultan Ahmad putera Sultan Mahmud mangkat.

Pada masa itu, sungguhpun Sultan Mahmud bersemayam di Pulau Bentan, tetapi daerah Kuala Muar, Pagoh, Kuala Selangor, Beruas, Lingga dan Inderagiri masih bertuankan Sultan Mahmud.

Di antara tahun 1516-1518, pada masa Sultan Mahmud bersemayam di Bentan, baginda telah menghantar beberapa buah perahu perang pergi ke Kuala Muar menyekat perahu yang membawa barang makanan hendak pergi ke Melaka. Pada masa itu orang Portugis di bandar Melaka telah kekurangan makanan dan terpaksa-lah mereka membeli makanan dari negeri lain terutama dari negeri Burma.

Pada masa itulah pula Sultan Mahmud telah menghantar angkatan perahu perang diketuai oleh Laksamana Hang Nadim pergi lagi menyerang orang Portugis di bandar Melaka. Angkatan Laksamana Hang Nadim itu telah bertempur dengan angkatan Portugis yang diketuai oleh Goncalo Pereira di laut dekat Pulau Melaka tiada berapa jauh dari bandar Melaka (Pulau Melaka itu sekarang disebut Pulau Jawa yang terletak berhampiran dengan pelabuhan Melaka). Pertempuran askar Laksamana Hang Nadim dengan askar Portugis itu telah melarat sampai ke tempat yang bernama Punggur iaitu sebatang sungai kecil kira-kira empat batu lagi hendak sampai ke bandar Melaka. Tetapi Laksamana Hang Nadim tiada dapat mengalahkan orang Portugis di bandar Melaka, lalu Hang Nadim balik semula ke Bentan.

Perang Pagoh III

Pada tahun 1519 Sultan Mahmud serta pengikut baginda dari Pulau Bentan telah datang semula ke daerah Muar dan menguatkan kubu dan kelengkapan perang di Pagoh dan Kuala Muar dan merancang untuk menyerang orang Portugis di bandar Melaka.

Apabila orang Portugis di bandar Melaka mengetahui bahawa Sultan Mahmud dan pengikutnya telah datang semula ke Pagoh dan Kuala Muar, maka pihak Portugis telah menghantar angkatan perang yang diketuai oleh Duarte de Millo pergi menyerang Pagoh. Angkatan Portugis itu telah memudiki Sungai Muar dan telah diserang oleh orang Melayu di Pagoh, dan mengundurkan askar Portugis itu balik ke Melaka.

Selepas itu, Sultan Mahmud telah beberapa kali pula menghantar angkatan perang melalui laut dan darat, pergi ke Melaka menyerang orang Portugis tetapi angkatan Sultan Mahmud tidak juga berjaya mengalahkan Portugis. Dalam pada itu juga, bandar Melaka telah semakin bertambah sukar untuk mendapatkan be-

kalan barang makanan dari luar. Dalam bulan Mei 1519 dan bulan Jun 1520, pihak Portugis telah terpaksa menghantar pegawainya yang bernama Antonio Correa pergi ke negeri Burma untuk membeli bekalan makanan.

Perang Pagoh IV

Disebabkan oleh ancaman dari pihak Sultan Mahmud yang bersemayam di Pagoh itu, maka pada tahun 1520, ketua orang Portugis di bandar Melaka yang bernama Garcia de Sa telah menghantar angkatan perang mengandungi 500 orang askar (daripada jumlah itu termasuklah 150 orang askar Portugis) diketuai oleh Antonio Correa pergi menyerang orang Melayu di Pagoh. Peperangan ini dipanggil Perang Pagoh IV. Dalam pertempuran itu kedua belah pihak telah banyak menanggung kerugian, dan ramai pula askar yang mati. Akhirnya Pagoh kalah.

Walaupun Sultan Mahmud telah menerima kekalahan yang teruk, tetapi Sultan Mahmud masih terus berazam untuk memerangi orang Portugis itu. Pada tahun 1521, semasa baginda masih berada di Pulau Bentan, baginda telah menghantar satu lagi angkatan perang yang diketuai oleh Paduka Tuan (Tun Isap Berakah) dan menantu baginda yang bernama Sultan Abdul Jalil (Raja Nara Singa, Inderagiri) pergi menyerang orang Portugis di bandar Melaka. Tun Mahmud (anak Paduka Tuan Tun Isap Berakah) yang pada masa itu memerintah di Kuala Selangor, dan Laksamana Hang Nadim turut sama pergi menyerang bandar Melaka.

Peperangan di antara orang Melayu dengan orang Portugis pada kali ini telah berlaku di laut dan di darat Melaka. Angkatan perang orang Melayu yang datang ke bandar Melaka kali ini, telah menyerang hingga sampai ke Kota Melaka. Seekor gajah Sultan Mahmud yang ditinggalkan di Muar telah dibawa pergi menyerang Kota Melaka itu. Tetapi oleh sebab Paduka Tuan dengan Sultan Abdul Jalil (Raja Nara Singa) yang mengetuai angkatan Sultan Mahmud itu tidak bersepakat menjalankan muslihat mereka dalam serangan itu, akhirnya Sultan Mahmud memerintahkan angkatan itu balik semula ke Bentan, dan dengan itu tidak berjaya mengalahkan bandar Melaka. Mengenai kisah orang Melayu yang diketuai oleh Paduka Tuan dan Sultan Abdul Jalil (Raja Nara Singa) menyerang Melaka yang disebutkan di atas itu, boleh didapati

ceritanya yang lanjut dalam hikayat *Sejarah Melayu* (Dari Simpanan Perpustakaan Raffles Naskhah No. 18).

Portugis menyerang Bentan

Pada tahun 1521, George d'Albuquerque panglima perang Portugis di Melaka telah membawa angkatan perang Portugis mengandungi 18 buah kapal dengan 600 orang askar datang menyerang Pulau Bentan. Pada masa itu di Pulau Bentan cuma ada dua buah kubu pertahanan orang Melayu yang kuat, yang di tepi laut disebut Kota Kara manakala di darat, di tempat Sultan Mahmud bersemayam, disebut Kopak. Askar Portugis yang dibawa oleh George d'Albuquerque itu telah ditentang hebat oleh orang Melayu Bentan yang dibantu juga oleh orang Melayu dari kawasan lain, dan akhirnya askar Portugis itu telah diundurkan oleh orang Melayu, dan balik semula ke Melaka dengan kekalahan.

Dua tahun selepas itu, pada tahun 1523, angkatan Portugis telah datang sekali lagi dengan 200 buah kapal yang diketuai oleh Don Sancho Enriquez menyerang Pulau Bentan. Dalam pertempuran dengan angkatan Sultan Mahmud di Bentan itu, tujuh buah daripada kapal orang Portugis itu telah ditenggelamkan dan bakinya telah berjaya diundurkan, dengan itu angkatan Portugis tidak berjaya mengalahkan Bentan. Dalam tahun 1524, angkatan Portugis datang lagi menyerang Bentan, itu pun tidak juga berjaya sebaliknya orang Portugis telah kehilangan nyawa dan harta benda yang bukan sedikit, mereka pun balik semula ke Melaka.

Walaupun telah beberapa kali Portugis gagal mengalahkan orang Melayu di Bentan, tetapi mereka tidak berputus asa malah terus bersedia dan melengkapkan angkatan perang di bandar Melaka dan akan mencuba lagi menyerang Bentan. Pegawai tertinggi Portugis itu berpendapat, selagi Sultan Mahmud masih berkuasaan, selagi itulah orang Portugis di Nusantara amnya dan di Melaka khasnya tidak akan senang.

Di awal bulan Oktober 1526, satu angkatan perang Portugis yang mendapat bantuan dari Goa telah belayar menuju ke Bentan. Angkatan ini mengandungi 25 buah kapal besar berserta dengan 500 orang askar Portugis dan 600 orang askar Melayu yang telah dipujuk dan diupah oleh orang Portugis. Angkatan Portugis ini diketuai oleh panglima perangnya bernama Pedro Mascarenhaas.

Pada 23 hari bulan Oktober 1526 angkatan perang Portugis itu telah menyerang dan membinasakan bandar Bengkalis daerah takluk Sultan Mahmud di pantai timur Sumatera. Kemudian angkatan Portugis itu telah menyerang dan membakar rumah orang Melayu di Pulau Bulang. Dari situ mereka menuju arah ke Pulau Bentan untuk membinasakan pusat pemerintahan Sultan Mahmud.

Sebelum angkatan Portugis itu sampai ke Pulau Bentan, Sultan Mahmud yang telah pun mengetahui kedatangan angkatan Portugis itu telah mengerahkan orang-orang baginda di seluruh Bentan supaya bersiap sedia. Kubu pertahanan di Kota Kara telah diperkuatkan lagi dengan bedil dan meriam serta pengawal yang terdiri daripada hulubalang yang gagah berani termasuk Laksamana Hang Nadim dan Sang Setia. Begitu juga dengan kubu pertahanan di Kopak telah juga ditambah kekuatannya.

Angkatan perang Portugis yang telah sampai di Pulau Bentan itu telah bertempur dengan askar Melayu di Kota Kara. Dalam pertempuran di Kota Kara itu, Sang Setia telah mati sebagai pahlawan dan Hang Nadim cedera, akhirnya Kota Kara pun kalah, dan askar Portugis itu pula telah bersiap sedia hendak menyerang Kopak.

Sebelum askar Portugis itu sampai ke Kopak, dengan desakan kuat dan nasihat dari orang-orang besarnya, Sultan Mahmud telah meninggalkan Kopak dan pergi ke tepi laut untuk meninggalkan Pulau Bentan. Tiada lama selepas itu angkatan Portugis telah sampai di Kopak dan telah melakukan rampasan dan perbuatan yang zalim sehinggakan orang Melayu yang ada di Kopak lari bertempiran ke sana ke sini. Bentan pun kalah.

Sultan Mahmud serta Bendahara Paduka Raja Tun Khoja Ahmad dan orang-orang besar baginda yang lain serta sebilangan besar pengikut baginda, telah meninggalkan Bentan pergi ke negeri Kampar di Pulau Sumatera dan baginda sekeluarga telah bersemayam di istana bekas istana saudara baginda almarhum Sultan Munawar Shah, Raja Kampar.

Sejak itu tiadalah lagi Sultan Mahmud menghantar angkatan menyerang orang Portugis di Melaka, dan tiada lama selepas itu, pada tahun 1528, Sultan Mahmud pun mangkat di Kampar dan bagindalah yang disebut *Marhum Kampar*. Semoga semangat penen-

tangan almarhum itu terhadap penjajahan bangsa asing di tanahair sendiri akan menjadi kenangan megah dan abadi kepada bangsa Melayu di sepanjang abad.



4

**SULTAN ALAUDDIN
RIAYAT SHAH II MENENTANG
PORTUGIS (1528-1564)**

Setelah Sultan Mahmud Shah mangkat di negeri Kampar pada tahun 1528, putera almarhum dengan Tun Fatimah yang bernama Raja Alauddin (atau Raja Ali) dilantik menjadi Sultan bagi kerajaan Johor bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah III.

Tidak lama setelah dilantik menjadi Sultan itu, kira-kira pada tahun 1529, Sultan Alauddin Riayat Syah, dalam satu angkatan diraja, bersama dengan Bendahara Paduka Tuan (Tun Isap Berakah) dan orang-orang besar baginda yang lain bertolak meninggalkan negeri Kampar menuju ke negeri Pahang. Setibanya di Pahang baginda telah disambut dengan penuh kemuliaan oleh Sultan Mahmud, Sultan Pahang yang kelima.

Belum pun berapa lama Sultan Alauddin berada di negeri Pahang, baginda telah berkahwin dengan seorang keluarga (saudara) Sultan Pahang. Ada pun Sultan Mahmud, Sultan Pahang itu, saudara sepupu dan juga menantu kepada Marhum Kampar, Sultan Mahmud Pahang telah beristerikan Raja Hatijah puteri Marhum Kampar.

Kemudian Sultan Alauddin II telah berkahwin pula dengan Puteri Kesukma Dewi anak almarhum Sultan Mansur Shah bekas Sultan Pahang yang keempat. Sultan Mansur Shah itu telah mangkat pada tahun 1519. Kakak Puteri Kesukma Dewi itu bernama Puteri Puspa Dewi telah bersuamikan Raja Ahmad yang berasal dari Trengganu dan telah datang ke Pahang semasa almarhum Sultan Mansur Shah masih hidup lagi. Raja Ahmad dengan isterinya Puteri Puspa Dewi mendapat seorang anak lelaki dinamakan Raja Umar. Mengikut cerita dalam hikayat *Sejarah Melayu*: Sultan Alauddin Riayat Shah II dengan isteri baginda Puteri Kesukma Dewi berputerakan Muzaffar dan Raja Fatimah.

Tiada lama bersemayam di Pahang, Sultan Alauddin pun membawa isteri-isteri dan pengikut baginda meninggalkan negeri Pahang pergi ke Hujung Tanah (Johor) kemudian berkerajaan dan

bersemayam pada suatu tempat di tepi Sungai Johor sebelah hulu, dan tempat itu dinamakan Pekan Tua terletak tiada berapa jauh di hilir daripada kuala Sungai Sayung. Di sebelah hilir daripada Pekan Tua itu, di tepi Sungai Johor juga, di hulu daripada kuala Sungai Telur (cabang Sungai Johor) baginda mendirikan sebuah kubu atau kota disebut Kota Kara yakni kota di sebelah hadapan (hilir) yang mempertahankan Pekan Tua daripada serangan musuh yang datang dari hilir Sungai Johor.

Setelah lebih kurang empat tahun lamanya Sultan Alauddin berkerajaan di negeri Johor (Pekan Tua), pada tahun 1533, di masa Garcia de Sa menjadi ketua orang Portugis memerintah di bandar Melaka, ada seorang orang besar Melayu bergelar Sang Naya telah berkahwin di Melaka dan tinggal di bandar Melaka juga.

Pada masa itu masih ramai orang Melayu yang tinggal di bandar Melaka. Sang Naya telah membuat pakatan sulit dengan orang Melayu di Melaka dan telah mengumpulkan alat senjata untuk memberontak dan menghapuskan orang Portugis di Melaka. Sang Naya telah merancang untuk bertindak tatkala orang Portugis hendak masuk sembahyang ke gereja, pada masa itulah orang Melayu akan mengamuk, kerana ketika itu orang Portugis tidak ada membawa senjata semasa pergi ke gereja.

Tetapi sebelum rancangan itu dapat dijalankan, Garcia de Sa telah mendapat tahu mengenai rancangan itu, lalu Sang Naya pun ditangkap. Sang Naya telah dibawa oleh orang Portugis naik ke atas menara tinggi dalam Kota Melaka, dan dari puncak menara itulah Sang Naya telah ditolak ke bawah. Begitulah caranya orang Portugis membunuh Sang Naya.

Apabila berita kematian Sang Naya itu sampai kepada Sultan Alauddin di Pekan Tua dan setelah diketahui bagaimana ianya dibunuh, maka Sultan Alauddin sangat murka di atas perbuatan orang Portugis itu tetapi malangnya pada masa itu baginda belum dapat bertindak terhadap orang Portugis.

Sementara itu seorang pegawai Portugis bernama Estevao da Gama (anak Vasco da Gama) telah sampai di bandar Melaka memegang jawatan sebagai ketua di Kota Melaka.

Berikutan dari peristiwa tersebut, Estevao da Gama telah menghantar seorang pegawainya ke Pekan Tua untuk memberitahu Sultan Alauddin mengenai kematian Sang Naya dan sebab-sebabnya

Sang Naya dibunuh oleh orang Portugis.

Apabila utusan Portugis itu sampai di Pekan Tua, Sultan Alauddin telah mengarahkan supaya utusan Portugis itu ditangkap, dan kemudian disuruh memanjat sebatang pokok yang tinggi, dan dari atas pokok itulah utusan Portugis itu ditolak ke bawah. Kematian utusan Portugis itu adalah sebagai membalas tindakan orang Portugis yang telah membunuh Sang Naya di Melaka dulu.

Apabila Estevao da Gama mendapat tahu mengenai utusannya yang pergi ke negeri Johor itu telah dibunuh oleh orang Johor, maka ia pun marah kepada Sultan Johor dan bertekad untuk bertindak balas.

Dalam bulan Jun 1535, satu angkatan perang Portugis dari Melaka mengandungi dua buah kapal besar serta beberapa buah perahu kecil membawa 400 orang askar yang diketuai oleh Estevao da Gama sendiri telah datang menyerang negeri Johor.

Angkatan perang Portugis itu telah memudiki Sungai Johor dan dalam perjalanan itu telah membedil kampung-kampung orang Melayu di tepi Sungai Johor. Oleh kerana sungainya kecil, dua buah kapal besar angkatan Portugis itu telah ditinggalkan di bahagian yang agak lebar dan dengan menggunakan perahu kecil, askar Portugis itu mudik lagi lalu sampai ke Kota Kara, dan berlakulah pertempuran hebat di antara askar Portugis dengan askar Melayu yang bertahan di Kota Kara. Oleh sebab tiada tertahan akan tembakan bedil dan meriam dari angkatan Portugis itu, askar-askar yang berada di Kota Kara itu pun berundur. Sebelum askar Portugis sampai ke Pekan Tua, dengan nasihat Bendahara Paduka Tuan, Sultan Alauddin serta orang-orang besar dan pengikut baginda pun meninggalkan Pekan Tua, mudik ke hulu lagi dan sampai di tempat yang bernama Sayung dan membuat tempat kediaman di situ. (Sayung terletak tiada berapa jauh dari kuala Sungai Sayung, di tepi Sungai Johor juga).

Setelah mengalahkan Kota Kara, askar-askar Portugis tidak terus mudik ke hulu mengejar orang Melayu itu kerana mereka tahu bahawa Sungai Johor itu semakin bertambah sempit, dan pada suatu bahagian yang sempit di sebelah hulu itu orang-orang Melayu telah membuat ranjau untuk menghalang perahu-perahu datang ke situ. Oleh itu Estevao da Gama pun membawa angkatannya balik ke

Melaka. Sementara itu, Sultan Alauddin terus bersemayam di Sayung.

Tiada berapa lama Sultan Alauddin bersemayam di Sayung, Penghulu Bendahari baginda Tun Hamzah Seri Nara Diraja (anak Seri Nara Diraja Tun Ali, Melaka) telah meninggal dunia di Sayung dan dikebumikan di Sayung, almarhum itulah yang disebut *Datuk Nisan Besar*.

Semasa Sultan Alauddin bersemayam di Sayung itu juga, Sultan Pahang iaitu Sultan Muzaffar Shah (Sultan Pahang yang keenam) ada berangkat datang ke Sayung menghadap Sultan Alauddin.

Selepas Estevao da Gama menyerang negeri Johor (1535), orang-orang Melayu telah semakin mengganas terhadap orang Portugis. Kapal-kapal Portugis dan kapal bangsa lain yang hendak berniaga ke bandar Melaka apabila lalu di perairan negeri Johor, telah diserang dan perkara itu telah menimbulkan kebimbangan kepada pegawai-pegawai Portugis di bandar Melaka.

Pada suatu masa, ada rombongan orang Portugis di Muar dan mereka ini telah cuba mengganggu dan berlaku kasar kepada orang Melayu. Orang Portugis itu telah diserang oleh orang Melayu. Semua orang Portugis itu telah dibunuh termasuk Paulo da Gama (anak Estevao da Gama) yang mengetuai rombongan itu serta 30 orang Portugis lainnya.

Oleh sebab itu, pada tahun 1536, sekali lagi Estevao da Gama membawa angkatan perangnya dari bandar Melaka mengandungi beberapa buah kapal perang serta beratus-ratus orang askar Portugis dan juga orang Melayu yang dapat dipujuk dan diupah, datang menyerang ke negeri Johor.

Angkatan perang Estevao da Gama itu telah memudiki Sungai Johor sambil membedil tempat kediaman orang Melayu di tepi Sungai Johor lalu sampai di Kota Kara. Di Kota Kara telah berlaku pertempuran di antara askar Portugis dengan askar Melayu yang berkubu di Kota Kara. Oleh sebab angkatan Portugis yang datang kali ini lebih besar dan lebih lengkap alat senjatanya dari angkatan yang datang pada tahun 1535 dulu, maka mereka telah berjaya membunuh ramai orang Melayu. Memandangkan keadaan tersebut, Sultan Alauddin pun menghantar utusan pergi berjumpa ketua angkatan Portugis itu untuk membuat perdamaian. Rancangan ini telah dipersetujui oleh ketua Portugis. Kemudian Estevao da Gama

pun membawa angkatan perangnya balik ke Melaka.

Kira-kira di antara tahun 1540-1545, Sultan Alauddin Riayat Shah II telah membuat tempat bersemayam dan pusat pemerintahan bagi negeri Johor itu di Johor Lama dan ke hilir sedikit dari Johor Lama itu, pada sebuah tanjung yang disebut Tanjung Batu, baginda telah mendirikan sebuah kota batu yang sangat kukuh, dan kota itu disebut Kota Batu, yang terletak di tepi sungai Johor juga.

Enam tahun kemudian, dalam bulan Jun 1551, Sultan Alauddin II dengan bantuan perahu dan askar dari negeri Perak, Pahang dan Japara (di Tanah Jawa), baginda telah dapat mengumpulkan angkatan perang mengandungi 200 buah perahu perang serta 5,000 orang perajurit perang, lalu pergi menyerang Portugis di bandar Melaka.

Angkatan perang Johor itu telah membakar beberapa buah perahu di pelabuhan Melaka, menyerang kampung di sekitar bandar Melaka dan merampas barang bekalan yang ada di kampung itu, dan akhirnya mengepung Kota Melaka yang besar dan kukuh itu.

Dalam satu serangan secara besar-besaran yang telah dilakukan oleh angkatan Johor untuk merampas Kota Melaka itu, lebih kurang 800 orang askar Johor telah terkorban, kerana serangan balas dari orang Portugis dari atas tembok Kota Melaka dengan ketulan-ketulan kayu, bahan letupan dan tembakan senapang.

Angkatan perang Johor itu telah terus mengepung di sekeliling Kota Melaka untuk melumpuhkan orang Portugis yang ada di dalamnya dengan menyekat bekalan makanan yang datang dari luar.

Tiga bulan lamanya angkatan perang Johor itu mengepung Kota Melaka. Akhirnya, apabila mereka dapat tahu ada angkatan perang Portugis yang besar telah datang hendak menyerang negeri Johor, Perak dan Pahang, maka berhentilah askar Johor dan pembantunya mengepung Kota Melaka lalu balik ke negeri masing-masing untuk menghadapi serangan Portugis itu. Hanya orang Jawa (Japara) sahaja yang tinggal meneruskan pengepungan ke atas Kota Melaka. Tetapi akhirnya orang Jawa itu juga terpaksa meninggalkan Melaka, kerana mereka telah dikalahkan oleh orang Portugis.

Sejak itu, tiadalah lagi Sultan Alauddin menghantar askar menyerang orang Portugis di Melaka. Tiga belas tahun kemudian kerana Johor telah bermusuhan dengan kerajaan Aceh, pada tahun 1564, Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahhar, Sultan Aceh

PERJUANGAN ORANG MELAYU MENENTANG PENJAJAHAN

(memerintah di Aceh dari tahun 1537-1568), telah menghantar angkatan perangnya yang besar menyerang dan mengalahkan negeri Johor. Sultan Alauddin Riayat Shah II, serta keluarganya dan beberapa orang besar baginda telah ditawan dan dibawa ke negeri Aceh. Sultan Johor telah mangkat dibunuh di negeri Aceh, bagindalah yang disebut *Marhum Syahid Mangkat di Aceh*.

SULTAN ALI JALLA ABDUL JALIL SHAH II MELAWAN PORTUGIS (1586-1587, 1589)

Pada tahun 1570/71, Raja Umar yang berasal dari negeri Pahang (putera Raja Ahmad dengan puteri Puspa Dewi), suami Raja Fatimah puteri almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah II, telah dilantik (di Selayut) menjadi Sultan Johor bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Shah II. Baginda telah melantik Tun Seri Lanang menjadi Bendahara Johor bergelar Bendahara Paduka Raja.

Pada tahun 1573, Sultan Ali Jalla serta orang-orang besar baginda telah berpindah dan membuat pusat pemerintahan bagi negeri Johor di Johor Lama, dan Kota Batu di Tanjung Batu dekat Johor Lama yang telah ditinggalkan sekian lama itu pun dibaiki, dikukuhkan lagi serta dilengkapi dengan alat senjata.

Oleh sebab Sultan Ali Jalla bersahabat dengan kerajaan Aceh dan berbaik-baik pula dengan orang Jawa yang dimusuhi oleh orang Portugis, pada tahun 1576, iaitu baru tiga tahun baginda bersemayam di Johor Lama, satu angkatan perang Portugis dari bandar Melaka telah datang menyerang negeri Johor, dan askar Portugis itu telah bertempur dengan askar Johor yang berkubu di Kota Batu. Dalam pertempuran itu, angkatan Portugis telah dikalahkan dan balik semula ke bandar Melaka.

Oleh sebab tidak berpuas hati dengan kekalahan itu, dua tahun selepas itu, pada tahun 1578, angkatan perang Portugis datang lagi menyerang Kota Batu (Johor Lama). Serangan Portugis pada kali ini juga dapat dipatahkan oleh orang Johor dan Portugis pun berundur ke Melaka.

Pada masa itu persahabatan di antara kerajaan Johor dengan kerajaan Aceh semakin bertambah baik. Kapal orang Aceh bebas datang ke Johor. Manakala kapal Portugis dan kapal bangsa lain yang hendak pergi berdagang ke Melaka, selalu sahaja diserang oleh orang Johor dan orang Aceh.

Pada tahun 1582, pada masa Sultan Alauddin Mansur Shah (berasal dari Perak) memerintah di negeri Aceh (1577-1585) kerajaan Johor tiada berbaik dengan kerajaan Aceh kerana Sultan Aceh itu hendakkan Johor masuk ke bawah perintah Aceh, tetapi Sultan Johor tidak mahu Johor takluk ke Aceh. Pada masa itu Sultan Johor telah bersahabat pula dengan orang Portugis.

Persahabatan di antara Sultan Ali Jalla dengan orang Portugis itu tidak lama kemudiannya telah putus disebabkan oleh suatu peristiwa yang telah berlaku dalam tahun 1585.

Pada tahun 1585, semasa Joao da Silva menjadi ketua pemerintah Portugis di bandar Melaka, dan Manoel de Almada menjadi ketua pemerintah angkatan laut Portugis di perairan negeri-negeri Melayu, Manoel de Almada telah menahan sebuah kapal yang penuh bermuat timah dekat Tanjung Tuan (Cape Rachado) dan didapati nakhoda kapal itu ialah seorang bangsa Melayu berasal dari Aceh yang telah bertahun-tahun tinggal di negeri Johor dan telah menjadi rakyat Sultan Johor. Kapal itu telah dibawa ke Melaka. Orang Portugis telah merampas semua muatan yang ada dalam kapal itu, dan untuk menyembunyikan rahsia itu, semua orang Melayu anak kapal itu termasuk nakhodanya telah dibunuh iaitu dengan dibenamkan ke dalam laut.

Walaupun demikian, rahsia perbuatan jahat orang Portugis itu bocor juga dan beritanya sampai kepada Sultan Ali Jalla di negeri Johor.

Sultan Johor telah menghantar bantahan kepada ketua Portugis di bandar Melaka berhubung dengan perbuatan orang Portugis yang sangat kejam itu. Joao da Silva telah menghantar seorang pegawainya bergelar *Temenggung* pergi mengadap Sultan Johor dan menyampaikan permintaan maaf daripada ketua Portugis mengenai kejadian yang telah berlaku, dan ketua Portugis itu telah menjatuhkan hukuman yang wajar ke atas nakhoda dan orang Portugis yang telah melakukan perbuatan zalim itu. *Temenggung* Portugis itu telah berjaya mententeramkan kemurkaan Sultan Johor.

Pada awal tahun 1586, Joao da Silva telah menghantar angkatan perang laut Portugis pergi mengawal kuala Sungai Johor, dan

memaksa semua kapal dan perahu yang sampai ke situ supaya jangan masuk ke negeri Johor, dan hendaklah terus belayar pergi ke Melaka. Tetapi apabila kapal Portugis itu telah meninggalkan Kuala Sungai Johor, Sultan Ali Jalla pula menghantar angkatan perang pergi ke perairan Kuala Sungai Johor dan memaksa kapal dan perahu yang lalu di situ supaya masuk ke negeri Johor. Oleh sebab murkanya kepada orang Portugis, Sultan Johor telah memerintahkan orang-orangnya membawa beberapa buah tongkang dan perahu besar penuh bermuat batu pergi ke Singapura, dan menenggelamkan semua tongkang dan perahu yang bermuat batu itu di Selat Singapura (di selat sebelah barat masuk ke Keppel Harbour) supaya selat itu tidak dapat dilalui oleh kapal Portugis atau kapal dagangan yang hendak pergi berniaga ke Melaka. Sebaliknya orang Portugis telah menggunakan sebuah selat lain pula iaitu selat kecil di antara Pulau Tekukur dengan Pulau Belakang Mati sekarang ini yang mereka namakan *Selat Santa Barbara*.

Pada masa itu orang Portugis di bandar Melaka telah diancam bahaya kekurangan barang makanan yang didatangkan dari negeri lain. Joao da Silva telah meminta bantuan dari Wizurai (Viceroy) Portugis di Goa.

Wizurai Portugis di Goa telah menghantarkan dua buah kapal besar pergi ke Melaka, sebuah diketuai oleh panglima perang Portugis yang bernama Antonio de Noronha dan sebuah lagi diketuai oleh Jerenimo de Azevedo serta beberapa orang pegawai Portugis lainnya turut sama pergi ke Melaka. Angkatan itu membawa seramai 350 orang askar. Sebelum bertolak dari Goa, Wizurai Portugis itu telah melantik Jerenimo de Azevedo menjadi Kapten Major bagi angkatan perang laut Portugis di perairan negeri-negeri Melayu menggantikan Manoel de Almada.

Jerenimo de Azevedo telah sampai di Melaka lebih dulu daripada Antonio de Noronha dan dengan segera Azevedo mengambil alih kuasa pemerintahan angkatan laut Portugis dari tangan Manoel de Almada.

Azevedo telah menghantar angkatan perang laut mengandungi lapan buah kapal kecil pergi menyerang sebuah kampung orang Melayu dalam jajahan takluk Sultan Johor. Sungguhpun Portugis telah berjaya membinasakan kampung itu, tetapi lima buah kapal

Portugis itu telah ditawan oleh angkatan perang laut Johor, dan ba kapal Portugis itu telah dapat diselamatkan dengan bantuan sebuah kapal besar Portugis yang datang ke tempat itu. Memandangkan kepada kisah yang diceritakan itu, nyatalah nampaknya telah berlaku pertempuran hebat di antara orang Melayu Johor dengan orang Portugis. Malangnya, tidak didapati keterangan mengenai nama kampung itu.

Lepas itu Jerenimo de Azevedo telah membawa angkatan lautnya ke kuala Sungai Johor. Tetapi kepungan itu tiada memberi apa-apa kesan kepada kerajaan Johor sebagaimana juga kepungan yang dibuat oleh Manoel de Almada dulu. Bahkan tatkala kapal Azevedo belayar mengawal perairan kuala Sungai Johor itu, Sultan Johor sendiri dalam satu angkatan perang mengandungi enam buah kapal besar telah belayar keluar ke laut di kuala Sungai Johor dan lalu di hadapan orang Portugis yang berkawal di situ, tetapi tiada dipengapakan oleh orang Portugis itu.

Angkatan perang laut Sultan Johor itu telah belayar pergi ke Melaka dan telah berlabuh di hujung pelabuhan Melaka selama empat hari baginda tiada melancarkan apa-apa serangan ke Melaka dan orang Portugis juga tiada pula berbuat apa-apa kepada angkatan Sultan Johor itu. Kemudian Sultan Johor balik ke Johor.

Apabila Antonio de Noronha sampai di Melaka, dengan segera ia pun membawa kapalnya pergi ke kuala Sungai Johor dan bersatu dengan angkatan Jerenimo de Azevedo. Kedua-dua panglima perang Portugis itu membawa angkatan mereka memudiki Sungai Johor hingga sampai ke suatu tempat di Sungai Johor yang dari situ boleh kelihatan bandar Johor lama dan Kota Batu di Tanjung Batu.

Semasa di Sungai Johor itu, orang Portugis itu telah membinasakan beberapa buah perahu orang Melayu dan menyerang beberapa buah kampung orang Melayu di tepi Sungai Johor itu.

Tiada lama selepas itu Noronha pun balik ke Melaka dan tidak lama kemudian diikuti pula oleh Azevedo.

Pada tahun hadapannya, tahun 1587, Sultan Ali Jalla telah membawa angkatan perangnya mengandungi beberapa buah kapal dan perahu perang pergi ke pelabuhan Melaka. Setelah lima hari lamanya angkatan Sultan Johor berlabuh di situ, baharulah baginda menetapkan hendak menyerang Melaka. Baginda telah merancangkan iaitu sebahagian daripada askar Johor itu akan mendarat

kampung di bahagian utara bandar Melaka, sebahagian yang lain pula, di bawah pimpinan baginda sendiri, akan mendarat di bahagian selatan bandar Melaka. Sebelum memulakan serangan itu, baginda telah mendaratkan satu pasukan kecil pergi bersembunyi ke hutan-hutan di sekitar bandar Melaka, dan apabila sampai ketikanya yang telah ditetapkan, pasukan itu pergi menyerang dan menawan bangunan orang Portugis yang ada di atas Bukit Cina di pinggir bandar Melaka itu.

Mengikut rancangan yang telah ditetapkan, satu pasukan askar Sultan Johor itu telah mendarat di bahagian utara bandar Melaka dan telah bertempur dengan askar Portugis yang ada berkawal di situ. Askar Portugis itu telah dapat mengalahkan askar Melayu dan mereka pun berundur naik ke perahu balik semula ke tempat mereka berkumpul.

Pasukan Johor yang pergi ke Bukit Cina itu telah berjaya menawan bangunan orang Portugis yang ada di atas bukit itu. Tetapi tiada lama kemudian, mereka telah diusir oleh askar Portugis lalu berundur ke laut. Oleh sebab serangan kedua-dua pasukan baginda itu gagal, jadi Sultan Johor tidak meneruskan rancangannya untuk mendaratkan pasukan ke bahagian selatan bandar Melaka seperti yang telah dirancangkan itu.

Sungguhpun Sultan Ali Jalla tidak berjaya mengalahkan Portugis di Melaka, tetapi kesukaran mendapatkan barang makanan bagi orang Portugis di bandar Melaka itu telah semakin teruk. Joao da Silva dengan segera menghantar pegawainya yang bernama Jerenimo Rebello pergi meminta pertolongan Wizurai Portugis di Goa. Pada masa itu Azevedo pun telah balik ke Goa dan Noronha telah dilantik menggantikannya menjadi ketua pemerintah angkatan laut Portugis di Melaka.

Oleh sebab terlampau susah hati melihatkan kemalangan yang menimpa orang Portugis di Melaka selama di bawah pemerintahannya, Joao da Silva ketua orang Portugis itu pun jatuh gila, dan jawatan ketua pemerintah Portugis di bandar Melaka itu diberikan kepada seorang Paderi Besar (Bishop) yang kanan di bandar Melaka masa itu dan kaya pula. Paderi Besar itu telah menghantar angkatan pergi mengintip di perairan kuala Sungai Johor.

Apabila Jerenimo Rebello sampai di Goa, pada akhir bulan Mac 1587, ia pun menyatakan kepada Wizurai Portugis yang

bernama Duarte de Menezes, mengenai keadaan orang Portugis di Melaka dan keadaan bandar Melaka. Antara lain Jerenimo Rebelo mengatakan : jika bantuan tidak dihantar dengan segera kepada orang Portugis di Melaka, Kota Melaka akan ditimpa bahaya. Sultan Ali Jalla Sultan Johor pula akan bersekutu dengan Aceh untuk mengambil Melaka.

Setelah Duarte de Menezes bermesyuarat dengan orang-orang besar Portugis di Goa, mereka pun mengambil ketetapan hendak menghantar angkatan perang Portugis yang lebih besar untuk menghalau Sultan Ali Jalla dari takhta kerajaan Johor. Orang-orang besar Portugis itu berpendapat selagi Sultan Ali Jalla berada di Johor, selama itulah juga Melaka akan dicerobohnya.

Pada 28 hari bulan April 1587 satu angkatan perang Portugis yang mengandungi 16 buah kapal besar dan kecil, diketuai oleh panglima perang Portugis bernama Paulo de Lima Pereira, telah bertolak dari Goa menuju ke Melaka. Beberapa buah daripada kapal dalam angkatan itu juga, diletakkan di bawah ketua panglima perang Portugis yang bernama Simao de Abreu.

Pada 27 hari bulan Mei 1587 angkatan kapal Portugis itu telah sampai di perairan negeri Aceh. Tiada lama kemudian daripada itu, kapal yang diketuai oleh Simao de Abreu itu telah berpisah daripada angkatan besarnya, kerana Simao de Abreu hendak rapat ke pantai mencari air sebab kapalnya kekurangan air.

Pada masa kapal Simao de Abreu itu belayar tiada berapa jauh dari pantai negeri Aceh, orang Portugis itu telah menemui satu angkatan kapal orang Melayu. Kapal orang Melayu itu telah ditawan dan diperiksa oleh Simao de Abreu dan didapati bahawa angkatan itu ada membawa utusan daripada Sultan Johor.

Setelah ketua orang Melayu dalam kapal itu diseksa dan dipaksa oleh orang Portugis, ia pun menyatakan kepada Simao de Abreu bahawa ia adalah utusan daripada Sultan Johor. Sultan Johor sedang bersiap hendak menyerang bandar Melaka secara besar-besaran, dan ia hendak pergi ke negeri Aceh meminta pertolongan Sultan Aceh supaya membantu Sultan Johor. Demikianlah keterangan ketua orang Melayu itu kepada Simao de Abreu. Dalam pada itu ada pula riwayat lain mengatakan; utusan Johor yang hendak pergi ke negeri Aceh yang telah ditangkap oleh orang Portugis itu adalah kerana hendak mencari askar upahan di Aceh.

yang akan turut sama dengan askar Johor menyerang bandar Melaka.

Setelah mendapat keterangan daripada ketua kapal Melayu itu, dengan tidak menunggu ketibaan Paulo de Lima Pereira lagi, Simao de Abreu pun meneruskan pelayaran menuju ke Melaka. Pada 5 hari bulan Julai 1587 Simao de Abreu pun sampai di pelabuhan Melaka, iaitu lebih dulu daripada Paulo de Lima Pereira, ketua besar yang mengetuai semua angkatan kapal Portugis yang datang dari Goa itu.

Setelah berunding dengan orang-orang besar Portugis di Melaka, Simao de Abreu pun bertolak dari pelabuhan Melaka dengan kapal yang dibawanya itu serta ditambah lagi beberapa buah kapal kecil yang diberi oleh ketua pemerintah Portugis di Melaka, menuju ke negeri Johor.

Angkatan kapal Simao de Abreu itu telah sampai di selatan negeri Johor dan bersatu dengan angkatan kapal Antonio de Noronha yang sedang berkawal dekat Tanjung Rumenia (di selatan Johor). Ada pula cerita yang menyebutkan: dalam pelayarannya dari Melaka hendak ke selatan negeri Johor itu, Simao de Abreu telah menyerang dan membakar perkampungan orang Melayu di Muar.

Pada 21 hari bulan Julai 1587, angkatan Simao de Abreu dan Antonio de Noronha yang telah bersatu di kuala Sungai Johor itu, telah mula memudiki Sungai Johor hendak menyerang pusat pemerintahan kerajaan Johor di Johor Lama serta Kota Batu. Ketua angkatan Portugis itu ialah Antonio de Noronha, yang dibantu oleh Simao de Abreu.

Apabila Sultan Ali Jalla mendengar bahawa angkatan Portugis telah datang hendak menyerang Johor Lama dan Kota Batu, baginda pun mengerahkan satu angkatan perang Johor menghilir dari Johor Lama pergi menentang orang Portugis yang datang itu.

Pertempuran hebat telah berlaku di Sungai Johor di antara askar Portugis dengan askar Melayu Johor yang mempertahankan tanahair mereka. Sungguhpun askar Melayu itu telah berperang dengan penuh semangat keberanian, tetapi mereka telah diundurkan juga oleh askar Portugis yang menggunakan bedil dan meriam besar.

Angkatan perang Portugis terus mudik mengejar askar Johor yang berundur itu sehingga kapal Portugis itu sampai dan berlabuh dekat Johor Lama dan Kota Batu. Pada hari itu juga, 21 hari bulan Julai 1587, mulalah orang Portugis menembak bandar Johor Lama

dan Kota Baru. Keadaan di Johor Lama telah menjadi huru hara dan kacau bilau.

Dalam masa keadaan kacau-bilau itu, beberapa orang Portugis yang ada dalam tahanan kerajaan Johor di Johor Lama itu telah dapat melepaskan diri dan lari ke kapal mereka yang ada di Sungai Johor. Pada masa itu juga askar-askar Portugis telah naik ke darat dan merampas harta benda yang ada di bandar Johor Lama, bukan sedikit harta rampasan dan rompakan yang telah didapati oleh askar Portugis itu walaupun mereka telah diserang oleh askar Melayu dan diusir balik ke kapal mereka.

Esoknya, pada 22 hari bulan Julai 1587, Antonio de Noronha telah bermesyuarat dengan semua pegawai bawahannya merundingkan tindakan selanjutnya yang akan mereka jalankan. Noronha telah mencadangkan supaya askar Portugis terus saja mendarat melancarkan serangan ke Johor Lama dan Kota Batu iaitu sebelum orang Melayu di Johor Lama itu dapat mengumpulkan semula angkataannya setelah diserang oleh Portugis. Tetapi Simao de Abreu dan pegawai-pegawai Portugis yang lain (sebahagian dari angkatan besar Paulo de Lima Pereira), telah menentang cadangan Noronha itu dengan alasan bahawa askar mereka belum cukup ramai untuk bertempur dengan askar Johor yang jauh lebih ramai daripada askar mereka yang ada itu. Lagi pun, kalau mereka (Portugis) kalah, boleh jadi akan melemahkan semangat askar dari kapal Paulo de Lima Pereira yang dijangka akan sampai tidak lama lagi, dan boleh jadi juga bandar Melaka akan lebih mudah diserang oleh orang Melayu. Keputusan rundingan itu, ialah askar-askar Portugis akan mula mendarat ke Johor Lama dan Kota Batu apabila kapal Paulo de Lima Pereira dari Goa sampai ke situ dan sementara menantikan Paulo de Lima Pereira sampai, mereka akan terus membedil Johor Lama dan Kota Batu dengan meriam dari kapal mereka yang berlabuh di Sungai Johor itu.

Dalam pada itu suatu peristiwa pula telah berlaku. Pada 23 hari bulan Julai 1587, sedang orang Portugis dari kapal mereka yang berlabuh di Sungai Johor itu menembak Johor Lama dan Kota Batu, Antonio de Noronha dengan sebuah kapalnya serta beberapa orang askarnya, telah belayar rapat ke tebing sungai di Johor Lama. Tidak diketahui apakah sebabnya ia berbuat demikian, mungkin ia telah terlalu geram hendak berperang ataupun barangkali telah ada

rancangan yang dibuatnya sendiri hendak segera mendarat dan menyerang Johor Lama.

Askar Portugis yang mendarat itu telah berpecah dua, satu pasukan di bawah Noronha, dan satu pasukan lagi diketuai oleh Pedro Alvares de Abreu, lalu pasukan itu berjalan pergi menyerang ke Johor Lama dan serangan itu telah ditentang oleh askar Melayu yang bertahan di Johor Lama. Dalam pertempuran itu, kedua-dua pasukan Portugis itu telah dikalahkan oleh askar Melayu. Noronha telah lari ke kapalnya manakala Pedro Alvares de Abreu telah mendapat luka parah dan telah dibawa ke kapalnya, askar Portugis yang lain dengan bersusah payah menyelamatkan diri balik ke kapal mereka. Pendeknya serangan orang Portugis ke Johor Lama yang diketuai oleh Noronha itu telah dapat ditangkis oleh askar Melayu yang mempertahankan Johor Lama.

Sungguhpun orang Portugis telah kalah dalam peperangan dengan orang Melayu di Johor Lama seperti yang telah disebutkan itu, tetapi mereka terus juga mengepung dan menembak Johor Lama dan Kota Batu, dan telah dibalas oleh pihak orang Melayu dari Johor Lama dan Kota Batu. Kejadian seperti itu telah berlarutan hingga beberapa hari.

Pada 10 hari bulan Ogos 1587, angkatan kapal perang Portugis yang diketuai oleh Paulo de Lima Pereira telah sampai ke Johor Lama setelah singgah sebentar di Melaka. Paulo de Lima Pereira telah berunding dengan pegawai Portugis lainnya lalu mengatur rancangan untuk menyerang Johor Lama dan Kota Batu.

Pada 15 hari bulan Ogos 1587, dengan perintah Paulo de Lima Pereira, kapal-kapal orang Portugis yang berlabuh di Sungai Johor mula melancarkan serangan ke Johor Lama dan Kota Batu.

Askar Portugis yang mendarat itu berpecah kepada tiga pasukan; satu pasukan di bawah pimpinan Antonio de Noronha dan dibantu oleh Joao Pereira, satu pasukan lain pula di bawah pimpinan Matheus Pereira Sampaio, dan satu pasukan lagi dipimpin oleh Paulo de Lima Pereira sendiri.

Mengenai kekuatan pasukan perang Portugis dan orang Melayu yang berperang di Johor Lama itu, mengikut laporan Paulo de Lima: jumlah askar Portugis yang datang menyerang Johor Lama dan Kota Batu itu ialah 400 orang askar manakala pihak Johor yang bertahan itu seramai lebih kurang 8,000 orang.

Tetapi suatu riwayat Portugis yang lain pula mengatakan: askar Portugis itu berjumlah 600 orang termasuk beberapa orang askar upahan orang Melayu dan askar pihak Johor seramai di antara 10,000 — 12,000 orang, diketuai oleh seorang panglima perang Johor yang disebut oleh orang Portugis sebagai "Raja Mahkota".

Dalam masa peperangan di antara askar Portugis dengan askar Melayu di Johor Lama, satu pasukan askar Portugis yang diketuai oleh Matheus Pereira Sampaio telah dapat menawan Kota Batu setelah bertempur hebat dengan askar Melayu yang bertahan di kota itu dan ramai askar Portugis telah terkorban. Askar Portugis yang telah menawan Kota Batu itu telah menggunakan pula meriam di kota itu untuk menembak askar Melayu yang lari meninggalkan kota itu.

Askar Portugis yang pergi menyerang ke bandar dan kubu di Johor Lama telah membakar semua rumah yang ada di bandar itu dan telah menyerang juga sebuah kubu kecil di Kuala Sungai Johor Lama (Bekas kubu itu sekarang disebut Kubu Budak atau Kota Budak). Enam hari enam malam lamanya askar Portugis membakar bandar Johor Lama itu (sekarang dinamakan Kampung Johor Lama). Akhirnya pihak Johor telah kalah dan Sultan Ali Jalla serta orang-orang besar dan sebahagian besar pengikut baginda telah melarikan diri mudik ke hulu lagi di Sungai Johor.

Askar Portugis yang berjaya menawan Johor Lama itu telah merampas banyak harta benda orang Melayu serta harta benda kerajaan Johor dan di antara barang berharga yang telah dirampas oleh askar Portugis itu termasuklah emas dan perak. Paulo de Lima Pereira sendiri mengatakan: setelah mengalahkan Johor Lama dan Kota Batu itu, ia telah dapat merampas sebanyak 800 pucuk meriam gangsa besar dan kecil, dan askarnya telah dapat merampas banyak emas, perak dan barang yang berharga sehingga mereka menjadi kaya. Daripada serangan ke Johor Lama, Kota Batu dan ke tempat lain di sekitar Johor Lama itu, Paulo de Lima Pereira telah dapat menawan 1,200 buah perahu besar dan kecil.

Pendeknya, angkatan Portugis yang menyerang Johor Lama dan Kota Batu pada 15 hari bulan Ogos 1587 itu telah menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda orang Melayu yang bukan sedikit, tidak kurang sepuluh dari orang-orang besar dan pahlawan Melayu, termasuk Datuk Seri Nara Diraja Johor, telah terkorban


dalam peperangan itu kerana mempertahankan tanahair mereka daripada pencerobohan penjajahan Portugis. Selain dari sebilangan ramai askar Portugis yang telah terbunuh dalam peperangan itu, dua orang panglima perang Portugis telah juga terbunuh iaitu Manoel de Almada dan Bernado de Menezes.

Tiada lama lepas itu Paulo de Lima Pereira pun membawa angkatan perangnya balik ke bandar Melaka.

Setelah Sultan Ali Jalla dikalahkan oleh orang Portugis di Johor Lama itu, pada akhir tahun 1587 itu juga, baginda telah bersemayam dan membuat tempat pusat pemerintahan di Batu Sawar, di tepi Sungai Johor juga, di hulu daripada Johor Lama (lebih kurang dua tiga batu ke hilir daripada bandar Kota Tinggi sekarang). Sultan Ali Jalla telah mendirikan kubu di Batu Sawar. Semenjak itu Batu Sawar telah menjadi bandar utama di negeri Johor.

Dua tahun kemudian, pada tahun 1589, datang lagi satu pasukan kapal perang Portugis dari Melaka, diketuai oleh panglima perang Portugis bernama Francisco da Souza Pereira dan Antonio de Andria, menyerang kubu Sultan Ali Jalla di Batu Sawar, dan berlaku pula satu pertempuran hebat. Pada kali ini juga askar Portugis telah berjaya mengalahkan Batu Sawar, membakar kubu di situ, dan telah merampas sebanyak 20 pucuk meriam. Sultan Ali Jalla telah melarikan diri. Tetapi setelah orang Portugis balik ke Melaka, baginda pun balik semula ke Batu Sawar, meneruskan pemerintahan dan menguatkan semula kubu pertahanan.

Sejak itu Sultan Ali Jalla pun meneruskan pemerintahan di Batu Sawar dan tiadalah pernah lagi orang Portugis datang mengacau ke Batu Sawar. Lapan tahun selepas itu, pada tahun 1597, Sultan Ali Jalla pun mangkat dan disebut *Marhum Mangkat di Batu (Sawar?)*.



6

ACHEH MENENTANG PORTUGIS (1537-1629)

Setelah orang Portugis berjaya menakluki bandar Melaka dari tangan Raja Melayu pada bulan Ogos 1511, bukan sahaja orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang telah menentang penjajahan Portugis di Melaka, bahkan juga orang Melayu di seluruh kepulauan Melayu, terutama orang Aceh yang tidak senang hati melihatkan Portugis menguasai sebahagian kecil dari tanahair bangsa Melayu itu. Beberapa kali orang Aceh telah datang menyerang dan memerangi orang Portugis di bandar Melaka dan kisah itulah yang akan disebutkan dalam bahagian ini untuk mengetahui betapa menyeluruhnya semangat menentang penjajahan bangsa asing itu telah berkobar-kobar dalam jiwa orang Melayu.

Tetapi sebelum diceritakan kisah orang Aceh menentang penjajahan Portugis di Semenanjung Tanah Melayu (Melaka), eloklah diketahui lebih dulu secara sepintas lalu bagaimana kisahnya orang Aceh telah lebih dulu bertempur dengan orang Portugis di negeri Aceh sendiri yang telah dapat dijadikan latar belakang kepada kisah yang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu khususnya di Melaka.

Pada masa negeri Aceh diperintah oleh Sultan Ali Mughayat Shah (1514-1530), pada tahun 1519 ada seorang dari keluarga diraja Pasai (yang merebut takhta kerajaan Pasai dari tangan abangnya yang bernama Sultan Zainal Abidin) telah membenarkan orang Portugis berada di Pasai. Seramai seratus orang askar Portugis yang diketuai oleh seorang pegawai Portugis bernama Antonio de Miranda d'Azevedo, telah ditempatkan di Pasai.

Dalam tahun 1520, setelah Sultan Zainal Abidin bekas Sultan Pasai yang dihalau oleh adiknya itu mengirim surat meminta bantuan dari Raja Portugal, baginda pun dirajakan semula di Pasai oleh orang Portugis. Tetapi pada tahun hadapannya, tahun 1521, orang Portugis telah mengkhianati Sultan Zainal Abidin lalu menurunkan baginda dari takhta kerajaan Pasai dan menggantikannya

dengan orang lain iaitu orang yang mahu tunduk kepada Portugis menjadi Raja di Pasai.

Dalam bulan Mei 1521 itu juga, sebuah angkatan kapal perang Portugis diketuai oleh George de Brito telah datang menyerang negeri Aceh dan berlakulah pertempuran hebat di antara angkatan laut Portugis dengan angkatan laut kerajaan Aceh. Akhirnya angkatan Portugis telah dikalahkan dan George de Brito sendiri mati terbunuh dalam pertempuran itu.

Oleh sebab orang Portugis hendak menguatkan lagi kuasa dan pengaruh mereka di Sumatera Timur, dalam bulan Jun 1521 itu juga, Portugis telah mendirikan sebuah benteng (kota) yang kuat di tepi Sungai Pasai (Krueng Pasai), dan di dalam kota itu dilengkapi dengan beberapa pucuk meriam besar. Pada masa itu, orang Portugis telah dapat pula mendiami tempat yang bernama Daya, dan sebuah lagi tempat yang bernama Pidir (Padie), tiada jauh di sebelah Aceh dan ke utara sedikit dari Pasai. Pada masa itu raja yang memerintah di Pidir bernama Sultan Ahmad dan baginda suka bersahabat dengan orang Portugis dan benci kepada Aceh.

Oleh sebab baginda tidak suka melihatkan orang Portugis telah semakin berkuasa di tempat-tempat yang disebutkan itu, dan mungkin akan membahayakan kerajaan Aceh pula, dalam tahun 1521 itu juga Sultan Ali Mughayat Shah di negeri Aceh telah melengkapkan angkatan perang Aceh yang besar dan kuat, diketuai oleh adinda baginda seorang hulubalang Aceh yang terkenal gagah beraninya bernama Laksamana Raja Ibrahim, dititahkan pergi menyerang tempat yang telah diduduki oleh orang Portugis itu dan menghalau mereka dari tempat itu.

Laksamana Raja Ibrahim yang membawa angkatan perang Aceh itu telah pergi menyerang Daya, dan berjaya mengalahkan Daya. Raja di negeri Daya itu bersama dengan orang Portugis yang ada di situ telah melarikan diri pergi ke Pidir meminta perlindungan dari Raja Pidir (Sultan Ahmad Shah). Raja Pidir telah bersekutu pula dengan orang Portugis.

Angkatan perang Aceh di bawah pimpinan Laksamana Raja Ibrahim, meneruskan serangan dan mengejar orang Portugis yang pergi ke Pidir. Askar Aceh yang gagah berani itu telah bertempur pula dengan askar Pidir yang dibantu oleh Portugis. Akhirnya Pidir dapat dikalahkan. Raja Pidir bersama dengan orang Portugis itu lari

meninggalkan Pidir dan pergi pula melindungi diri ke Pasai, ke Kota Portugis yang kukuh dan kuat di Pasai itu.

Orang Acheh yang telah memang berazam untuk menghapuskan penjajahan Portugis di bumi Melayu itu telah menuju ke Pasai mengepung orang Portugis yang lari dari Daya dan Pidir yang telah bersatu dengan rakan mereka dalam kota di Pasai itu.

Laksama Raja Ibrahim telah memberi kata dua kepada orang Daya, Pidir dan Pasai serta orang Portugis yang ada dalam kota itu supaya menyerah diri, sesiapa yang menyerah kepada Raja Ibrahim akan dijamin keselamatan nyawa dan harta bendanya, tetapi siapa yang melawan askar Acheh, mereka akan dihapuskan. Setelah enam hari lamanya Raja Ibrahim mengepung kota Portugis itu, ramai juga askar yang menyerah diri kepada Raja Ibrahim, tetapi askar Portugis meneruskan juga penentangan mereka terhadap askar Acheh.

Setelah cukup tempohnya, Raja Ibrahim pun mula melancarkan serangan ke kota Portugis itu, dan berlakulah pertempuran yang sangat hebat. Pada masa askar Acheh mengepung dan menyerang kota itu, askar-askar Portugis yang diketuai oleh pegawai Portugis bernama Sancho Enriques telah lari meninggalkan Pasai pergi ke Melaka, dan pasukan Portugis yang tinggal itu diketuai oleh Sebastian de Souza, dialah yang menghadapi serangan Raja Ibrahim. Tetapi tiada lama bertempur, Sebastian de Souza juga lari meninggalkan kota itu.

Oleh sebab kegagahan dan keberanian Raja Ibrahim dan askar Acheh dalam pertempuran itu, akhirnya orang Portugis pun kalah, dan kota Portugis di Pasai itu pun ditawan oleh orang Acheh. Raja Ibrahim dan askar Acheh yang dapat menawan kota itu telah memperolehi banyak alat kelengkapan perang termasuk beberapa pucuk meriam besar. Semua barang rampasan itu dihantar ke negeri Acheh dan telah digunakan bagi menambahkan kekuatan angkatan perang kerajaan Acheh. Di antara barang rampasan yang didapati oleh Raja Ibrahim dari Pasai itu, termasuklah sebuah loceng besar yang bersejarah, iaitu loceng yang telah dihadiahkan oleh Laksamana Cheng Ho kepada Raja Pasai sewaktu lawatannya ke Pasai dalam kurun masihi yang ke-15. Loceng itu telah dibawa ke negeri Acheh, dan kemudiannya dinamakan *Cakera Dunia*.

Pada tahun 1523 Laksamana Raja Ibrahim telah mangkat di Acheh. Tujuh tahun selepas itu, pada tahun 1530 Sultan Ali

Mughayat Shah pula mangkat dan digantikan oleh putera baginda bernama Sultan Salehuddin sebagai Raja Aceh. Pada masa Sultan Salehuddin berkerajaan di Aceh, seorang adinda baginda juga berkerajaan di Samudera-Pasai bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah.

Pemerintahan Sultan Salehuddin itu lemah kerana dipengaruhi oleh seorang orang besar baginda bernama Raja Bongsu. Oleh sebab tiada puas hati dengan pemerintahan di Aceh itu, maka pada tahun 1537, Sultan Alauddin yang berkerajaan di Samudera-Pasai telah datang mengambil kerajaan Aceh dan menurunkan abangnya dari takhta kerajaan dan Sultan Alauddin Riayat Shah pula menjadi Raja di Aceh. Baginda inilah yang dikenali dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahhar.

Orang Aceh Menyerang Portugis di Melaka

Pada tahun 1537 itu juga Sultan Alauddin Al-Qahhar, Raja Aceh telah menghantar angkatan perang laut Aceh pergi menyerang orang Portugis di bandar Melaka. Askar Portugis di Melaka masa itu diketuai oleh Estevao da Gama. Sungguhpun angkatan perang Aceh itu telah sampai rapat ke kuala Sungai Melaka dan telah menggempur "Kota Melaka" dengan tembakan meriam dari kapal mereka, tetapi askar Aceh itu tidak dapat menawan Kota Melaka dan mereka pun balik semula ke negeri Aceh.

Dalam tahun 1539 dua kali orang Aceh datang menyerang dan mengalahkan negeri Aru di pantai timur Sumatera, pertama dalam bulan Januari dan kedua dalam bulan November 1539. Serangan itu adalah kerana Ratu Aru (perempuan) itu tiada mahu tunduk kepada Aceh. Dalam serangan pada bulan November 1539, Ratu Aru telah lari ke Johor dan telah meminta bantuan Sultan Johor (Sultan Alauddin Riayat Shah III) supaya mengalahkan orang Aceh di negeri Aru itu.

Sultan Alauddin, Sultan Johor itu telah berkahwin dengan Ratu Aru dan baginda pun sanggup membantu Ratu Aru. Pada tahun 1540 angkatan perang kerajaan Johor telah pergi menyerang dan mengalahkan orang Aceh di Aru, dan Ratu Aru telah dapat memerintah semula, tetapi takluk di bawah kuasa kerajaan Johor (semenjak itu hingga tahun 1564 iaitu selama 20 tahun Aru di bawah takluk Johor).

Setelah Aceh gagal mengalahkan orang Portugis di Melaka, dan juga gagal melawan askar Johor di Aru, Sultan Alauddin Al-Qahhar pun mula menambahkan lagi askar dan alat kelengkapan perang kerajaan Aceh. Kerajaan Aceh telah menambah beberapa buah kapal besar yang dibuat oleh tukang-tukang membuat kapal bangsa asing yang didatangkan ke negeri Aceh. Beberapa buah kilang membuat meriam dan senjata-senjata yang lain telah ditambah. Angkatan perang laut Aceh dari setahun ke setahun telah bertambah besar dan diperkuatkan lagi.

Setelah beberapa tahun menyiapkan alat kelengkapan perang, pada tahun 1547, Sultan Alauddin Al-Qahhar telah menghantar angkatan perang laut Aceh yang besar pergi menyerang Melaka.

Apabila angkatan perang Aceh sampai di pelabuhan Melaka, mereka telah menembak dua buah kapal perang Portugis yang sedang berlabuh di situ dan kapal Portugis itu pun terbakar. Orang Portugis yang lari dari kapal itu telah ditangkap, dan oleh sebab orang Portugis itu melawan mereka pun dibunuh oleh orang Aceh.

Ketua angkatan Aceh itu telah menulis surat dengan darah orang Portugis yang mati dibunuh itu, lalu mengirinkan surat itu kepada ketua Portugis di bandar Melaka bernama Simao de Mello. Dalam surat itu, ketua angkatan Aceh itu menyuruh ketua Portugis menyerahkan Melaka kepada Aceh, dan jika tidak diserahkan, askar Aceh akan datang menyerang dan menggempur bandar Melaka.

Surat itu tidak dijawab oleh Simao de Mello, sebaliknya ia telah memerintahkan semua orang Portugis yang ada di bandar Melaka supaya berkumpul ke kota Melaka untuk menahan serangan yang akan dibuat oleh orang Aceh itu.

Pada waktu malam beberapa orang askar Aceh telah mendarat di Kampung Upeh dan Kampung Keling di sebelah kiri mudik Sungai Melaka. Orang India yang ramai tinggal di Kampung Keling itu telah bertempieran lari ke sana ke mari sambil hingar-bingar dan mengatakan askar Aceh telah datang menyerang bandar Melaka. Simao de Mello telah menghantar satu pasukan kecil askar Portugis diketuai oleh Francisco d'Esá pergi ke bandar Melaka untuk menyiasat keadaan yang sebenar. Tetapi mereka tiada menemui askar Aceh, dan orang Aceh itu masih ada lagi di kapal mereka di pelabuhan Melaka.

Simao de Mello telah mengadakan mesyuarat dengan pegawai-pegawainya berkenaan dengan surat cabaran orang Aceh itu. St. Xavier paderi besar pengembang agama Kristian yang pada masa itu berada di bandar Melaka juga turut hadir dalam mesyuarat itu.

Dalam pada itu, ketua angkatan Aceh yang sedang menunggu di pelabuhan Melaka mendapat khabar mengatakan ada satu pasukan orang Aceh sedang berperang dengan orang Portugis di perairan kuala Sungai Perlis. Oleh sebab itu, angkatan perang Aceh yang ada di pelabuhan Melaka itu pun dengan segera meninggalkan Melaka menuju ke utara. Sebaik sahaja angkatan Aceh pergi ke utara, satu angkatan perang Portugis dari Melaka telah mengikuti angkatan Aceh itu. Apabila sampai di kuala Sungai Perlis, angkatan Aceh itu pun bertempur dengan angkatan Portugis yang telah bersedia menunggu di situ, dan setelah angkatan Portugis mendapat bantuan dari angkatan Portugis yang datang dari Melaka itu akhirnya mereka dapat mengalahkan orang Aceh dan orang Aceh itu pun balik semula ke negeri mereka, dan sekali lagi mereka gagal mengambil Kota Melaka.

Tujuh belas tahun selepas itu, pada tahun 1564, pada masa Sultan Alauddin Al-Qahhar masih memerintah di negeri Aceh, angkatan dan kelengkapan perang Aceh telah bertambah dan kuat. Pada masa itu Sultan Aceh telah bersahabat dengan Raja Turki, dan Raja Turki itu telah menghantarkan 500 pucuk meriam dan sejumlah besar alat peperangan ke negeri Aceh, dan kerajaan Aceh sendiri telah membentuk sebuah Barisan Islam mengandungi beberapa buah negeri Islam yang hendak menghancurkan kuasa Portugis di Nusantara. Ini telah diketahui juga oleh pegawai tinggi Portugis di Goa, dan mereka pun telah menambah dan menguatkan lagi askar dan kelengkapan perang di bandar Melaka.

Oleh sebab Sultan Johor (Sultan Alauddin Riayat Shah II) telah bersahabat dengan orang Portugis di Melaka, pada tahun 1564 itu juga Sultan Alauddin Al-Qahhar, Sultan Aceh itu telah memerintahkan sebuah angkatan kapal perang Aceh pergi memerang negeri-negeri yang dimusuhi oleh Aceh.

Mula-mula angkatan laut Aceh itu telah menyerang dan mengalahkan kerajaan Aru yang takluk ke Johor. Setelah Aru kalah seorang daripada putera Sultan Aceh yang bernama Raja Abdullah diletakkan memerintah di Aru bergelar Sultan Abdullah.

Dari Aru angkatan perang Aceh itu pergi pula menyerang orang Portugis di bandar Melaka. Tetapi tidak juga dapat mengalahkan Melaka.

Sebelum kedatangan angkatan Aceh, orang Portugis di Melaka juga telah bersiap sedia, dan bantuan angkatan perang dari Goa telah dihantar ke Melaka. Kekuatan askar dan alat senjata di Kota Melaka telah bertambah.

Apabila angkatan perang laut Aceh sampai di pelabuhan Melaka, berlakulah pertempuran hebat di antara pihak Aceh dengan orang Portugis, dan pertempuran itu telah berlaku selama beberapa hari dan ramai askar dari kedua belah pihak yang telah terbunuh dalam peperangan itu. Dalam pertempuran di Melaka yang telah berlaku pada 16 hari bulan Februari 1568 itu, Sultan Abdullah, Sultan Aru putera Sultan Aceh telah mangkat dalam peperangan. Akhirnya, angkatan Aceh gagal mengalahkan Melaka.

Pada tahun 1571, Sultan Alauddin Al-Qahhar telah mangkat di Aceh, puteranya yang bernama Raja Hussain dilantik menjadi Sultan Aceh bergelar Sultan Ali Riayat Shah dan baginda memerintah Aceh hingga awal bulan Jun 1579. Seperti juga ayahandanya, Sultan Ali Riayat Shah juga telah melancarkan beberapa serangan terhadap orang Portugis.

Dalam bulan Oktober 1573, angkatan perang laut Aceh telah datang lagi menyerang orang Portugis di bandar Melaka, dalam serangan ini, angkatan Aceh berjaya membakar beberapa buah kapal di pelabuhan Melaka dan beberapa buah rumah di luar Kota Melaka.

Oleh sebab ancaman Aceh terhadap orang Portugis di perairan Nusantara telah semakin hebat, kira-kira pada pertengahan tahun 1576, pihak berkuasa Portugis di Goa telah menghantar seorang panglima perang Portugis yang terkenal bernama Mathias de Albuquerque pergi ke Melaka membawa angkatan perang mengandungi dua belas buah kapal perang, dan Mathias de Albuquerque telah dilantik menjadi ketua angkatan perang laut Portugis di perairan negeri-negeri Melayu. Albuquerque telah sampai di Melaka beberapa hari saja sebelum angkatan Aceh bertempur dengan orang Portugis di perairan Selat Melaka pada 1 hari bulan Januari 1577 seperti yang akan disebutkan kisahnya di bawah ini.

Sebaik saja Mathias de Albuquerque sampai di Melaka, ia pun membawa kapalnya itu ke selatan menuju ke Singapura, kerana hendak menanti kapal Portugis yang membawa dagangan dari negeri China dan mengiringi kapal-kapal itu pergi ke Melaka.

Semasa Mathias de Albuquerque hendak sampai ke Selat Singapura rupanya satu angkatan laut Aceh telah ada di pelabuhan Singapura. Angkatan laut Aceh itu mengandungi sebanyak 150 buah kapal perang membawa askar Aceh seramai 10,000 orang dan lengkap dengan beberapa pucuk meriam besar, diketuai oleh panglima perang Aceh yang bergelar Laksamana Seri Maharajalela, Sultan Ali Riayat Shah (Sultan Aceh) dan Sultan Ali Jalla (Sultan Johor) juga ada bersama di pelabuhan Singapura. Pada masa itu Sultan Johor dengan Sultan Aceh sedang berbaik-baik. Angkatan laut Aceh itu bertujuan hendak menyerang orang Portugis di Melaka, dan mengikut rancangannya, apabila Aceh dapat mengambil Melaka dari tangan Portugis, Sultan Ali Jalla akan dijadikan Sultan Melaka.

Apabila angkatan Portugis bertembung dengan angkatan Aceh di kuala Sungai Singapura, maka terjadilah pertempuran hebat. Kejadian itu telah berlaku pula, 1 hari bulan Januari 1577 dan kedua-dua belah pihak telah menanggung kerugian yang besar. Akhirnya angkatan Aceh itu pun belayar meninggalkan pelabuhan Singapura balik ke negerinya. Tiga buah daripada kapal Aceh itu telah ditawan oleh orang Portugis. Ketika orang Portugis memerintahkan nakhoda kapal Aceh dengan anak kapalnya supaya menyerah diri, orang Aceh itu enggan dan mengamuk melawan orang Portugis itu dan akhirnya pahlawan-pahlawan Aceh mati dibunuh oleh orang Portugis.

Genap setahun kemudian daripada itu, pada 1 hari bulan Januari 1578, angkatan laut Aceh telah bertempur sekali lagi dengan angkatan kapal Mathias de Albuquerque. Pertempuran itu berlaku di perairan kuala Sungai Johor tiada berapa jauh dari pantai Changi di bahagian timur Pulau Singapura. Dalam peperangan itu orang Portugis berjaya mengusir angkatan Aceh itu.

Sepuluh tahun kemudian, pada masa Sultan Ali Riayat Shah atau disebut juga Sultan Buyong menjadi Sultan di negeri Aceh, dalam tahun 1587 ada beberapa kali orang Aceh pergi menyerang orang Portugis di bandar Melaka. Tetapi angkatan Aceh masih

gagal menembusi kota Melaka yang kukuh tempat pertahanan orang Portugis itu, tambahan pula pada setiap kali askar Aceh datang menyerang Melaka, ada sajalah bantuan kapal perang Portugis dari Goa datang ke Melaka.

Pada tahun 1607 Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dilantik menjadi Sultan di negeri Aceh. Baginda terkenal kerana kegagahannya, dan baginda telah memerintah di negeri Aceh selama lebih kurang tiga puluh tahun. Baginda telah mangkat pada 27 hari bulan Disember 1636.

Kira-kira pada bulan November 1628, Sultan Iskandar Muda telah menghantar satu angkatan perang laut Aceh pergi mengepung dan menyerang orang Portugis di Melaka. Angkatan perang Aceh itu mengandungi sebanyak 236 buah kapal lengkap dengan alat senjatanya membawa 20,000 orang askar Aceh, di bawah pimpinan panglima Aceh yang bergelar Orang Kaya Laksamana dan Orang Kaya Raja Setia Lela.

Angkatan perang Aceh itu telah sampai di Melaka dekat kuala Sungai Punggur, sebuah sungai kecil di selatan bandar Melaka kira-kira empat lima batu lagi hendak sampai ke bandar Melaka. Askar Aceh telah naik ke darat berhampiran Sungai Punggur itu.

Pada masa itu ketua panglima perang Portugis di Melaka bernama Diego Lopez de Fonesca.

Askar Aceh yang mendarat di Sungai Punggur itu telah mara menuju ke bandar Melaka, dan telah bertempur dengan askar Portugis di Hujung Pasir. Askar Aceh berjaya mengundurkannya askar Portugis hingga ke Bandar Hilir. Askar Aceh telah dapat menawan Bukit Senjuang (nama asal bukit itu Bukit Pipi, sebutan Senjuang itu ialah kepelatan orang Melayu masa itu menyebut St. John) dan telah membawa meriam ke atas bukit itu dan dari situlah mereka membedil Kota Melaka dan kawasan di sekitarnya. Askar-askar Portugis juga telah menyerang balas dan mereka telah diarahkan oleh Diego Lopez de Fonesca untuk mengawal bangunan tempat kediaman paderi Portugis di lereng Bukit Cina dan di Gereja Madre de Dios, gereja Portugis yang ada di atas Bukit Cina itu.

Askar Portugis seramai 350 orang yang diketuai oleh Joao Suarez Vivos yang berada di Bandar Hilir telah bertempur dengan askar Aceh. Askar Portugis telah kalah dan mereka lari ke dalam Kota Melaka.

Askar Aceh yang berada di atas Bukit Senjuang itu, tidak berhenti-henti menembak bangunan orang Portugis yang ada di lereng dan di atas Bukit Cina. Setelah dua bulan lamanya Diego Lopez de Fonseca mempertahankan Bukit Cina yang diserang oleh askar Aceh itu, akhirnya de Fonseca jatuh sakit dan digantikan oleh Francisco Carvalho de Maya sebagai ketua panglima Portugis di Melaka.

Kemudian askar Aceh telah menyerang Bukit Cina dan berjaya menawaninya. Gereja Madre de Dios di atas Bukit Cina dan bangunan lain yang ada di lereng bukit itu telah habis rosak binasa ditembak oleh meriam Aceh. Runtuhan bangunan itu telah digunakan oleh askar Aceh yang seramai 3,000 orang sebagai kubu di Bukit Cina. Dari situ pula Orang Kaya Laksamana telah menghalakan tembakan meriam ke Kota Melaka dan kawasan sekitarnya.

Dari Bukit Cina itu, askar Aceh telah mara lagi menuju ke Kota Melaka lalu menyerang dan menawan Kampung Bunga Raya di pinggir bandar Melaka serta menduduki gereja Portugis di situ yang bernama Gereja St. Peters, dan dari situ askar Aceh mara lagi dengan gagah beraninya menyusur tepi Sungai Melaka sampai ke bandar Melaka berhampiran Gereja St. Lawrence (dekat Malacca City Park sekarang). Pada masa itu bolehlah dikatakan seluruh bandar Melaka, kecuali kota Melaka yang kukuh itu, telah dikuasai oleh askar Aceh. Orang-orang dan askar-askar Portugis semuanya telah masuk berkumpul dan bertahan dalam Kota Melaka untuk terus menentang askar Aceh itu.

Pada masa itulah askar Aceh terus mengepung Kota Melaka dan menghujani kota itu dengan tembakan meriam. Orang Portugis yang bertahan dalam Kota Melaka itu pula tidak mahu mengaku kalah sebaliknya terus bertahan dan membuat serangan balas dengan tembakan meriam dari Kota Melaka terutama dari tempat perkubuan mereka di Gereja St. Paul yang terletak di atas Bukit Melaka itu. Rupanya orang-orang Portugis telah bersedia lebih dulu mengumpulkan bekalan makanan dalam Kota Melaka untuk menghadapi kemungkinan kepungan dan serangan orang Aceh itu.

Dalam pada itu setelah lima bulan lamanya askar Aceh mengepung dan menyerang orang Portugis dalam Kota Melaka itu, kira-kira dalam bulan Mac 1629 satu angkatan perang laut yang besar dari negeri Pahang telah datang membantu orang Portugis

yang telah dikepung oleh askar Aceh itu. Angkatan dari Pahang itu telah dihantar oleh Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) yang pada masa itu menjadi Sultan Johor-Pahang, dan baginda (Sultan Alauddin Riayat Shah III) telah ditawan dan dibunuh di negeri Aceh, dan Sultan Abdul Jalil Shah itu berbaik dengan orang Portugis.

Sebaik saja angkatan laut Pahang itu sampai di pelabuhan Melaka, kebetulan pada ketika itu juga angkatan perang laut Portugis telah sampai dari Goa diketuai oleh Mignuel Pereira Botelho, lalu berlakulah pertempuran hebat di antara angkatan Pahang yang bersatu dengan angkatan Portugis yang datang itu memerangi angkatan Aceh. Pertempuran itu telah berlaku di pelabuhan Melaka dan juga di daratan bandar Melaka. Pertempuran itu telah berlaku dengan begitu hebat dan mengerikan dan akhirnya dapatlah askar Pahang yang dibantu oleh askar Portugis itu mematahkan kekuatan askar Aceh. Orang Kaya Raja Setia Lela telah terkorban dalam pertempuran itu. Orang Kaya Laksamana yang telah melarikan diri ke dalam hutan telah dikejar dan telah dapat ditangkap oleh askar Pahang.

Dengan titah Sultan Abdul Jalil Shah III, Orang Kaya Laksamana panglima perang Aceh itu telah diserahkan kepada Francisco Carvalho de Maya ketua panglima perang Portugis di Melaka.

Ketua Portugis di Melaka itu telah menggunakan sebuah daripada kapal perang Aceh yang besar yang dapat ditawan oleh orang Portugis itu, dengan diikuti oleh beberapa orang askar Portugis, membawa Orang Kaya Laksamana belayar ke negeri Portugal dan hendak menyerahkan Orang Kaya Laksamana kepada Raja Portugal. Mengikut rancangan ketua Portugis di Melaka itu, apabila sampai ke ibu negeri Portugal, Orang Kaya Laksamana akan diikat, diarak keliling bandar dan disorak-sorakkan sebagai yang biasa dibuat oleh orang Portugis terhadap tawanan perang mereka.

Tetapi, dalam pelayaran hendak pergi ke negeri Portugal itu, tiba-tiba Orang Kaya Laksamana telah hilang ghaib tiada diketahui ke mana perginya. Mengikut sumber Aceh: Orang Kaya Laksamana telah dapat melepaskan diri dari tawanan orang Portugis itu tatkala kapal yang membawanya singgah pada salah sebuah pulau atau pada salah sebuah bandar di benua Afrika kerana orang Portugis itu hendak mengambil air dan kayu. Tetapi mengikut

sumber Portugis: ketua angkatan Portugis yang membawa Orang Kaya Laksamana itu telah memberitahu rajanya bahawa panglima perang Aceh itu telah dibunuh. Dalam pada itu, pada pendapat ahli-ahli sejarah zaman ini, kenyataan ketua Portugis yang menyebutkan bahawa panglima Aceh itu telah dibunuhnya, adalah semata-mata hendak mengelakkan dari dimarah oleh rajanya.

Sejak dari peristiwa itu, tiadalah lagi orang Aceh datang menyerang Melaka. Dua belas tahun kemudian, pada tahun 1641, orang Belanda telah dapat merampas bandar Melaka dari orang Portugis.

NANING MELAWAN PORTUGIS (1586)

Naning ialah sebuah daerah di dalam negeri Melaka yang telah dibuka oleh orang Melayu yang datang dari Minangkabau (Sumatera) dalam kurun masihi yang kelima belas. Pada zaman dahulu Naning adalah sebuah daripada daerah dalam Negeri Sembilan. Luas daerah Naning itu lebih kurang dua ratus batu persegi.

Sejak Naning mula dibuka oleh orang Minangkabau semakin lama semakin ramailah orang Minangkabau datang mendiami Naning. Pada masa sebelum orang Portugis menakluki bandar Melaka, iaitu sebelum tahun 1511, hingga kepada masa orang Portugis memerintah di bandar Melaka, mata pencarian orang Minangkabau di Naning adalah bertanam padi, berkebun buah-buahan, berkebun pokok pinang dan berkebun sirih.

Pada masa sebelum orang Portugis menakluki bandar Melaka, iaitu setelah orang Minangkabau semakin ramai tinggal di Naning, mereka pun melantik beberapa orang di antara mereka menjadi ketua yang disebut *Datuk* sebagai ketua pemerintah di Naning. Dalam masyarakat orang Minangkabau di Minangkabau, mereka ada mempunyai puak tertentu yang disebut Suku. Orang Minangkabau yang tinggal di Naning itu juga mengikut cara masyarakat di Minangkabau iaitu mereka mempunyai Suku. Untuk memilih beberapa orang ketua, orang-orang Naning memilih seramai empat orang yang mewakili suku masing-masing iaitu seorang dari Suku Mungkal, seorang dari Suku Tiga Batu, seorang dari Suku Semelenggang, dan seorang lagi dari Suku Anak Melaka, keempat-empat orang itu bergelar *Datuk*, dan mereka itulah yang memerintah di Naning pada masa sebelum orang Portugis memerintah di bandar Melaka.

Setelah bandar Melaka diperintah oleh orang Portugis, iaitu sejak bulan Ogos 1511, orang-orang Naning selalu pergi ke bandar Melaka membawa barang dagangan iaitu padi, buah-buahan, pinang dan sirih. Barang dagangan mereka ini mendapat pasaran yang baik selama beberapa tahun.

Kira-kira pada akhir kurun masihi yang keenam belas, iaitu setelah berpuluh-puluh tahun lamanya orang Portugis memerintah di bandar Melaka, ramailah orang Portugis dan orang kacukan Portugis (Serani) di Melaka membuka kampung halaman dan kebun buah-buahan di sepanjang tepi Sungai Melaka tiada berapa jauh ke hulu dari bandar Melaka.

Pada tahun 1585, pihak berkuasa Portugis di Goa (India) telah menghantar seorang pegawainya bernama Joao de Silva ke Melaka menjadi ketua pemerintah orang Portugis di Melaka. Pada tahun hadapannya, tahun 1586, orang Portugis di Melaka telah bermusuhan dengan kerajaan Johor yang diperintah oleh Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II, sehingga orang Portugis datang menyerang negeri Johor iaitu di Johor Lama dan Kota Batu (Lihat: Sejarah Johor).*

Oleh sebab permusuhan di antara kerajaan Johor dengan orang Portugis itu, negeri Melayu lainnya yang di bawah pengaruh Johor, termasuk Naning, tidak lagi memperdagangkan barang makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ke bandar Melaka sehingga pada masa itu bandar Melaka telah kepicikan barang makanan dan menimbulkan kesulitan kepada pemerintah Portugis. Pada masa itu orang Minangkabau di Naning juga turut memusuhi orang Portugis.

Seorang pengarang Portugis dalam kurun masihi yang keenam belas bernama Diego de Cauto telah menceritakan : pada tahun 1586, pada masa Joao de Silva menjadi ketua pemerintah Portugis di bandar Melaka, orang Minangkabau dari Naning telah turun menghilir Sungai Melaka lalu membakar dan membinasakan kebun bunga dan kebun sayur di tepi Sungai Melaka tidak berapa jauh di darat bandar Melaka yang dipunyai oleh orang Portugis dan Serani itu. Pada masa itu orang-orang di bandar Melaka tidak mendapat lagi bekalan buah-buahan dan sayur-sayuran dari Naning dan peristiwa itu telah merungsingkan pemerintah Portugis di bandar Melaka.

Ekoran dari kesulitan yang telah timbul itu, Joao de Silva ketua pemerintah Portugis di bandar Melaka telah mengadakan mesyuarat dengan pegawai bawahannya mengenai hal tersebut. Keputusan mesyuarat itu bersetuju hendak menghantar satu pasukan askar

*Buyong Adil (Haji), *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Kedua 1980.

pergi ke Naning untuk menyerang orang Naning yang dianggap sebagai musuh kepada orang Portugis itu.

Di antara pegawai Portugis itu, ada seorang yang bernama Diego de Azambuja, telah menyatakan kesanggupannya hendak mengetuai angkatan Portugis yang akan pergi ke Naning, dan Joao de Silva telah bersetuju. Peristiwa ini telah berlaku dalam bulan November 1586.

Suatu pasukan mengandungi seratus orang askar Portugis serta enam ratus orang askar orang tempatan dengan membawa empat ratus pucuk senapang pemuras, diketuai oleh Diego de Azambuja serta beberapa orang pegawai Portugis dan dua orang paderi, telah pergi ke Naning.

Pada 12 hari bulan November 1586 angkatan Portugis itu telah sampai di Pangkalan Naning (di Alor Gajah sekarang) dan telah mendarat di situ.

Dari situ askar Portugis berjalan menuju ke Tabuh Naning. Tiada berapa jauh lagi hendak sampai ke Tabuh Naning, askar Portugis itu telah bertembung dengan pasukan Naning seramai dua ribu orang, dan berlakulah pertempuran. Dalam pertempuran itu, orang Naning menggunakan senapang pemuras serta sumpitan yang menggunakan damak beripuh. Orang Portugis pula, selain dari menggunakan senapang pemuras, mereka juga menggunakan meriam dan periuk api. Pada masa itulah juga de Azambuja telah memerintahkan askarnya membakar rumah-rumah orang di Naning, menebang segala pokok serta membinasakan sawah padi. Pendeknya, askar Portugis yang datang itu telah membinasakan Naning. Melihatkan kemusnahan yang telah dilakukan oleh pihak Portugis itu, orang Naning pun berundur menyembunyikan diri ke hutan-hutan tebal di sekitar tempat itu.

Setelah pasukan Portugis membinasakan Naning, Diego de Azambuja telah membawa askarnya menuju ke Rembau. Di Rembau, de Azambuja telah diberitahu oleh orang-orang tempatan mengenai adanya wakil Sultan Johor yang selama ini tinggal di Rembau dan merancang hendak menyerang orang-orang Portugis. Tetapi orang itu telah meninggalkan Rembau, manakala orang Rembau pula memang tidak mahu berperang dengan orang Portugis. Oleh sebab itu de Azambuja tidak menyerang Rembau.

Setelah Diego de Azambuja yakin bahawa tiada lagi apa-apa

bahaya di Rembau dan Naning, ia pun membawa angkatan perangnya balik ke bandar Melaka.

Di sini patutlah disebutkan, iaitu dalam kebanyakan sejarah Naning yang telah ditulis oleh orang barat pada masa yang akhir-akhir ini, mereka mengatakan: sejak itu (1586) Naning pun takluk kepada Portugis sehinggalah datang orang Belanda mengambil bandar Melaka dari tangan Portugis (1641).

Pada hal, dalam sejarah Naning yang berhubungan dengan orang Portugis, hanya didapati kisah-kisah yang menceritakan orang Naning telah membinasakan kebun buah-buahan dan bunga-bunga di tepi Sungai Melaka yang dipunyai oleh orang Portugis dan Serani, dan kisah Diego de Azambuja pergi menyerang dan membakar serta membinasakan Naning sahajalah yang didapati. Tiada pula didapati cerita yang mengatakan Naning pernah takluk di bawah kuasa orang Portugis di bandar Melaka. Dalam pada itu, ada sedikit cerita lagi yang menyebutkan iaitu: pada masa orang Belanda mengepung dan menakluki bandar Melaka dari tangan Portugis (1640-1641), orang Naning ada membantu orang Belanda.

Begitulah berakhirnya kisah mengenai penentangan orang Naning terhadap orang Portugis pada tahun 1586.

JOHOR MEMBANTU BELANDA MENYERANG PORTUGIS (1606)

Pada masa Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur) memerintah di negeri Johor (1597-1615), baginda tidak begitu mengambil berat mengenai pemerintahan negeri, sebaliknya hanya berseronok menghiburkan hati dengan bermain rebana, berbuai-buai duduk bersenang-senang dikipaskan oleh biduan-biduan wanita yang cantik-cantik sambil meminum arak bersama dengan orang-orang besar dan pegawai-pegawai yang masih muda. Oleh sebab itu, pemerintahan dan pertadbiran negeri Johor terserah kepada adindanya (saudara berlain ibu) yang bernama Raja Abdullah dan Bendahara Tun Seri Lanang. Raja Abdullah lebih berakal orangnya daripada abangnya Sultan Alauddin itu dan Raja Abdullah tidak gemar meminum arak hanya sekali-sekala sahaja apabila keadaan memaksa.

Sultan Alauddin bersemayam di Batu Sawar (di tepi Sungai Johor) dan Raja Abdullah bersemayam di istana yang baharu dibuatnya di seberang ke hilir sedikit dari Batu Sawar di suatu tempat yang bernama Pangkalan Raya. Raja Abdullah telah membuat sebuah kota atau kubu dan dengan demikian tempat itu disebut Kota Seberang. Raja Abdullah juga kadang-kadang disebut Raja Seberang. Selain dari itu, Raja Abdullah juga digelar Raja Bongsu, Raja DiHilir dan Yang Dipertuan Hilir.

Raja Abdullah suka bersahabat dengan orang Belanda dan tiada suka kepada orang Portugis. Pegawai-pegawai atau ahli-ahli pelayaran Belanda yang datang singgah di negeri Johor telah disambut dengan baik oleh Raja Abdullah. Di antara pegawai dan ahli pelayaran Belanda yang telah singgah di negeri Johor dan telah berkenalan baik dengan Raja Abdullah ialah Jacob van Heemskerck yang telah datang ke negeri Johor pada tahun 1602, Jacob Pietersz van Enkhuijen yang telah singgah di negeri Johor pada tahun 1603, dan Laksamana Wijbrand van Warwijck yang telah melawat negeri Johor pada bulan Mei 1604. Pada masa itu orang Belanda telah

mendirikan loji perniagaan mereka di negeri Johor (Batu Sawar). Orang Portugis di Melaka telah memberi amaran kepada Sultan Johor supaya jangan berbaik-baik dan kerajaan Johor hendaklah menghalau orang Belanda dari Batu Sawar itu. Tetapi dengan nasihat Raja Abdullah, amaran Portugis itu tiada dipedulikan oleh Sultan Johor, dan Raja Abdullah terus bersahabat baik dengan orang Belanda.

Pada akhir bulan April 1606, Laksamana Belanda bernama Cornelis Matelief yang membawa satu angkatan kapal Belanda mengandungi sebelas buah telah sampai di hujung pelabuhan Melaka lalu berlabuh di situ dengan tujuan hendak menyerang orang Portugis di bandar Melaka.

Raja Abdullah telah menitahkan Raja Negara ketua orang laut yang menjadi Syahbandar di Singapura pergi ke pelabuhan Melaka melihat kalau ada kapal orang Belanda di situ. Pada 5 hari bulan Mei 1606, Raja Negara, dengan dua buah perahunya telah sampai di hujung pelabuhan Melaka dan didapatinya ada beberapa buah kapal orang Belanda sedang berlabuh dan Raja Negara pun balik ke Johor memberitahu Raja Abdullah mengenai hal itu.

Tiada lama lepas itu, Raja Abdullah telah membawa angkatan perang dari Johor mengandungi sebanyak 50 buah perahu serta askar perang seramai 3,000 orang pergi ke Melaka. Angkatan Raja Abdullah itu telah berlabuh dekat dengan angkatan Cornelis Matelief di hujung pelabuhan Melaka. Raja Abdullah telah pergi berjumpa Laksamana Matelief di kapal perangnya yang bernama *Oranje*.

Kedatangan Raja Abdullah telah diterima dengan baik oleh Cornelis Matelief, dan kemudian mereka telah berunding panjang mengenai rancangan mereka hendak menyerang bandar Melaka. Dalam beberapa rundingan yang telah dijalankan kedua-dua pihak juga menetapkan akan menerima hak masing-masing sekiranya berjaya merampas Melaka dari tangan orang Portugis.

Akhirnya, Raja Abdullah bagi pihak kerajaan Johor telah membuat surat perjanjian dengan Laksamana Cornelis Matelief, dan surat perjanjian itu telah ditandatangani oleh Raja Abdullah dan Cornelis Matelief di atas kapal *Oranje* pada 17 hari bulan Mei 1606. Dalam surat perjanjian itu ada menyebutkan bahawa pihak Johor hendak bekerjasama dengan Cornelis Matelief untuk menyerang dan

mengambil negeri Melaka dari tangan orang Portugis. Raja Abdullah dan Matelief telah juga menetapkan hari mula melancarkan serangan ke Melaka.

Esoknya, pada 18 hari bulan Mei 1606, mulalah askar Belanda dan askar Johor seramai 800 orang mendarat di Melaka, iaitu pada suatu tempat tiada berapa jauh di sebelah selatan Kota Melaka (berhampiran Rumah Rehat di bandar Melaka sekarang), tiada berapa jauh dari pintu gerbang Kota Melaka yang bernama Pintu Gerbang San Jago (atau Santiago, yang masih ada lagi hingga sekarang).

Setelah askar Belanda dan Johor mendarat, mereka dapati kampung-kampung di luar bandar Melaka telah dibakar dan telah ditinggalkan dan semua penduduknya telah diperintahkan oleh Portugis berkumpul di bandar Melaka.

Askar Belanda dan Johor itu telah menyerang sampai ke tembok Kota Melaka dan berlakulah pertempuran hebat dengan orang Portugis yang mempertahankan kota Melaka itu.

Oleh sebab orang Belanda yang dibantu oleh Johor itu tidak dapat masuk ke dalam Kota Melaka, mereka telah mengepung dan menyerang Kota Melaka itu dari luar. Pada masa itu, sungguhpun kampung-kampung di sekitar bandar Melaka telah dikatakan keseluruhannya telah dikuasai oleh askar Belanda dan Johor tetapi mereka masih gagal untuk memasuki kota Melaka. Orang-orang Portugis pula terus melawan dengan gigihnya walaupun mereka menghadapi beberapa kesulitan. Dalam pada itu, pihak Portugis yang bertahan dalam Kota Melaka itu telah berikhtiar sedaya upaya menghantar orangnya keluar dari Kota Melaka untuk pergi meminta bantuan dari orang Portugis di Goa.

Kepungan dan serangan askar Belanda yang diketuai oleh Laksamana Cornelis Matelief yang dibantu oleh askar Johor di bawah pimpinan Raja Abdullah ke atas Kota Melaka yang dipertahankan oleh orang Portugis itu telah berlanjutan hingga ke bulan Ogos 1606.

Dalam pertengahan bulan Ogos 1606, Cornelis Matelief telah mendapat berita mengenai satu angkatan perang laut Portugis yang besar dan kuat mengandungi 14 buah kapal perang besar datang dari Goa dan sedang dalam pelayaran menuju ke Melaka. Laksamana Cornelis Matelief dan Raja Abdullah telah memerintahkan semua

askar Belanda dan Johor serta dengan alat kelengkapan mereka supaya berangkat balik ke kapal untuk menanti kedatangan angkatan Portugis yang akan tiba itu.

Pada 17 hari bulan Ogos 1606 angkatan kapal perang Portugis dari Goa itu pun sampai di pelabuhan Melaka dan telah bertempur dengan angkatan Belanda dan Johor.

Hampir seminggu lamanya angkatan Belanda dan Johor bertempur dengan Portugis di pelabuhan Melaka. Dua buah kapal Belanda dan dua buah kapal Portugis telah binasa, dan ramai askar kedua belah pihak yang telah terkorban, lebih-lebih lagi di pihak Portugis. Sungguhpun Laksamana Cornelis Matelief telah berjaya memerangi orang Portugis di pelabuhan Melaka itu, tetapi tiada juga ia dapat mengalahkan orang Portugis di Kota Melaka. Oleh sebab itu, pada 24 hari bulan Ogos 1606 Matelief pun membawa angkatarannya meninggalkan pelabuhan Melaka, dan tidaklah tercapai maksudnya merampas Melaka dari tangan Portugis.

Dalam bulan September 1606 itu juga, Laksamana Cornelis Matelief telah sampai di Batu Sawar (Johor) dan telah membuat perjanjian baru dengan Sultan Alauddin Riayat Shah III mengesahkan semua syarat dalam perjanjian yang telah dibuat oleh Matelief dengan Raja Abdullah di pelabuhan Melaka pada 17 hari bulan Mei 1606 dulu. Dalam perjumpaan itu dibincangkan juga fasal hendak mengepung dan mengambil negeri Melaka dari tangan orang Portugis. Bendahara Tun Seri Lanang yang hadir sama dalam perjumpaan itu telah mengatakan kepada Matelief berkenaan dengan hendak mengepung negeri Melaka itu, orang Melayu lebih suka memulangkan tugas itu kepada orang Belanda saja.

Demikianlah kisah orang Melayu Johor membantu Belanda memerangi orang Portugis di Melaka pada tahun 1606.

JOHOR MEMBANTU BELANDA MENGALAHKAN PORTUGIS (1640-1641)

Pada tahun 1618, Sultan Abdullah Ma'ayat Shah, Sultan Johor, yang bersemayam di Batu Sawar (di tepi Sungai Johor) telah berpindah ke Pulau Linggi. Pada masa itu anak saudara baginda yang bernama Raja Bujang (putera almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah III, Johor) telah pun berada di Pulau Lingga semenjak tahun 1617. Pada tahun itulah (1617) Raja Bujang yang memerintah di negeri Pahang yang dilantik oleh Portugis, telah diusir keluar dari negeri Pahang oleh angkatan Aceh yang datang menyerang Pahang. Raja Bujang lari ke Pulau Lingga.

Setelah lebih kurang lima tahun Sultan Abdullah Ma'ayat Shah bersemayam di Pulau Lingga, pada tahun 1623 Sultan Iskandar Muda Aceh telah menghantar angkatan perang Aceh menyerang dan mengalahkan Pulau Lingga. Sultan Abdullah serta keluarga baginda, Raja Bujang, Laksamana Tun Abdul Jamil serta orang-orang besar baginda telah meninggalkan Pulau Lingga pergi ke Pulau Tambelan (tidak jauh dari pantai Pulau Borneo).

Tetapi tiada lama selepas itu, kira-kira dalam bulan Mac 1623 itu juga, Sultan Abdullah Ma'ayat Shah telah mangkat di Pulau Tambelan, dan digelar *Marhum Tambelan*. Baginda meninggalkan seorang putera yang bernama Raja Bajau, baru berusia lebih kurang dua tahun.

Setelah kemangkatan Sultan Abdullah (Marhum Tambelan), Laksamana Tun Abdul Jamil (kemudiannya bergelar Paduka Raja), orang besar kerajaan Johor yang sangat berkuasa masa itu, telah mengambil kuasa Bendahara lalu melantik Raja Bujang menjadi Sultan Johor menggantikan Marhum Tambelan, bergelar Sultan Abdul Jalil Shah III dengan syarat Raja Bajau putera Marhum Tambelan yang baharu berumur dua tahun itu (saudara sepupu baginda) hendaklah diakui oleh Sultan Abdul Jalil sebagai bakal yang akan menggantikan baginda. Sultan Abdul Jalil bersemayam di Pulau Tambelan juga.

Pada akhir bulan Disember 1636 Sultan Iskandar Muda Aceh telah mangkat. Menantu almarhum itu Raja Mughal putera Raja Ahmad yang berasal dari negeri Pahang, iaitu suami kepada puteri Marhum Mahkota Alam (Iskandar Muda) yang bernama Puteri Seri Alam (atau Puteri Safiatuddin), dilantik menjadi Sultan Aceh menggantikan Marhum Mahkota Alam, bergelar Sultan Iskandar Thani. Sejak itu terjalinlah hubungan baik antara orang-orang besar Pahang dengan kerajaan Aceh, dan Sultan Iskandar Thani telah menganggap negeri Pahang tanah tumpah darahnya itu di bawah takluk baginda (Aceh).

Tiada lama setelah mangkatnya Marhum Mahkota Alam Aceh itu, Sultan Abdul Jalil III telah berbaik-baik dan membuat perjanjian dengan orang Belanda dan akan bekerjasama melawan orang Portugis yang sedang memerintah di Melaka.

Sungguhpun pada masa itu orang Portugis masih lagi memerintah di bandar Melaka, tetapi orang Belanda di Nusantara ini telah bertambah kuat daripada Portugis. Orang Belanda telah mulai dapat menguasai kapal yang belayar di Selat Melaka dan telah menawan beberapa buah kapal Portugis, hinggakan orang Belanda telah berani datang mengintip ke Melaka untuk mengetahui keadaan dan kekuatan Kota Melaka yang masih dipegang oleh orang Portugis itu.

Sultan Abdul Jalil III yang bersemayam di Pulau Tambelan itu, tiada suka melihatkan orang-orang besar Pahang berbaik-baik dengan kerajaan Aceh. Oleh kerana baginda pernah memerintah di negeri Pahang (1615-1617), baginda merasa negeri Pahang adalah tertakluk di bawah pemerintahan baginda juga. Setelah berutus surat meminta bantuan dari orang Belanda, pada tahun 1638 Sultan Abdul Jalil telah menghantar angkatan perang untuk menyerang negeri Pahang, sehingga rakyat dan orang-orang besar Pahang menderita kesusahan akibat serangan daripada bekas rajanya (Pahang) sendiri. Sejak itu Sultan Abdul Jalil Shah III mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Johor-Pahang.

Sultan Iskandar Thani di Aceh telah menghantar bantahan kepada pihak berkuasa Belanda membantah tindakan orang Belanda yang telah membantu Sultan Johor menyerang dan membinasakan negeri Pahang. Sejak itulah juga kerajaan Aceh tidak mahu membantu Belanda yang hendak menyerang orang Portugis di Melaka seperti yang telah dipersetujui oleh Aceh hendak memban-

tu Belanda. Oleh itu tinggal kerajaan Johor sahajalah yang akan membantu memerangi orang Portugis di Melaka.

Pada 5 hari bulan Mei 1640 pihak berkuasa Belanda di Betawi (sekarang Jakarta) telah mengambil keputusan dan menetapkan iaitu orang Belanda akan menakluki Melaka dari tangan Portugis sama ada penaklukan dengan menggunakan pedang (perang) atau menerusi surat perjanjian.

Dua minggu selepas itu, pada 20 hari bulan Mei 1640, dengan perintah Gabenor-Jeneral Antonio van Dieman di Betawi, sebuah angkatan perang Belanda mengandungi empat buah kapal perang, membawa 332 orang askar laut dan darat, dengan diketuai oleh panglima Belanda bernama Adrien Antonisz, telah bertolak dari Betawi menuju ke Melaka. Angkatan perang Belanda itu telah sampai di pelabuhan Melaka pada awal bulan Jun 1640 lalu berlabuh di pelabuhan Melaka berhampiran dengan bandar Melaka dengan tujuan hendak menyerang bandar Melaka. Tetapi serangan itu belum dilancarkan oleh orang Belanda.

Setelah hampir dua bulan lepas itu, pada akhir bulan Julai 1640, Sultan Abdul Jalil III telah menghantar angkatan perang baginda mengandungi 40 buah perahu perang membawa askar Melayu seramai lebih kurang 1,500 orang, diketuai oleh Laksamana Tun Abdul Jamil Paduka Raja pergi membantu orang Belanda yang telah pun berada di pelabuhan Melaka, untuk mengepung dan menyerang orang Portugis di bandar Melaka.

Semenjak itu, pihak berkuasa Belanda di Betawi telah menghantar juga kapal perang, askar, bekalan makanan dan alat senjata kepada pasukan Belanda yang ada di pelabuhan Melaka itu.

Setelah dua bulan lamanya pasukan perang Belanda dan Johor mengepung bandar Melaka pada 3 hari bulan Ogos 1640 dari awal subuh lagi, pasukan perang Belanda yang mengandungi seramai 900 orang yang diketuai oleh Adrien Antonisz, dan askar Johor yang diketuai oleh Laksamana Tun Abdul Jamil Paduka Raja seramai lebih kurang 800 orang, telah mendarat pada suatu tempat di bahagian utara bandar Melaka, iaitu di tempat yang dirasakan selamat dari tembakan meriam Portugis dari Kota Melaka. Pasukan perang Belanda-Johor yang mendarat itu, telah berpecah kepada tiga pasukan besar iaitu pasukan yang di hadapan diketuai oleh Jacob Cooper; pasukan yang kedua diketuai oleh Willemz Caertekoe, dan

pasukan yang di belakang sekali ialah askar Johor diketuai oleh Laksamana Tun Abdul Jamil Paduka Raja.

Dari situ, askar Belanda-Johor terus mara menuju ke bandar Melaka walaupun pada masa itu orang Portugis telah membakar semua rumah yang berhampiran dengan bandar Melaka. Sejak dari awal bulan Ogos 1640 itu mulalah askar Belanda-Johor mengepung dan menyerang Kota Melaka, kerana orang Portugis semuanya telah berkumpul di dalam Kota Melaka, dan mereka juga telah memberikan tentangan yang hebat.

Pada masa itu, selain daripada ramai askar yang berperang itu telah mati terbunuh, ramai pula penduduk bandar Melaka yang telah mati akibat merebaknya penyakit hawar dan penyakit-penyakit yang lain. Di antara askar Belanda yang telah terkorban akibat penyakit hawar itu termasuklah Adrien Antonisz panglima perang Belanda dan Jacob Cooper telah dilantik menggantikannya meneruskan pimpinan pasukan perang Belanda itu.

Tetapi tiada lama selepas itu, pada 3 hari bulan Januari 1614, semasa askar Belanda dan Johor masih lagi mengepung dan menghentam Kota Melaka dengan tembakan meriam, Jacob Cooper pula telah mati disebabkan penyakit hawar, kemudian digantikan oleh Williems Caertekoe untuk mengetuai askar Belanda meneruskan kepungan dan serangan ke Kota Melaka yang dipertahankan oleh orang Portugis.

Setelah sebelas hari lamanya Willems Caertekoe mengepung dan membedil Kota Melaka, iaitu setelah lima bulan dua belas hari lamanya askar Belanda dan Johor mengepung dan membedil Kota Melaka sejak dari 3 hari bulan Ogos 1640 dulu, akhirnya pada pukul 10.00 pagi, 14 hari bulan Januari 1641, Caertekoe telah berjaya menembusi Kota Melaka dan membawa askarnya serta askar Johor masuk ke dalam Kota Melaka menyerang orang Portugis yang ada dalam Kota Melaka itu. Oleh sebab orang Portugis tiada tertahan lagi akan serangan askar Belanda yang dibantu oleh askar Melayu itu, Gabenor Portugis di Melaka yang bernama Manuel de Souze Cautinho itu pun menyerah kalah kepada Willems Caertekoe, dan mulai dari masa itu Melaka pun terlepas dari tangan Portugis dan jatuh ke tangan orang Belanda pula. Dua hari selepas kejatuhan Melaka, Manuel de Souza Cautinho telah meninggal dunia dan telah

dikebumikan oleh Willems Caertekoe dengan penuh istiadat ke-bormatan tentera.

Mengikut keterangan daripada orang Portugis: dalam masa lima bulan orang Belanda mengepung dan memerangi Kota Melaka itu, ada lebih kurang seramai 7,000 orang dalam bandar Melaka telah mati atau lari meninggalkan bandar Melaka; askar Belanda yang telah terbunuh kerana perang dan penyakit hawar adalah seramai lebih kurang seribu orang, dan setelah Melaka dapat ke tangan Belanda pada 14 hari bulan Januari 1651, penduduk di bandar Melaka hanya ada seramai empat ratus orang.

Mengenai orang Melayu Johor yang diketuai oleh Laksamana Tun Abdul Jamil Paduka Raja, yang membantu orang Belanda mengepung dan mengalahkan Melaka itu, dalam Hikayat Hang Tuah ada diceritakan demikian:

Maka orang Johor pun pergilah membantu Belanda menyerang Feringgi di negeri Melaka itu dan Datuk Paduka Raja akan panglimanya. Maka segala orang Feringgi itu pun habislah lari, berhimpun masuk ke dalam Kota Melaka itu, tiadalah boleh keluar lagi, ditunggu berkeliling kota Melaka itu oleh orang Belanda dan orang Johor. Maka dilawannya dari dalam Kota itu oleh Feringgi terlalu ramai pada masa itu, gemuruh bunyi bedil, gegap-gempita bunyi tempik segala hulubalang dan rakyat sekalian. Maka beberapa kali dilanggarnya Kota Melaka itu, tiada juga alah.

Maka Datuk Paduka Raja pun menyuruh orangnya berbuat tangga dan sigai itu. Setelah sudah diperbuatnya, maka pada ketika yang baik, pada waktu dinihari, maka dilanggarnya Kota Melaka itu, lalu disandarnya tangga dan sigai itu pada kota, maka dipanjat-nya naik. Maka beberapa ratus orang Johor dan orang Belanda serta dengan Datuk Paduka Raja memanjat kota itu, bercawat bulat. Maka Feringgi yang duduk itu, tiadalah taksir lagi memarang dengan pedang dan syamsirnya dan memanah dan memalu dengan pahat besi berduri seperti durian, ada yang melontar dengan batu.

Maka banyaklah orang Johor dan orang Belanda mati pada ketika itu. Maka Datuk Paduka Raja pun tiadalah sabarkan dirinya lagi, lalu bercawat bulat, dipanjatnya Kota Melaka itu dengan pedang bertelanjang seorang sebilah. Maka Datuk Paduka Raja pun lepas masuk ke dalam kota itu, kira-kira ada tiga puluh orang saja, lain daripada itu semuanya habis mati, yang lepas itu semuanya

habis balik. Maka Datuk Paduka Raja pun mengamuklah di dalam negeri Melaka itu, memarang dengan pedangnya dan segala orang yang sertanya tiga puluh itu. Seketika juga berperang, maka Feringgi itu pun habis mati, mana yang hidup semuanya habis lari keluar kota. Maka diturut oleh segala orang yang di luar itu. Maka Feringgi itu semuanya habis mati. Maka negeri Melaka pun alahlah, dan ditawan oleh orang Belanda.

Maka terlalu banyak orang Belanda dan orang Johor beroleh rampasan itu, tiada terkira-kira lagi akan bedil dan senjata dan harta pun bertimbun-timbun. Maka harta dan senjata yang diperoleh itu, semuanya dibahagi dua, akan orang Belanda sebahagi dan orang Johor sebahagi. Maka terlebih juga diambil oleh orang Johor.

Maka orang Johor pun kembalilah dengan kemenangannya, membawa harta dan senjata terlalu banyak. Maka sebab janji itu, jadi tiadalah diambilnya negeri dengan segala anak sungainya itu oleh orang Belanda yang duduk di Melaka dan Jayakarta (Jakarta sekarang).

Demikianlah kisah orang Belanda yang dibantu oleh orang Johor mengambil negeri Melaka dari tangan Portugis.

NANING DAN REMBAU MENENTANG BELANDA (KURUN MASIHI KE-17)

Semasa orang Belanda yang dibantu oleh orang Johor mengepung kemudian merampas bandar Melaka dari tangan orang Portugis, iaitu dari bulan Jun 1640 hingga bulan Januari 1641 dulu, orang Naning dan Rembau juga telah membantu orang Belanda, dan pertolongan mereka itu dihargai oleh orang Belanda. Tetapi, sebagai kebiasaan kepada orang yang menang dalam peperangan, pada masa kacau-bilau di bandar Melaka itulah (Januari 1641) orang Naning dan Rembau telah mengambil kesempatan merampas seberapa banyak harta benda dan alat senjata, bahkan mereka telah menawan pula ramai orang bandar Melaka yang beragama Kristian, dibawa ke Naning dan Rembau dijadikan hamba abdi.

Setelah orang Belanda menakluki bandar Melaka, daerah Naning yang berpuluh batu jauhnya di pedalaman bandar Melaka itu telah dikirakan juga takluk kepada Belanda. Oleh sebab itu dengan tidak berlembah lagi pegawai-pegawai Belanda di bandar Melaka pun membuat perhubungan dengan datuk-datuk empat suku yang memerintah di Naning.

Beberapa orang pegawai Belanda dari bandar Melaka telah datang ke Naning, berunding dengan datuk-datuk empat suku dan orang tua-tua di Naning. Keputusan rundingan itu, dengan persetujuan datuk-datuk empat suku dan datuk-datuk lain yang kanan di Naning, orang Belanda telah melantik seorang suku Biduanda di Naning yang dipilih oleh orang Naning sendiri dijadikan Penghulu Naning, bergelar Orang Kaya Datuk Seraja Merah I, beliaulah Penghulu Naning yang pertama. Datuk Seraja Merah itu menjalankan pemerintahannya di Naning dengan dibantu oleh datuk-datuk empat suku yang ada di Naning itu.

Setelah orang Belanda melantik Penghulu di Naning itu, orang Belanda pun meminta orang Naning supaya mengembalikan semua alat senjata dan perkakas serta orang Kristian yang telah dirampas dan ditawan oleh orang Naning dan Rembau di bandar Melaka dulu.

Permintaan orang Belanda itu telah dipersetujui oleh Datuk Seraja Merah I, dan mengakui akan mengembalikan alat senjata dan perkakas serta hamba abdi yang telah dirampas dan ditawan oleh orang Naning di bandar Melaka itu kepada orang Belanda.

Tetapi persetujuan dan pengakuan yang telah dibuat oleh Penghulu Naning untuk mengembalikan alat senjata, perkakas dan hamba abdi kepada orang Belanda itu, tidak dipersetujui oleh orang-orang Naning. Oleh sebab itu timbullah perselisihan di antara rakyat Naning dengan Penghulu Naning.

Apabila pihak Belanda mengetahui berkenaan kekacauan di Naning itu, maka pada masa itu terbukalah kesempatan orang Belanda untuk memasukkan kuasanya ke Naning. Gabenor Johan van Twist, Gabenor Belanda di bandar Melaka masa itu, telah menghantar seorang pegawainya bernama Alexander Mendes dengan satu pasukan kecil askar Belanda pergi ke Naning dengan tujuan "hendak menyelesaikan huru-hara" di Naning dan "menetapkan hak kekuasaan Belanda" di situ.

Sampai di Naning, Alexander Mendes telah berunding dengan Penghulu Naning dan datuk-datuk empat suku serta orang tua-tua di Naning. Oleh sebab Penghulu Naning dengan kebanyakan datuk-datuk empat suku yang mewakili rakyat Naning itu tidak sehaluan, datuk-datuk itu pun mengambil keputusan memberitahu Mendes iaitu mereka akan datang ke bandar Melaka berunding dengan Gabenor dan pegawai-pegawai tinggi Belanda bagi menyelesaikan hal Naning itu. Permintaan datuk-datuk empat suku dan datuk-datuk yang kanan di Naning itu telah disetujui oleh Mendes. Mendes pun balik ke bandar Melaka.

Dalam bulan Julai 1641 itu juga, beberapa orang datuk-datuk yang kanan di Naning bersama dengan Wakil Penghulu Naning telah datang ke bandar Melaka berjumpa dengan Gabenor dan pegawai-pegawai tinggi Belanda. Dalam suatu perundingan di antara datuk-datuk dari Naning dengan pegawai Belanda yang telah diadakan pada 24 hari bulan Julai 1641, datuk-datuk dari Naning itu telah memberitahu Gabenor dan pegawai tinggi Belanda bahawa mereka telah bersetuju dan berjanji akan memasukkan Naning dan kampung di sekitarnya yang masuk dalam daerah Naning ke bawah perintah Belanda.

Lebih kurang tiga minggu selepas itu, pada 15 hari bulan Ogos

1641, datuk-datuk dari Naning itu bagi pihak Naning telah membuat surat perjanjian dengan Gabenor dan pegawai tinggi Belanda di bandar Melaka bagi pihak Kompeni Belanda mengenai penyerahan Naning masuk ke dalam perintah Belanda.

Syarat di dalam surat perjanjian pada 15 hari bulan Ogos 1641 itu mengandungi 23 fasal yang panjang huraianannya. Dalam syarat itu antara lain ada menyebutkan:—

Datuk-datuk dari Naning itu bersetuju dan mengaku bahawa Naning dan kampung-kampung di sekitarnya masuk ke bawah perintah Belanda; datuk-datuk dan rakyat Naning mengaku taat setia kepada kerajaan Belanda dan Kompeni Belanda; Naning mengaku membayar kepada Belanda tiap-tiap tahun suatu cabutan satu persepuluh daripada hasil-hasil padi, buah-buahan, sirih dan lada hitam yang dikeluarkan dari Naning; mengaku akan menyerahkan siapa-siapa orang Naning yang bersalah melawan Belanda supaya dihukum, dan juga menyerahkan hamba abdi yang lari dari tuannya; dalam tempoh yang ditetapkan Naning akan menyerahkan kepada Belanda semua alat perkakas dan senjata seperti cangkul, bedil, keris, lembing, pedang, ubat bedil, peluru dan lain-lain seumpamanya; barang-barang itu tiada boleh dijual atau dipindahkan ke tempat lain oleh orang-orang Naning; orang-orang Naning tidak boleh sekali-kali mengkhatakan (menyunatkan) atau menjual sebarang orang penduduk Melaka kepada siapa-siapa pun; jika ada hamba abdi dari Naning yang lari ke Melaka kerana hendak masuk agama Kristian, orang Naning tuan punya hamba abdi itu akan diberi wang sagu hati sebanyak separuh daripada harga tebusan hamba abdi itu apabila hamba abdi itu ditebus di Melaka. Orang-orang Naning tiada boleh berniaga dan berdagang dengan sebarang bangsa asing lain daripada Belanda; sebarang orang beragama Kristian dibenarkan tinggal di Naning dengan syarat orang itu bekerja bercucuk tanam di Naning serta membayar cukai kepada Belanda seperti lain-lain orang di Naning juga; jika ada orang Naning yang mati dengan tiada meninggalkan warisnya yang berhak, harta peninggalan si mati itu separuh akan diambil oleh Belanda dan separuh lagi diambil oleh Penghulu Naning; orang Naning tiada boleh berniaga dan berdagang di Sungai Penajis (cabang Sungai Linggi yang boleh sampai ke Naning dan Rembau); barang-barang dagang dari Naning hendaklah dibawa menghilir Sungai Melaka saja, datang ke bandar Melaka dan berhenti dekat bangsal yang telah disediakan di situ iaitu membayar cukai perahu dan cukai barang-barang dagangan yang dibawa itu mengikut sebanyak yang ditetapkan oleh pegawai-pegawai Belanda yang ada di situ, dan kepada pegawai-pegawai Belanda itu pun akan diberi juga pembayaran untuk mereka; orang-orang Naning tidak dibenarkan keluar dari Naning dengan tiada surat kebenaran dari Penghulu Naning yang bercap dengan cap Belanda; orang-orang Minangkabau dari tempat lain tiada dibenarkan datang diam atau melawat ke Naning dengan tiada surat kebenaran dari Belanda, dan jika dibenarkan masuk pun, orang itu akan membayar cukai kepala untuk masuk dan keluar dari Naning.

Demikianlah di antara perkara yang terkandung dalam surat perjanjian di antara Belanda dengan Naning itu, dan nyatalah bahawa perjanjian itu berat sebelah dan lebih menguntungkan orang Belanda saja.

Surat perjanjian itu telah ditandatangani oleh Gabenor Johan van Twist dan pegawai-pegawai tinggi Belanda yang lain di bandar Melaka bagi pihak Kompeni Belanda, dan oleh datuk-datuk yang datang dari Naning bagi pihak Naning.

Datuk-datuk dari Naning yang membuat surat perjanjian dengan orang Belanda pada 15 hari bulan Ogos 1641 itu, mengikut keterangan dari riwayat orang Belanda adalah terdiri dari Tok Lela Pahlawan (sebagai ketua), Raja Merah Perpatih Suatang, Marangga Mata Merah dan (Datuk) Bangsa Diraja. Kampung-kampung di sekitar Naning yang dihitungkan termasuk dalam daerah Naning ialah Melekik, Perling, Inar(?), Kemus (Kemuning?), Cerana Putih, Batu Hampar dan Sebang.

Pada akhir tahun 1641, oleh kerana memenuhi permintaan orang Naning yang berkehendakkan seorang pegawai Belanda memerintah di Naning, maka Gabenor Belanda di bandar Melaka telah menghantarkan seorang pegawainya berbangsa Portugis yang telah menyebelahi Belanda, bernama Pero d'Abreu atau disebut juga Si Muka Merah, pergi ke Naning. Pero d'Abreu telah menjadi pemerintah di Naning dan digelar "Temenggung". Adapun Pero d'Abreu itu, semasa orang Portugis memerintah di Melaka dulu, beliau menjadi pemerintah di Rengit, dalam negeri Johor. Pada masa orang Belanda mula memerintah Melaka, Pero d'Abreu telah datang ke Melaka masuk menyebelahi Belanda. Tiada berapa lama Pero d'Abreu tinggal di Naning sebagai "Temenggung" Belanda itu, pihak berkuasa Belanda di bandar Melaka, lebih-lebih lagi setelah seorang pembesar Belanda bernama Schouten telah datang melawat bandar Melaka, berpendapat bahawa Pero d'Abreu itu adalah seorang yang tiada berkebolehan menjalankan pertadbiran pemerintahan. Oleh yang demikian ia pun diberhentikan daripada jawatan "Temenggung" di Naning itu.

Sungguhpun Naning telah membuat surat perjanjian dengan orang Belanda pada 15 hari bulan Ogos 1641, tetapi syarat yang terkandung dalam perjanjian itu tiada diikuti oleh orang Naning kerana perjanjian itu berat sebelah, hanya mengikat orang Naning

dan menguntungkan orang Belanda. Janji dan akuan yang dibuat oleh Naning hendak mengembalikan semua alat senjata, perkakas dan hamba abdi (Kristian) yang ada di Naning kepada Belanda itu tidak juga dibuat oleh orang Naning, sebaliknya hamba abdi Kristian itu mereka jual ke Bengkalis, pada hal masa itu orang Belanda di bandar Melaka sangat menghendaki pekerja untuk membaiki Kota Melaka. Cabutan satu persepuluh daripada hasil padi, buah-buahan dan lada hitam dari Naning juga tidak diberikan kepada Belanda.

Pada akhir tahun 1641 itu juga, seorang "Syahbandar" Belanda di bandar Melaka bernama Jan Menie dengan satu pasukan askar Belanda telah pergi menyekat Sungai Penajis dengan batang kayu yang dilintangkan di sungai itu supaya tidak dapat dilalui oleh orang Naning dan Rembau. Jan Menie telah juga menangkap dua buah perahu orang Naning yang bermuat barang dagangan di Sungai Penajis, iaitu sebagai menghukum perbuatan orang Naning menjual hamba abdi beragama Kristian di Pulau Bengkalis. Pada 20 hari bulan Januari 1642, Jan Menie dan angkatannya itu pun balik semula ke bandar Melaka.

Dalam bulan Februari 1642, Gabenor Belanda di Melaka telah menghantarkan seorang pegawainya bernama Francisco Carvaiglio pergi ke Naning kerana menebus beberapa orang hamba abdi Kristian yang ditawan di Naning, dan hamba abdi yang telah ditebus itu dibawa balik ke bandar Melaka.

Setelah Francisco Carvaiglio balik ke bandar Melaka, Syahbandar Jan Menie dengan angkatannya mengandungi sepuluh orang Belanda dan dua belas orang askar pergi pula ke Naning dan Rembau menebus hamba abdi Kristian di tempat itu. Pada 27 hari bulan Februari 1642, iaitu setelah selesai tugasnya, Jan Menie pun balik ke bandar Melaka dengan membawa tiga puluh orang hamba abdi Kristian yang telah ditebusnya di Naning dan Rembau.

Pada bulan hadapannya, bulan Mac 1642, Syahbandar Jan Menie dengan dua belas buah perahu membawa lima puluh orang askar yang lengkap bersenjata, telah dihantar memudiki Sungai Melaka pergi ke Naning, kerana hendak mengambil bayaran cabutan satu persepuluh daripada hasil di Naning seperti yang telah diperakui oleh Penghulu dan orang-orang besar Naning. Apabila Jan Menie sampai di Naning, mengikut riwayat orang Belanda: pada

masa itu mereka dapati Naning dalam kacau-bilau kerana datuk-datuk di Naning tidak betul menjalankan pertadbiran, mereka selalu berselisih faham dan berdengki khianat antara satu dengan lain. Oleh sebab itu Jan Menie pun mengumpulkan datuk-datuk itu lalu memerintahkan mereka menjalankan pentadbiran dan pemerintahan dengan betul, dan telah menyuruh datuk-datuk itu bersumpah dengan Al-Quran mengaku akan menjalankan pemerintahan di Naning dengan baik.

Dalam bulan Mei 1642, datuk-datuk empat suku di Naning telah datang ke bandar Melaka membawa 2.000 gantang padi diberikan kepada pihak berkuasa Belanda sebagai ufti.

Pada 7 hari bulan September 1642, satu rombongan dari bandar Melaka yang diketuai oleh Syahbandar Jan Menie, Kapten Alexander Mendes dengan membawa seorang penulis bangsa Melayu bernama Abdul Kadir (ayah Abdullah Munshi), telah pergi ke Naning, untuk mengkaji dan menyiasat mengenai orang *Benua* iaitu satu puak orang Jakun yang ada di hulu Melaka.

Dalam bulan Oktober 1642 orang Naning telah meminta pihak berkuasa Belanda di bandar Melaka supaya cabutan satu persepuluh hasil padi, buah-buahan dan lada hitam dari Naning itu, hendaklah dibayar dengan wang atau lada hitam saja, dan mereka dikehendaki menjualkan lada hitam itu dengan harga 30 crusados (wang Belanda) setiap satu bahara. Belum pun pembayaran itu dilakukan oleh orang Naning, telah berlaku suatu peristiwa yang menimbulkan kemarahan orang Naning, iaitu orang Belanda telah menghalau seorang datuk di Naning bernama Tok Lela Pahlawan keluar dari Naning. Oleh sebab itu orang Naning tidak mahu membayar cabutan satu persepuluh dari hasil Naning itu kepada Belanda. Pada akhir tahun 1642 telah kelihatan tanda-tanda yang menunjukkan bahawa orang Naning hendak memberontak melawan Belanda.

Pada awal tahun 1643, Gabenor Jeremias van Vliet, Gabenor Belanda di bandar Melaka, telah menghantar pegawainya bernama Kapten Laurens Forsenburg dan Syahbandar Jan Menie serta enam orang askar Belanda pergi ke Naning, dan Gabenor telah mengisytiharkan bahawa pemergian angkatan Belanda itu ialah kerana hendak menyelesaikan perselisihan di antara datuk-datuk di Naning dengan rakyat Naning. Tetapi yang sebenarnya ialah hendak

mematahkan hasrat orang Naning yang hendak bangun mem-berontak melawan orang Belanda itu.

Semasa dalam perjalanan dari Naning hendak pergi ke Rembau, dalam hutan rimba belantara di situ, angkatan Belanda itu telah diserang hendap oleh orang Rembau. Laurens Forsenburg, Syah-bandar Jan Menie serta enam orang askar Belanda telah dibunuh oleh orang Rembau.

Apabila mendengar berita itu, Gabenor Jeremias van Vliet telah menghantar satu pasukan seramai 20 orang lagi untuk membantu angkatan Forsenburg dan Jan Menie itu. Tetapi pasukan Belanda itu juga telah diserang hendap oleh orang Rembau dalam hutan di antara Naning dengan Rembau. Setelah sarjan yang mengetuai angkatan Belanda itu terbunuh, orang-orangnya yang lain itu pun bertempiran lari menyelamatkan diri dan balik semula ke bandar Melaka.

Pada 3 hari bulan Februari 1643 Gabenor Jeremias van Vliet sendiri telah membawa satu pasukan askar Belanda hendak pergi ke Naning dan Rembau untuk membalas perbuatan orang Naning dan Rembau yang telah menyerang dan membunuh askar-askar Belanda itu. Tatkala angkatan Belanda itu dalam perjalanan di hutan belantara menuju ke Rembau, pasukan itu telah juga diserang hendap oleh orang Rembau. Tiga puluh orang daripada askar yang dibawa oleh Gabenor Jeremias van Vliet itu telah terbunuh, dan Gabenor van Vliet sendiri dengan susah payah dan hampir-hampir lagi terbunuh telah berjaya melepaskan diri balik ke bandar Melaka, tetapi sebuah peti duit yang mengandungi sebanyak 14,000 ringgit Belanda kepunyaan gabenor itu telah tertinggal dan telah diambil oleh orang Rembau.

Kira-kira pada masa inilah juga Sultan Johor iaitu Sultan Abdul Jalil Shah III telah terkejut mendengar berita kematian Syahbandar Jan Menie yang telah diserang hendap oleh orang Rembau itu. Baginda telah menghantarkan dua orang utusan yang bernama Hang Kamis dan Hang Sikam pergi ke Melaka berjumpa Gabenor Belanda untuk menyatakan dukacita baginda akan kematian sahabat baik baginda Jan Menie itu.

Pada masa itu perniagaan di bandar Melaka telah merosot, kerana orang Naning tiada datang membawa dagangan ke bandar Melaka.

Setelah Gabenor Jeremias van Vliet balik ke bandar Melaka, orang Belanda pun berunding kerana hendak membalas bela di atas perbuatan orang Naning dan Rembau yang telah membunuh orang Belanda itu. Gabenor van Vliet, telah melengkapkan satu angkatan mengandungi seramai 300 orang, diketuai oleh seorang saudagar Belanda bernama Jan Hermansz, hendak dihantar pergi ke Naning dan Rembau. Dalam masa orang Belanda sedang bersiap-siap itu, tiba-tiba orang-orang di bandar Melaka telah heboh dan kacau-bilau kerana ramai orang mengatakan orang dari Naning dan Rembau dalam satu angkatan yang besar telah datang menyerang ke bandar Melaka. Walaupun berita yang dihebohkan itu sebenarnya palsu, yakni tidak ada orang Naning dan Rembau datang menyerang bandar Melaka, tetapi pihak berkuasa Belanda telah membatalkan pemergian angkatan yang disiapkan hendak pergi ke Naning dan Rembau itu. Dua tahun kemudian, iaitu pada bulan Februari 1645, baharulah orang Belanda menghantar angkatannya ke Naning dan Rembau seperti yang akan diceritakan selanjutnya.

Pada 5 hari bulan Mei 1643 sekumpulan orang Rembau telah datang ke Sungai Baru Melaka lalu menyerang dan membakar sebuah perahu nelayan yang dipunyai oleh rakyat Melaka dan membunuh dua orang yang ada dalam perahu itu.

Dalam bulan Mei 1643 itu juga, orang Naning dan Rembau telah menghadapi kesukaran hendak menjalankan perniagaan dan perdagangan di Sungai Penajis, kerana orang Belanda telah menghantar pasukan askarnya menyekat pelayaran orang Naning dan Rembau di sungai itu. Untuk mengatasi kesulitan itu, Penghulu Naning pun bercadang hendak berdamai dengan orang Belanda. Tetapi cadangan beliau itu tidak dilaksanakan kerana beliau takut kemungkinan orang Rembau tidak suka dengan cadangan itu. Dalam pada itu perniagaan dan perdagangan di bandar Melaka terus juga merosot dan kebun-kebun di tepi Sungai Melaka tiada seorang pun yang berani mengerjakannya, kerana takut diserang oleh orang Naning. Semenjak itu lebih setahun lamanya tiadalah berlaku apa-apa pertempuran di antara orang Naning dan Rembau dengan orang Belanda.

Dalam bulan Ogos 1644, lima orang Naning yang telah melawan orang Belanda telah ditangkap lalu dihukum bunuh oleh orang Belanda di bandar Melaka. Tiada lama selepas itu dua orang

Rembau pula telah ditangkap oleh orang Belanda. Kira-kira pada masa inilah pihak berkuasa Belanda telah menghantar seorang pegawainya bernama Peter Saurij pergi ke negeri Johor membuat perdamaian antara Belanda dengan Johor.

Oleh sebab kejayaan orang Naning dan Rembau membunuh Laurens Forsenburg, Jan Menie serta beberapa orang askar Belanda dan telah mengambil peti wang Gabenor Jeremias van Vliet mengandungi sebanyak 14,000 ringgit dulu, dan oleh sebab kemarahan mereka di atas perbuatan orang Belanda membunuh orang Naning dan Rembau itu maka dalam bulan Ogos 1644 itu juga, orang Naning seramai seribu orang telah datang menyerang bandar Melaka untuk menghapuskan orang Belanda. Orang Naning juga telah membinasakan kebun-kebun di Bukit Cina di pinggir bandar Melaka. Beberapa pertempuran telah berlaku di antara orang Naning dengan askar pihak Belanda. Akhirnya pihak Belanda berjaya mengalahkan orang Naning.

Lima bulan kemudian pada 8 hari bulan Februari 1645 satu angkatan perang Belanda mengandungi seramai 350 orang askar, diketuai oleh pegawai Belanda yang bernama Joan Truijtmán dan dibantu oleh Leftenan Hans Cruger, telah bertolak dari bandar Melaka dengan tujuan hendak "membinasakan" Naning dan Rembau. Sampai di Naning, askar Belanda itu telah membakar Kampung Melekik dan membinasakan kebun buah-buahan dan sawah padi. Orang Belanda telah mendirikan kubu di situ yang diperbuat daripada batang-batang pokok. Oleh sebab askar Belanda yang berkubu di Kampung Melekik itu telah kekurangan bekalan makanan, dan mereka juga akan menghadapi askar Naning seramai lebih kurang dua ribu orang, maka Truijtmán dan Cruger pun berkira-kira hendak balik semula ke bandar Melaka. Tetapi mereka tidak dengan serta-merta meninggalkan Kampung Melekik kerana dikhuatiri akan diketahui oleh orang Naning yang mereka kekurangan bekalan makanan. Dua hari kemudian, barulah mereka meninggalkan Naning dengan secara bersembunyi-sembunyi balik ke bandar Melaka. Di samping itu juga, orang Naning tidak berdiam diri, secara rahsia mereka datang ke bandar Melaka dan menawan beberapa orang yang beragama Kristian dan dibawa ke Naning dijadikan hamba abdi.

Sejak dari serangan orang Belanda di Kampung Melekik itu,

lebih kurang setahun lamanya tiada berlaku apa-apa pertempuran di antara orang Naning dan Rembau dengan orang Belanda.

Pada bulan Februari 1646 berlaku suatu peristiwa. Pada masa itu, Gabenor Arnold de Vlaming van Outshorn, Gabenor Belanda di bandar Melaka, telah melengkapkan angkatan perang mengandungi seramai 570 orang askar (termasuk 290 orang askar orang putih), diketuai oleh Penolong Gabenor bernama Valerio van Gistelen, hendak pergi menyerang Naning.

Setelah lima hari lamanya askar pihak Belanda itu berjalan menempuh hutan belantara antara bandar Melaka dengan Naning, baharulah mereka sampai di Naning, lalu membuat kubu di situ. Pada masa itu askar Belanda telah melakukan tindakan yang ganas itu membakar rumah dan menebang 800 batang pokok kelapa, pinang dan pokok buah-buahan dan juga membinasakan sawah padi.

Apabila orang Naning menderita akibat kerosakan kampung halaman, dusun dan sawah padi yang telah dibinasakan oleh askar Belanda itu, beberapa orang datuk dan orang tua-tua Naning telah datang menemui ketua orang Belanda untuk membuat perdamaian. Ketua orang Belanda itu telah menerima permintaan wakil Naning itu, tetapi orang Belanda itu meminta beberapa syarat yang mesti dipenuhi oleh orang Naning dan Rembau. Antara syaratnya ialah:

Tiga orang datuk di Naning dan tiga orang datuk di Rembau hendaklah dihukum bunuh sebagai membalas bela di atas kematian Laurens Forsenburg dan Jan Menie; tiga puluh orang di Naning dan di Rembau hendaklah juga dibunuh sebagai membalas bela kematian tiga puluh orang askar Belanda yang telah terbunuh (tahun 1643); semua orang pihak Belanda yang telah diculik oleh orang Naning dan Rembau, serta wang 14,000 ringgit dengan petinya sekali kepunyaan Gabenor Jeremias van Vliet dulu, hendaklah dikembalikan kepada orang Belanda; orang Naning dan Rembau hendaklah membayar perbelanjaan angkatan Belanda yang datang itu; datuk di Naning dan Rembau hendaklah datang ke bandar Melaka dan dengan kepala bergondol datang mengadap pegawai-pegawai Belanda, meminta maaf kepada Belanda akan kesalahan yang telah dilakukan oleh orang Naning dan Rembau itu. Setelah mengatakan syarat-syarat itu kepada orang Naning dan Rembau pada 10 hari bulan Mac 1646 angkatan Belanda itu pun balik ke bandar Melaka.

Tiada lama selepas itu, tujuh orang datuk dari Naning dan Rembau telah datang menemui Gabenor dan pegawai-pegawai tinggi Belanda di bandar Melaka. Datuk-datuk dari Naning itu telah menyatakan mereka keberatan menerima syarat hendak membunuh datuk-datuk dan orang-orang mereka seperti yang dikehendaki oleh orang Belanda, manakala syarat-syarat yang lain itu akan mereka penuhi seberapa boleh. Gabenor Belanda itu menyatakan ia tiada berkuasa untuk memberikan pengampunan seperti yang dikehendaki oleh datuk-datuk itu. Jika sekiranya datuk-datuk itu mahu menunggu lagi di bandar Melaka, bolehlah permintaan maaf dari mereka itu dipanjangkan kepada pihak berkuasa Belanda yang tertinggi di Betawi, kerana pihak berkuasa Belanda yang ada di Betawi itu sajalah yang berkuasa boleh memberi "kemaafan". Datuk-datuk dari Naning dan Rembau itu telah bersetuju akan menanti di bandar Melaka, supaya permintaan mereka itu disampaikan ke Betawi.

Apabila permintaan datuk Naning dan Rembau menerusi Gabenor Belanda di Melaka itu sampai ke Betawi, pegawai-pegawai pihak berkuasa Belanda di Betawi telah menimbangkan permintaan datuk Naning dan Rembau itu dengan teliti sambil memandang kepada beberapa peristiwa yang telah berlaku di antara Naning dan Rembau dengan orang Belanda di Melaka.

Pihak berkuasa Belanda di Betawi memberikan kesimpulan: angkatan Belanda yang diketuai oleh Valerio van Gistelen yang pergi ke Naning pada bulan Februari 1646 dulu, sebenarnya telah melakukan beberapa kerosakan di Naning. Penentangan yang telah dilakukan oleh orang Naning dan Rembau terhadap angkatan Belanda pada masa Gabenor Jeremias van Vliet dulu, terutama disebabkan oleh tindakan gopoh yang telah dibuat oleh Gabenor itu sehingga orang Naning dan Rembau melawan orang Belanda. Pihak berkuasa Belanda di Betawi bersetuju dengan pihak Belanda di Melaka yang hendak menjatuhkan hukuman berat ke atas Naning dan Rembau itu, supaya menjadi amaran kepada orang lain. Tetapi sebaliknya jika difikirkan kenapa pembunuhan itu berlaku, sebenarnya adalah disebabkan oleh tindakan pegawai-pegawai Belanda itu sendiri. Maka pihak berkuasa Belanda merasakan jika hukuman bunuh itu dijalan juga, akan berpanjanganlah permusuhan di antara Naning dan Rembau dengan orang Belanda dan akan berlakulah

pula beberapa pertempuran yang menumpahkan darah dan mengorbankan nyawa; oleh itu pembesar Belanda di Betawi tentu merasa lega jika permusuhan itu ditamatkan saja. Dalam pada itu, pihak berkuasa Belanda di Betawi berkehendakkan supaya Gabenor Belanda di Melaka menyelesaikan perkara itu dengan adil dan saksama supaya dihormati dan tindakannya itu berfaedah. Setelah menimbangkan perkara itu dari berbagai segi seperti yang disebutkan itu, dan juga supaya mendatangkan keamanan yang sebenarnya bagi orang Naning dan Rembau, dan untuk kebajikan negeri Melaka juga, maka pihak berkuasa Belanda di Betawi telah memerintahkan Gebenor Belanda di Melaka supaya hukuman bunuh yang dikenakan kepada orang Naning dan Rembau itu dibatalkan saja dengan syarat barang-barang yang telah dicuri dan hamba abdi itu dikembalikan kepada orang Belanda di Melaka.

Dalam bulan Jun 1646 surat perintah dari pihak berkuasa Belanda di Betawi itu telah sampai kepada Gabenor Belanda di Melaka, lalu disampaikan kepada datuk dari Naning dan Rembau yang telah menanti sekian lama di bandar Melaka itu. Permintaan mereka supaya Belanda membatalkan hukuman bunuh itu telah diperolehi.

Tiada berapa lama selepas itu, datuk-datuk dari Naning dan Rembau itu telah menyatakan kepada Gabenor dan pegawai-pegawai Belanda di Melaka bahawa orang Naning dan Rembau hidup dalam kemiskinan dan mereka tidak sanggup membayar perbelanjaan angkatan Belanda yang datang ke Naning itu, mereka hanya memberikan kepada Belanda sedikit wang dan barang dagangan saja. Pada masa itu pihak Naning telah memberikan kepada Belanda, 6 orang hamba abdi, 2 buah tempat lilin yang dibuat dari perak, 2 buah sudu perak, 8 buah dulang perak, dua helai baju jubah, 2 helai seluar dalam, dan sehelai kain satin merah. Pihak Rembau pula telah memberikan beberapa buah pinggan perak, 117 biji butang emas, 2 buah topi, 2 pasang kerongsang, 270 gantang padi, dan 22 setengah rial wang tunai.

Demikianlah penyelesaian yang telah dibuat di antara datuk dari Naning dan Rembau dengan pihak berkuasa Belanda di bandar Melaka pada pertengahan tahun 1646 itu.

Tiga bulan selepas itu, pada 17 hari bulan September 1646 itu juga Orang Kaya Maharaja, Datuk Syahbandar, dan semua datuk d

Rembau, telah bersumpah setia dengan Abraham Steen, wakil Gabenor Arnold de Vlaming van Outshorn yang datang ke Rembau. Dalam pada itu juga datuk-datuk di Rembau telah mengaku bahawa orang Rembau akan menganggap orang Belanda sebagai sahabat mereka. Surat persetujuan itu telah ditandatangani oleh datuk-datuk itu serta Abraham Steen di Rembau. Semenjak itu Sungai Penajis tidak lagi disekat oleh orang Belanda.

Pada 17 hari bulan September 1646 itu juga, datuk-datuk dari Naning yang pada masa itu ada di Rembau, telah membaharui perjanjian mereka dengan Abraham Steen yang mewakili Gabenor Belanda itu. Datuk-datuk dari Naning itu adalah terdiri daripada Raja Merah, Raja Setia Wangsa, Merah Hasmah, Amudt Diraja, Raja Gagah, Raja Setia dan seorang yang disebut Hulubalang.

Pada bulan hadapannya, iaitu pada 24 hari bulan Oktober 1646, Datuk Seraja Merah Penghulu Naning serta enam orang datuk dari Naning telah sampai di bandar Melaka, dan mereka berada di sana selama beberapa hari. Pada 15 hari bulan November 1646, Penghulu Naning dan datuk-datuk dari Naning itu dengan kepala bergondol telah datang mengadap Gabenor dan pegawai-pegawai tinggi Belanda dalam suatu majlis di mana datuk-datuk dari Naning itu meminta maaf akan kesalahan orang Naning terhadap orang Belanda. Dalam perjumpaan itulah Penghulu dan datuk-datuk dari Naning telah mendengar kesalahan orang Naning yang dibacakan oleh orang Belanda dari surat yang berbahasa Portugis dan bahasa Melayu. Setelah surat itu dibacakan, Gabenor Belanda di Melaka itu pun memaafkan kesalahan orang Naning itu. Dalam pada itu, Penghulu dan datuk-datuk dari Naning itu telah menyatakan juga bahawa kerana kemiskinan orang Naning, mereka tidak berupaya membayar ufti daripada cabutan hasil padi di Naning kepada orang Belanda. Walau bagaimanapun, semenjak itu Naning berada di bawah perintah orang Belanda.

Semenjak itu hingga beberapa tahun lamanya tiadalah berlaku apa-apa perselisihan di antara orang Naning dengan orang Belanda.

Pada 22 hari bulan September 1665, seorang bangsa Belanda bernama Balthasar Bort telah dilantik menjadi Gabenor Belanda di Melaka. Hingga kepada masa Balthasar Bort ini, walaupun orang Belanda masih berpendapat bahawa mereka berhak mendapat cabutan satu persepuluh daripada hasil padi di Naning itu, tetapi

cabutan itu tiada diterima oleh orang Belanda kecuali pada tahun 1668 di mana orang Belanda telah menerima dari orang Naning pemberian wang sebanyak tiga puluh rial.

Pada tahun 1673, orang Jambi telah menyerang dan mengalahkan negeri Johor. Sultan Johor, Sultan Abdul Jalil Shah III, telah lari meninggalkan negeri Johor pergi ke negeri Pahang. Pada masa itulah, orang Rembau, Sungai Ujong, dan Kelang telah mengajak orang Naning bersatu dengan mereka melantik seorang raja Minangkabau menjadi raja mereka bersama. Raja yang telah dipilih itu bernama Raja Ibrahim berasal dari Sumatera Timur. Raja Ibrahim telah datang ke Rembau dan Naning, dan akhirnya Raja Ibrahim telah ditempatkan di Naning.

Dengan menimbangkan kemiskinan orang Naning, pada tahun 1675, pihak berkuasa Belanda di bandar Melaka telah menetapkan pembayaran cabutan hasil dari Naning kepada Belanda pada setiap tahun itu, bolehlah digantikan dengan 400 gantang padi sahaja. Hal ini telah diberitahu ke Naning.

Pada bulan Mac 1677, Gabenor Balthasar Bort telah menerima sepucuk surat daripada Raja Ibrahim di Naning. Dalam surat itu Raja Ibrahim telah memberi amaran kepada Belanda supaya jangan mencampuri hal ehwal pengikut Raja Ibrahim yakni orang Rembau dan Naning, dan Raja Ibrahim juga menyatakan pada masa itu beliau ada di Naning.

Gabenor Bort berpendapat bahawa surat Raja Ibrahim itu telah ditulis dengan bahasa yang kesat dan sombong. Surat Raja Ibrahim itu telah dikirimkan oleh Gabenor Bort kepada Penghulu Naning, dan Bort menyatakan juga ia tidak sudi menjawab surat Raja Ibrahim itu, sambil mengingatkan Penghulu Naning iaitu datuk-datuk dari Naning sudah lama tidak datang bermesyuarat ke bandar Melaka dan patutlah mereka datang bermesyuarat.

Dalam bulan Mac 1677 itu juga, orang-orang di bandar Melaka telah heboh mengatakan iaitu ada seramai 3,770 orang Minangkabau (orang Naning dan Rembau), diketuai oleh Raja Ibrahim telah menyerang pinggiran bandar Melaka. Oleh sebab itu orang Belanda pun dengan tidak berlelah lagi telah cuba menghalang kemaraan orang Minangkabau itu terutama di bahagian sebelah utara bandar Melaka iaitu pintu masuk yang mudah untuk masuk ke bandar Melaka. Walau bagaimanapun, tiada lama selepas itu orang Naning

dan Rembau telah dapat menawan tempat yang bernama Batang Tiga, dan cuba pula menyerang bandar Melaka. Beberapa pertempuran telah berlaku di antara orang Naning dan Rembau dengan askar pihak Belanda. Pada masa itu pihak Belanda hanya mempunyai pasukan perang seramai 258 orang askar dan 600 orang Melaka untuk menentang orang Naning dan Rembau. Gabenor Bort telah meminta bantuan dari Betawi, dan telah menghantar satu pasukan pergi ke Sungai Penajis untuk menyekat bekalan barang makanan dan alat senjata yang hendak dihantar ke Naning. Akhirnya, setelah berlaku beberapa pertempuran, sebelum datang bantuan dari Betawi itu, orang Belanda di Melaka telah dapat mengalahkan angkatan Raja Ibrahim dan berjaya mengundurkan mereka ke Naning dan ke Rembau iaitu pada bulan Jun 1677. Pada 21 hari bulan Julai 1677 baharulah sampai bantuan dari Betawi yang terdiri daripada 150 orang askar Belanda.

Setelah orang Naning dan Rembau yang diketuai oleh Raja Ibrahim itu dikalahkan oleh orang Belanda, Penghulu Naning telah dihukum denda oleh orang Belanda. Tetapi pada masa itu Penghulu Naning belum berupaya membayarnya.

Dua tahun kemudian, pada tahun 1679, Raja Ibrahim telah mangkat dibunuh oleh seorang Bugis dengan suruhan Penghulu Naning yang dihasut oleh Belanda. Setelah Raja Ibrahim mangkat, pada bulan Ogos 1679 Penghulu Naning (Datuk Seraja Merah) dan pembesar-pembesar di Naning telah minta berdamai dengan Gabenor Belanda di Melaka (Gabenor Jacob Jorise Pitz) dan mengatakan bahawa Naning telah diperdayakan oleh Rembau yang mengajak orang Naning bertuankan Raja Ibrahim, dan sekarang orang Naning telah sedar akan kesalahan mereka, dan mereka telah membunuh Raja Ibrahim itu. Orang Belanda merasa sukacita mendengar keterangan dari Naning itu.

Pada awal tahun 1680, beberapa orang datuk yang mewakili orang Naning dan Rembau telah datang ke bandar Melaka menemui Gabenor dan pegawai-pegawai tinggi Belanda kerana hendak membuat perjanjian damai di antara orang Naning dan Rembau dengan orang Belanda. Surat perjanjian damai itu telah ditandatangani dan disahkan antara kedua belah pihak di Kota Melaka pada 13 hari bulan Februari 1680.

Lapan bulan selepas itu, pada 26 hari bulan Oktober 1680,

Datuk Seraja Merah II Penghulu Naning yang telah tua itu bersama dengan tiga orang anak lelakinya telah datang ke bandar Melaka memberitahu orang Belanda mengenai kemiskinannya dan beliau tidak sanggup membayar denda seperti yang telah diperintahkan oleh orang Belanda iaitu sebanyak 60 orang hamba abdi, 100 ekor kerbau dan 25 ekor lembu sebagai denda kerana pemberontakan orang Naning terhadap Belanda pada tahun 1677 dulu.

Dalam bulan Mei 1681 pembesar-pembesar di Naning dan Rembau menyatakan juga kepada orang Belanda bahawa mereka masih tiada berupaya membayar ufti kepada Belanda daripada cabutan hasil padi itu.

Pada tahun 1685, pihak berkuasa Belanda di bandar Melaka telah mengutus surat meminta kerajaan Johor mengingatkan penduduk di Kuala Selangor supaya menjaga persahabatan mereka dengan orang Belanda di Melaka. Dari riwayat itu nyatalah pada masa itu Kuala Selangor takluk di bawah kuasa atau kuasa atau pengaruh kerajaan Johor.

Pada tahun 1703, ada seorang bangsa Portugis (atau peranakan Portugis) yang dikenali dengan nama "Gempa di Langit" telah melarikan seorang gundik Sultan Johor (Sultan Abdul Jalil IV) ke Muar. Sultan Johor telah mengutus surat kepada seorang "Kapitan Melayu" di bandar Melaka bernama Encik Harun supaya membunuh Gempa di Langit itu. Encik Harun telah bermuafakat dengan seorang suku Semelenggang bernama Juara Megat supaya membunuh Gempa di Langit untuk memenuhi permintaan Sultan Johor itu. Juara Megat telah berikhtiar dan telah dapat membunuh Gempa di Langit, dan gundik Sultan Johor itu pun dikembalikan kepada baginda.

Pada tahun 1703 itu juga, Datuk Seraja Merah II Penghulu Naning itu telah memohon berhenti daripada jawatan Penghulu Naning dengan alasan beliau telah uzur. Apabila mendengar berita itu, Sultan Johor yang telah berhubung dengan Encik Harun di Melaka, telah mencadangkan kepada pihak berkuasa Belanda supaya melantik Juara Megat menjadi Penghulu Naning menggantikan Datuk Seraja Merah II itu. Oleh sebab itu orang Belanda pun melantik Juara Megat, suku Semelenggang, menjadi Penghulu Naning (PENGHULU NANING YANG KETIGA).

Apabila Juara Megat dilantik menjadi Penghulu Naning III,

didapati orang Naning tiada suka kepadanya, kerana Juara Megat berasal dari suku Semelenggang, pada hal selama ini orang yang menjadi Penghulu Naning itu (Penghulu Naning yang pertama dan kedua) ialah orang suku Biduanda. Oleh sebab itu Naning pun huru-hara.

Apabila berita huru-hara di Naning itu sampai ke bandar Melaka, orang Belanda telah menghantar Encik Harun (Kapitan Melayu) bersama dengan seorang yang bergelar Seri Maharaja serta seorang jurubahasa pergi ke Naning. Di Naning, Encik Harun telah mengisytiharkan kekuasaan Belanda yang telah melantik Juara Megat menjadi Penghulu Naning yang juga digelar Datuk Seraja Merah. Mendengarkan pengisytiharan itu orang Naning pun tiada berkata apa-apa.

Dua tahun kemudian, pada tahun 1705, Sultan Johor (Sultan Abdul Jalil IV) telah mengurniakan kepada Juara Megat Penghulu Naning itu sebuah cap mohor dan lambang kebesaran.

Pada tahun 1744, ufti padi dari Naning kepada Belanda tiap-tiap tahun sebanyak 400 gantang padi itu telah dikurangkan lagi oleh orang Belanda sebanyak 200 gantang saja. Tetapi dua tahun kemudian daripada itu, pada tahun 1746, ditambah semula kepada 400 gantang seperti yang telah ditetapkan semenjak tahun 1675 dulu.

Pada tahun 1795, mengikut perjanjian yang telah dibuat di antara orang Inggeris dengan orang Belanda berhubung dengan peperangan di benua Eropah, orang Inggeris (Kompeni Inggeris) telah mengambil negeri Melaka dari tangan orang Belanda.

Sejak Juara Megat (Datuk Seraja Merah III) menjadi Penghulu Naning sehingga tahun 1801, orang-orang yang telah dilantik menjadi Penghulu Naning ialah orang bernama:

| | | | |
|--------------|----------------|---|-------------------|
| Tahun 1703 : | Juara Megat | — | suku Semelenggang |
| | Gagah | — | suku Semelenggang |
| | Maulana Garang | — | suku Semelenggang |
| | Janggut | — | suku Semelenggang |
| | Timba | — | suku Semelenggang |
| Tahun 1786 : | Anjak | — | suku Semelenggang |
| Tahun 1801 : | Dol Sa'id | — | suku Semelenggang |

Pada tahun 1801, semasa orang Inggeris memerintah di Melaka bagi kali yang pertama (dari tahun 1795 sampai 1818), Residen

PERJUANGAN ORANG MELAYU MENENTANG PENJAJAHAN

Inggeris di Melaka bernama Kolonel Taylor, telah datang ke Naning lalu melantik anak saudara Datuk Anjak (Penghulu Naning) yang bernama Dol Sa'id menjadi Penghulu Naning (Penghulu yang kesembilan) yang bergelar Datuk Seraja Merah, menggantikan Datuk Anjak yang telah tua dan uzur. Pada masa itulah juga Datuk Dol Sa'id bagi pihak Naning membuat perjanjian dengan Kompeni Inggeris. Bagi pihak Naning, surat perjanjian itu telah ditandatangani oleh Datuk Dol Sa'id, Orang Kaya Seraja Merah (Penghulu Naning), Datuk Lela Hulubalang, Datuk Maulana Hakim, Datuk Orang Kaya Kecil, Datuk Membangun Kaya, Datuk Maharaja Orang Kaya, dan Datuk Maulana Garang. Datuk Anjak itu telah meninggal dunia pada tahun 1803.

Demikianlah kisah orang Naning dan Rembau menentang penjajahan Belanda dalam kurun masihi yang ketujuh belas dahulu.

PENENTANGAN TERHADAP BELANDA DI LINGGI DAN MELAKA (1756 - 1758)

Untuk menjelaskan peristiwa bersejarah mengikut tajuk rencana ini, eloklah dihuraikan dahulu kejadian latar belakang yang telah menimbulkan peristiwa itu.

Pada tahun 1748, pada masa Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah menjadi Sultan bagi kerajaan Johor-Riau-Lingga (Baginda bersemayam di Riau), baginda telah melantik Daing Kemboja anak Daing Perani menjadi Yamtuan Muda bagi kerajaan baginda menggantikan almarhum Yamtuan Muda Daing Chelak yang telah mangkat pada tahun 1745. Anak almarhum Bendahara Tun Abbas yang bernama Tun Hasan dilantik menjadi Bendahara bergelar Bendahara Seri Maharaja.

Pada masa itu negeri Siak diperintah oleh Raja Alam putera Raja Kechil (Siak) dengan isterinya seorang puteri dari hulu Palembang. Ada seorang lagi putera Raja Kechil itu dengan isterinya Tengku Kamariah bernama Raja Mahmud, disebut juga namanya Raja Buang. Tengku Kamariah itu adik kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Adik perempuan baginda yang lain ialah Tengku Tengah (bersuamikan Daing Perani) dan Tengku Mandak (bersuamikan Daing Chelak). Jadi Raja Mahmud (Raja Buang) itu jatuh alur anak saudara kepada Sultan Sulaiman. Pada masa itu, Sultan Trengganu yang bergelar Sultan Mansur Shah yang juga disebut Yang Dipertuan Kecil, ialah menantu kepada Sultan Sulaiman; Sultan Trengganu itu masih muda belia, baharu berumur kira-kira dua puluh tahun, dan baginda juga digelar Tun Dalam. Baginda selalu bersemayam di Riau dan pentadbiran kerajaan Trengganu ditinggalkan kepada orang-orang besar Trengganu, terutama Bendahara Tun Husain kekanda seayah kepada Sultan Sulaiman.

Pada masa itu, Raja Mahmud (Raja Buang) telah datang ke Riau lalu meminta bantuan dari Sultan Sulaiman dan Yamtuan Muda Daing Kemboja hendak menyerang kekanda seayahnya Raja Alam yang sedang memerintah di Siak. Tun Dalam (Sultan Mansur

Trengganu) dan orang-orang besar Melayu yang ada di Riau serta Sultan Sulaiman sendiri bersetuju hendak membantu Raja Mahmud memerangi Raja Alam di Siak itu. Tetapi Yamtuan Muda Daing Kemboja tiada bersetuju, kerana beliau berpendapat bahawa pergaduhan di antara Raja Mahmud dengan Raja Alam itu ialah pergaduhan antara adik-beradik.

Dalam pada itu, Sultan Sulaiman bagi pihak anak saudara baginda Raja Mahmud (Raja Buang) bersama dengan Tun Dalam telah pergi ke Melaka meminta bantuan dari orang Belanda untuk menolong Raja Mahmud mengambil kerajaan Siak dari tangan Raja Alam, dan Sultan Sulaiman berjanji jika negeri Siak dapat ke tangan Raja Mahmud, orang Belanda akan diberi kemudahan berniaga dan berdagang di negeri Siak.

Raja Alam telah pergi ke Pulau Siantan dan telah memerintah di situ.

Pada akhir tahun 1748, Sultan Sulaiman yang membawa angkatan baginda dari Riau, dengan dibantu oleh Tun Dalam yang membawa angkatannya dari Trengganu, telah pergi menyerang Raja Alam di Pulau Siantan. Setelah lebih kurang lima bulan lamanya berperang (masuk ke tahun 1749), tidak juga Sultan Sulaiman dan Tun Dalam dapat mengalahkan Raja Alam itu. Akhirnya dengan bantuan Yamtuan Muda Daing Kemboja yang datang membawa angkatannya terdiri daripada orang Bugis dari Riau dan dari Selangor, baharulah mereka dapat mengalahkan Raja Alam, dan Raja Alam pun berundur pergi ke Kalimantan (di Matan), dan kemudiannya pergi pula ke Batu Bara (di timur Sumatera) dan tinggal di situ.

Pada masa itu, orang suku Melayu di Riau yang diketuai oleh Tun Dalam dan Bendahara Tun Hasan masih tidak berbaik-baik dengan orang suku Melayu Bugis, kerana orang-orang Melayu itu cemburu kepada orang-orang besar Bugis yang telah memegang beberapa jawatan tinggi dalam kerajaan Johor-Riau itu. Yamtuan Muda Daing Kemboja telah berusaha bersungguh-sungguh dan menjalankan beberapa ikhtiar supaya keadaan buruk seperti itu tidak berpanjangan. Tetapi usaha Daing Kemboja itu tiada berhasil, persengketaan di antara orang suku Melayu dengan suku Bugis di Riau itu tidak juga hilang, tambahan pula Tun Dalam yang memang tidak suka kuasa orang Bugis itu berlebih-lebihan dalam kerajaan

Johor-Riau itu, sentiasa berada di Riau, dan menggalakkan lagi persengketaan itu.

Oleh sebab hendak menjauhkan persengketaan yang mungkin menimbulkan perkelahian bersenjata di antara orang suku Melayu dengan orang suku Bugis di Pulau Riau itu, Daing Kemboja telah meminta kebenaran daripada Sultan Sulaiman dan tidak juga dibenarkan, dan oleh sebab marahnya melihatkan persengketaan di antara orang suku Bugis dengan suku Melayu di Riau itu terus berpanjangan, akhirnya Daing Kemboja pun nekad lalu keluar meninggalkan Riau dengan membawa anak isteri dan pengikutnya serta beberapa pucuk meriam kepunyaannya sendiri, pergi ke Linggi (di Kuala Sungai Linggi) dan tinggal di situ. Sepupunya Raja Haji, anak Daing Chelak (adik Daing Perani) tinggal di Riau mengetuai beberapa orang Bugis yang masih ada di Riau.

Setelah Daing Kemboja memerintah di Linggi, beliau telah membuat perhubungan baik dengan orang Bugis di Selangor dan dengan Raja Alam di Batu Bara.

Dalam bulan Mei 1753, Raja Alam dari Batu Bara telah datang menyerang Siak dan mengalahkan Raja Mahmud, dan Raja Alam pula menjadi Sultan di Siak bergelar Sultan Azimuddin Shah. Raja Alam tidak membenarkan orang Belanda tinggal di Siak dan juga telah menyekat perniagaan orang Belanda di tempat-tempat lain. Dalam bulan Oktober 1753 itu juga, Sultan Sulaiman telah membantu anak saudara baginda Raja Mahmud dengan menghantarkan perahu perang pergi menyerang negeri Siak. Tetapi serangan itu dapat dipatahkan oleh pasukan perang Raja Alam. Orang Belanda telah bersahabat dengan Sultan Sulaiman, dengan tujuan hendak menghalau Raja Alam keluar dari Siak.

Setahun kemudian daripada itu, pada bulan Oktober 1754, Sultan Sulaiman telah membuat surat perjanjian dengan orang Belanda. Antara lain dalam perjanjian itu menyebutkan: apabila Sultan Sulaiman dapat menguasai negeri Siak semula, orang Belanda akan dibenarkan berniaga di negeri Siak.

Pada bulan Ogos 1755, angkatan perang orang Belanda yang menolong Sultan Sulaiman dan Raja Mahmud (Raja Buang) telah pergi menyerang dan mengalahkan Raja Alam (Sultan Azimuddin Shah) di negeri Siak. Raja Alam telah lari meninggalkan negeri Siak, dan Raja Mahmud dapat semula memerintah di Siak dan telah

membenarkan Kompeni Belanda berniaga dan berdagang di negeri Siak. Raja Alam yang keluar dari negeri Siak itu, telah pergi berjumpa Daing Kemboja di Linggi, kemudian pergi ke Batu Bara dan menetap di situ.

Pada awal bulan Januari 1756, Sultan Sulaiman dengan diiringi oleh putera baginda Raja Abdul Jalil Raja di Baruh, Tun Dalam dan Tun Hasan Bendahara Seri Maharaja, telah sampai di Melaka kerana mengucapkan terima kasih kepada ketua Belanda di Melaka yang telah membantu mengalahkan Raja Alam di negeri Siak itu. Pada 19 hari bulan Januari 1756 itu juga, Sultan Sulaiman telah membuat perjanjian persahabatan dan kerjasama dengan orang Belanda, dan perjanjian itu telah membatalkan perjanjian tahun 1754 dahulu. Dalam perjanjian itu juga, dengan tidak setahu raja-raja yang memerintah di Linggi (Daing Kemboja), di Kelang (Raja Tua) dan Kuala Selangor (Raja Lumu, Sultan Salehuddin), Sultan Sulaiman telah memberikan kepada orang Belanda hak monopoli membeli bijih timah di Linggi, Kelang dan Selangor (Kuala Selangor). Daing Kemboja di Linggi, Raja Tua di Kelang dan Sultan Salehuddin di Selangor (Kuala Selangor) telah mengirim surat kepada Sultan Sulaiman menyatakan mereka membantah perbuatan baginda dengan orang Belanda itu.

Semasa di Riau, Tun Dalam telah berselisih faham dengan Raja Haji. Walaupun mereka telah didamaikan oleh Sultan Sulaiman dan Raja di Baruh (Raja Abdul Jalil), tetapi Tun Dalam sentiasa juga mencari peluang hendak membinasakan Raja Haji.

Pada suatu hari Sultan Sulaiman telah menitahkan Tun Dalam bersama dengan Raja Haji pergi ke Linggi menjemput Yamtuan Muda Daing Kemboja balik ke Riau. Dalam pelayaran menuju ke Linggi itu, mereka telah singgah di pelabuhan Melaka. Dengan tidak setahu Raja Haji, Tun Dalam telah pergi ke bandar Melaka berjumpa dengan ketua orang Belanda di bandar itu lalu Tun Dalam mengatakan bahawa dia adalah wakil Sultan Sulaiman di Riau yang meminta ketua Belanda itu supaya membunuh Raja Haji yang ada dibawanya bersama ke Melaka, dan Tun Dalam juga mengatakan iaitu Sultan Sulaiman meminta orang Belanda di Melaka menyerang Daing Kemboja di Linggi.

Setelah orang Belanda mendengar kata-kata Tun Dalam yang diketahui sebagai perintah dari Sultan Sulaiman, maka orang

Belanda pun mengatitkan rancangan hendak membunuh Raja Haji. Orang Belanda merancang hendak mengadakan suatu majlis jamuan makan dalam satu kawasan kebun kepunyaan Belanda di Melaka, dan Raja Haji akan dijemput untuk hadir sama dalam majlis itu dan pada masa itulah nanti orang Belanda akan membunuh Raja Haji.

Tetapi sebelum rancangan orang Belanda itu dijalankan, rahsia itu telah bocor, ada orang yang telah mengetahui mengenai rancangan orang Belanda hendak membunuh Raja Haji. Rahsia itu telah disampaikan kepada Daing Kemboja di Linggi. Dengan tidak berlengah lagi, Daing Kemboja pun terus memberitahu Raja Selangor iaitu Raja Lumu (Sultan Salehuddin) kekanda Raja Haji, dan menyuruh Raja Selangor segera datang ke Melaka mengambil adiknya Raja Haji yang sedang dalam bahaya itu.

Raja Selangor serta beberapa orang pembesar Selangor dengan segera belayar ke Melaka. tatkala Raja Selangor singgah di Tanjung Keling (di Melaka), dalam bulan April 1756, baginda telah ditemui oleh Tun Dalam dan berhadapan dengan seorang pegawai Belanda bernama Ary Verbrugge. Tun Dalam telah memujuk Raja Selangor supaya jangan menyebelahi Daing Kemboja. Pujukan Tun Dalam itu tiada dipedulikan oleh Raja Selangor, sebaliknya baginda terus menitahkan orang-orangnya mencari Raja Haji di pelabuhan Melaka. Setelah puas mencari akhirnya orang Selangor telah menemui Raja Haji yang sedang berada dalam perahunya berhampiran dengan sebuah pulau tiada berapa jauh dari bandar Melaka. Raja Selangor dengan segera membawa Raja Haji berjumpa sepupu mereka Daing Kemboja di Linggi. Setelah Raja Haji terselamat dari ditangkap oleh orang Belanda itu, Raja Selangor pun berangkat balik ke Selangor.

Lebih kurang empat bulan selepas itu, pada akhir bulan Julai 1756, satu angkatan kapal perang Belanda dari Melaka yang dibantu oleh beberapa buah perahu Trengganu yang diketuai oleh Tun Dalam, datang menyerang Linggi. Serangan itu telah ditentang oleh orang Melayu suku Bugis yang ada di Linggi di bawah pimpinan Raja Haji. Apabila Raja Haji telah cedera di pahanya kena tikaman sangkur senapang orang Belanda, Linggi pun kalah. Yamtuan Muda Daing Kemboja dan Raja Haji serta orang Bugis pengikut mereka itu pun berundur ke darat lalu pergi ke Rembau. Daing Kemboja dan

Raja Haji telah berbaik-baik dengan Penghulu dan pembesar Rembau kemudian mereka membuat perjanjian bersumpah setia untuk bekerjasama.

Perbuatan jahat Tun Dalam terhadap Raja Haji Daing Kemboja itu, akhirnya diketahui juga oleh Sultan Sulaiman yang mana dengan perbuatan Tun Dalam itulah yang telah menimbulkan permusuhan di antara Daing Kemboja dengan orang Belanda.

Lebih kurang dua bulan lamanya Daing Kemboja berada di Rembau, dalam bulan Oktober 1756 itu juga, Daing Kemboja telah membawa pengikutnya dari Rembau, dengan dibantu juga oleh orang Rembau, datang ke Melaka hendak memerangi orang Belanda. Pasukan Daing Kemboja dan orang Rembau itu telah mendirikan kubu di tempat yang bernama Kelebang, tiada berapa jauh dari bandar Melaka.

Askar Daing Kemboja dan orang Rembau itu telah menyerang kampung-kampung di sekitar bandar Melaka iaitu Terangkera, Peringgit, Bukit Cina, Semabuk dan Teluk Ketapang, dan serangan itu telah mengakibatkan banyak kerosakan harta benda dan kemalangan jiwa kepada penduduk kampung tersebut, dan kejadian itu telah membimbangkan pemerintah Belanda di Melaka. Tiada lama setelah Daing Kemboja melancarkan serangan mengganggu pemerintahan Belanda di Melaka itu, datang pula Raja Sa'id (anak Daing Merewah adik Daing Perani) membawa orang Bugis dari Selangor membantu Daing Kemboja. Kemudian datang pula Raja Alam dari Batu Bara membawa askarnya membantu Daing Kemboja; pada masa itu pihak Daing Kemboja telah bertambah kuat.

Pada akhir tahun 1756, askar pihak Belanda dari bandar Melaka telah datang menyerang kubu pihak Daing Kemboja di Kelebang. Setelah berlaku pertempuran, askar pihak Belanda itu telah dapat diundurkan oleh askar Daing Kemboja dan sekutunya, dan pihak Belanda telah balik semula ke kota Melaka. Sejak itu seringlah berlaku pertempuran di antara pihak Daing Kemboja dengan pihak Belanda di Melaka.

Penentangan Daing Kemboja terhadap Belanda di Melaka itu telah berlanjutan hingga ke bulan Mei 1757 (lapan bulan lamanya). Dalam bulan Mei itu, dengan bantuan pasukan askar Belanda yang lebih besar dari Betawi, baharulah pihak Belanda dapat mengundurkan askar Daing Kemboja dan sekutunya dari Melaka. Askar pihak

Daing Kemboja itu telah pergi ke Linggi.

Beberapa buah kapal perang Belanda telah datang mengepung Linggi. Orang Belanda itu telah berkawal di Kuala Linggi, dan mendirikan sebuah kota kecil di atas sebuah bukit yang disebut Bukit Supai terletak di sebelah daerah ke Kuala Sungai Linggi, dan ini dinamakan "Fort Filiphina". Pada masa itu Daing Kemboja dan Raja Haji serta askar mereka telah berlindung ke tempat yang bernama Pedas dalam daerah Rembau. Pada masa itu juga Daing Kemboja kerap pergi ke Selangor dan begitu juga dengan raja serta orang-orang besar Bugis di Selangor selalu datang mengadap Yamtuan Muda Daing Kemboja di Pedas (Rembau).

Dalam bulan Mei 1757 itu juga, setelah orang Belanda mengadakan mesyuarat dengan Sultan Sulaiman dan orang-orang besar baginda di Melaka, baharulah jelas diketahui bahawa peperangan di antara Belanda dengan Daing Kemboja itu adalah berpunca dari hasutan Tun Dalam. Orang Belanda telah menuntut wang ganti rugi kerana peperangan di Linggi itu daripada Sultan Sulaiman sebanyak \$75,457.00 dan wang itu mesti dibayar oleh Sultan Sulaiman dalam tempoh empat bulan.

Setelah orang Belanda mengetahui punca yang menyebabkan berlakunya peperangan di antara mereka dengan Daing Kemboja itu, orang Belanda pun berdamai dengan Daing Kemboja bagi pihak orang Bugis. Daing Kemboja serta orang-orang besar dari Rembau dan Selangor telah pergi ke Melaka dan diterima dengan baik oleh orang Belanda. Pada 1 hari bulan Januari 1758, Yamtuan Muda Daing Kemboja, Raja Tua Kelang dan Raja Adil Rembau, telah menandatangani surat perjanjian damai dengan orang Belanda. Surat perjanjian damai itu telah ditandatangani oleh wakil kedua belah pihak di Fort Filiphina di Kuala Linggi. Raja Selangor (Raja Lumu) turut sama hadir dalam majlis menandatangani perjanjian itu.



PENENTANGAN TERHADAP BELANDA DI MELAKA (1782-1784)

Pada tahun 1777, Daing Kemboja Yamtuan Muda kerajaan Johor-Riau telah mangkat di Pulau Riau. Sepupunya Raja Haji anak almarhum Daing Chelak telah dilantik menggantikannya menjadi Yamtuan Muda dan beliau tinggal di Riau juga. Tiada lama setelah Raja Haji dilantik menjadi Yamtuan Muda itu, kira-kira pada tahun 1778, kekandanya Sultan Salehuddin (Raja Lumu) telah mangkat di Selangor (Kuala Selangor), digelar *Marhum Saleh*. Raja Ibrahim putera almarhum itu telah dilantik oleh Raja Haji menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Ibrahim Shah; bagindalah Sultan Selangor yang kedua, dan bersemayam di Kuala Selangor juga.

Setelah lebih kurang lima tahun Raja Haji menjadi Yamtuan Muda itu, pada suatu hari dalam tahun 1782, ada sebuah kapal Kompeni Inggeris bernama *Betsy*, nakhodanya bernama Kapten Robert Geddes, telah masuk ke perairan Riau dan berlabuh dekat Pulau Bayan. Kapal Kompeni Inggeris itu ada membawa muatan candu sebanyak 1,154 buah peti. Gerrid Pangal, Residen Belanda yang ada di Riau masa itu, telah memberitahu Gabenor Belanda di Melaka, supaya merampas kapal Kompeni Inggeris yang ada membawa barang yang berharga itu. Gabenor Belanda di Melaka, yang bernama Pieter Gerurdus de Bruijn, telah menyuruh seorang nakhoda bangsa Perancis bernama Mathurin Barbaron, yang sedang berlabuh di pelabuhan Melaka, supaya pergi merampas candu dalam kapal Kompeni Inggeris yang sedang berlabuh di Riau itu (Pada masa itu Belanda dan Perancis sedang bermusuhan dengan Inggeris).

Nakhoda Perancis itu telah pergi ke Riau lalu menyerang kapal orang Inggeris itu dan merampas candu yang ada dalam kapal itu dan dibawa ke Betawi. Setelah candu itu dijualkan, wang yang diperolehi dari jualan candu itu telah dibahagikan di antara Kompeni Belanda dengan nakhoda Perancis yang menolong merampas candu tersebut.

Apabila Raja Haji dapat tahu mengenai perkara itu, beliau pun

menuntut kepada Gabenor Belanda di Melaka akan bahagian haknya daripada jualan candu itu, kerana rampasan itu telah dilakukan di perairan Riau, tambahan pula Raja Haji memang telah membuat perjanjian dengan orang Belanda iaitu setiap harta rampasan yang diperolehi oleh orang Belanda dan Raja Haji di perairan yang berdekatan dengan Johor-Riau, hendaklah dibahagi dua di antara Kompeni Belanda dengan Raja Haji.

Raja Haji telah pergi ke Muar hendak menyampaikan tuntutan-nya kepada Gabenor Belanda di Melaka. Gabenor telah menghantar seorang pegawai Belanda serta "Kapitan Melayu" di Melaka pergi ke Muar menemui Raja Haji. Dalam perjumpaan di Muar itu Raja Haji telah menerangkan kepada pegawai Belanda mengenai kejadian rampasan candu dari kapal Inggeris di perairan Riau itu dan meminta pembahagian yang patut diterima dari hasil jualan harta rampasan itu mengikut syarat dalam surat perjanjiannya dengan Belanda. Tetapi pegawai pihak Belanda itu tetap juga berkeras mengatakan kepada Raja Haji bahawa beliau tidak berhak mendapat bahagian dari wang jualan harta rampasan itu. Raja Haji telah marah kepada pihak Belanda yang telah mungkir janji itu, lalu surat perjanjian itu dengan cara yang kasar dikembalikan kepada pegawai Belanda dan menyuruh disampaikan kepada Gabenor Belanda di Melaka sambil mengatakan: "Apalah gunanya perjanjian yang syaratnya setengah dipakai dan setengah tidak dipakai itu!" Raja Haji pun balik semula ke Riau.

Semenjak itu mulalah Raja Haji memusuhi Belanda dengan melancarkan serangan ke atas kapal-kapal di Selat Melaka dengan tujuan hendak mengganggu perniagaan orang Belanda di Melaka.

Oleh sebab Gabenor Belanda di Melaka marah kepada Raja Haji kerana tindakannya mengembalikan surat perjanjian itu serta mengganggu kapal-kapal perniagaan di Selat Melaka, maka dalam tahun 1782 itu juga Kompeni Belanda telah menghantar kapal perangnya dari Betawi sebanyak enam buah yang membawa 910 orang askar (di antaranya termasuk 362 orang askar Eropah), diketuai oleh pegawai Belanda yang bernama Togar Aboe, pergi ke Riau untuk menaklukinya.

Serangan Belanda itu telah ditentang oleh angkatan perang Riau di bawah pimpinan Raja Haji sendiri yang berperang dengan beraninya.

Oleh sebab penentangan dari pihak Riau itu telah semakin hebat, pada awal bulan September 1782, pangkalan Belanda di Betawi telah menghantar lagi tujuh buah kapal perang ke Riau dengan membawa 594 orang askar untuk membantu pasukan Belanda menyerang Riau. Walau bagaimanapun, Raja Haji terus juga meneruskan penentangan mematahkan kepungan dan serangan Belanda itu.

Bagi menguatkan lagi pengepungan ke atas Riau, pada akhir tahun 1782, Kompeni Belanda telah menambah kekuatannya dengan menghantarkan lagi 17 buah kapal kecil serta 600 orang askar di bawah pimpinan seorang Belanda bernama *Malakka's Welvaren*. Sampai di Riau, kapal Belanda itu pun terus mengepung dan menyerang Riau, dan Raja Haji dengan askarnya terus juga melawan orang Belanda itu.

Penentangan Raja Haji terhadap pencerobohan Belanda di Riau itu berlanjutan hingga masuk ke tahun 1783, dan pihak Belanda masih belum dapat menawan Riau seperti yang mereka rancangkan.

Setelah mendengarkan ayah saudaranya Raja Haji berperang melawan Belanda itu, pada akhir tahun 1782, Sultan Ibrahim di Selangor (Kuala Selangor) serta adiknya bernama Raja Nala (Raja Muda Selangor) telah membawa angkatan perang dari Selangor yang terdiri dari orang Melayu, terutamanya orang Bugis, hendak menyerang orang Belanda di Melaka.

Sebelum sampai ke Melaka, Sultan Ibrahim telah pergi ke Rembau lalu berunding dengan Penghulu-penghulu di Rembau mengenai rancangan hendak memerangi orang Belanda di Melaka. Penghulu-penghulu di Rembau telah bersetuju hendak memberikan bantuan kepada orang Selangor untuk melawan orang Belanda di Melaka. Angkatan perang Selangor yang telah bersatu dengan orang Rembau itu telah pergi ke Melaka, dan telah mendarat di Sungai Baru, Melaka, berkubu di situ dan merancang hendak terus mara menuju ke bandar Melaka.

Pada 6 hari bulan Januari 1784, pihak Belanda yang sudah sekian lama mengepung Riau, telah mula melancarkan serangan secara besar-besaran ke Riau dengan didahului oleh kapal *Malakka's Welvaren*. Tetapi entah apakah sebabnya, dengan tiba-tiba, suatu letupan besar telah berlaku di kapal *Malakka's Welvaren*

yang dinaiki oleh Arnoldus Lemker ketua orang Belanda yang menyerang Riau itu, sehingga geladak-geladak kapal itu berterbangan ke udara. Arnoldus Lemker serta semua anak kapal dan askar habis mati dan jumlahnya ditaksirkan lebih kurang lima ratus orang Belanda dalam kapal itu. Oleh sebab kemalangan itu, dan kebetulan pula masa itu Gabenor Belanda di Melaka pun telah memanggil semua angkatan Belanda di Riau itu segera balik ke Melaka untuk melawan orang-orang Selangor dan Rembau yang datang menyerang ke Melaka, maka pada pertengahan bulan Januari 1784 itu juga, semua angkatan perang Belanda itu pun berhenti mengepung dan memerangi Riau lalu bertolak balik menuju ke Melaka.

Pada 14 hari bulan Januari 1784 juga, askar-askar Sultan Ibrahim dari Selangor serta orang Rembau yang membantu baginda itu, telah bertolak dari Sungai Baru pergi menyerang ke tempat-tempat di sepanjang pantai laut Melaka hingga ke Batang Tiga, kemudian mendirikan kubu di situ. Itulah kubu besar Sultan Ibrahim selama memerangi Belanda di Melaka.

Orang Selangor dan Rembau yang diketuai oleh Sultan Ibrahim itu telah membakar rumah-rumah di Tanjung Keling dan kampung di sekitarnya. Pada 15 hari bulan Januari 1784 pula, askar pihak Belanda dari Kota Melaka telah datang menyerang kubu Sultan Ibrahim di Batang Tiga. Tetapi askar pihak Belanda itu telah diundurkan oleh pihak Selangor dan Rembau dan teruslah juga mereka membakar kampung di sekitar tempat itu.

Pada 24 hari bulan Januari 1784, angkatan kapal perang Belanda dari Riau itu telah sampai di Melaka, dan peristiwa letupan di kapal Malakka's Welvaren di Riau yang telah membunuh Arnoldus Lemker serta 500 orang askar Belanda itu pun disampaikan kepada Gabenor Belanda di Melaka dan beliau merasa begitu kesal dan marah.

Semasa orang Selangor yang dibantu oleh orang Rembau meneruskan serangan ke atas Belanda di Melaka itu, pada awal bulan Februari 1784, Sultan Ibrahim dengan sebuah perahu kakap serta tiga puluh hulubalang telah bertolak dari Melaka pergi ke Riau.

Sampai di Riau, Sultan Ibrahim telah mengajak Yamtuan Muda Raja Haji pergi memerangi Belanda di Melaka. Sungguhpun ada juga beberapa orang pembesar Bugis di Riau tiada berapa menyetujui Raja Haji memerangi Belanda di Melaka itu, tetapi Raja

Haji telah menetapkan azamnya hendak pergi juga, kerana memikirkan orang Selangor dan Rembau sedang menyabung nyawa berperang melawan Belanda di Melaka, dan juga kerana anak saudaranya sendiri telah datang mengajaknya pergi berperang, tambahan pula Raja Haji sendiri pun merasa ia akan beroleh fadhilat jihad memerangi orang kafir itu.

Raja Haji telah bertolak dari Riau dengan membawa lebih kurang seribu orang perajurit perangnya menuju ke Melaka; Sultan Mahmud pun turut sama pergi. Sampai di Muar, Sultan Mahmud serta pengiringnya ditinggalkan di situ, dan Raja Haji dengan angkatannya itu belayar menuju ke Melaka, dan telah sampai di Teluk Ketapang pada 13 hari bulan Februari 1784, lalu mendarat dan membuat kubu perang di Tanjung Palas, yang terletak kira-kira lima batu lagi ke bandar Melaka. Sultan Ibrahim berangkat ke Batang Tiga bersatu semula dengan pasukannya yang berkubu di situ. Pada 25 hari bulan Februari 1784 mulalah orang Riau, terutama orang Bugis, dari Teluk Ketapang, serta orang Selangor dan orang Rembau dari Batang Tiga, menyerang tempat di sekitar bandar Melaka seperti Punggur, Duyong, Pernu, Semabok, Ujung Pasir Bunga Raya, Bandar Hilir, Bukit Cina, Tanjung Keling, Terangkera dan lain-lain. Semua serangan dari pihak Riau dan Selangor yang bersekutu dengan Rembau itu telah ditentang oleh orang Belanda. Pertempuran itu telah mengakibatkan banyak kerosakan harta benda dan kemalangan jiwa kepada penduduk Melaka.

Peperangan berjalan terus. Dalam pertengahan bulan Mac 1784, selain dari berperang pada siang hari, boleh kata setiap malam kawasan di sekitar bandar Melaka telah diserang oleh orang Bugis, dan penduduk di situ sentiasa dalam ketakutan. Keadaan seperti itu telah berlanjutan berbulan-bulan lamanya hingga ke bulan Jun 1784.

Gabenor Belanda di Melaka telah meminta bantuan dari Gabenor Jeneral Belanda di Betawi, kerana serangan orang Bugis di Melaka itu semakin hebat. Pada 1 hari bulan Jun 1784 satu angkatan kapal perang besar Belanda dari Betawi, diketuai oleh panglima perang Belanda bernama Jacob Pieter van Braam telah sampai di Melaka. Angkatan itu terdiri daripada enam buah kapal besar dan beberapa buah kapal kecil, membawa askar seramai 2,130 orang dan 326 pucuk meriam. Kapal yang dinaiki oleh Laksamana van Braam bernama Utrecht, semua kapal Belanda itu telah berlabuh di Teluk

Ketapang, dan sejak itu sentiasalah meriam besar dari kapal Belanda itu memuntahkan pelurunya membedil kubu Raja Haji di Tanjung Palas itu. Askar Belanda yang ada di bandar Melaka pula telah melipatgandakan serangan ke kubu-kubu berparit orang Bugis di Semabok dan di Ujung Pasir, tetapi serangan Belanda itu tidak begitu mendatangkan kesan.

Pada 18 hari bulan Jun 1784, askar Belanda seramai 734 orang lengkap dengan senapang bersangkur, dari kapal Belanda di Teluk Ketapang itu, yang telah mendarat pada malam sebelumnya telah menyerang kubu Raja Haji dan berlakulah pertempuran hebat secara berdepan-depan sambil itu meriam-meriam besar dari kapal Belanda pula tidak putus-putus menembak ke pihak Raja Haji sama ada yang ada dalam perahu atau di darat.

Dalam pertempuran pada 18 hari bulan Jun 1784 itu orang-orang Raja Haji telah bertempur dengan begitu bersemangat dan penuh keberanian melawan askar Belanda itu. Dalam keadaan yang begitu kelam kabut itulah dengan tidak semena-mena Raja Haji telah terbunuh, kena tembakan Belanda. Setelah Raja Haji mangkat, orang-orangnya pun melarikan diri pergi ke Muar, mengambil Sultan Mahmud di situ lalu balik ke Riau. Sultan Ibrahim dan pengikutnya yang berkubu di Batang Tiga itu pun balik ke Selangor, manakala orang Rembau balik ke Rembau.

Dengan pertolongan Kapitan Melayu serta orang tua-tua Melayu di Melaka, mayat Raja Haji telah dibawa ke bandar Melaka lalu dimakamkan di lereng sebelah bawah Bukit Melaka dalam Kota Melaka. Beberapa lama kemudian, kubur almarhum itu telah digali semula dan mayatnya dibawa oleh keluarga almarhum dan dimakamkan di Pulau Penyengat, Riau. Almarhum Raja Haji itulah yang dikenali dengan gelaran *Marhum Teluk Ketapang*, di mana di tempat itulah almarhum telah mengorbankan jiwanya menentang penjajahan Belanda di bumi Melayu.

PENJAJAHAN BELANDA DI SELANGOR (1784 - 1786)

Oleh sebab marahnya orang Belanda kepada Sultan Ibrahim, iaitu Sultan Selangor yang telah datang menyerang Melaka membantu Raja Haji (Marhum Teluk Ketapang) itu, pada 13 hari bulan Julai 1784, Jacob Pieter van Braam yang telah mengalahkan orang Bugis di Melaka itu pun melengkapkan angkatan perangnya yang mengandungi sebelas buah kapal menuju ke Selangor. Raja Muhammad Ali anak Raja Alam ibni Raja Kechik Siak, serta anak saudaranya Sayid Ali (anak Sayid Uthman Ash-Shahab dengan isterinya Tengku Badariah binti Raja Alam) yang datang dari Siak ke Melaka dengan membantu Belanda melawan pihak Raja Haji itu, dengan beberapa buah perahu dari Siak, turut sama mengikut orang Belanda hendak menyerang Kuala Selangor tempat bersemayam Sultan Ibrahim.

Angkatan kapal perang Belanda yang diketuai oleh Jacob Pieter van Braam yang menaiki kapal Utrecht itu telah sampai di Kuala Selangor dan terus memudiki Sungai Selangor itu, berlakulah pertempuran tembak-menembak dengan meriam dari kapal Belanda dengan meriam dari kota Sultan Ibrahim itu.

Pasukan perang Sultan Ibrahim yang bertahan di kota itu diketuai oleh seorang panglima yang bernama Sayid Jaafar. Setelah lebih kurang dua minggu berlakunya tembak menembak dengan meriam itu, pada 2 hari bulan Ogos 1784, askar-askar Belanda yang lengkap dengan senjata senapang dan lain-lain senjata moden itu, telah mendarat dan telah berjaya menawan kota di Kuala Selangor. Sultan Ibrahim, Raja Nala (Raja Muda Selangor) Sayid Jaafar dan lain-lain keluarga diraja Selangor serta pengikut baginda yang ada di Kuala Selangor itu pun berundur meninggalkan Kuala Selangor menuju ke Hulu Selangor. Sungguhpun angkatan Sultan Ibrahim itu telah dikejar juga oleh orang Belanda beberapa batu jauh ke darat, tetapi tiadalah mereka berjaya menawan Sultan Selangor itu. Kuala Selangor pun jatuh ke tangan Belanda.

Sultan Ibrahim serta pengikutnya telah berundur lagi sampai ke Bernam dan dari Bernam baginda pergi ke negeri Pahang lalu berjumpa dengan Bendahara Tun Abdul Majid ketua pemerintah di Pahang. Kedatangan Sultan Ibrahim itu telah disambut dengan baik oleh Bendahara Tun Abdul Majid. Sultan Ibrahim telah menceritakan kejadian yang telah menimpa dirinya. Bendahara Tun Abdul Majid telah bersetuju membantu baginda menyediakan kelengkapan perang hendak datang semula menyerang orang Belanda di Kuala Selangor. Bendahara Tun Abdul Majid telah memberitahu Sultan Ibrahim bahawa beliau dan rakyat Pahang akan membantu baginda untuk pergi memerangi orang Belanda itu. Semasa berada di Pahang, Sultan Ibrahim telah berkahwin dengan Tun Selamah anak Bendahara Tun Abdul Majid itu.

Orang Belanda yang telah berjaya menawan Kuala Selangor itu, telah mengambil kota batu Sultan Ibrahim yang ada di atas Bukit Tanjung Keramat serta sebuah kubu di atas bukit di Kuala Selangor.

Kota di Kuala Selangor itu ialah kota batu yang kukuh yang telah diperbuat oleh orang Melayu dengan titah Sultan Ibrahim, dan kota itu diperbuat seperti kota di benua Eropah masa itu yang dilengkapi dengan meriam dan tempat menembakkan bedil. Kubu itu telah dirosakkan oleh orang Belanda. Tetapi kemudiannya kota itu telah dibaiki oleh orang Belanda dan dilengkapi pula dengan meriam besar. Kota batu di Kuala Selangor itu telah diberikan nama oleh orang Belanda yang dipanggil *Kota Altingsburg*, mengambil sempena nama Gabenor-Jeneral Belanda di Hindia Timur masa itu, dan kota yang di atas Bukit Tanjung Keramat itu dinamakan *Kota Utrecht*, mengikut nama kapal Jacob Pieter van Braam yang menjadi kapal utama datang menyerang dan mengalahkan Kuala Selangor itu. Orang Belanda telah membuat sebuah kubu berhampiran dengan kota di Kuala Selangor itu dinamakan *Kubu van Braam*.

Setelah orang Belanda menawan Kuala Selangor, mereka pun melantik Raja Muhammad Ali bin Raja Alam menjadi Pemangku Yang DiPertuan Selangor dengan dibantu oleh Sayid Ali, dan mereka adalah di bawah perintah Belanda.

Belum pun berapa lama Raja Muhammad Ali tinggal di Kuala Selangor itu, perbuatannya telah disetujui oleh orang Belanda, lalu Raja Muhammad Ali disuruh oleh orang Belanda balik ke Siak.

Pada akhir tahun 1784, setelah Raja Muhammad Ali me-

tinggalkan Kuala Selangor, Sayid Ali pun mengistiharkan dirinya sebagai Yang DiPertuan Selangor, di bawah kuasa Belanda. Pada masa itu orang Belanda telah cuba memujuk rakyat Selangor supaya bekerjasama dengan Belanda, dan mereka akan diberi pengampunan beramai-ramai dan membenarkan mereka balik ke tempat masing-masing.

Sungguhpun Sayid Ali telah mengisytiharkan dirinya sebagai Yang DiPertuan Selangor, tetapi orang-orang besar Selangor tidak mahu mengiktirafnya sebagai Raja mereka, dan orang-orang besar itu pula tidak mahu menjalankan perniagaan timah dengan orang Belanda selagi orang Belanda tidak merajakan Sultan Selangor yang sebenarnya.

Kira-kira dalam bulan Oktober 1784 itu juga, Laksamana Jacob Pieter van Braam pun meninggalkan Kuala Selangor balik ke Melaka.

Setelah hampir setahun lamanya orang Belanda berkuasa di Kuala Selangor, pada pertengahan tahun 1785, Sultan Ibrahim yang berada di Pahang itu, dengan bantuan orang Pahang seramai lebih kurang dua ribu orang yang diberikan oleh Bendahara Tun Abdul Majid, telah bertolak dari negeri Pahang menuju ke negeri Selangor dengan tujuan hendak menghalau orang Belanda dari negeri Selangor.

Angkatan perang orang Pahang yang dibawa oleh Sultan Ibrahim itu telah sampai di negeri Selangor di tempat yang bernama Tiram Buruk. Dari situ mereka berjalan terus hingga sampai di Permatang. Dari sini, dengan bantuan orang besar di situ yang dipanggil Penggawa Permatang, Sultan Ibrahim hendak melancarkan serangan ke Kuala Selangor.

Pada 27 hari bulan Jun 1785, pada waktu malam, askar Sultan Ibrahim yang terdiri daripada orang Pahang seramai dua ribu orang itu, dan dipimpin oleh baginda sendiri serta dibantu oleh Sayid Jaafar dan Penggawa Permatang, telah menyerang orang Belanda di Kuala Selangor dengan cara mengejut. Kedua-dua pihak telah bertempur dengan begitu hebat. Esok paginya, pada 28 hari bulan Jun 1785, orang Belanda yang ada di Kuala Selangor itu pun dengan segera mengundurkan diri naik ke kapal mereka lalu meninggalkan Kuala Selangor balik ke Melaka. Banyak meriam dan

ubat bedil telah ditinggalkan oleh askar Belanda, kerana tiada sempat hendak membawa atau membinasakannya akibat dari serangan askar Pahang dengan secara mengejut itu. Ada satu riwayat mengatakan, pegawai-pegawai Belanda yang telah diperintahkan supaya membinasakan meriam dan ubat bedil dalam kota itu sebelum meninggalkannya, telah tidak menyempurnakan tugas mereka. Setibanya di Melaka, pegawai-pegawai itu telah dibicarakan dalam mahkamah tentera Belanda.

Sayid Ali yang selama ini telah menggantungkan nasibnya kepada orang Belanda, dan telah mengisytiharkan dirinya sebagai Yang DiPertuan Selangor itu telah lari balik ke negeri Siak. Semenjak itu Sultan Ibrahim telah berjaya menduduki semula takhta kerajaan Selangor di Kuala Selangor setelah dapat menghapuskan penjajahan Belanda di negeri Selangor dengan bantuan orang Pahang. Sultan Ibrahim telah bersemayam dalam kota di Bukit Selangor, dan Raja Nala Muda Selangor bersemayam di Tanjung (Kota Bukit Tanjung Keramat).

Dalam bulan Julai 1785, pihak Belanda yang masih tidak berputus asa itu telah menghantar tiga buah kapal besar serta beberapa buah perahu mengepung Kuala Selangor. Angkatan itu telah berlabuh di kuala Sungai Selangor. Semenjak itu di Selangor beras dan barang-barang makanan yang lain telah naik harganya yang telah mendatangkan kesusahan kepada rakyat. Perniagaan yang sedang berjalan di antara saudagar di Selangor dengan saudagar di Melaka telah terhenti. Penduduk Selangor hanya mendapat bekalan makanan yang dihasilkan dari dalam negeri sahaja di samping mendapat sedikit bantuan dari negeri jiran seperti Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.

Setelah lebih kurang setahun lamanya Kuala Selangor dikepung oleh pihak Belanda itu, akhirnya kedua-dua pihak pun sama-sama ingin hendak berdamai. Pada 29 hari bulan Jun 1786, ketua pihak Belanda di Melaka dengan Sultan Ibrahim telah menandatangani surat perjanjian damai.

INGGERIS DI PULAU PINANG (1791)

Dalam bulan Julai 1786, Kapten Francis Light bagi pihak Kompeni Inggeris (East Hindia Company) bersama dengan anggotanya telah sampai di negeri Kedah. Pada masa itu negeri Kedah diperintah oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah.

Kapten Francis Light telah menemui Sultan Kedah kerana menyambung rundingan yang telah dibuatnya dengan baginda beberapa tahun lalu. Sultan Kedah memang telah berkenalan dan bersahabat dengan Kapten Francis Light pada masa Light datang berniaga di negeri Kedah, sejak tahun 1771 dahulu. Sultan Abdullah Mukarram Shah telah meluluskan permintaan Kapten Light yang telah meminta supaya Kompeni Inggeris dibenarkan menduduki Pulau Pinang, iaitu setelah Kapten Light sendiri pergi melihat pulau tersebut.

Dalam rundingan antara Kapten Light dengan Sultan Abdullah Mukarram Shah pada bulan Julai 1786 itu, baginda masih terus membenarkan Kompeni Inggeris menduduki Pulau Pinang untuk dijadikan tempat berdagang, pangkalan membaiki kapal perang dan untuk mencari kayu dan air bagi kapal-kapal Inggeris yang sedang dalam pelayaran.

Dalam pada itu, baginda telah mengemukakan beberapa syarat kepada Kapten Light supaya dipenuhi oleh Kompeni Inggeris. Di antara syarat yang dikehendaki oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah itu ialah Kompeni Inggeris hendaklah membayar wang kepada baginda sebanyak 30,000 peseta Sepanyol (wang yang digunakan masa itu), tiap-tiap tahun sebagai bayaran sewa menduduki Pulau Pinang; sebarang musuh yang datang hendak melanggar Sultan Kedah, musuh itu akan menjadi musuh juga kepada Kompeni Inggeris, dan Kompeni Inggeris juga hendaklah memberi bantuan seperti askar, senapang atau peluru kepada Sultan Kedah jika ada musuh datang melanggar negeri Kedah.

Semua syarat yang dikehendaki oleh Sultan Kedah itu telah dipersetujui oleh Kapten Light, tetapi mengenai bantuan askar untuk menentang musuh yang menyerang negeri Kedah itu, tidaklah sepatutnya disanggupi oleh Kapten Light, kecuali jika dipersetujui oleh ketua Kompeni Inggeris di India. Sungguhpun Kapten Light sendiri memang bersedia untuk membantu Sultan Kedah tetapi persetujuan yang telah dibincangkan itu belumlah dapat ditentukan sama ada dipersetujui atau tidak oleh ketua Kompeni Inggeris di India. Dalam pada itu, dengan kebenaran yang telah diberikan oleh Sultan Kedah kepadanya, Kapten Light telah berusaha supaya Kompeni Inggeris dapat menduduki Pulau Pinang.

Pada 17 hari bulan Julai 1786, Kapten Light dan angkatanannya telah sampai di Pulau Pinang dari Kedah dan berlabuh di suatu tempat yang disebut *Tanjung*.

Dua puluh lima hari kemudian, setelah hutan di tempat yang bernama Tanjung itu dipagar oleh orang Kapten Light, pada 11 hari bulan Ogos 1786, Kapten Light pun menjalankan upacara rasmi menaikkan bendera Inggeris (Union Jack) di Pulau Pinang dalam suatu perbarisan askar dan tembakan meriam bagi menandakan Pulau Pinang mula diduduki oleh orang Inggeris dan menamakan pulau itu Pulau *Prince of Wales* (Pulau Putera Mahkota Inggeris) dan tempat yang bernama George Town kerana mengambil sempena nama Raja Inggeris yang memerintah masa itu iaitu King George III.

Semenjak Kapten Light menduduki Pulau Pinang sehingga tahun 1791, tiadalah pernah ia membayar wang sewa kepada Sultan Kedah sebagaimana yang dikehendaki dibayar tiap-tiap tahun itu (30,000 ringgit Sepanyol). Dalam pada itu, ada juga ia membayar wang kepada Sultan Kedah sebagai sewa Pulau Pinang itu, tetapi tiadalah tetap banyaknya dan tiada juga tetap masa membayarnya, hanya apabila ada wang baharulah dibayarnya.

Empat bulan selepas itu, dalam bulan Januari 1787, Sultan Kedah pun dapat tahu bahawa syarat yang dikehendaki supaya Kompeni Inggeris membantu baginda dengan askar, senapang atau peluru untuk melawan jika ada musuh datang melanggar dari Kedah itu, tidaklah dipersetujui oleh ketua Kompeni Inggeris, dan tahulah baginda bahawa baginda telah ditipu oleh orang Inggeris. Kebetulan pula masa itu Siam telah marah kepada Sultan Kedah kerana membenarkan orang Inggeris menduduki Pulau Pinang. Siam telah

memaksa Sultan Kedah menyediakan pasukan perang terdiri daripada orang Kedah seramai 5,000 orang dan 150 buah perahu lengkap dengan senjatanya untuk membantu Siam berperang melawan orang Burma. Sultan Kedah telah meminta bantuan Kapten Light hendak melawan Siam, tetapi setelah Kapten Light memberitahu hal itu kepada ketuanya di India, tiadalah Kompeni Inggeris mahu membantu Sultan Kedah. Oleh itu Sultan Kedah pun mengaku tunduk kepada Siam.

Oleh sebab Sultan Kedah tersangat murka kepada orang Inggeris yang telah memperdayakan baginda itu, baginda pun berhajat hendak menghalau orang Inggeris keluar dari Pulau Pinang, lalu baginda mengumpulkan angkatan perang seramai kira-kira lapan ribu orang pergi berkumpul di Sungai Perai yang bersetentang dengan Pulau Pinang. Memandangkan hal itu, Kapten Light pun melengkapkan pula angkatan perangnya. Walaupun pada masa itu angkatan perang Kapten Light yang terdiri daripada askar-askar India itu tidak sebesar angkatan perang Sultan Kedah, tetapi Kapten Light telah berazam hendak melawan juga, dan sebelum angkatan Kedah itu datang menyerang Pulau Pinang, lebih baik ia dahulu pergi menyerang Sungai Perai. Pada 12 hari bulan April 1791 dengan angkatan perang yang kecil tetapi bersemangat Kapten Light pun pergi ke Sungai Perai lalu berperang dengan angkatan Sultan Kedah. Dalam pertempuran itu Kapten Light berjaya mengalahkan angkatan Sultan Kedah dan angkatan itu pun belayar ke utara balik ke negeri Kedah. Pada tahun 1800, kerana diminta oleh Kompeni Inggeris, Sultan Kedah telah menyerahkan tanah Seberang Perai yang terletak bersetentangan dengan Pulau Pinang itu kepada Kompeni Inggeris, iaitu pada masa Sir George Leith menjadi Gabenor di Pulau Pinang. Pulau Pinang memang telah diduduki oleh Inggeris sejak tahun 1786 dengan kebenaran Sultan Abdullah Mukarram Shah.

Dalam surat perjanjian yang telah diperbuat oleh Sultan Dhiauddin dengan Sir George Leith kerana penyerahan Seberang Perai kepada Kompeni Inggeris itu, antara lain ada menyebutkan pada tiap-tiap tahun Kompeni Inggeris akan membayar kepada Sultan Kedah wang sebanyak \$4,000/- kerana menduduki Pulau Pinang, iaitu berjumlah sebanyak \$10,000/- tiap-tiap tahun.

Tengku Ahmad Tajuddin (Tunku Pengeran) putera almarhum

Sultan Abdullah Mukarram Shah tidak berpuas hati kerana beliau yang sepatutnya mewarisi takhta kerajaan Kedah itu telah diketepikan. Dalam tahun 1803 Tunku Ahmad Tajuddin telah pergi ke negeri Siam mengadap Raja Siam (Rama I) mengadu halnya dan menceritakan perkara yang telah berlaku di negeri Kedah dan menyatakan juga bahawa ayah saudaranya Tunku Dhiauddin telah dilantik menjadi Sultan Kedah.

Dalam bulan September 1803 itu juga Tunku Ahmad Tajuddin telah berangkat balik ke negeri Kedah bersama dengan angkatan Siam seramai 5,000 orang, serta membawa sepucuk surat kuasa dari Rama I yang memerintahkan Tunku Dhiauddin turun dari takhta kerajaan negeri Kedah, dan mengarahkan orang-orang besar Kedah melantik Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pengeran) menjadi Sultan Kedah.

Pada tahun 1803 itu juga, setelah Tunku Dhiauddin diturunkan dari takhta kerajaan Kedah, orang-orang besar Kedah pun melantik Tunku Ahmad Tajuddin sebagai Sultan Kedah bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II. Tunku Dhiauddin diperintahkan kembali di tempat lamanya di Kayang, Perlis dan memerintah di situ.

Tunku Ibrahim, adik seayah kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, dilantik menjadi Raja Muda, dan dialah yang bertugas menjalankan pentadbiran pemerintahan dalam negeri Kedah.

Oleh sebab Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah terhutang budi kepada kerajaan Siam yang telah mempersetujui baginda menjadi Sultan Kedah maka sebagai balasannya baginda pun menghantar Bunga Mas kepada Raja Siam.

Setelah Sultan Ahmad Tajuddin menjadi Sultan Kedah, baginda telah berpindah ke Kota Kuala (sekarang Kota Kuala Muda). Tunku Yusof putera Tunku Dhiauddin Kayang, tinggal bersama baginda di Kota Kuala Muda itu. Tunku Anum bin Tunku Abdul Rahman, sepupu baginda itu digelar Tunku Paduka Raja Jambangan, dan dijadikan ketua pengantar Bunga Mas setiap tiga tahun sekali ke negeri Siam.

Setelah askar Siam yang datang ke negeri Kedah itu balik ke negeri Siam, dalam bulan Oktober 1803 itu juga, timbullah pergaduhan perebutan kuasa di antara raja-raja Kedah. Di antara anak-anak raja Kedah yang menentang Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah itu ialah Tunku Ibrahim Raja Muda Kedah dan Tunku Bisnu

dan mereka berdua itu adalah adik-beradik seayah dengan baginda. Tunku Ibrahim dan Tunku Bisnu mahukan bahagian masing-masing daripada wang \$10,000/= yang dibayar kepada Sultan Kedah setiap tahun oleh Kompeni Inggeris kerana Inggeris menduduki Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Pada masa itu juga, Tunku Bisnu telah mengumpulkan ramai pengikutnya lalu memberontak menentang orang Kedah yang menyebelahi Sultan Ahmad Tajuddin, dan pertempuran itu telah dapat dihentikan setelah Sultan Kedah meminta bantuan dari Kompeni Inggeris di Pulau Pinang.

Tunku Ibrahim dan Tunku Bisnu telah pergi menemui wakil Raja Siam di Ligor iaitu Raja Ligor (Nakhon Si Thammarat) dan meminta bantuan untuk menyelesaikan pergaduhan kerana perebutan kuasa yang telah berlaku di negeri Kedah itu. Tiada lama selepas itu, dengan tiada mengetahui hal Tunku Ibrahim dan Tunku Bisnu telah pergi ke Ligor itu, Sultan Ahmad Tajuddin telah pergi pula ke Ligor dan meminta bantuan Raja Nakhon Si Thammarat (Raja Ligor) bagi menyelesaikan huru-hara yang sedang berlaku di negeri Kedah yang telah dibangkitkan oleh Tunku Ibrahim dan Tunku Bisnu itu.

Apabila Tunku Sulaiman (adik kandung Tunku Ibrahim), adik seayah kepada Sultan Ahmad Tajuddin, dapat tahu hal ketiga-tiga saudaranya itu telah pergi ke Ligor maka beliau begitu terkejut, dan berpendapat bahawa perbuatan saudaranya itu seolah-olah telah menyerahkan negeri Kedah masuk ke bawah kuasa Raja Ligor wakil Raja Siam itu. Oleh sebab itu Tunku Sulaiman pun berpindah ke tempat yang bernama Kota di tepi Sungai Perai berhampiran sempadan Kedah dengan Seberang Perai.

Dalam bulan Januari 1801, Raja Ligor (Nakhon Si Thammarat) dengan angkatan perangnya telah datang ke negeri Kedah dengan tujuan hendak mengatur dan menetapkan pemerintahan di negeri Kedah, iaitu setelah beliau menerima pengaduan dan permintaan dari Tunku Ibrahim, Tunku Bisnu dan Sultan Kedah. Setelah berunding dengan Sultan Kedah yang terlibat dalam hal itu, serta dengan orang-orang besar Kedah, Raja Ligor telah cuba menyelesaikan pergaduhan itu dan telah menetapkan: Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah tetap juga menjadi Raja (Sultan) Kedah, Tunku Ibrahim

disahkan menjadi Raja Muda Kedah, dan Tunku Bisnu ditetapkan memerintah di wilayah Setul.

Dalam tahun 1809, Rama I, Raja Siam telah sakit. Pada masa itulah orang Melayu di Patani yang dikuasai oleh orang Siam, telah memberontak melawan penguasaan Siam di Patani. Kerajaan Siam telah memerintahkan Sultan Kedah menghantarkan askar serta alat kelengkapan perang membantu orang Siam mematahkan pemberontakan orang Melayu di negeri Patani itu. Sultan Kedah yang memang tidak suka menghantar askarnya pergi membantu Siam yang telah menindas orang Melayu Patani itu, tiadalah dapat berbuat apa-apa, dan terpaksa baginda membantu Siam walaupun orang-orang besar Kedah tidak menyetujui tindakan baginda itu.

Pada 9 hari bulan September 1809 itu juga, Rama I, Raja Siam itu telah meninggal dunia. Pada masa itu orang Burma yang bermusuhan dengan Siam telah menyerang dan menawan beberapa buah tempat dalam daerah takluk Siam di sebelah utara negeri Patani (di Segenting Kra).

Setelah orang Burma dapat menguasai beberapa buah daerah di Segenting Kra itu, mereka telah memaksa Sultan Kedah memberikan bekalan makanan untuk askar Burma yang berperang dengan orang Siam dan Sultan Kedah juga dikehendaki mengakui bahawa negeri Kedah itu masuk di bawah kuasa orang Burma pula. Sultan Kedah tidak dapat menolak permintaan orang Burma itu, kerana kekuatan perang orang Burma jauh lebih besar dan lebih kuat daripada kekuatan Kedah dan orang Burma itu pula selalu berperang dengan orang Siam, oleh itu terpaksa juga Sultan Kedah mengikut kehendak orang Burma itu.

Tunku Bisnu telah berkuasa di wilayah Setul semenjak tahun 1808 dan pada tahun 1809 Tunku Bisnu telah cuba hendak berkuasa di negeri Kedah iaitu dengan menggunakan peristiwa Sultan Kedah yang telah membantu orang Burma itu. Beliau telah berhubung dengan Raja Ligor hendak menjalankan helahnya itu.

Pada awal tahun 1810, Tunku Bisnu bersama dengan Raja Ligor (Nakhon Si Thammarat) telah pergi mengadap Raja Siam - Rama II. Mereka telah membuat fitnah mengatakan kepada Raja Siam bahawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, Sultan Kedah, tidaklah sebenarnya mentaati Raja Siam, kerana baginda telah

berbaik-baik dengan musuh ketat Siam iaitu orang Burma.

Pada masa itulah terdengar berita yang mengatakan Siam hendak datang melanggar negeri Kedah.

Apabila berita itu sampai kepada Sultan Kedah, baginda pun meminta bantuan untuk mempertahankan negeri Kedah dari orang Inggeris di Pulau Pinang iaitu mengikut surat perjanjian yang telah diperbuat oleh Kompeni Inggeris dengan Sultan Kedah. Permintaan baginda itu tidak berjaya, sebaliknya pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang telah menerangkan bahawa orang Inggeris tiada boleh mencampuri hal-ehwal Kedah dengan Siam itu. Bahkan C. Bruce yang baharu sampai pada bulan Mac 1810 menjadi Gabenor di Pulau Pinang itu telah menasihatkan Sultan Kedah supaya menyerah sahaja kepada Siam. Pada masa itu Inggeris lebih mengutamakan kepentingan mereka dengan kerajaan Siam, terutama dalam hal perniagaan di negeri Siam dan kerana permusuhan Inggeris dengan Burma.

Oleh sebab Sultan Kedah telah menjadi serba salah, baginda pun memikirkan cara yang sebaik-baiknya untuk menyelamatkan negeri Kedah daripada serangan askar Siam, iaitu lebih baiklah baginda menurut sahaja kehendak Siam itu.

Sultan Kedah telah menitahkan Bendahara serta beberapa orang pembesarnya dengan satu angkatan besar mengandungi beberapa buah perahu besar dan kecil membawa barang makanan dan lain-lain barang bantuan pergi ke tempat yang bernama Trang dan memberikan bantuan itu kepada ketua askar Siam yang sedang berperang dengan orang Burma.

Apabila Sultan Kedah menghadapi kesulitan yang ditimbulkan oleh Tunku Ibrahim, Tunku Bisnu dan orang Siam itu, Sultan Kedah pun menulis surat kepada Gabenor Inggeris di Pulau Pinang bertanyakan: adakah Kompeni Inggeris mahu atau tidak "memenuhi syarat-syarat dalam perjanjian" yang telah dibuat oleh orang Inggeris dengan Sultan Kedah iaitu menolong negeri Kedah apabila diserang oleh musuhnya dari luar. Tiada lama lepas itu Sultan Kedah pun menerima jawapan dari Gabenor Inggeris di Pulau Pinang menyuruh baginda membuat perdamaian dengan Siam.

Pada 24 hari bulan Disember 1810 itu juga, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah sendiri telah menulis surat kepada Lord Minto, Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di India yang telah

singhah di Pulau Pinang dalam pelayarannya hendak pergi menakluki Tanah Jawa dari tangan Belanda. Dalam surat itu Sultan Kedah telah sekali lagi meminta orang Inggeris memberi bantuan mempertahankan negeri Kedah dari serangan musuhnya, dan menerangkan juga perhubungan yang telah dibuat oleh orang Inggeris dengan Sultan Kedah, sambil Sultan Kedah mencela Kapten Francis Light dan Gabenor Sir George Leith yang telah mungkir janji tiada mahu membantu Kedah, serta menuduh Siam tiada patut hendak menyerang negeri Kedah. Lord Minto telah menjawab surat Sultan Kedah itu dan menyatakan persetujuannya mengenai kandungan surat itu, Lord Minto belum dapat memberi kata muktamad hendak membantu Kedah.

Pada awal tahun 1811 apabila Lord Minto dan Thomas Stamford Raffles singhah di Melaka dalam pelayaran hendak ke Tanah Jawa, Sultan Kedah telah sekali lagi mengirim surat menerusi Raffles hendak berjumpa dengan Lord Minto di Melaka tetapi tidak juga berjaya.

Berhubung dengan perbuatan Tunku Bisnu pada awal tahun 1810 dahulu yang telah mengatakan kepada Raja Siam bahawa Sultan Kedah telah berbaik dengan orang Burma, pada akhir bulan September 1811 Sultan Kedah telah menghantar satu rombongan membawa *Bunga Mas* ke negeri Siam hendak diberikan kepada Raja Siam (Rama II). Pada masa orang-orang besar Kedah itu hendak berangkat balik ke negeri Kedah, Raja Siam telah memberi perintah kepada Sultan Kedah iaitu Setul dan Lungu hendaklah diserahkan oleh Sultan Kedah masuk ke bawah perintah Raja Senggora (Songkhla) wakil Raja Siam di tempat itu dan lembahan Sungai Yan (Yen), Sungai Merbok dan Sungai Muda diletakkan di bawah perintah Tunku Bisnu.

Lebih kurang setahun kemudian pada akhir tahun 1812, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah menghantar Datuk Bendahara Kedah bersama dengan putera kesayangan baginda Tunku Abdullah dalam suatu rombongan bersama Raja Ligor (Nakhon Si Thammarat) pergi mengadap Raja Siam (Rama II) untuk menyampaikan taat setia Sultan Kedah kepada Raja Siam.

Pada tahun 1813, Raja Siam telah sekali lagi meminta Sultan Kedah menghantarkan 1,500 orang askar serta 100 buah perahu untuk membantu Siam memerangi orang Burma. Sultan Kedah telah

memenuhi permintaan tersebut walaupun tanpa kerelaannya.

Pada tahun 1816 Sultan Kedah telah diperintahkan oleh Raja Siam pergi menyerang negeri Perak. Angkatan perang Kedah mengandungi seramai 5,000 orang askar yang dibawa dengan 200 buah perahu dan telah menyerang di bahagian utara negeri perak. Dalam bulan September 1818 baharulah Kedah dapat mengalahkan Perak. Semenjak itu, selain dari Kedah, Sultan Perak juga menghantar *Bunga Mas* sebagai tanda tunduk kepada Raja Siam (1819).

Dalam tahun 1818 itu juga, Sultan Kedah telah terpaksa lagi memenuhi permintaan Raja Siam, iaitu Sultan Kedah telah menghantar 2,500 orang askar Kedah untuk menolong Siam berperang dengan orang Burma di Trang. Pada masa itu Sultan Kedah masih lagi tunduk di bawah kuasa Raja Siam.

Semenjak berlakunya dua peperangan itu - di negeri Perak dan di Trang - penduduk negeri Kedah telah semakin berkurangan, kerana telah dihantar pergi ke medan perang membantu askar Siam.

Pada 7 hari bulan September 1818 itu juga, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah menerima surat daripada Kalam (orang besar Siam) dan daripada Raja Ligor (Nakhon Si Thammarat) memerintahkan baginda menghantar 300 koyan beras dan 100 buah perahu yang lengkap alat kelengkapannya untuk membantu Siam mempertahankan negeri-negeri di utara Kedah dan negeri Kedah juga dari serangan musuh iaitu orang Burma dan orang Melayu Patani. Dalam pada itu, orang Siam telah mengesyaki Sultan Kedah berbaik-baik dengan orang Burma, kerana adanya 40 buah perahu orang Burma di Pulau Pinang.

Pada masa itu Sultan Kedah telah meminta nasihat Gabenor Inggeris di Pulau Piang kerana baginda bermaksud hendak menolak permintaan Siam itu, dan baginda telah meminta pula supaya seorang pegawai Inggeris di Pulau Pinang bernama W.S. Cracroft dihantar datang ke negeri Kedah.

Pada 12 hari bulan Oktober 1818 itu juga, Cracroft dan Caunter pegawai Inggeris dari Pulau Pinang telah sampai di negeri Kedah sebagai memenuhi permintaan Sultan Kedah itu. Tetapi yang sebenarnya kedatangan mereka ke negeri Kedah itu ialah kerana hendak mendapatkan faedah bagi kepentingan Kompeni Inggeris hendak meluaskan lagi daerah di semenanjung yang di bawah kuasa Sultan Kedah dan mencari jalan supaya orang Inggeris dapat bebas

belayar di Sungai Muda, Sungai Perai dan Sungai Kerian. Di samping itu juga, pihak Inggeris ingin mendapatkan tanah di negeri Kedah bagi mendirikan loji mereka, dan juga supaya dapat menguasai perniagaan timah yang dikeluarkan dari negeri Perak dan Patani.

Dalam pada itu, pada masa inilah juga, pegawai Siam di Trang telah dapat (merampas atau mencuri) sepucuk surat dari orang Burma yang hendak disampaikan kepada Sultan Kedah. Dalam surat itu menyebutkan: orang Burma menyuruh Sultan Kedah memberontak melawan kekuasaan Siam. Surat itu telah dihantar ke Bangkok untuk disampaikan kepada kerajaan Siam. Mengikut riwayatnya perkara yang tersebut dalam surat itulah yang sebenarnya menyebabkan orang Siam menyerang negeri Kedah seperti yang akan diceritakan di bawah ini.

Kira-kira di antara tahun 1818-1819, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah melantik adinda baginda (berlain ibu) yang bernama Tunku Yaakub (disebut juga Tunku Embun) menjadi Raja Muda Kedah. (Tunku Ibrahim yang menjadi Raja Muda Kedah dulu tiada didapati riwayatnya lagi).

Tiada lama setelah dilantik menjadi Raja Muda, Tunku Yaakub (Tunku Embun) telah meminta kekandanya Sultan Kedah mengizinkan memerintah di Kayang (Perlis) menggantikan Tunku Dhiauddin dan juga di Setul. Tetapi permintaan itu tidak diperkenankan oleh Sultan Kedah, kerana baginda mahukan Tunku Yusuf putera Tunku Dhiauddin yang tinggal bersama baginda itu memerintah di Kayang menggantikan ayahnya. Oleh sebab itu timbullah kemarahan Tunku Yaakub (Tunku Embun) terhadap kekandanya Sultan Kedah itu.

Pada masa inilah juga Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah berpindah dari Kota Kuala Muda pergi bersemayam ke suatu tempat bernama Pulau Tiga di hulu Sungai Merbuk, berhampiran Sungai Lalang dalam daerah Kuala Muda juga.

Dalam tahun 1820 berlaku lagi peristiwa yang menambahkan kesulitan dan dukacita Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah. Tunku Yaakub (Tunku Embun) Raja Muda Kedah itu, dengan pertolongan Raja Nakhon Si Thammarat (Ligor) telah pergi mengadap Raja Siam (Rama II) di bandar Bangkok. Tunku Yaakub (Tunku Embun) telah membuat fitnah di hadapan Raja Siam itu menyalahkan Sultan Kedah yang telah menjauhkan diri pergi bersemayam ke Pulau Tiga.

dan baginda tiada menjalankan pemerintahan yang betul di negeri Kedah. Tunku Yaakub (Tunku Embun) juga mengatakan bahawa Sultan Kedah sedang membuat rancangan hendak menyerahkan negeri Kedah kepada Raja Siak. Kenyataan Tunku Yaakub (Tunku Embun) itu telah disokong oleh Raja Ligor. Raja Ligor itu sendiri pula telah meminta Raja Siam supaya membenarkannya menyerang Kedah, tetapi akhirnya terpaksa juga Raja Siam itu mengikut kehendak Raja Ligor wakilnya di Nakhon Si Thammarat itu. Tunku Yaakub bersama dengan Raja Ligor telah berangkat balik ke Ligor dan Tunku Yaakub telah tinggal di Ligor.

Semenjak Tunku Yaakub (Tunku Embun) Raja Muda Kedah itu tinggal di Ligor, beliau selalu datang menemui Raja Ligor bahkan mereka telah bersahabat karib. Dengan hasutan Tunku Yaakub, pada akhir tahun 1821 (bulan November), Raja Ligor telah melengkapkan angkatan perangnya hendak menyerang negeri Kedah. Angkatan perang Raja Ligor yang hendak menyerang negeri Kedah itu ialah angkatan laut dan angkatan darat, diketuai oleh dua orang anak Raja Ligor.

Angkatan perang laut Raja Ligor telah sampai di Kuala Bahang (Kota Kuala Muda), lalu memberitahu Datuk Bendahara dan Laksamana Kedah yang ada di situ bahawa kedatangan orang Ligor (Siam) itu ialah berkehendakkan beras dan alat kelengkapan untuk membantu mereka memerangi orang Burma. Dengan tidak menantikan apa-apa perintah lagi daripada Sultan Kedah, Datuk Bendahara dan Datuk Laksamana Kedah telah menolak permintaan orang Ligor itu. Oleh sebab itu, dalam bulan November 1821 itu juga, 7,000 orang askar Ligor (Siam) telah naik ke darat lalu memerangi orang Kedah. Serangan orang Ligor itu telah ditentang oleh orang-orang Kedah di bawah pimpinan Datuk Bendahara dan Datuk Laksamana. Pertempuran itu berlaku dengan begitu hebat tetapi oleh sebab askar Ligor yang datang itu jauh lebih ramai daripada askar Kedah, dan orang Kedah pula ketika itu belum lagi bersedia hendak melawan askar Ligor yang datang menyerang secara mengejut itu, maka ramailah orang-orang besar dan rakyat jelata Kedah yang telah terkorban dalam peperangan itu. Pada masa itu sampai pula angkatan Raja Ligor yang datang melalui jalan darat, lalu askar Ligor itu membakar kampung orang Melayu di sepanjang jalan yang mereka lalui sehingga orang-orang Kedah lari bertempiaran me-

nyelamatkan diri. Akhirnya negeri Kedah telah ditawan oleh Siam (askar Ligor). Bendahara Kedah telah ditawan dan dibawa oleh orang Ligor, tetapi telah mati semasa dalam perjalanan kerana diracun oleh orang Siam. Sultan Kedah yang bersemayam di Pulau Tiga telah cuba juga hendak melawan askar Siam (Ligor) tetapi oleh sebab orang-orangnya tidak mencukupi dan alat kelengkapan juga terhad, maka baginda pun membawa isteri dan anak-anaknya serta pengikut baginda meninggalkan negeri Kedah pergi melindungi diri ke Seberang Perai. Tunku Jamjam adik Sultan Kedah, isteri Tunku Long Putih Palembang, serta putera-puterinya ditawan oleh orang Siam dan dibawa ke Ligor.

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah dan keluarga baginda yang telah meninggalkan negeri Kedah itu, telah pergi ke tempat adinda baginda Tunku Sulaiman di Kota di tepi Sungai Perai (dekat sempadan Kedah - Seberang Perai) dan tinggal di situ.

Pada masa Sultan Kedah meninggalkan negeri Kedah pergi ke Seberang Perai itu, sebuah perahu besar kepunyaan baginda yang bermuat harta kekayaan baginda telah dirampas oleh orang Siam. Empat belas atau lima belas buah perahu Siam yang sedang mengejar baginda meninggalkan negeri Kedah itu telah ditahan oleh askar Inggeris kerana memasuki Seberang Perai.

Setelah askar Ligor yang diperintahkan oleh kerajaan Siam itu menakluki negeri Kedah, negeri itu telah dibahagikan oleh Siam kepada empat bahagian, (i) Kedah, diperintah oleh anak Raja Ligor yang menjadi Wakil Raja Siam di negeri itu; anak Raja Ligor yang memerintah di Kedah itu digelar Phra Borira Phubet, dan dibantu oleh adiknya yang digelar Phra Sena Nuchit; (ii) Setul, diperintah oleh Tunku Bisnu; (iii) Perlis, diperintah oleh Sayid Husain Jamalullail, dan (iv) Kubang Pasu, diperintah oleh Tunku Anum.

Pada masa itu juga Tunku Anum yang bersahabat dengan anak Raja Ligor yang memerintah di Kedah, telah berpindah ke Ligor. Semasa di Ligor, Tunku Anum telah mengahwinkan Sayid Husain Jamalullail (anak Sayid Harun Jamalullail atau Sayid Abu Bakar) dengan Tunku Aishah anak Tunku Jamjam (adik Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah) isteri Tunku Long Putih.

Pada masa ini orang Inggeris sedang bermusuhan dengan orang Burma, oleh sebab itu orang Inggeris telah berbaik-baik dengan

orang Siam dan tidaklah pula orang Inggeris berbaik dengan Sultan Kedah yang sedang dalam pelarian itu. Ketua orang Inggeris di Pulau Pinang telah datang ke negeri Kedah lalu membuat perjanjian perniagaan dan politik dengan wakil kerajaan Siam yang memerintah di Kedah, dan Inggeris telah mengakui bahawa Kedah ialah takluk Siam, dan juga Inggeris telah berjanji akan menyekat semua rancangan orang Melayu yang akan dilancarkan ke negeri Kedah yang di bawah perintah Siam itu. Oleh sebab penduduk di negeri Kedah tidak suka dengan pemerintahan orang Siam, maka ramailah di antara mereka yang telah menyeberangi Sungai Muda dan pindah ke Seberang Perai. Pada masa itu penduduk negeri Kedah yang dahulunya berjumlah 180,000 orang, hanya tinggal lebih kurang 60,000 orang sahaja.

Pada tahun 1823, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah yang berada di Seberang Perai itu telah menghantar putera sulungnya bernama Tunku Abdullah membawa 3,000 orang askar Melayu pergi menyerang orang Siam di negeri Kedah. Angkatan itu telah menyerang dan melakukan rampasan di tempat orang Siam di Kuala Kedah. Tetapi, akhirnya mereka telah dikalahkan juga oleh askar Siam. Ketua Pemerintah Siam di negeri Kedah telah menghantar bantahan kepada ketua orang Inggeris di Pulau Pinang kerana Inggeris tidak menyekat serangan orang Melayu ke negeri Kedah itu. Dalam bulan Mac 1823 itu juga, Gabenor Philips di Pulau Pinang telah memberi amaran kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah yang ada di Seberang Perai supaya jangan melawan orang Ligor atau Siam yang ada di negeri Kedah.

Pada tahun 1824, orang Inggeris telah membuat pengakuan kepada pemerintah Siam di negeri Kedah bahawa mereka akan menyekat orang Melayu yang hendak menyerang negeri Kedah. Orang Inggeris juga telah meminta Siam, sebagai pemerintah negeri Kedah itu, supaya mengesahkan lagi kebenaran yang telah diberikan kepada Inggeris menduduki Pulau Pinang dan Seberang Perai, dan pengesahan itu telah diberikan oleh kerajaan Siam.

Pada tahun 1825, seorang anak saudara kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah bernama Tunku Muhammad Jaafar bin Ibrahim, telah bersekutu dengan Sayid Zainal Abidin yang lebih terkenal dengan nama Tunku Kudin, menyediakan kelengkapan perang hendak menyerang orang Siam di Kuala Kedah. Mereka

telah mengumumkan kepada orang Melayu di Seberang Perai, Pulau Pinang dan juga di negeri Kedah bahawa mereka hendak melancarkan *Perang Sabil* terhadap orang Siam. Oleh sebab itu ramailah orang Melayu yang menyebelahi mereka. Seorang keturunan India Islam di Pulau Pinang bernama Hasan telah sanggup mengeluarkan perbelanjaan untuk angkatan perang itu, dan seorang bangsa Jerman di Pulau Pinang bernama Frederick Reynter telah menawarkan diri hendak memimpin angkatan perang yang hendak menyerang orang Siam di negeri Kedah itu. Apabila berita itu terdengar kepada orang Inggeris di Pulau Pinang, Inggeris telah menghalau Tunku Muhammad Jaafar keluar dari Pulau Pinang, dan beliau telah menyamar diri dan tinggal di Seberang Perai (beliau telah meninggal dunia pada tahun 1896).

Pada tahun 1825 itu juga, Tunku Kudin (Sayid Zainal Abidin) dengan angkatan perangnya yang terdiri daripada orang Melayu telah menyerang orang Siam di Kota Kuala Muda. Setelah berlaku pertempuran hebat di antara orang Melayu dengan orang Siam di situ, orang Siam itu pun berundur dan pergi ke tempat yang bernama Alor Ganu. Tiada lama selepas itu, datanglah bantuan dari negeri Siam ke Alor Ganu. Dari Alor Ganu, askar Siam itu telah menyerang pihak Tunku Kudin (Sayid Zainal Abidin) di Kota Kuala Muda. Dalam pertempuran hebat yang telah berlaku di Kota Kuala Muda itu, angkatan Tunku Kudin telah kalah dan balik ke Seberang Perai. Setelah Siam berkuasa semula di negeri Kedah, Tunku Yaakub (Tunku Embun) yang berada di Ligor itu telah balik ke negeri Kedah dan tinggal di Alor Ganu.

Pada tahun 1826, Kapten Henry Burney bagi pihak Kompeni Inggeris telah membuat perjanjian persahabatan dan perniagaan dengan kerajaan Siam di bandar Bangkok.

Kira-kira dalam bulan Ogos 1826 itu juga, Sultan Ahmad Tajuddin yang berada di Kota itu, telah berpindah ke Kuala Perai.

Pada tahun hadapannya, tahun 1827, Tunku Sulaiman yang masih berada di Kota itu telah meminta kebenaran daripada ketua Siam yang memerintah di negeri Kedah supaya membenarkan beliau balik dan tinggal di Kota Kuala Kedah, membayar \$2,000/- kepada Siam dan mengaku taat di bawah kuasa Raja Siam.

Semasa Tunku Sulaiman tinggal di negeri Kedah itu, beliau sangat benci terhadap pihak Inggeris yang telah bermuka-muka

kepada orang Siam di negeri itu. Pada suatu masa, Tunku Sulaiman telah dapat mempengaruhi orang Melayu di Perai supaya melawan pihak Inggeris di situ. Mereka telah membunuh seorang mata-mata, tiga orang askar sepahi dan beberapa orang peon Kompeni Inggeris. Pada masa itu Tunku Long Putih suami Tunku Jamjam adik Sultan Kedah, serta seorang Jawi peranakan di Pulau Pinang bernama Pakir Shah telah menyebelahi Tunku Sulaiman.

Dalam bulan Januari 1828, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah yang berada di Kuala Perai itu telah meminta kebenaran dari orang Inggeris hendak berpindah ke Jelutong di Pulau Pinang atau di Teluk Air Tawar di Seberang Perai. Tetapi permintaan baginda itu tidak diluluskan oleh Inggeris.

Pada tahun hadapannya, tahun 1829, Tunku Kudin (Sayid Zainal Abidin) telah pergi ke negeri Kedah dan telah menemui Tunku Long Putih. Semasa di negeri Kedah itulah Tunku Kudin bersama dengan dua orang anak Tunku Long Putih telah menyerang orang Siam di Pulau Mutia, di Salang (Junk Ceylon) dan di Pulau Langkawi.

Pada masa itulah juga, Tunku Abdullah dan Tunku Daik putera bekas Sultan Kedah itu, bersama dengan ipar mereka Tunku Long Putih (suami Tunku Jamjam) telah pergi ke negeri Kedah dan membuat sebuah kubu lalu menyerang orang Siam di negeri Kedah. Tetapi tiada lama kemudian mereka telah dikalahkan oleh orang Siam. Kemudian Tunku Kudin serta anak-anak Tunku Long Putih itu telah menyerang orang Siam di bahagian pantai negeri Kedah. Tetapi oleh sebab angkatan Tunku Kudin itu telah sesat dalam pelayaran, mereka pun dikalahkan oleh orang Siam.

Dalam bulan November 1829 itu juga, Residen Konsular Ibbetson telah memberitahu ketua Siam yang memerintah di negeri Kedah bahawa bekas Sultan Kedah yang berada di Kuala Perai itu telah berpindah ke Teluk Air Tawar (di Seberang Perai juga), tetapi Inggeris mengaku akan menjaga supaya baginda tidak membuat kacau terhadap orang Siam di negeri Kedah.

Pada 19 hari bulan Disember 1829, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah menulis surat kepada Seri Lela Pahlawan dan Raja Putera Jaya, tetapi surat itu telah dapat dirampas oleh orang Siam. Dalam surat itu ada baginda mengatakan:

PERJUANGAN ORANG MELAYU MENENTANG PENJAJAHAN

Ketahuilah bahawa beta telah meminta kepada Gabenor Pulau Pinang, tetapi ia telah melarang beta melancarkan perang dari sana (Pulau Pinang); dalam pada itu ia telah menyetujui beta pindah pergi diam di Teluk Air Tawar, dan cuba mendapatkan semua orang Kedah yang diam di Perai, Penaga dan Kuala Muda menyebelahi beta. Lima ribu orang Melayu akan masuk menyebelahi beta. Gabenor itu meminta beta supaya merahsiakan perkara ini daripada orang Siam. Kompeni Inggeris akan menolong beta ... Beta telah memerintahkan putera beta Zainal Abidin (Zainal Rashid) dan Tunku Long Putih ipar beta, menanti beta di Pulau Langkawi ... Beta bermaksud hendak menyerang Siam di negeri Kedah dengan lima ribu orang askar melalui Pulau

.....

Pada 30 hari bulan Januari 1830 ketua Siam yang memerintah di negeri Kedah telah mengemukakan surat itu kepada ketua orang Inggeris di Pulau Pinang dan menyatakan mengenai pakatan sulit dengan orang Melayu seperti yang tersebut dalam surat itu. Sambil itu pihak Siam telah bertanya juga kepada pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang mengapa pada masa itu orang Inggeris telah menempatkan askar Sepahi di Perai, Penaga dan Bukit Mertajam.

Dalam tahun 1830 itu juga, Tunku Kudin (Sayid Zainal Abidin) dari Seberang Perai telah pergi lagi ke negeri Kedah lalu menawan sebuah kampung di tenggara Kedah. Di situ Tunku Kudin telah membunuh seorang yang bernama Muhammad Nur kerana ia menyebelahi Siam dan tidak taat setia kepada bekas Sultan Kedah. Tunku Kudin telah berkahwin dengan janda Muhammad Nur itu dan telah mengambil semua harta kekayaannya, dan Tunku Kudin pun balik ke Seberang Perai.

Anak Raja Ligor yang menjadi ketua pemerintah Siam di negeri Kedah itu telah menulis surat meminta pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang menghalau Tunku Kudin keluar dari Seberang Perai, kerana ia selalu mengacau orang Siam di negeri Kedah. Pada masa itulah Tunku Kudin telah menyamar diri pergi ke Kuala Kedah dan tinggal bersama dengan Tunku Sulaiman dalam Kota Kuala Kedah itu.

Dalam bulan Jun 1831, Inggeris di Pulau Pinang telah memujuk bekas Sultan Kedah yang berada di Teluk Air Tawar Seberang Perai itu supaya berpindah ke Melaka. Tetapi perpindahan itu hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Ketua Kompeni Inggeris di Benggala.

Semenjak itu hingga dua tahun lebih lamanya tiadalah berlaku apa-apa kekacauan terhadap orang Siam di negeri Kedah, sehingga-

kan askar Siam yang ada di negeri Kedah masa itu hanya seramai lebih kurang 300 orang.

Pada tahun 1833, Tunku Kudin dengan membawa seramai 3,000 orang Melayu pengikutnya dengan dibantu oleh Tunku Long Putih dan Tunku Sulaiman telah menyerang orang Siam di negeri Kedah. Tunku Sulaiman menyerang melalui laut. Beberapa orang daripada askar Tunku Sulaiman itu telah diberi berpakaian seragam cara Sepahi Inggeris. Apabila anak Raja Ligor ketua Siam yang memerintah di negeri Kedah melihat askar Melayu yang datang menyerang itu bersama dengan "askar Sepahi", orang Siam pun kacau-bilau kerana mereka menyangka orang Melayu itu telah dibantu oleh Inggeris.

Orang Siam itu terus juga melawan tetapi akhirnya askar Tunku Kudin yang telah bersatu dengan askar Tunku Sulaiman itu berjaya menawan kota orang Siam itu. Askar-askar Siam yang dapat ditawan telah diseksa oleh orang Melayu dengan cara yang sangat kejam kemudian dibunuh. Pihak Tunku Kudin dan Tunku Sulaiman telah menghalau orang Siam keluar dari negeri Kedah (tahun 1833) dan negeri Kedah pun dapat semula ke tangan orang Melayu Kedah. Pada masa itu Tunku Kudin dan Tunku Sulaiman telah membenarkan Tunku Long Putih dengan pasukan perangnya balik semula ke Palembang, dan tinggallah Tunku Kudin dan Tunku Sulaiman mengaturkan semula pemerintahan di negeri Kedah serta menyusun pasukan perang mereka lalu melantik Pakir Shah menjadi panglima bagi pasukan itu.

Serangan Tunku Kudin dan Tunku Sulaiman yang telah berjaya menghalau orang Siam dari negeri Kedah dalam tahun 1833 itu, telah dikutuk oleh Residen Ibbetson di Pulau Pinang yang mensifatkan serangan itu sebagai serangan "perompak laut", kerana Inggeris hendak memelihara hubungan baiknya dengan Siam yang telah membuat Perjanjian Burney pada tahun 1826 dahulu. Ibbetson telah menghantar kapal Kompeni Inggeris yang bernama Emerald, Zaphyr dan Wolf yang diketuai oleh Kapten Stanley pergi mengepung perairan Kuala Kedah lalu menangkap beberapa orang pemimpin Melayu di negeri Kedah.

Tunku Kudin sangat marah dan mengutuk perbuatan orang Inggeris itu. Tetapi pada masa itu tiadalah dapat beliau melawan orang Inggeris itu kerana Tunku Long Putih dengan pasukan

perangnya telah balik ke Palembang. Dalam pada itu, Tunku Kudin telah cuba hendak berbuat baik dengan Siam dengan mengatakan kepada orang Siam bahawa Kompeni Inggeris telah menawarkan pertolongan kepada beliau hendak mengambil semula negeri Kedah. Tetapi kenyataan Tunku Kudin itu tidak dipercayai oleh orang Siam.

Tiada lama selepas itu, angkatan perang Siam yang mengandungi seramai 7,500 orang askar diketuai oleh seorang keluarga diraja Siam sendiri telah datang menyerang pihak Tunku Kudin yang bertahan dalam kotanya di negeri Kedah itu. Lima bulan lamanya kota itu dikepung dan diserang oleh askar Siam, manakala pihak Tunku Kudin serta orang-orangnya pula telah memberikan tentangan yang hebat dan penuh keberanian. Tunku Kudin dengan baki orangnya seramai 60 orang yang tinggal dalam kota itu telah terus melawan sehingga akhirnya Tunku Kudin serta pengikutnya itu telah mati secara pahlawan dibunuh oleh askar Siam.* Dalam pertempuran merebut kota Tunku Kudin itu, seramai 1,487 orang pengikut Tunku Kudin telah terbunuh, manakala pihak Siam pula 700 orang askarnya yang terbunuh. Kepala Tunku Kudin yang dipenggal oleh orang Siam itu telah dibawa ke Bangkok diserahkan kepada Raja Siam, Tunku Sulaiman telah ditangkap lalu dihukum bunuh. Tetapi jasa pengorbanan mereka mempertahankan tanahair telah menjadi kenangan selama-lamanya bagi orang-orang Melayu.

Dua tahun kemudian, pada tahun 1835, seorang panglima Melayu di Pulau Langkawi bernama Wan Mat Ali telah datang melalui laut menyerang orang Siam di negeri Kedah iaitu di Sungai Merbok. Satu angkatan orang Melayu lainnya pula diketuai oleh panglima Melayu yang bernama Muhammad Taib telah datang melalui darat menyerang orang Siam di negeri Kedah. Wan Mat Ali telah dikalahkan oleh orang Siam dan Muhammad Taib telah ditangkap oleh askar Sepahi Inggeris yang membantu Siam.

Kira-kira pada tahun 1835 itulah juga, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah bekas Sultan Kedah yang berada di Seberang Perai bersama isteri dan putera baginda yang bernama Tunku Abdullah

*Mengikut keterangan setengah riwayat di Kedah: Saiyid Zainal Abidin (Tunku Kudin) itu tidak mati syahid dalam peperangan, beliau telah mengasingkan diri beribadat di Gunung Bayu, Kedah, semenjak itu tiadalah diketahui ceritanya lagi.

dan Tunku Zainal Rashid (timang-timangannya Tunku Daik) telah dipindahkan oleh Kompeni Inggeris pergi ke Melaka.

Dalam tahun 1838 pula, seorang keluarga diraja Kedah bernama Tunku Muhammad Saad telah dapat mengumpulkan orang Melayu Kedah seramai 5,000 orang dan orang Melayu Seberang Perai 2,000 orang, lalu membawa orang-orangnya itu berkumpul di Sungai Merbok dan menantikan kedatangan angkatan Wan Mat Ali dari Pulau Langkawi. Tunku Muhammad Saad telah mengatakan kepada orang Melayu Kedah dan Seberang Perai yang menjadi pengikutnya itu bahawa beliau telah mendapat ilham dalam mimpinya menyuruh beliau pergi menyerang orang Siam di negeri Kedah dan beliau akan beroleh kemenangan. Itulah sebabnya ramai orang Melayu mengikut beliau hendak melancarkan serangan itu. Pasukan Tunku Muhammad Saad itu telah pergi menyerang askar Siam yang ada bertahan di Kota Kuala Kedah. Pihak Siam yang ada dalam kota itu ialah askar Melayu seramai 70 orang dan askar Siam seramai 300 orang. Setelah berlaku pertempuran hebat di situ, pihak Siam telah mengalahkan pihak Tunku Muhammad Saad.

Setelah pasukan Tunku Mohammad Saad gagal mengalahkan orang Siam di Kota Kuala Kedah itu, ada pula satu pasukan Tunku Muhammad Saad yang lain, diketuai oleh panglimanya Tok Muhammad Taib, telah pergi menyerang orang Siam di Alor Ganu. Dalam pertempuran di antara orang Melayu dengan orang Siam di Alor Ganu itulah, Tunku Yaakub (Tunku Embun) Raja Muda Kedah yang menyebelahi orang Siam itu telah mati dibunuh oleh orang Siam.

Peperangan di antara askar Tunku Muhammad Saad dengan orang Siam itu telah merebak hingga sampai ke sebelah utara negeri Kedah, sehingga orang Melayu itu telah dapat menawan Perlis dan Trang. Pada masa itu orang Melayu Patani yang memang memusuhi orang Siam telah menyebelahi Tunku Muhammad Saad sehingga pada masa itu askar pengikut Tunku Muhammad Saad telah berjumlah seramai lebih kurang 10,000 orang. Mereka telah menyerang kampung orang Siam dan kuil Budha yang terletak di utara negeri Kedah dan terus menyerang orang Siam hingga ke tempat yang bernama Haad Yai lalu menyerang hingga sampai dekat Singgora (Songkhla). Tiga bulan lamanya Tunku Muhammad Saad dengan askarnya seramai 10,000 orang itu mengepung dan me-

merangi Singgora (Songkhla). Pada masa itu orang Inggeris di Pulau Pinang tetap juga membantu pihak Siam.

Sedang Tunku Muhammad Saad dan askarnya mengepung Singgora (Songkhla) itu, angkatan perang dari negeri Siam yang membawa askar Cina seramai 500 orang dan askar Siam seramai 2,000 orang lengkap dengan senjatanya diketuai oleh seorang daripada orang besar Siam yang sangat berpengaruh di negeri Siam, digelar Phaya Si Phiphat telah datang membantu askar Siam yang berperang dengan askar Tunku Muhammad Saad itu, dan berlakulah pertempuran hebat dekat Singgora (Songkhla) di antara askar Melayu dengan askar Siam yang dibantu oleh askar Cina. Akhirnya pihak Tunku Muhammad Saad telah kalah, dan beliau pun membawa orang-orangnya berundur ke negeri Kedah, dan beliau sendiri telah menyamar diri pergi di Pulau Pinang.

Sebagai diketahui, semenjak orang Melayu berperang menentang penguasaan Siam di negeri Kedah itu, Kompeni Inggeris telah menyebelahi orang Siam dan Inggeris telah mengepung pantai laut negeri Kedah dengan kapal perang mereka. Dalam bulan Mac 1839, Kompeni Inggeris di Pulau Pinang telah memerintahkan seorang panglima perang Inggeris bernama Kapten Warren pergi mengepung pantai laut negeri Kedah dan cuba mengejar dan membinasakan perahu angkatan laut Kedah.

Wan Mat Ali panglima perang Kedah yang mengetuai angkatan perang laut Kedah mengandungi beberapa buah kapal dan perahu, telah berjaya melepaskan diri dari kepungan orang Inggeris itu, dan telah membawa angkatan laut Kedah itu pergi ke Pulau Langkawi. Tetapi, rupanya orang Inggeris dalam angkatan kapal yang dibawa oleh Kapten Warren itu telah dapat melihat angkatan Wan Mat Ali itu pergi ke Pulau Langkawi, lalu kapal Inggeris itu mengejar angkatan Wan Mat Ali itu sampai ke Pulau Langkawi. Akhirnya, kapal Inggeris itu telah menjumpai perahu angkatan Wan Mat Ali di Pulau Langkawi iaitu di tempat yang bernama Kampung Melaka, lalu kapal dan perahu angkatan perang Kedah itu habis dibinasakan dan dibakar oleh orang Inggeris. Kemudian orang Inggeris itu pun balik semula ke Pulau Pinang.

Berikutan dengan kekalahan pihak Tunku Muhammad Saad di Singgora (Songkhla) dahulu, angkatan perang orang Ligor seramai 1,500 orang telah masuk ke sempadan negeri Kedah lalu menyerang

dan menawan Alor Ganu. Selepas itu askar Ligor pergi pula menyerang Kota di Kuala Kedah. Tunku Abdullah putera bekas Sultan Kedah, serta orang-orangnya yang ada di Kota Kuala Kedah itu telah menentang serangan orang Ligor itu, tetapi akhirnya pihak Tunku Abdullah telah kalah. Tunku Abdullah serta pengikutnya telah pergi ke Pulau Pinang, ke Seberang Perai dan ada yang lari pergi ke Perlis.

Dalam bulan Mei 1839, Raja Ligor (Nakhon Si Thammarat) telah meninggal dunia dan telah digantikan oleh Raja Ligor yang baharu sebagai wakil Raja Siam di negeri itu.

Dalam bulan Ogos 1839 itu juga, seorang daripada orang besar Siam yang sangat berpengaruh di negeri Siam, digelar Phaya Si Phiphat, yang membawa angkatan perang Siam dan juga sebagai wakil Raja Siam, telah sampai di negeri Kedah. Sebagai menjalankan dasar kerajaan Siam di negeri Kedah yang hendak menghapuskan kuasa Raja Ligor di negeri itu, Phaya Si Phiphat telah menukarkan anak Raja Ligor yang bergelar Phaya Aphay Thibet (dahulu gelarnya Phra Borira Phubet) dan Phaya Sena Nuchit yang memerintah di Kedah itu pergi memerintah ke daerah-daerah takluk Siam yang lain. Phaya Si Phiphat telah melantik Tunku Anum Paduka Raja Jambangan menjadi Gabenor memerintah di negeri Kedah dengan syarat Kedah tetap tunduk di bawah kuasa Siam dan setiap tiga tahun sekali menghantar Bunga Emas kepada Raja Siam sebagai ufti daripada kerajaan Kedah kepada Raja Siam. Syarat-syarat itu telah disanggupi oleh Tunku Anum, dan negeri Kedah pun diserahkan kepada pemerintahan Tunku Anum. Selepas itu Phaya Si Phiphat meninggalkan negeri Kedah pergi menjalankan tugasnya di Singgora (Songkhla) pula.

Tunku Anum serta pengikutnya yang selama ini tinggal di Ligor telah berangkat balik ke negeri Kedah. Tunku Anum sebagai raja pemerintah Kedah bersemayam di Istana Anak Bukit. Orang Ligor dan orang Siam pun balik semula ke negeri mereka, dan Tunku Anum pun mulalah mengatur pemerintahan di negeri Kedah.

Apabila Tunku Anum memerintah di Kedah, beliau pun menghantar utusan pergi ke Melaka mengajak Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah balik dan berkerajaan di negeri Kedah.

Kira-kira pada masa inilah S.G. Bonham, ketua Kompeni Inggeris di Negeri-negeri Selat telah membenarkan Sultan Ahmad

Tajuddin Halim Shah serta keluarga baginda yang berada di Melaka itu berpindah ke Kelawai di Pulau Pinang. Tidak lama setelah baginda tinggal di Kelawai itu, baginda telah menyuruh puteranya yang bernama Tunku Zainul Rashid balik di negeri Kedah.

Apabila Tunku Zainul Rashid sampai di negeri Kedah, beliau telah menabalkan kekandanya Tunku Abdullah menjadi bakal Sultan Kedah, dan Tunku Zainul Rashid sendiri menjadi Raja Muda. Perlantikan itu telah dipersetujui oleh Tunku Anum.

Tiada lama selepas itu Tunku Abdullah serta adiknya Tunku Zainul Rashid telah pergi ke Pulau Pinang (Kelawai) dan telah mempersilakan ayahanda mereka Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah balik dan berkerajaan semula di negeri Kedah.

Pada tahun 1841, sedang dijalankan urusan hendak membawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah balik semula ke negeri Kedah itu, putera baginda Tunku Abdullah itu pun mangkat di negeri Kedah. Tunku Anum telah melantik Tunku Zainul Rashid menjadi bakal Sultan Kedah.

Selepas itu Tunku Anum pergi ke Pulau Pinang mempersilakan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah berangkat balik ke negeri Kedah, kerana orang Siam (dan Ligor) tiada lagi di negeri Kedah, dan Tunku Anum berjanji akan mengembalikan takhta kerajaan Kedah itu kepada baginda.

Dalam pada itu, Tunku Zainul Rashid dengan diiringi oleh beberapa orang pembesar Kedah telah berangkat pergi ke Bangkok mengadap Raja Siam. Tunku Zainul Rashid telah meminta Raja Siam supaya menaruh belas kasihan dan berlembut terhadap keluarga diraja Kedah dan melantik semula ayahandanya menjadi Raja di negeri Kedah. Tunku Zainul Rashid juga telah membuat pengakuan kepada Raja Siam itu bahawa ayahnya mengaku takluk di bawah kuasa Siam dan setiap tiga tahun akan menghantar ufti Bunga Emas kepada Raja Siam sebagai pengakuan Kedah akan kekuasaan Siam di atas negeri Kedah. Permohonan Tunku Zainul Rashid itu telah disetujui oleh Raja Siam.

Akhirnya dengan kebenaran Raja Siam, pada tahun 1843 Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah yang berada di Pulau Pinang itu pun berangkat balik ke negeri Kedah, kemudian telah dilantik semula menjadi Sultan Kedah. Baginda bersemayam di Kota Kuala Muda, yang juga menjadi pusat pemerintahan baginda.

Pada masa itu ramailah rakyat Kedah yang selama ini tinggal di Seberang Perai dan Pulau Pinang balik semula ke negeri mereka dan membuat penghidupan baru.

Setelah Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II berkerajaan semula di negeri Kedah, dengan perintah baginda, kubur Tunku Yaakub (Tunku Embun), bekas Raja Muda Kedah yang telah dimakamkan dalam Makam Langgar itu, digali semula dan mayat Tunku Yaakub (Tunku Embun) dikebumikan di luar Makam Langgar.

Sebagai membalas jasa baik Tunku Anum Paduka Raja Jambangan terhadap baginda, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah mengurniakan daerah Kubang Pasu yang mengandungi 24 buah mukim di dalamnya kepada Tunku Anum sebagai daerah kepunyaan dan perintahnya sendiri.

Tunku Anum yang memerintah di Kubang Pasu itu telah membuat tempat kediamannya di kota istana Pulau Pisang dalam daerah Kubang Pasu juga.

Selain daripada itu, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah telah menyerahkan Kayang (di Perlis) kepada Sayid Husain Jamalullail cucu (sebelah ibu) kepada Tunku Dhiauddin Raja Muda Kayang (Marhum), kerana Raja Yusuf putera almarhum Tunku Dhiauddin itu telah mangkat di Melaka tatkala tinggal bersama-sama baginda dahulu. Sayid Husain Jamalullail bersemayam di Kota Kayang, di Arau. Tunku Bisnu yang memerintah di wilayah Setul bersemayam di tempat yang bernama Mambang Segara, Setul.

Tiada lama setelah memerintah semula di negeri Kedah, pada bulan Rabiulawal Tahun Hijrah 1259 bersamaan dengan bulan April 1843, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II ibni almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Kedah itu telah mangkat di Kota Star. Baginda telah dimakamkan di Kota Langgar dan almarhum digelar Marhum Melaka. Tunku Zainul Rashid putera almarhum itu telah dilantik menjadi Sultan Kedah menggantikan almarhum ayahanda baginda, bergelar Sultan Zainul Rashid Mukarram Shah I.

Demikianlah ringkasnya kisah orang Melayu Kedah menentang penjajahan Siam di negeri Kedah selama beberapa tahun yang disebutkan itu.

PENJAJAHAN INGGERIS DI NANING (1831 - 1832)

Pada masa Inggeris memerintah Melaka kali yang pertama, iaitu dari tahun 1795-1818, daerah Nanning yang terletak di antara Melaka dan Seremban dengan bandar Melaka itu dianggap oleh Inggeris sebahagian daripada jajahan Melaka, tetapi tiadalah berapa diambil berat oleh orang Inggeris, cuma pada tahun 1801, Residen Inggeris di Melaka bernama Kolonel Taylor telah datang ke Nanning, berunding dengan Datuk Anjak Penghulu Nanning serta datuk-datuk empat orang dan orang tua-tua di Nanning. Pada masa itulah Kolonel Taylor membuat perjanjian dengan orang Nanning. Seorang anak kemaanak Datuk Anjak itu dipilih oleh datuk-datuk empat suku di Nanning, bernama Dol Sa'id (Abdul Said), suku Semelenggang, telah dilantik oleh Kolonel Taylor menjadi Penghulu Nanning, bergelar Datuk Seraja Merah menggantikan Datuk Anjak yang telah tua dan uzur. Datuk Dol Sa'id menjadi Penghulu yang kesembilan semenjak Datuk Seraja Merah I dahulu.

Dalam surat perjanjian yang dibuat oleh Kolonel Taylor dengan Datuk-datuk empat suku dan Datuk Dol Sa'id Penghulu Nanning itu disebutkan: orang Nanning mengaku taat setia mengikut perintah Kompeni Inggeris dan tidak akan menimbulkan permusuhan dengan Kompeni itu; Kompeni berhak mendapat bayaran dari Nanning sebagai ufti sebanyak satu persepuluh daripada hasil padi di Nanning pada setiap tahun, tetapi oleh sebab kemiskinan orang Nanning, bayaran itu dikurangkan menjadi 400 gantang padi sahaja pada setiap tahun seperti juga aturan yang telah dibuat oleh Belanda dahulu. Bayaran itu ialah sebagai tanda menunjukkan Nanning tunduk kepada Inggeris, dan pada setiap tahun juga Penghulu Nanning atau wakilnya salah seorang daripada datuk di Nanning itu hendaklah datang menghadap Residen Inggeris di bandar Melaka membawakan surat di tersebut. Walaupun demikian tiada didapati keterangan yang menunjukkan bahawa Penghulu atau pembesar Nanning pada setiap tahun ada datang ke Melaka menghadap Residen atau pegawai Tinggi

Inggeris membawakan bayaran padi sebanyak satu persepuluh (atau 400 gantang) daripada hasil padi di Naning itu. Keadaan yang seperti itu telah berlanjutan hingga sampai ke tahun 1827.

Semasa Robert Farquhar menjadi Residen Inggeris di bandar Melaka, pada tahun 1807, ia telah memberhentikan cukai 45½ sen yang dikenakan kepada setiap buah perahu dari Naning yang datang ke bandar Melaka melalui Sungai Melaka, dan Farquhar telah memberhentikan juga ufti tiap-tiap tahun dari Naning yang dibayar dengan beberapa ekor kerbau seperti yang telah dibuat oleh orang Belanda dahulu. Sebagai balasan kepada pelanggaran yang telah diberi oleh Farquhar itu, semenjak itu Penghulu Naning tiada lagi diberi kuasa membicara dan menjatuhkan hukuman berat seperti hukuman bunuh dan seumpamanya di Naning, melainkan diserahkan kepada kuasa Mahkamah Keadilan Inggeris membicara dan menjatuhkan hukuman seperti itu.

Pada tahun 1824 Melaka telah diambil semula oleh Inggeris dari tangan Belanda (Belanda memerintah Melaka bagi kali yang keduanya dari tahun 1818-1824). Dua tahun kemudian daripada itu, pada tahun 1826, Robert Fullerton mula menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat, dan menjalankan pentadbiran dari Pulau Pinang.

Pada tahun hadapannya, tahun 1827, Gabenor Fullerton telah memerintahkan Penguasa Hal Ehwal Tanah di Melaka bernama William T. Lewis pergi ke Naning menyiasat keadaan di situ dan membuat suatu penyata yang lengkap mengenai keadaan dan taraf daerah Naning serta bagaimana hubungan sebenarnya dengan Melaka. Penyata itu telah diserahkan oleh Lewis kepada Gabenor Fullerton pada bulan Mac 1829.

Pada tahun 1828 Gabenor Fullerton telah mengadakan peraturan cukai tanah, iaitu sebanyak satu persepuluh daripada hasil yang didapati dari kebun dalam semua daerah di negeri Melaka, kecuali daerah Naning, hendaklah dibayar kepada Kompeni Inggeris, tetapi Fullerton berharap aturan seperti itu lama-kelamaan akan dikenakan juga di Naning.

Dalam pada itu, pada bulan Julai 1828 itu juga (sebelum siap laporannya mengenai Naning) W.T. Lewis telah menyatakan kepada Gabenor Fullerton: hasil dari kebun di Naning yang dibawa dan dijual di bandar Melaka itu, tiadalah berbeza dengan hasil yang dikeluarkan dari kebun di Melaka, pada hal orang di Melaka

dikenakan membayar cukai satu persepuluh dari hasil tanaman mereka, dan orang di Naning tiada dikenakan cukai sebanyak itu.

Sebulan kemudian, dalam bulan Ogos 1828 Lewis telah menulis surat kepada Gabenor Fullerton menyatakan supaya Naning dikenakan membayar kepada Inggeris satu persepuluh daripada hasil padi di Naning, dan Lewis mencadangkan juga supaya Penghulu Naning (Datuk Dol Sa'id) dan datuk-datuk empat suku di Naning itu diberi gaji oleh Kompeni Inggeris, dan mereka dijadikan pegawai pemungut cukai dan sebagai orang yang menjaga keamanan di Naning di bawah perintah Inggeris. Tetapi cadangan Lewis itu belum mahu dilaksanakan oleh Gabenor Fullerton. Dalam pada itu apabila Penghulu dan datuk-datuk empat suku di Naning mendapat tahu mengenai cadangan Lewis yang hendak menjadikan mereka sebagai pegawai pemungut cukai dan penjaga keamanan di Naning itu, mereka telah marah dan tiada mahu sekali-kali menerima cadangan Lewis itu.

Pada masa inilah juga Lewis telah merasa puas hati dan berpendapat bahawa daerah Naning itu ialah sebahagian daripada jajahan Melaka. Tetapi Samuel Garling yang menjadi Residen Inggeris di bandar Melaka masa itu, tidak bersetuju dengan pendapat Lewis itu, dan menyatakan pendapat Lewis itu tidak betul.

Dalam bulan Oktober 1828, Gabenor Fullerton telah memerintahkan Lewis pergi ke Naning memungut bayaran dari Penghulu Naning (Datuk Dol Sa'id) dan datuk-datuk empat suku di situ sebanyak sepersepuluh dari hasil padi di Naning. Tetapi Lewis telah gagal mendapat bayaran dari Naning. Datuk Dol Sa'id dan datuk-datuk empat suku di Naning telah membantah tidak mahu membuat apa-apa bayaran kepada Kompeni Inggeris. Lewis telah memberitahu Gabenor Fullerton bahawa kegagalannya itu ialah disebabkan oleh Datuk Dol Sa'id itu tidak mahu sumber pendapatannya hilang dan juga tidak mahu kehilangan hak kuasanya membicarakan dan menghukum orang yang melakukan kesalahan di Naning.

Dengan cadangan dan pendapat yang telah dinyatakan oleh Lewis mengenai Naning, Gabenor Fullerton pun nampaknya telah berpendapat dengan Lewis yang mengatakan Naning itu daerah bawahan kepada Inggeris. Dalam bulan November 1828 Majlis Mesuarat Negeri-negeri Selat di Pulau Pinang telah pun bersetuju iaitu sebab daerah Naning mendapat faedah dan perlindungan yang

sama seperti yang didapati oleh daerah lain, maka sudah sepatutnya-lah Naning itu membayar ufti padi kepada Inggeris seperti juga daerah-daerah lain.

Dalam bulan Disember 1828 berlaku pula suatu peristiwa di Naning yang tidak menyenangkan hati Lewis, iaitu Penghulu Naning (Datuk Dol Sa'id) telah menjalankan pembicaraan mengenai pembunuhan yang telah berlaku di Naning dan Penghulu itu sendiri telah menjatuhkan hukumannya. Setelah Lewis mengetahui perkara itu ia pun memberitahu Gabenor Fullerton mengatakan bahawa pembicaraan seperti itu sepatutnya diserahkan kepada Mahkamah Keadilan orang Inggeris.

Dalam tahun 1828 Gabenor Fullerton telah datang melawat Melaka, dan telah menjemput Datuk Dol Sa'id Penghulu Naning datang menemuinya. Tetapi Datuk Dol Sa'id tidak datang menemui Gabenor Fullerton di bandar Melaka.

Dalam bulan Januari 1829, Lewis telah menghantar pegawai pemungut cukainya pergi ke Naning untuk memungut bayaran satu persepuluh dari hasil padi di Naning itu, dan pemungut cukai itu telah meminta beberapa orang askar mengikutinya sama pergi ke Naning. Permintaan itu telah diluluskan oleh Gabenor Fullerton. Di Naning pegawai pemungut cukai Inggeris itu telah gagal untuk menjalankan tugasnya.

Dalam bulan Februari 1829 itu juga, Samuel Garling telah mengeluarkan surat peringatan pentadbiran mengenai surat perjanjian yang telah dibuat oleh Kolonel Taylor dengan pihak Naning pada tahun 1801 dahulu hanyalah terjemahan dari bahasa Belanda. Surat perjanjian itu tidak cukup mengandungi keterangan untuk sebarang penyelesaian yang boleh diamalkan dengan perkara-perkara yang memuaskan. Menurutnyalah lagi, undang-undang yang telah dikeluarkan di Melaka seperti undang-undang cukai arak, Piagam Keadilan dan aturan buruh paksa, tidaklah dijalankan di Naning. Pada 2 hari bulan Mac 1829, Samuel Garling dan seorang lagi pegawai Inggeris di Negeri-negeri Selat bernama John Anderson tetap mengatakan Naning adalah sebuah daerah yang merdeka dari Melaka.

Pada bulan Februari 1829, tatkala Gabenor Robert Fullerton datang lagi melawat Melaka, ia telah menjemput Datuk Dol Sa'id supaya datang menemuinya di bandar Melaka. Tetapi Datuk Dol Sa'id tidak juga datang ke Melaka, dan walaupun Fullerton telah

marah akan perbuatan Datuk Dol Sa'id itu, terfikir juga kepadanya boleh jadi ada sebab yang munasabah maka Datuk Dol Sa'id tidak datang itu.

Empat bulan kemudian, pada bulan Julai 1829, Gabenor Fullerton telah memerintahkan Timbalan Residen Inggeris di Melaka bernama Church dengan sepasukan askar Sepahi pergi ke Nanning dengan tujuan hendak memberitahu Datuk Dol Sa'id iaitu Kompeni Inggeris tiada mempunyai apa-apa rancangan mengenai kebebasan datuk itu, dan pembayaran ufti yang sepatutnya diterima dari Nanning itu pun telah ditanggihkan, bukan dihapuskan. Kedatangan Church ke Nanning itu telah berjaya dan Datuk Dol Sa'id telah membenarkan orang Inggeris menjalankan kerja membanci di Nanning yang telah dijalankan dalam bulan Julai itu juga dan telah dibantu pula oleh Datuk Dol Sa'id. Church juga memberitahu Datuk Dol Sa'id akan pandangan Kompeni Inggeris terhadap Nanning dan Kompeni berharap supaya Datuk Dol Sa'id mengikut perintah Kompeni. Tetapi beberapa orang saudagar Belanda yang ada di bandar Melaka telah menghasut Datuk Dol Sa'id supaya melawan Inggeris.

Lebih kurang dua bulan selepas itu, pada 19 hari bulan Oktober 1829, Gabenor Fullerton datang lagi ke Melaka dan telah menjemput Datuk Dol Sa'id datang menemui di bandar Melaka. Kali ini pun tidak juga Datuk Dol Sa'id datang ke bandar Melaka menemui Gabenor itu. Oleh sebab marahnya, Gabenor Fullerton pun memerintahkan pegawai-pegawainya melengkapkan pasukan perang untuk menyerang Nanning. Tetapi oleh sebab ada beberapa orang di antara pegawainya yang tidak bersetuju untuk menghantar askar Inggeris menyerang Nanning, Fullerton pun menanggihkan rancangannya itu dan hendak mengemukakan perkara itu kepada pihak berkuasa Kompeni Inggeris di London. Dalam pada itu Datuk Dol Sa'id telah menyediakan kelengkapan perangnya dan telah menghubungi negeri-negeri Melayu yang berjiran dengannya untuk meminta bantuan menentang Inggeris.

Pada tahun 1830 Gabenor Robert Fullerton telah berhenti dan digantikan oleh Ibbetson sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat.

Hampir lapan bulan selepas Gabenor Fullerton tidak jadi menghantar pasukannya menyerang Nanning itu, iaitu setelah pihak Inggeris di Negeri-negeri Selat membawakan perkara itu ke pengeta-

huan ketua-ketua Kompeni Inggeris di London, pada bulan Jun 1830 Lembaga Pengarah Kompeni Inggeris di London telah memberi perintah kepada Gabenor Negeri-negeri Selat (Ibbetson) mengatakan: Kompeni Inggeris memang mempunyai hak kedaulatannya di Naning; mengikut undang-undang, Kompeni Inggeris berhak menerima pembayaran dari Naning serta menjalankan kuasa mahkamah Inggeris di Naning. Tetapi untuk mengelakkan terjadinya peperangan, buat masa itu Ibbetson diarahkan supaya jangan menjalankan undang-undang itu di Naning.

Tetapi, oleh sebab mendengarkan nasihat yang tidak betul dari W.T.Lewis, surat dari London itu telah dijawab oleh Ibbetson dan mengatakan ia telah menjalankan beberapa tindakan terhadap Naning dan tak mungkin lagi ia memberhentikan tindakan itu, melainkan Dol Sa'id mesti dipaksa membayar kepada Inggeris cabutan hasil padi dari Naning itu. Jika Naning dibiarkan tidak membayar cukai itu, orang-orang Melayu di Melaka yang telah dikenakan membayar cukai dari hasil kebun mereka itu pun akan memberhentikan juga pembayaran mereka itu. Akhirnya pihak berkuasa Kompeni Inggeris di London telah menyerahkan perkara itu kepada penyelesaian Gabenor Negeri-negeri Selat (Ibbetson).

Dalam bulan Oktober 1830, Penghulu Naning (Datuk Dol Sa'id) telah menyuruh orang-orangnya mengambil buah duku dalam sebuah dusun yang dipunyai oleh orang Melaka bernama Encik Surin. Encik Surin telah mengadukan perkara itu kepada Samuel Garling di bandar Melaka. Samuel Garling telah menghantar surat kepada Datuk Dol Sa'id menyatakan bahawa buah duku yang telah diambil oleh orang Penghulu Naning itu sebenarnya ialah dalam kawasan negeri Melaka bukannya dalam kawasan Naning dan Samuel Garling juga memberitahu Penghulu Naning iaitu seorang bangsa Cina bernama Kwi Cang Ho telah kena samun di Naning, dan Garling meminta Datuk Dol Sa'id menyiasat perkara itu.

Datuk Dol Sa'id dan datuk-datuk empat suku di Naning telah menjawab surat Samuel Garling itu menyatakan: buah duku yang diambil oleh orang Penghulu Naning itu bukanlah kepunyaan Encik Surin, dan orang Cina yang kena samun di Naning itu tidak mahu bersumpah di hadapan Penghulu Naning dan tidak ada saksi yang boleh membuktikan kejadian itu oleh sebab itu, kalau ada orang

Cina yang hendak datang ke Nanning, janganlah datang seorang diri sahaja eloklah berkawan.

Surat Datuk Dol Sa'id dan datuk-datuk empat suku di Nanning itu telah dijawab oleh Samuel Garling dalam bulan Oktober 1830 itu juga mengatakan: Adapun Nanning itu kepunyaan Inggeris dan Penghulu Nanning mesti mengikut perintah orang Inggeris. Dusun duku yang diambil buahnya oleh orang Nanning itu, sebenarnya ialah dusun kepunyaan Encik Surin yang membayar cukainya kepada Inggeris. Jikalau Penghulu Nanning masuk campur dalam urusan dusun Encik Surin itu, bermakna Penghulu Nanning telah melanggar perintah Kompeni Inggeris dan akan dihukum. Kemudian Datuk Dol Sa'id mengatakan bahawa dusun Encik Surin itu sejak dari zaman dahulu lagi masuk dalam kawasan Nanning.

Pada awal bulan November 1830 Samuel Garling telah sekali lagi menghantar surat kepada Dol Sa'id mengatakan: ada pun tanah Encik Surin itu semenjak seratus tahun dahulu lagi dipunyai oleh orang tua Encik Surin. Penghulu Nanning mesti membayar harga buah duku Encik Surin yang telah diambil oleh orang Nanning itu. Pada masa ini Kompeni Inggeris sedang mencari jalan lain hendak menjalankan pemerintahannya di Nanning, dan di akhir surat itu Garling mengatakan ia tidak mahu lagi menerima surat Penghulu Nanning berkenaan dengan buah duku dari dusun Encik Surin itu.

Semenjak itu hingga memasuki tahun 1831, Datuk Dol Sa'id Penghulu Nanning itu tetap juga menyuarakan bahawa Nanning ialah sebuah daerah pemerintahannya yang merdeka dari perintah Inggeris, dan beliau telah berterang-terang menentang semua tuntutan Inggeris terhadap Nanning.

Pada 17 hari bulan Januari 1831 Gabenor Ibbetson telah memberitahu pihak berkuasa Kompeni Inggeris di London bahawa perbuatan Datuk Dol Sa'id yang telah berterang-terang melawan pihak Kompeni Inggeris itu, tidak boleh dibiarkan oleh Ibbetson lagi, kerana perbuatan Datuk Dol Sa'id itu akan mendatangkan kerugian kepada Kompeni Inggeris. Pada 2 hari bulan April 1831 pihak berkuasa Kompeni Inggeris di London telah mengarahkan Ibbetson supaya menjalankan sesuatu tindakan yang difikirkannya baik.

Dalam bulan Julai 1831 pihak Inggeris telah melengkapkan angkatan perang di bandar Melaka yang hendak dihantar pergi

menyerang Naning. Apabila Datuk Dol Sa'id dapat tahu Inggeris hendak menyerang Naning, beliau pun mengirim surat kepada Raja Ali Yamtuan Muda Rembau. Dalam surat itu Datuk Dol Sa'id mengatakan: orang Inggeris dari bandar Melaka hendak datang menyerang Naning. Apabila Inggeris dapat mengalahkan Naning, mereka akan datang pula menyerang Rembau, dan setelah Rembau ditakluki, orang Inggeris akan melantik seorang raja bernama Raja Labuh (suami kepada emak saudara Raja Ali) menggantikan Raja Ali menjadi Yamtuan Muda di Rembau. Raja Labuh telah ada bersama-sama orang Inggeris di bandar melaka.

Setelah Raja Ali menerima surat Datuk Dol Sa'id itu, ia pun menghantarkan menantunya bernama Sayid Syaaban membawa angkatan perang dari Rembau pergi ke Naning membantu Datuk Dol Sa'id.

Pada 15 hari bulan Julai 1831 pihak Inggeris telah mengeluarkan surat pengisytiharan yang ditandatangani oleh Gabenor Ibbetson mengatakan: Kompeni Inggeris sedang melengkapkan angkatan perang hendak pergi menyerang ke daerah pedalaman Melaka (Naning) dan penduduk Melaka dinasihatkan supaya bertenang.

Pada awal bulan Ogos 1831, pasukan Inggeris mengandungi seramai 150 orang askar Sepahi yang lengkap bersenjata serta membawa dua buah meriam besar yang ditarik oleh lembu, telah pergi ke Naning dengan tujuan hendak menyerang dan menakluki Naning serta memecat Datuk Dol Sa'id dan pembesar Naning yang menyebelahnya. Pasukan Kompeni Inggeris yang pergi menyerang Naning itu diketuai oleh Kapten Wyllie dengan dibantu oleh beberapa orang lagi pegawai Inggeris. W.T. Lewis yang telah menjadi Timbalan Residen Melaka turut sama pergi dalam angkatan itu sebagai Pesuruhjaya. Leftenan Milnes yang juga bersama-sama dalam angkatan itu, telah dilantik menjadi Residen Naning walaupun Naning belum ditakluki oleh Inggeris.

Setelah angkatan perang Kompeni Inggeris itu menghadapi berbagai kesukaran semasa melalui hutan rimba yang tebal serta mengharung paya dan sawah padi, mereka pun sampai ke suatu tempat berhampiran dengan Naning bernama Sungai Petai dan di situlah mereka membuat kubu sebagai tempat mengumpul senjata, alat kelengkapan dan makanan semasa menyerang Naning.

Semenjak itu (awal Ogos 1831) berlakulah beberapa pertempuran

an di beberapa buah tempat di Nanning antara askar pasukan Inggeris dengan orang Nanning pengikut Datuk Dol Sa'id yang dibantu oleh orang Rembau pasukan Sayid Syaaban kerana mempertahankan kampung halaman mereka dari pencerobohan Inggeris itu.

Pertempuran itu telah berlanjutan selama hampir tiga minggu dan pasukan Inggeris telah diserang dengan hebat oleh orang Nanning dan Rembau dengan menggunakan taktik perang gerila, dan beberapa kali pula pasukan Inggeris meminta bantuan dari bandar Melaka. Tetapi akhirnya, pada 24 hari bulan Ogos 1831, ketua angkatan Inggeris yang berperang di Nanning itu telah menerima perintah dari bandar Melaka menyuruh pasukan perang Inggeris berundur balik ke bandar Melaka. Tatkala berundur itulah pasukan Inggeris telah diserang oleh orang Nanning dan Rembau hingga beberapa pucuk meriam besar dan alat-alat senjata kepunyaan pasukan Inggeris telah tertinggal di Sungai Petai lalu diambil oleh pihak Datuk Dol Sa'id. Pihak Inggeris gagal mengalahkan Nanning.

Setelah pasukan perang Inggeris itu dapat diundurkan balik ke bandar Melaka, Datuk Dol Sa'id telah mengadakan kenduri besar di Labuh Nanning menjamu orang Nanning dan Rembau kerana meraikan kejayaan mereka mengalahkan pasukan perang Inggeris itu. Tetapi malangnya selepas itu Sayid Syaaban telah menarik diri tiada mahu lagi bersekutu dengan Datuk Dol Sa'id kerana Inggeris yang dikatakan oleh Datuk Dol Sa'id hendak menyerang Rembau dan Raja Labuh yang menyebelahi Inggeris itu, didapatinya tidak benar. Setelah Sayid Syaaban dan orang-orangnya balik ke Rembau, Raja Ali Yamtuan Muda Rembau yang memang suka berbaik dengan orang Inggeris itu telah mempengaruhi Rembau supaya menyebelahi Inggeris dan memusuhi Nanning.

Setelah Datuk Dol Sa'id berjaya mengalahkan pasukan Inggeris yang datang menyerang Nanning itu, beliau pun mengenakan cukai sebanyak 20 rial di setiap buah kampung dalam daerah Nanning, bagi mengumpulkan wang untuk membaiki kerosakan akibat peperangan itu. Pada 24 hari bulan September 1831, Datuk Dol Sa'id telah menghantar lapan orang pembesar Nanning pergi ke sebuah kampung dalam negeri Melaka bernama Kampung Parit Melana kerana hendak memungut cukai yang dikenakan oleh Datuk Dol Sa'id kepada penduduk di kampung itu.

Kedatangan pembesar Naning untuk memungut cukai itu telah ditentang oleh Penghulu Kampung Parit Melana hingga berlakulah pergaduhan. Tujuh orang daripada pembesar itu telah ditangkap oleh orang Parit Melana, hanya seorang sahaja yang telah luka parah, dan dapat melarikan diri balik ke Naning. Pembesar Naning yang ditangkap itu telah diserahkan kepada pihak berkuasa Inggeris di bandar Melaka, dan mereka telah dipenjarakan dan akhirnya di buang ke Bombay. Mengikut riwayat orang Inggeris: di antara pembesar Naning yang tujuh orang itu, didapati hanya empat orang sahaja yang bergelar datuk (yang lainnya bukan datuk) iaitu: Datuk Akhir Zaman (ketua), Datuk Haji Kadir, Penghulu Besar, dan Panglima Arif.

Setelah Rembau putus hubungan dengan Naning, orang Inggeris pun membuat perhubungan dengan Raja Ali Yamtuan Muda Rembau. Dalam perhubungan itu, Inggeris dan Rembau telah bersetuju akan mengadakan perjumpaan dan rundingan pada suatu tempat di tepi Sungai Linggi bernama Simpang.

Pada 19 hari bulan Januari 1832, Gabenor Ibbetson dengan diiringi oleh J. Birch Westerhout serta 15 orang askar Sepahi diketuai oleh Kapten Hibgame yang datang dengan kapal Zephyr telah sampai di Simpang. Pada 20 hari bulan Januari 1832, satu rombongan dari Rembau telah sampai pula di Simpang. Rombongan Rembau itu terdiri daripada Raja Ali Yamtuan Muda Rembau, isteri dan emak Raja Ali serta empat atau lima orang perempuan dari keluarga mereka, Sayid Syaaban, lapan orang datuk ketua suku di Rembau, serta 150 orang pengiring Raja Ali yang bersenjata. Setelah pihak Rembau dan Inggeris berunding di Simpang pada 20 hari bulan Januari 1832 ditandatangani surat persetujuan di antara Inggeris dengan Rembau, dan perkara utama yang telah dipersetujui oleh Rembau dan Inggeris ialah Rembau boleh memerintah daerahnya sendiri dan Inggeris dengan Rembau mengaku bersahabat dan mengekalkan keamanan bersama.*

Pada akhir bulan Januari 1832, pasukan perang Inggeris yang

*Mengikut R.O. Winstedt: Rembau dengan Inggeris membuat surat persetujuan di Simpang ialah pada 28 hari bulan Januari 1832. Tetapi mengikut P.J. Begbie seorang Pegawai Inggeris yang ada di Melaka pada tahun 1832 itu menyatakan persetujuan itu dibuat pada 20 hari bulan Januari 1832 (Lihat buku *The Malayan Peninsula* karangan P.J. Begbie, Oxford Universiti Press, Kuala Lumpur, 1967, halaman 196-198).

hendak dihantar pergi ke Naning itu telah berkumpul di Melaka. Sementara itu beberapa orang pekerja (buruh) telah diupah oleh Kompeni menebas semak dan belukar untuk dilalui pergi ke Naning, tetapi kerja-kerja menebas jalan itu dibuat terlalu lambat.

Apabila Datuk Dol Sa'id mengetahui pihak Inggeris di Melaka sedang melengkapkan angkatannya, beliau pun bersiap pula memperkuatkan pertahanannya di Naning dan telah menghubungi pengikutnya dan berjaya mendapatkan sokongan dari beberapa orang saudagar di Melaka menyebelahnya di antara mereka itu ialah Encik Ahad dan Encik Muhammad. Pada masa itu, antara pembesar Naning yang berpengaruh ialah Datuk Andika dan Datuk Kaya Kecil. Datuk-datuk empat suku di Naning yang turut sama dengan Datuk Dol Sa'id melawan pihak Inggeris itu ialah Datuk Membangun suku Tiga Batu, Datuk Andika Maharaja suku Anak Melaka, Raja Nangkaya suku Semelenggang, dan Datuk Kaya Kecil suku Mungkal.

Pada 12 hari bulan Februari 1832, Datuk Dol Sa'id telah mengirim surat kepada J. Birch Westerhout mengatakan ia hendak mengembalikan meriam kepunyaan Inggeris yang ada padanya dan hendak berhenti menjadi Penghulu Naning dan akan digantikan oleh anak kemanakannya (anaknyanya sendiri). Surat itu telah dijawab oleh Inggeris menyuruh Datuk Dol Sa'id datang menyerah diri kepada Inggeris dan menyerahkan meriam kepunyaan Inggeris itu. Tetapi Datuk Dol Sa'id berpendapat pula: daripada mendapat nama yang cela, lebih baiklah ia meneruskan penentangannya terhadap Inggeris, semoga menjadi kenangan yang bernilai dan abadi kepada anak cucu dan bangsanya di kemudian hari kelak.

Datuk Dol Sa'id telah menghantar isteri dan anak-anaknya serta orang-orang perempuan dalam keluarganya pergi ke negeri Pahang. Pada 16 hari bulan Februari 1832 Datuk Dol Sa'id telah mendapat galakan dan persetujuan dari Sultan Pahang yang mengatakan: jika sekiranya penentangan Datuk Dol Sa'id menentang Inggeris itu gagal, bolehlah Datuk Dol Sa'id datang melindungi diri (bersuaka) ke negeri Pahang.

Dalam bulan Februari 1832 itu juga Kompeni Inggeris telah mengeluarkan perisytiharan kepada barang siapa yang dapat menangkap Dol Sa'id sama ada hidup atau mati akan diberi wang hadiah sebanyak \$1,000, dan sebanyak \$200 tiap seorang kepada

siapa yang dapat menangkap Andika, Petah Melayu, Pendekar Tambi, Encik Muhammad dan Encik Ahad.

Pada bulan Mac 1832, pasukan perang Inggeris mengandungi seramai lebih kurang 1,400 orang askar, kebanyakannya askar Sepahi, diketuai oleh Kolonel Herbert, telah bertolak dari bandar Melaka hendak menyerang Naning (Tabuh Naning). Apabila sampai di Naning berlakulah beberapa pertempuran kecil kerana pihak Inggeris belum lagi melancarkan serangan secara besar-besaran kerana masih menunggu bantuan dari Rembau.

Pada akhir bulan April 1832 Sayid Syaaban dan angkatan askar Rembau telah tiba di Naning, kemudian bersekutu dengan pihak Inggeris yang sedang menyerang Naning itu.

Pada 14 hari bulan Mei 1832 pasukan Sayid Syaaban yang bersekutu dengan Inggeris telah menyerang dan membinasakan kubu Datuk Dol Sa'id di Pengkalan Naning. Seminggu selepas itu, pada 21 hari bulan Mei 1832, datang pula Sayid Syaaban menyerang kubu Datuk Dol Sa'id di Bukit Sibusuk. Walaupun lapan buah kubu Datuk Dol Sa'id di bukit itu telah dibinasakan oleh Sayid Syaaban, tetapi belumlah dapat ia mengalahkan orang-orang Datuk Dol Sa'id yang bertahan di atas bukit itu. Selepas empat hari, iaitu pada 25 hari bulan Mei 1832 baharulah Sayid Syaaban dapat mengalahkan pertahanan pihak Dol Sa'id di Bukit Sibusuk, dan pertempuran di teruskan di beberapa buah tempat lain di Naning. Akhirnya pada 15 hari bulan Jun 1832, pasukan Inggeris yang dibantu oleh orang Rembau itu telah menyerang dan berjaya menawan Tabuh Naning pusat pemerintahan Datuk Dol Sa'id. Rumah Datuk Dol Sa'id dan beberapa buah rumah di situ telah dibakar oleh askar pihak Inggeris, seorang anak Datuk Dol Sa'id telah luka, dan Tabuh Naning pun kalah, jatuh ke tangan Inggeris. Esoknya pada 16 hari bulan Jun 1832 bendera Inggeris telah dikibarkan di Tabuh Naning. Kejayaan Inggeris mengalahkan Naning itu telah diakui sendiri oleh Inggeris adalah kerana mendapat bantuan dari Sayid Syaaban.

Setelah Naning kalah, Datuk Dol Sa'id serta pengikutnya telah berundur pergi ke Negeri Sembilan, dan beliau telah tinggal di sana selama dua tahun. Mengikut Hikayat Abdullah: Datuk Dol Sa'id tinggal di sebuah tempat yang bernama Padang Pasir semasa beliau berada di Negeri Sembilan.

Tiada lama setelah Naning jatuh ke tangan Inggeris, Gabenor

Ibbetson telah pergi ke Naning dan menghapuskan (buat sementara) jawatan Penghulu Naning, dan melantik lima belas orang menjadi Penghulu di beberapa buah kampung seperti yang disebutkan oleh Abdullah Munshi dalam buku karangannya, iaitu:

| Nama Kampung | Penghulunya | Sukunya |
|--------------------|--------------------|------------------|
| 1. Ikan Lemak | ... Bilal Manja | ... Batu Belang |
| 2. Pikau | ... Mamat | ... Batu Belang |
| 3. Melekik | ... Maulana Sultan | ... Batu Belang |
| 4. Tabuh | ... Safar | ... Semelenggang |
| 5. Lendu | ... Kiman | ... Batu Tiga |
| 6. Air Pak Abbas | ... Dol | ... Anak Melaka |
| 7. Berisu | ... Alaudin | ... Anak Melaka |
| 8. Sungai Siput | ... Laut | ... Semelenggang |
| 9. Padang Sebang | ... Kuruh | ... Tiga Nenek |
| 10. Tanjung Rimau | ... Lengkar | ... Tiga Batu |
| 11. Pulau (Sebang) | ... Talib | ... Mungkal |
| 12. Kemuning | ... Udin | ... Semelenggang |
| 13. Batang Melaka | ... Kujak | ... Mungkal |
| 14. Tabung | ... Dul Kunci | ... Biduanda |

(Hanya 14 nama sahaja ada tersebut dalam Hikayat Abdullah itu).

Pada masa itu juga, Gabenor Ibbetson telah memecat empat orang datuk-datuk empat suku di Naning yang telah bersekutu dengan Datuk Dol Sa'id melawan orang Inggeris itu iaitu: Datuk Sembangun suku Tiga Batu; Datuk Andika Maharaja suku Anak Melaka; Datuk Raja Nangkaya suku Semelenggang, dan Datuk Wang Kaya Kecil suku Mungkal. Gabenor Ibbetson telah memerintahkan Samuel Garling di Melaka menghantar J. Birch Westerhout menjadi ketua pemerintah di Naning dengan gelaran *Superintendent of Naning* (Penguasa Naning). Sejak itu Naning berada di bawah perintah orang Inggeris.

Lebih kurang setahun kemudian daripada itu oleh sebab tekanan Inggeris telah mengaku tidak akan membunuh Datuk Dol Sa'id jika ia menyerah diri, pada 4 hari bulan Februari 1834, Datuk Dol Sa'id pun datang menyerah diri kepada Birch Westerhout di Naning, dan Westerhout telah membawa Datuk Dol Sa'id menemui

Samuel Garling di Melaka. Dengan persetujuan Kompeni Inggeris Datuk Dol Sa'id pun dimaafkan, dan dibenarkan tinggal di Melaka, diberikan rumah kediaman, dan diberi wang pencen \$100 tiap bulan selama ia masih hidup. Tiada lama selepas itu, Datuk Dol Sa'id telah membeli sebuah kebun di tempat yang bernama Kampung Gajah Berang, dan sejak itu hiduplah Datuk Dol Sa'id dengan aman sebagai seorang peladang, peniaga dan sebagai seorang dukun yang dihormati oleh orang Melayu.

Lima belas tahun kemudian, Datuk Dol Sa'id telah semakin uzur dan jatuh sakit, lalu dibawa oleh keluarganya ke tempat asalnya di Tabuh Naning. Tiada lama di situ Datuk Dol Sa'id pun meninggal dunia dan dikebumikan di Tabuh Naning dan kuburnya masih ada lagi sampai sekarang ini di Tabuh Naning dalam keadaan yang baik dan dianggap sebuah daripada makam pejuang kebangsaan Melayu.

Pada tahun 1923, jawatan Penghulu Naning itu telah diadakan kembali oleh kerajaan Inggeris. Di antara orang yang menyandang jawatan Penghulu Naning sejak dari tahun 1923 itu ialah:

1. Datuk Idas (anak saudara Datuk Dol Sa'id)
2. Datuk Muhammad Saleh
3. Datuk Ranting
4. Datuk Hasan
5. Datuk Arshad
6. Datuk Uthman bin Kering
7. Datuk Cik Lah (Abdullah)
8. Datuk Muhammad Shah bin Muhammad Sa'id
(Penghulu Naning yang ada sekarang)

PENJAJAHAN INGGERIS DI PERAK (1874 - 1876)

Pada masa Sultan Ali menjadi Sultan di negeri Perak (Sultan Perak yang ke-24: tahun 1865 — 1871), baginda bersemayam di Kampung Sayong dalam daerah Kuala Kangsar. Raja Muda Perak ialah Raja Muda Abdullah ibni almarhum Sultan Jaafar (Sultan Perak yang ke-23) bersemayam di Kampung Batak Rabbit dalam daerah Hilir Perak. Raja Bendahara Perak ialah Raja Ismail bersemayam di Kampung Belanja dalam daerah Parit. Ayah Raja Ismail itu ialah seorang raja dari negeri Siak bernama Sayid Al-Airrat dan ibu Raja Ismail bernama Raja Nandak binti almarhum Sultan Ahmaddin Shah (Sultan Perak yang ke-18). Raja Yusof ibni almarhum Sultan Abdullah Muhammad Shah I (Sultan Perak yang ke-22) bersemayam di Kampung Senggang sebuah kampung yang terletak di tepi Sungai Perak antara Parit dengan Sayong, dan beliau tidak berbaik dengan Raja Muda Abdullah, dan beliau tidak puas hati terhadap Raja Ismail anak Raja Siak yang telah dilantik menjadi Raja Bendahara, kerana Raja Yusof juga putera almarhum Sultan Perak dan sepatutnya telah dilantik sebagai Bendahara, dan beliau memandang salah satu daripada tiga pangkat yang tertinggi di negeri Perak (Sultan, Raja Muda, Raja Bendahara), tetapi beliau telah diketepikan.

Dalam bulan Mei 1871, Sultan Ali telah mangkat di Sayong. Banyak orang-orang besar Perak yang telah berkumpul di Sayong telah mempersilakan Raja Muda Abdullah yang bersemayam di Batak Rabbit supaya datang ke Sayong untuk dilantik sebagai Sultan Perak menggantikan almarhum Sultan Ali itu. Tetapi Raja Muda Abdullah tidak berani mudik ke Sayong khabarnya, beliau takut kalau-kalau ditentang di tengah jalan beliau dibunuh oleh orang-orang Raja Yusof yang ada di Senggang. Raja Yusof memang tidak suka kepada Raja Muda Abdullah, tambahan pula jika ia hendak dijadikan Sultan Perak. Satu perkara lagi yang menyebabkan Raja Muda Abdullah tidak dapat mudik ke Sayong ialah kerana pada masa itu juga beliau

sedang menghadapi masalah peribadi. Beliau telah berselisih faham dengan isterinya yang bernama Raja Tipah. Isterinya itu pula telah dilarikan oleh seorang Raja dari Negeri Selangor yang bernama Raja Daud. Dengan itu Raja Muda Abdullah merasa malu kalau-kalau ia dihina oleh orang-orang Sayong. Di samping itu pula, ada riwayat menyatakan bahawa jemputan dari Sayong itu tidak memuaskan hati Raja Abdullah, kerana menurutnya jemputan itu tidak menurut adat istiadat menjemput raja-raja.

Hampir sebulan lamanya orang-orang besar Perak yang berkumpul di Sayong menantikan kedatangan Raja Muda Abdullah. Dan selama itu jugalah jenazah almarhum Sultan Ali belum dikebumikan kerana masih belum ada orang yang hendak dilantik menggantikannya.

Setelah bosan menanti begitu lama, dan Raja Muda Abdullah pula tidak juga datang, akhirnya orang besar Perak itu telah bermesyuarat dan mengambil keputusan hendak memakamkan jenazah almarhum Sultan Ali tanpa menanti kedatangan Raja Muda Abdullah. Raja Bendahara Ismail telah dilantik menjadi Sultan Perak.

Pada hari jenazah almarhum Sultan Ali itu dimakamkan (gelarannya Almarhum Nabi Allah), dimasyhurkanlah Raja Bendahara Ismail menjadi Sultan Perak (Sultan Perak yang ke-25) bergelar Sultan Ismail Muabidin Shah, iaitu pada 28 hari bulan Jun 1871. Baginda bersemayam di Belanja juga.

Sejak Raja Ismail menjadi Sultan Perak hingga sampai ke masa orang Inggeris masuk campur dalam pemerintahan negeri Perak, raja-raja kerabat diraja Perak itu sentiasa sahaja berselisih faham sesama sendiri, terutama di antara Sultan Ismail (di Belanja), Raja Muda Abdullah (di Batak Rabbit), Raja Yusof (di Senggang) dan Cik Ngah Ibrahim Menteri Larut (di Larut). Ketiga-tiga orang raja itu masing-masing mengakui ianya lebih berhak mewarisi takhta kerajaan Perak daripada yang lainnya, manakala Cik Ngah Ibrahim itu pula mengatakan daerah Larut di bahagian utara negeri Perak itu kepunyaannya sendiri. Raja Muda Abdullah pula mengesyaki Cik Ngah Ibrahim sedang merancang hendak berkuasa di seluruh negeri Perak. Ketiga-tiga orang raja itu serta Cik Ngah Ibrahim, masing-masing berkuasa di daerah sendiri dan memungut cukai dalam kawasan mereka. Raja Muda Abdullah berkuasa di bahagian hila

selatan) negeri Perak hingga ke kuala Sungai Perak, Sultan Ismail berkuasa di bahagian Perak Tengah termasuk daerah Kinta, Raja Yusof ke hulu sedikit (utara) iaitu di Senggang dan daerah sekitarnya; dan Cik Ngah Ibrahim berkuasa di Larut dan kawasan sekelilingnya. Cik Ngah Ibrahim memang sukakan Raja Ismail menjadi Sultan Perak dan beliaulah seorang daripada orang-orang besar Perak yang menyokong kuat perlantikan Raja Ismail menjadi Sultan Perak itu. Demikianlah simpang-simpang perintangnya pemerintahan di negeri Perak pada masa itu.

Dalam masa raja-raja Perak berselisih faham sesama sendiri itu pada tahun 1872 timbul lagi pergaduhan di antara kongsi-kongsi orang Cina yang bekerja di lombong bijih timah di Larut (Perang Larut yang ketiga). Sultan Perak dan Menteri Larut tidak dapat memberhentikan pergaduhan itu, bahkan Raja Muda Abdullah dan Cik Ngah Ibrahim sendiri ada masuk campur menyebelahi pihak orang Cina lombong yang berkelahi itu iaitu mereka menyebelahi pihak yang kuat sahaja. Oleh sebab itu pihak orang Cina yang tidak mendapat sokongan telah meminta bantuan kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat untuk menyelesaikan pergaduhan itu.

Dalam masa berlakunya pergaduhan di antara orang-orang Cina itu, Raja Muda Abdullah telah mengambil kesempatan cuba mula mengaitkan masalah beliau di negeri Perak itu dengan kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat. Raja Muda Abdullah telah memberitahu pihak Inggeris bahawa beliaulah yang berhak menduduki takhta kerajaan negeri Perak, bukannya Sultan Ismail.

Sungguhpun Sultan Ismail tidak meminta apa-apa pengakuan daripada pihak Inggeris mengenai kedudukannya sebagai Sultan Perak itu, tetapi Cik Ngah Ibrahim yang sukakan Sultan Ismail menjadi Sultan Perak, telah memberitahu Inggeris bahawa perlantikan Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak pada tahun 1871 itu, adalah betul dan sah. Di samping itu juga Cik Ngah Ibrahim telah mengatakan kepada Inggeris bahawa Raja Muda Abdullah itu tidak layak menjadi Sultan Perak.

Dalam bulan September 1873, dengan tidak setahu Sultan Ismail di Belanja dan Cik Ngah Ibrahim di Larut, Raja Muda Abdullah telah pergi ke Singapura menemui Gabenor Negeri-negeri Selat mengemukakan tuntutan beliau bahawa beliaulah yang berhak menjadi Sultan Perak.

Semasa di Singapura, Raja Muda Abdullah telah berunding dengan seorang saudagar Inggeris bernama W.H. Read berhubung dengan tuntutan yang akan beliau kemukakan itu. Read telah menolong membawa Raja Muda Abdullah berjumpa Gabenor Sir Andrew Clarke yang baharu menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat menggantikan Gabenor Sir Harry Ord.

Selain daripada tuntutan yang akan dikemukakan oleh Raja Muda Abdullah itu, W.H. Read telah memujuk Raja Muda Abdullah supaya meminta Gabenor menolong menyelesaikan huru-hara yang sedang berlaku di negeri Perak iaitu pergaduhan orang Cina di Larut dan juga perselisihan di antara raja-raja di negeri Perak itu serta meminta kerajaan Inggeris menunjukkajarkan cara pemerintahan yang baik, dan juga supaya kerajaan Inggeris menghantar seorang pegawai British ke negeri Perak. Surat daripada Raja Muda Abdullah kepada Gabenor Sir Andrew Clarke kerana mengemukakan perkara itu telah ditulis oleh W.H. Read.

Pendeknya apa yang diminta oleh Raja Muda Abdullah dengan "nasihat" W.H. Read itu menunjukkan persetujuannya mengenai dasar pemerintahan Inggeris yang akan dibawa masuk dalam pemerintahan di negeri-negeri Melayu.

Gabenor Sir Andrew Clarke telah menjemput raja-raja dan orang-orang besar Perak, serta ketua-ketua orang Cina lombong yang bergaduh di Larut itu supaya datang ke Pulau Pangkor, untuk berunding bagi menyelesaikan perselisihan di antara raja-raja dan orang-orang besar Perak, dan pergaduhan di Larut. Itulah tujuan Sir Andrew Clarke seperti yang diketahui oleh orang ramai. Tetapi yang sebenarnya tujuan Andrew Clarke ialah hendak memasukkan pemerintahan Inggeris ke negeri Perak dengan peluang seperti yang dilorongkan oleh Raja Muda Abdullah dengan "nasihat" W.H. Read.

Gabenor Sir Andrew Clarke serta pengiringnya iaitu Thomas Braddell (Peguam Agung), A.M. Skinner dan Leftenan Brackenbury telah bertolak dari Singapura dengan kapal kerajaan Negeri-negeri Selat yang bernama *Pluto* menuju ke Pulau Pangkor. Pegawai Inggeris yang lainnya iaitu Major J.F. MacNair, Kolonel Dunlop dan Frank Swettenham telah lebih dahulu sampai di Pulau Pangkor menyediakan tempat dan menanti kedatangan Gabenor itu. Andrew

Clarke dan rombongannya itu telah sampai di Pulau Pangkor pada 13 hari bulan Januari 1874.

Raja Muda Abdullah, sepupunya Raja Idris, Raja Bendahara (Raja Uthman putera almarhum Sultan Ali), Cik Ngah Ibrahim Menteri Larut, Temenggung, Datuk Sagor dan lain-lain orang besar Perak yang menyebelahi Raja Muda Abdullah telah sampai di Pulau Pangkor pada 15 hari bulan Januari 1874.

Oleh sebab Sultan Ismail di Belanja dan Raja Yusof di Senggang tidak dijemput datang bermesyuarat ke Pulau Pangkor itu, menunjukkan tujuan kedatangan Andrew Clarke itu bukanlah sebenarnya hendak menyelesaikan perselisihan di antara raja-raja dan orang besar Perak, pada hal Sultan Ismail dan Raja Yusof itulah orang penting yang terlibat dalam perselisihan di antara raja-raja dan orang besar di negeri Perak itu.

Rundingan dan mesyuarat di antara pihak Inggeris dengan pihak Raja Muda Abdullah di Pulau Pangkor itu telah dimulakan pada 16 hari bulan Januari 1874.

Persidangan di Pulau Pangkor itu telah berjalan selama lima hari. Kesudahannya pada 20 hari bulan Januari 1874 dibuatlah surat perjanjian di antara kerajaan Perak yang diwakili oleh Raja Muda Abdullah dan orang besarnya dengan kerajaan Inggeris yang diwakili oleh Gabenor Sir Andrew Clarke, dan perjanjian itu dipanggil *Perjanjian Pangkor*.

Di antara syarat yang tersebut dalam Perjanjian Pangkor itu yang berkaitan dengan pemerintahan di negeri Perak ialah: Raja Muda Abdullah dilantik menjadi Sultan Perak; baginda bersetuju menerima seorang Residen British; baginda berjanji akan menyediakan tempat tinggal Residen, dan nasihat Residen itu hendaklah diikuti kecuali pada perkara yang mengenai agama dan adat istiadat orang Melayu. Berkenaan urusan memungut segala cukai dan hasil negeri, dan aturan pemerintahan hendaklah ditetapkan dengan nasihat Residen British itu.

Setelah Inggeris melantik Raja Muda Abdullah menjadi Sultan Perak dengan kuatkuasa Perjanjian Pangkor yang direncanakan oleh Sir Andrew Clarke itu, dengan kebenaran Sultan Abdullah, Andrew Clarke telah menghantar surat kepada Sultan Ismail di Belanja memberitahu bahawa baginda telah diturunkan dari takhta kerajaan (dipecat) dan Raja Ismail dibenarkan memakai gelaran

Sultan Muda serta diberi pencen seribu ringgit setiap bulan. Demikianlah tindakan yang telah dijalankan oleh Inggeris di negeri Perak hingga memecat Sultan di negeri itu walaupun telah ada adat istiadat yang menentukan kedudukan Sultan dan orang-orang besar di negeri itu.

Sultan Abdullah yang baharu dilantik menjadi Sultan itu memakai gelaran Sultan Abdullah Muhammad Shah II, dan baginda bersemayam di Batak Rabit.

Sungguhpun Sultan Abdullah telah dilantik menjadi Sultan Perak, tetapi perselisihan di antara raja-raja dan orang-orang besar di negeri Perak belum juga berhenti. Orang besar yang menyebelahi bekas Sultan Ismail berpendapat bahawa perlantikan Raja Ismail sebagai Sultan Perak pada tahun 1871 dahulu adalah sah mengikut adat istiadat di negeri Perak dan mereka menganggap perlantikan Raja Muda Abdullah menjadi Sultan Perak adalah lantikan Inggeris yang tidak berdasarkan adat istiadat kesultanan Perak. Bagi pihak Raja Yusof pula, beliau tetap menyatakan berhak untuk mewarisi takhta kesultanan Perak dan bukannya Raja Ismail atau Raja Muda Abdullah.

Cik Ngah Ibrahim Menteri Larut pula, walaupun ia telah turut sama menandatangani Perjanjian Pangkor tetapi ia tidak berpuas hati kerana ia merasa tarafnya sebagai *Raja* di daerah Larut itu telah diturunkan dan telah sama dengan orang-orang besar lainnya di negeri Perak. Kedatangan Cik Ngah Ibrahim ke Pulau Pangkor untuk menandatangani perjanjian itu juga adalah dengan paksaan pihak Inggeris. Sebenarnya Cik Ngah Ibrahim menyebelahi Raja Ismail.

Sebelum Sir Andrew Clarke menempatkan seorang Residen British di negeri Perak, terlebih dahulu ia telah mengambil tahu mengenai latar belakang dan keadaan raja-raja di negeri Perak. Gabenor telah tahu bahawa Raja Ismail dan Raja Yusof memang tidak menyetujui Perjanjian Pangkor yang telah melantik Raja Muda Abdullah menjadi Sultan Perak. Tetapi apabila Inggeris telah membayangkan kepada Raja Yusof bahawa di masa akan datang beliau mungkin akan menjadi Sultan Perak, maka Raja Yusof pun tidak lagi menentang Inggeris, bahkan beliau telah berubah menjadi orang yang kuat menyokong dan membantu Inggeris menjalankan dasar pemerintahannya di negeri Perak. Tetapi Raja Ismail tetap

juga dengan keyakinannya menentang penjajahan Inggeris di negeri Perak walaupun telah beberapa kali Inggeris mencuba mengajak beliau berunding, ia tetap menolak tiada mahu berunding dengan Inggeris.

Dalam bulan November 1874 kerajaan Inggeris telah melantik seorang pegawainya di Negeri-negeri Selat bernama J.W.W. Birch menjadi Residen British yang pertama di negeri Perak, dan Gabenor Andrew Clarke telah memberitahu Sultan Abdullah mengenai lantikan itu.

Birch telah membuat tempat kediaman dan pejabatnya pada suatu tempat di tepi Sungai Perak berdekatan dengan Kuala Sungai Kinta bernama Bandar Baharu, kira-kira tiga puluh batu mudik Sungai Perak dari Batak Rabbit tempat bersemayam Sultan Abdullah.

Setelah J.W.W. Birch menjadi Residen British di negeri Perak, dengan tidak terlebih dahulu mengkaji secara mendalam akan peraturan kerajaan yang telah lama dijalankan di negeri itu dan dengan tidak juga mengambil tahu cara pemikiran orang-orang besar dan orang-orang Melayu di negeri Perak masa itu terhadap termasuk orang Inggeris yang masuk campur dalam pemerintahan negeri itu, Birch dengan tidak berlengah-lengah lagi terus melaksanakan rancangannya sendiri.

Birch telah mengeluarkan surat perintah yang menghendaki segala cukai dan hasil di negeri itu hendaklah dipungut oleh pegawai kerajaan, dan melarang serta menghukum sesiapa yang memungut cukai dengan tidak mengikut undang-undang yang baharu diadakan oleh Birch. Birch tiada membenarkan cukai dalam negeri dipungut oleh Sultan dan orang-orang besar Perak seperti yang telah dijalankan sebelumnya. Hasil cukai mestilah diberikan kepada perbendaharaan kerajaan negeri, dan tidak boleh diambil oleh Sultan dan orang-orang besar Perak. Birch juga telah mengeluarkan larangan menamatkan adat memakai hamba abdi kerana berhutang walaupun adat itu telah berjalan di negeri Perak sejak dahulu lagi.

Semua rancangan yang telah dijalankan oleh Birch itu tidak disetujui oleh Sultan Abdullah dan orang-orang besar Perak. Mereka engesyaki hasil cukai yang didapati di negeri Perak itu mengalir masuk ke tabung kerajaan Inggeris.

Sultan Abdullah yang dahulunya telah menyetujui syarat dalam

Perjanjian Pangkor menerima seorang Residen British di negeri itu, adalah hanya itulah sahaja jalan yang melantik beliau menjadi Sultan Perak seperti yang telah dituntutnya walaupun Sultan Ismail telah terpilih menjadi Sultan Perak. Dahulu baginda memikirkan bahawa Residen British itu adalah sebagai pegawai yang akan menjalankan perintah baginda sebagai Sultan yang memerintah, tetapi sekarang ini lain pula jadinya kerana Residen British itu pula yang menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negeri, baginda dan orang-orang besar dikehendaki mengikut sahaja segala perintah Residen British itu! Pendeknya semenjak itu mulalah Birch dimusuhi oleh Sultan dan orang-orang-besar Perak.

Walau bagaimanapun, Birch yang berkelakuan keras dan tidak tahu berdiplomasi itu, terus juga menjalankah rancangannya. Dengan bantuan pasukan polis, ia telah berjalan ke seluruh negeri Perak, terutama di tepi Sungai Perak, memberitahu rakyat akan aturan baharu yang akan dijalankan di negeri itu sambil ia meruntuhkan tempat memungut cukai yang dipunyai oleh orang-orang besar Perak, dan mereka diberi amaran keras supaya jangan lagi memungut cukai dalam negeri seperti yang telah dilakukan dahulu. Semuanya itu telah menambahkan lagi sakit hati orang-orang besar terhadap Birch.

Cara Birch yang keras menjalankan pemerintahan dan pentadbiran di negeri Perak itu, bukanlah baharu timbul setelah ia datang ke negeri Perak, malah sebelum datang ke Negeri-negeri Selat lagi. Sebelum itu Birch telah menjadi pegawai Kerajaan Inggeris di negeri Ceylon yang telah menjadi tanah jajahan Inggeris. Di negeri Ceylon boleh kata semua jawatan pentadbiran kerajaan dipegang oleh orang Inggeris dan rakyat negeri itu tidak mendapat peluang untuk memegang jawatan yang baik dalam kerajaan. Pegawai Inggeris di negeri itu telah biasa menjalankan pemerintahan dan pentadbiran yang keras terhadap rakyat negeri itu, dan mereka berpendapat bahawa orang timur tidak ada kebolehan memerintah negeri dengan baik. Kebiasaan itulah yang telah dibawa oleh Birch ke negeri Perak. Tambahan pula apabila Birch dilantik menjadi Residen di negeri Perak, ia langsung tidak tahu berbahasa Melayu, tiada sedikit pun pengetahuannya mengenai adat istiadat, peribadi, dan kelakuan serta perkara-perkara yang disukai dan dibenci oleh orang Melayu, pada hal pengetahuan itu patut ada kepada seseorang

yang hendak menjadi pegawai kerajaan.

Birch telah mengumpulkan orang-orang besar Perak serta Sultan Abdullah menerangkan aturan pemerintahan dalam negeri Perak yang mesti dituruti oleh semua rakyat. Surat pengisytiharan mengenai peraturan baharu itu telah ditandatangani oleh Sultan Abdullah setelah dipaksa oleh Birch walaupun pada mulanya baginda enggan berbuat demikian. Pada masa itu Sultan Abdullah dan orang-orang besar Perak semakin benci kepada Birch terutama orang besar Perak di Kampung Pasir Salak (di tepi Sungai Perak) yang bergelar Datuk Maharaja Lela. Tatkala Gabenor negeri-negeri Selat datang ke Pulau Pinang hendak berjumpa dengan Sultan Abdullah dan orang-orang besar Perak, tiada seorang pun yang datang menemuinya di Pulau Pinang.

Gabenor Andrew Clarke telah marah dan menuduh Sultan Abdullah telah berubah sikap dan tidak gemar terhadap Inggeris, serta menuduh baginda memungkir syarat dalam Perjanjian Pangkor itu. Dalam bulan April 1875, Sultan Abdullah telah menghantar surat bantahan yang disokong oleh orang-orang besar Perak, menyalahkan tuduhan yang dilakukan oleh Birch di negeri Perak. Di antara bantahan yang disebutkan dalam surat itu ialah: Birch telah menjalankan kerjanya di negeri Perak dengan tidak lebih dahulu mendapat persetujuan Sultan Perak; Birch telah mengganggu hak orang-orang besar Perak dalam urusan memungut cukai di negeri Perak; Birch telah melindungi hamba-abdi yang lari dari tuannya dan telah mengumpulkan perempuan yang cantik-cantik di rumahnya dan ada di antara perempuan-perempuan itu diberikan kepada mata-mata bangsa India sebagai habuan. Mengikut cerita mulut orang Melayu Perak, Birch adalah seorang yang kuat nafsu seksnya.

Orang-orang besar Perak (Raja Idris, Datuk Laksamana Muhammad Amin dan Encik Muhammad Arshad) yang telah pergi ke Singapura menyampaikan surat bantahan kepada Gabenor Andrew Clarke, telah diberi amaran oleh Gabenor kerana tiada menyampaikan surat itu lebih dahulu kepada Residen Birch, dan Gabenor telah menyatakan tidak setujunya akan bantahan terhadap Birch itu. Gabenor telah memberi sepucuk surat kepada orang-orang besar itu ninta disampaikan kepada Sultan Abdullah, dan dalam surat itu Andrew Clarke telah mengungkit-ungkit jasa Inggeris dengan mengatakan bahawa dialah (Clarke) Gabenor yang telah mengeluarkan

Raja Abdullah daripada kesusahan dan kedukaan serta memberikan pangkat dan kemuliaan yang sedang baginda pegang itu. Andrew Clarke telah mengingatkan juga supaya Sultan Abdullah dan orang-orang besar Perak taat menurut perintah Gabenor baharu yang akan menggantikannya, iaitu Gabenor Sir William Jervois yang mula memegang jawatan Gabenor pada pertengahan bulan Mei 1875.

Sungguhpun Sultan Abdullah telah menerima surat daripada Gabenor Andrew Clarke yang mengandungi kata-kata kesat terhadap baginda itu, namun baginda tetap juga tidak bersetuju dengan Birch. Raja Ismail dan orang-orang besar Perak pula telah memandang Birch sebagai musuh mereka. Pendeknya semenjak itu, keadaan di negeri Perak telah semakin meruncing, tambahan pula tindakan Birch telah semakin keras lagi.

Pada masa itu pula Birch telah berani mengancam orang-orang besar Perak dan Sultan Abdullah dengan mengatakan orang besar-besar itu akan dibuang negeri dan Sultan Abdullah akan diturunkan dari takhta kerajaan jika mereka tidak mengikut peraturan yang hendak dijalankan oleh Inggeris di negeri Perak.

Oleh sebab perbuatan Birch yang tidak disetujui oleh Sultan dan orang-orang besar serta keseluruhan orang Melayu di negeri Perak itu telah bertambah memuncak, maka pada masa itu timbullah beberapa tindakan untuk menentang pemerintahan Inggeris di negeri Perak. Sekumpulan orang Melayu penduduk Kampung Kota Lama (dekat pekan Kuala Kangsar sekarang) yang lengkap bersenjatakan lembing dan keris telah kelihatan melompat-lompat dan menjerit-jerit sambil melaungkan bahawa mereka akan membunuh Birch jika datang ke kampung mereka.

Pada 21 hari bulan Mei 1875 pembesar-pembesar negeri telah dipanggil oleh Sultan Abdullah bagi mengadakan mesyuarat di Kampung Durian Sebatang (dalam daerah Teluk Intan sekarang) kerana membincangkan mengenai "Inggeris hendak memerintah di negeri Perak dan hendak merosakkan adat lama di negeri itu".

Selain daripada Sultan Abdullah, turut hadir sama dalam mesyuarat itu ialah Raja Idris (Putera Raja Bendahara Raja Alang Iskandar) dan sepupunya Raja Musa (putera almarhum Sultan Jaafar), Laksamana Muhammad Amin, Datuk Seri Agar Raja, Datuk Syahbandar, Datuk Maharaja Lela (Pasir Salak), Tok Muda Abdul Ghafur (Bakal Panglima Bukit Gantang), Raja Mahkota

wakil Raja Bendahara, wakil Seri Maharaja Lela (Sayong), Cik Ngah Ibrahim Menteri Larut, Datuk Temenggung dan lain-lain. Raja Yusof tidak hadir. Raja Ismail juga tidak hadir, tetapi beliau ada memberikan surat kepada Sultan Abdullah supaya surat itu dibacakan dalam mesyuarat itu.

Sultan Abdullah telah membuka mesyuarat itu, lalu membacakan surat daripada Raja Ismail yang menyatakan Raja Ismail bersetuju dengan keputusan yang akan diambil dalam mesyuarat itu bagi menghalau orang Inggeris keluar dari negeri Perak. Semua yang hadir telah bersetuju hendak menghalau orang Inggeris keluar dari negeri itu, dan meminta kerjasama daripada Raja Ismail bagi melaksanakan rancangan mereka.

Dalam persidangan itu telah dirundingkan juga ikhtiar yang akan dijalankan hendak membunuh Birch. Di antara cadangan yang telah dikemukakan dalam mesyuarat itu ialah: ada yang mencadangkan supaya Birch dibunuh dengan cara diberi makan racun; ada yang mencadangkan supaya Birch dibunuh dengan cara sihir iaitu dengan cara *berhantu* atau *memurun* dan berbagai-bagai cadangan lagi. Dalam pada itu, Datuk Maharaja Lela orang besar Pasir Salak berpendapat bahawa cadangan hendak meracuni atau hendak bersihir membunuh Residen British itu beliau tidak bersetuju. Datuk Maharaja Lela telah menawarkan dirinya untuk menjalankan tugas membunuh Residen British itu. Sultan Abdullah sangat gembira mendengarkan pengakuan Datuk Maharaja Lela itu dan semua yang hadir bersetuju dengan rancangan itu dan mereka semua telah memberikan penghargaan yang tinggi di atas keberaniannya itu. Mesyuarat itu telah mengambil keputusan bersetuju menjalankan tindakan hendak membunuh Birch sama ada dengan cara meracuninya dan jika tidak dapat dijalankan dengan cara itu, bolehlah dibuat dengan cara *berhantu* (sihir) dan jika dengan cara ini juga tidak berjaya, baharulah dijalankan dengan cara yang telah dikemukakan dan disanggupi oleh Datuk Maharaja Lela itu. Pada akhir mesyuarat Sultan Abdullah serta raja-raja dan orang-orang besar yang hadir telah bersumpah akan merahsiakan rancangan mereka itu.

Apabila Raja Ismail dapat tahu mengenai keputusan yang diambil dalam mesyuarat itu, beliau pun mengatakan kepada orang-orang besar Perak bahawa beliau bersetuju dengan tindakan yang akan dijalankan oleh Datuk Maharaja Lela itu dan Raja Ismail serta

orang-orangnya mengaku akan bekerjasama menolong Datuk Maharaja Lela.

Malangnya pula, mesyuarat yang telah diadakan di Durian Sebatang itu telah diketahui oleh Birch, kerana surat jemputan daripada Sultan Abdullah memanggil raja-raja dan orang besar hadir ke mesyuarat itu telah ditunjukkan oleh Raja Yusof kepada Birch sambil Raja Yusof bermuka-muka pula mengatakan kepada Birch: lebih baiklah Inggeris memerintah negeri Perak, dan biarkan saja Raja Abdullah itu di atas takhta kerajaannya sebagai raja patung.

Dalam bulan September 1875, Gabenor Sir William Jervois dari Singapura telah datang ke negeri Perak dan telah menemui Raja Ismail di Belanja dan Sultan Abdullah di Kampung Gajah. Baginda sengaja mudik dari Batak Rabbit ke Kampung Gajah kerana hendak menyambut kedatangan Gabenor itu.

Bagi Gabenor Jervois lain pula pendapatnya daripada pendapat Andrew Clarke. Jervois bukan hanya setakat mahukan Inggeris masuk campur dalam pemerintahan di negeri Perak, malah hendak menakluki negeri Perak supaya masuk ke dalam perintah Inggeris.

Gabenor Jervois telah mengatakan kepada Raja Ismail supaya negeri Perak diperintah oleh Inggeris. Raja Ismail tidak mengatakan apa-apa mengenai cadangan itu. Kepada Sultan Abdullah pula Gabenor itu mengatakan bahawa kerajaan Inggeris akan memberikan wang elaun kepada baginda dan orang-orang besar baginda dan menyuruh baginda menyerahkan pemerintahan negeri Perak itu kepada kerajaan Inggeris. Tetapi Sultan Abdullah telah meminta tangguh bagi membolehkan beliau merundingkan dahulu perkara itu dengan orang-orang besar negeri Perak.

Residen Birch juga pernah memujuk Raja Ismail supaya menulis surat kepada Gabenor di Singapura menyatakan persetujuan menerima pemerintahan Inggeris di negeri Perak jika beliau dilantik oleh Inggeris menjadi Sultan Perak. Tetapi cadangan Birch itu tidak disetujui oleh Raja Ismail, kerana Raja Ismail tahu putar belit orang Inggeris.

Semasa Frank Swettenham berada di negeri Perak, Raja Yusof dan menantunya Raja Idris telah meminta pertolongan darinya untuk menuliskan sepucuk surat ditujukan kepada Gabenor di negeri-negeri Selat di Singapura. Raja Yusof mempelawa Gabenor

memerintah di negeri Perak, manakala Raja Yusof dan Raja Idris hendaklah diberikan elaun.

Setelah menerima surat daripada Raja Yusof dan Raja Idris itu, Jervois pun menghubungi Sultan Abdullah menyuruh baginda berbuat seperti yang telah dibuat oleh Raja Yusof dan Raja Idris itu.

Setelah Sultan Abdullah menerima surat daripada Gabenor, Birch pun mendesak Sultan supaya menulis surat seperti yang dikehendaki itu. Walaupun pada mulanya Sultan Abdullah enggan menulis surat tersebut, tetapi akhirnya, setelah didesak beberapa kali oleh Birch, akhirnya baginda pun bersetuju dan meminta Birch membuatkan surat untuk dikirimkan kepada Gabenor di Singapura. Kandungan surat itu menyatakan Sultan Abdullah menerima dengan sepenuhnya cadangan Gabenor supaya negeri Perak diserahkan kepada kerajaan Inggeris.

Sultan Abdullah telah memanggil orang-orang besar baginda berkumpul di Kampung Pasir Panjang, dan mengumumkan kepada mereka bahawa baginda telah menyerahkan negeri Perak kepada Inggeris yang pada masa itu diwakili oleh Residen British.

Mendengarkan titah baginda itu, sekalian orang-orang besar yang hadir itu diam tercengang seolah-olah tidak percaya kepada apa yang dikatakan oleh baginda itu. Dalam pada itu Datuk Maharaja Lela telah bangun menyembah Sultan Abdullah lalu mengatakan dia tidak akan menerima apa-apa perintah daripada Birch atau lain-lain pegawai Inggeris yang datang ke negeri Perak. Datuk Maharaja Lela mengatakan lagi bahawa ia ada menerima surat daripada Raja Ismail dan Datuk Panglima Kinta yang menyatakan perintah Inggeris dalam negeri Perak jangan diikuti. Dengan rupa yang marah dan berani Datuk Maharaja Lela itu mengatakan lagi, bahawa dia tidak akan membenarkan Birch menjejakkan kakinya ke Pasir Salak, dan akan berpegang kukuh kepada aturan dan adat istiadat Melayu yang lama di negeri Perak, sambil mengatakan biar mati anak, jangan mati adat. Datuk Sagor (Seri Agar) orang besar Kampung Gajah pula mengatakan dia akan mengikut tindakan yang akan dibuat oleh Datuk Maharaja Lela. Mendengar pengakuan yang penuh bersemangat itu, Sultan Abdullah pun tersenyum dan memuji keberanian Maharaja Lela.

Berbagai helah telah dibuat oleh orang Inggeris untuk melagakan raja-raja di negeri Perak bagi memudahkan penjajahan

Inggeris di negeri itu. Dua pucuk surat telah diterima oleh Birch daripada Gabenor di Singapura. Sepucuk surat untuk Sultan Abdullah yang mengatakan kerajaan Inggeris akan tetap mengiktiraf Raja Abdullah sebagai Sultan Perak dan diberi wang elaun yang banyak jika baginda memberikan surat akuan menguatkuasakan Inggeris memerintah negeri Perak atas nama Sultan Perak. Jika baginda menolak permintaan itu, Kerajaan Inggeris akan melantik Raja Yusof menjadi Sultan Perak.

Surat yang sepucuk lagi adalah untuk Raja Yusof. Tetapi surat itu hanya boleh diberikan kepada Raja Yusof sekiranya Sultan Abdullah menolak permintaan Inggeris. Surat kepada Raja Yusof itu sebenarnya menawarkan jawatan Sultan (Perak) kepada Raja Yusof menggantikan Sultan Abdullah.

Sultan Abdullah tiada dapat menolak kehendak Inggeris seperti yang terkandung di dalam surat tersebut yang disertai ancaman akan mengangkat Raja Yusof menjadi Sultan Perak menggantikannya jika beliau enggan menyempurnakan permintaan Inggeris itu. Sultan Abdullah terpaksa menurunkan tanda tangan dan cap mohor bagi menyetujui kehendak Gabenor itu. Dalam pada itu Sultan Abdullah merasa sakit hati terhadap Raja Yusof dan Raja Idris yang telah mempelawa Inggeris datang memerintah di negeri Perak itu.

Sultan Abdullah cuba hendak menjauhkan diri daripada Birch, dan berbaik-baik dengan Raja Ismail serta Datuk Maharaja Lela. Sultan Abdullah telah memberikan surat pengakuan kepada Maharaja Lela bahawa baginda membenarkan Maharaja Lela melakukan rancangan seperti yang dikatakan dahulu, dan telah memberikan beberapa pucuk bedil, ubat bedil dan beras kepada Maharaja Lela. Perbuatan Sultan Abdullah itu diketahui juga oleh Laksamana Muhammad Amin di Hilir Perak, dan Raja Ismail di Belanja serta orang-orang besar yang menyebelahi Raja Ismail. Mereka semua telah diajak untuk bersama-sama Datuk Maharaja Lela bagi menjayakan rancangan tersebut.

Surat perisytiharan mengenai aturan kerajaan yang akan dijalankan di negeri Perak itu telah dicetak dengan banyaknya di Singapura dan telah dibawa ke negeri Perak oleh Frank Swettenham. Residen Birch dan Frank Swettenham dalam rombongan masing-masing telah menyebarkan surat perisytiharan itu ke merata negeri Perak. Birch telah pergi ke tempat-tempat di sebelah hilir sampai ke

Kampung Kota Setia, manakala Swettenham pergi ke tempat-tempat di sebelah hulu sampai ke Kampung Kota Lama di Kuala Kangsar.

Setelah selesai mengedarkan risalah di sebelah hilir itu, Birch dengan rombongannya yang terdiri daripada Leftenan Abbot, Mat Arshad (Jurubahasa kepada Birch) serta empat belas orang askar sepahi, telah balik mudik hendak pergi ke Kampung Pasik Salak (di hulu daripada Bandar Baharu tempat Residen Birch) untuk menyebarkan surat pengisytiharan di kampung itu pula.

Pada 1 hari bulan November 1875, pukul 11.00 malam, perahu rombongan Residen Birch itu telah sampai lalu berlabuh di tengah-tengah Sungai Perak bertentangan dengan Pasir Salak. Di situlah mereka bermalam dan esoknya mereka akan mendarat ke Pasir Salak kampung Datuk Maharaja Lela.

Sebaik sahaja mendengar berita mengatakan Birch dan rombongannya akan datang ke Pasir Salak, Maharaja Lela pun segera memberitahu penduduk kampung yang berdekatan supaya datang berkumpul di Pasir Salak.

Pukul 5.00 pagi esoknya, 2 hari bulan November 1875, perahu-perahu rombongan Birch itu pun rapat ke tebing sungai di Pasir Salak berhampiran dengan sebuah kedai Cina tukang emas di kampung itu. Pagi itu juga Birch telah membenarkan Lt. Abbot menyeberang pergi ke Kampung Gajah, di seberang Pasir Salak, kerana Abbot hendak menembak burung. Askar Sepahi dan anak perahu yang dibawa oleh Birch itu naik ke darat dekat tebing di situ kerana mereka hendak masak nasi dan membersihkan senapang mereka. Birch telah menyuruh Mat Arshad pergi menemui Datuk Maharaja Lela di rumahnya yang tiada berapa jauh dari situ untuk memberitahu kedatangan Birch dan Birch hendak berjumpa dengannya.

Mat Arshad telah menyampaikan pesanan Birch itu kepada Datuk Maharaja Lela. Sebagai jawapannya Datuk Maharaja Lela mengatakan, "Apa sebab saya mesti pergi berjumpa dia? Negeri Perak atau Pasir Salak ini bukan dia punya, kami punya. Pergilah balik saya tak benarkan sesiapa pun menyebarkan apa-apa surat siaran di Pasir Salak ini seperti di tempat-tempat lain itu". Mat Arshad pun dengan tersipu-sipu keluar meninggalkan rumah Datuk Maharaja Lela dan memberitahu Birch apa yang telah dikatakan

oleh Datuk Maharaja Lela itu. Apabila Mat Arshad sudah pergi, Datuk Maharaja Lela pun mengarahkan orang-orangnya menanggalkan dan mengoyakkan sebarang surat pengisytiharan yang dilekatkan oleh pihak Inggeris di kampung itu.

Tiada lama lepas itu, ramai orang Melayu yang lengkap bersenjata datang berkumpul di tebing sungai dekat perahu Birch itu. Pada masa itulah Birch menyuruh Mat Arshad pergi menampal surat siaran ke dinding kedai Cina tukang emas dekat di situ. Dengan tidak menghiraukan orang ramai yang kelihatan gelisah dan mengejek-ejek itu, Birch turun dari perahunya pergi sebuah rumah rakit tempat mandi dekat dengan perahunya itu, dan seorang askar sepahi yang bersenjata pistol berkawal di pintu rumah rakit itu.

Sebaik selesai saja Mat Arshad menampalkan surat siaran di dinding kedai Cina itu, masa itu juga, orang ramai itu pun datang menyerbu lalu mencabut dan mengoyak-ngoyakkan surat siaran itu. Mat Arshad memberitahu Birch mengenai peristiwa itu. Birch yang sedang mandi itu menyuruh Mat Arshad menampalnya lagi. Tatkala Mat Arshad hendak menampalkan surat yang lain pula, Pandak Endut yang ada di situ dengan serta-merta telah menikam Mat Arshad dan Mat Arshad mati di situ. Orang ramai itu pun datang menyerbu ke rumah rakit tempat Birch mandi itu sambil melontarkan lembing, dan sebatang daripada lembing yang direjamkan itu telah menikam Birch yang ada di dalamnya dan Birch pun tercampak jatuh ke sungai (Sungai Perak). Sedang Birch mencungap-cungap di permukaan air seorang yang bernama Seputum telah menetak kepala Birch dengan pedang dan Birch pun tenggelam lalu mati. Tatkala orang-orang Melayu Pasir Salak menyerbu ke arah Birch askar-askar pengawal yang walaupun mempunyai senjata telah ketakutan dan terjun ke dalam sungai. Mereka langsung tidak berani melawan.

Melihatkan peristiwa ini, orang ramai yang berkumpul di tebing itu tertawa sambil menjerit-jerit kesukaan. Datuk Maharaja Lela datang ke tempat itu lalu mengambil perahu dan harta benda rombongan Birch yang tertinggal itu dan membahagikannya kepada beberapa orang yang patut menerimanya. Askar Sepahi dan anak perahu rombongan Birch itu dibenarkan balik ke tempat mereka di Bandar Baharu. Dua hari lamanya orang Melayu di Pasir Salak bersukaria, tambahan pula kerana hari itu Hari Raya Puasa.

Lt. Abbot yang sedang berburu di Kampung Gajah itu, apabila mendengar keadaan yang hingar-bingar di sebelah seberang sana (di Pasir Salak), dia pun segera turun ke perahu menghiril menyelamatkan diri balik ke tempat Residen di Bandar Baharu. Pada 3 hari bulan November 1875 Lt. Abbot telah mengutus surat kepada Lt. Gabenor di Pulau Pinang memberitahu apa yang telah terjadi. Lt. Gabenor di Pulau Pinang dengan segera pula memberitahu hal itu kepada Gabenor Jervois di Singapura.

Peristiwa yang membawa kepada kematian Birch di Pasir Salak itu telah disampaikan beritanya kepada Sultan Abdullah di Batak Rabit dan kepada Raja Ismail di Belanja. Setelah berita itu tersebar ke seluruh negeri Perak, orang Melayu di Perak berpendapat bahawa mereka telah menyelesaikan suatu perkara yang selama ini merunsingkan mereka. Selepas ini mereka akan membunuh Frank Swettenham pula, yang pada masa itu sedang belayar dari daerah Kuala Kangsar hendak ke hilir (Bandar Baharu). Ada orang di negeri Perak masa itu berpendapat bahawa Frank Swettenham sepuluh kali lebih jahat daripada Birch.

Frank Swettenham yang menghiril dari Kuala Kangsar itu, apabila sampai di Belanja, baharulah ia dapat tahu bahawa Birch telah terbunuh di Pasir Salak. Swettenham pun dengan rasa cemas terus menghiril lagi hendak balik ke Bandar Baharu. Pada masa itu di Bandar Baharu ada 50 orang askar Sepahi.

Pada 6 hari bulan November 1875 satu pasukan kecil yang terdiri daripada askar Sepahi yang diketuai oleh Plunket dari Pulau Pinang telah sampai di Bandar Baharu. Pada hari itu jugalah mayat Birch yang telah dijumpai oleh beberapa orang Bugis terapung di Sungai Perak, telah diserahkan kepada orang Inggeris di Bandar Baharu. Mending Birch telah dikebumikan di Bandar Baharu dalam suatu istiadat yang sangat sederhana. Swettenham dan kawan-kawannya di Bandar Baharu itu pun bermesyuarat dan telah mengambil keputusan hendak menyerang Pasir Salak pada keesokan harinya, pada 7 hari bulan November 1875.

Semenjak Birch telah terbunuh di Pasir Salak, Datuk Maharaja Lela dan Pandak Endut serta Datuk Sagor telah menguatkan kubu mereka di Pasir Salak dan Kampung Gajah serta kawasan yang berhampiran dan telah pun mengerahkan orang di situ berengkap senjata dan bersedia menanti serangan dari pihak Inggeris yang

mereka percaya tentu sahaja akan tiba.

Selain dari Pasir Salak dan Kampung Gajah, boleh kata orang Melayu di seluruh negeri Perak, terutama di tepi Sungai Perak, kelihatan telah berjaga-jaga di kampung masing-masing, kerana mereka hendak menentang pihak Inggeris yang dianggap telah menjajah negeri Perak. Semangat yang kuat hendak menentang penjajahan Inggeris di negeri Perak masa itu, jelas kelihatan pada orang Melayu yang tinggal di Belanja tempat Raja Ismail, di Kinta tempat Datuk Panglima Kinta, di Kota Lama tempat Datuk Temenggung, di Durian Sebatang tempat Datuk laksamana, dan di Kurau tempat penghulu Mat Ali.

Pada 7 hari bulan November 1875 satu pasukan askar sephi yang di Bandar Baharu yang telah bersatu dengan pasukan yang datang dari Pulau Pinang dibawa oleh Kapten Innes, di bawah pimpinan Frank Swettenham telah bertolak dari Bandar Baharu hendak menyerang Pasir Salak. Orang Melayu yang turut sama dalam pasukan pihak Inggeris itu ialah Nakhoda Orlong (anak Nakhoda Terong dengan isterinya Cik Hamidah, Kuala Kangsar) serta orang Melayu pengikutnya seramai empat orang iaitu Raja Mahmud Selangor serta dua orang pengiringnya, dan dua puluh orang Melayu lainnya yang diupah oleh Inggeris menjadi pengintip.

Pada 7 hari bulan November 1875 pasukan pihak Inggeris itu bertolak dari Bandar Baharu dengan beberapa buah perahu mudik ke hulu, sampai di Kampung Pasir Panjang pasukan itu berpecah dua, ada yang berjalan kaki melalui darat dan ada yang berperahu membawa meriam. Kedua-dua pasukan itu bersama-sama pergi ke hulu lagi menuju ke Pasir Salak.

Apabila sampai pada tempat yang bernama Kampung Bandar Tua, tiba-tiba pasukan Inggeris itu telah ditembak dengan bedil pemuras dan lela oleh pasukan Datuk Maharaja Lela yang rupanya telah berkubu di situ iaitu kubu hadapan yang mempertahankan Pasir Salak, dan berlakulah pertempuran, dan inilah penentangan bersenjata yang mula-mula dilakukan oleh orang Melayu Perak menentang penjajahan Inggeris di negeri itu.

Dalam pertempuran di Bandar Tua itu Nakhoda Orlong telah ditembak oleh pengikut Maharaja Lela dan telah mati di situ juga. Pasukan Inggeris itu telah mengalami kesulitan, kerana orang-orang pihak Datuk Maharaja Lela yang berada dalam kubu di Bandar Tua

itu telah menyerang pihak Inggeris dengan begitu hebat dengan tembakan bedil pemuras, lela rentakan dan lontaran lembing. Dalam pada itu, Kapten Innes telah membawa pasukannya mara ke hadapan hendak menyerang kubu pihak Maharaja Lela itu. Malangnya Kapten Innes telah kena tembak dan mati di situ juga. Mata-mata yang di bawah jagaan Plunket telah lari bertempieran sambil merungut: "Bukan ini kerja yang hendak kami buat datang ke negeri Perak".

Oleh sebab orang-orang Datuk Maharaja Lela telah memberikan tentangan yang sungguh hebat, tambahan pula di hadapan kubu pertahanan mereka itu telah dipasang ranjau, maka sukarlah pihak Inggeris untuk menembusi kubu Datuk Maharaja Lela. Pihak Inggeris pula telah diserang dengan tembakan bedil, lela dan lontaran lembing serta seligi. Ini telah menyebabkan pihak Inggeris menjadi kelam kabut. Akhirnya pada petang itu juga pasukan Inggeris telah berundur meninggalkan Bandar Tua Hilir dan kembali ke Bandar Baharu dengan membawa beberapa orang askarnya yang telah mati dan cedera. Pihak Inggeris tidak dapat menyerang Pasir Salak yang merupakan kubu terkuat Datuk Maharaja Lela.

Mengikuti riwayat selanjutnya mengenai pihak Inggeris yang mula-mula menyerang Pasir Salak dan telah bertempur dengan orang Melayu di Bandar Hilir Tua pada 7 hari bulan November 1875 itu, mengatakan:

Setelah Datuk Maharaja Lela melihat pihak Inggeris telah berundur balik ke Bandar Baharu, ia pun memerintahkan orang-orang yang berkubu di Bandar Tua itu balik ke Pasir Salak lalu bertahan dan berjaga-jaga pula di Pasir Salak. Apabila Sultan Abdullah di Batak Rabbit menerima berita kemenangan Datuk Maharaja Lela menentang pihak Inggeris itu, baginda merasa gembira dan memuji kegagahan dan keberanian Datuk Maharaja Lela.

Pada 8 hari bulan November 1875 Gabenor William Jervois bersama dengan Major Dunlop dan Kapten Whitla membawa seramai 150 orang askar telah bertolak dari Singapura menuju ke negeri Perak. Gabenor telah memerintahkan kapal perang yang bernama *Fly* diketuai oleh Komandan Sterling dengan membawa 80 orang askar, serta kapal perang *Thistle* pergi ke negeri Perak. Kapal perang yang bernama *Moderate* dari Labuan (Borneo) telah dipang-

gil juga datang ke Singapura hendak dihantar ke negeri Perak. Gabenor juga telah meminta bantuan kapal perang Inggeris dari Hong Kong dan India. Gabenor Jervois telah menetapkan Pulau Pinang dijadikan markas tentera pihak Inggeris untuk melancarkan serangan ke negeri Perak.

Gabenor William Jervois telah sampai di negeri Perak pada 9 hari bulan November 1875 dan telah disambut oleh Sultan Abdullah, Laksamana Muhammad Amin, Syahbandar dan Cik Ngah Ibrahim. Mereka telah menyatakan kepada Gabenor Jervois bahawa mereka menyebelahi pihak Inggeris dan telah menawarkan pertolongan. Perbuatan mereka yang dipandang sebagai mengkhianati pejuang kebangsaan Melayu menentang penjajahan Inggeris itu, ialah supaya pihak Inggeris tidak menyangka atau mengetahui keadaan mereka yang sebenarnya di mana mereka memang tidak suka kepada cara Residen Birch menjalankan pentadbiran di negeri Perak yang telah nyata menampakkan Inggeris hendak merampas hak ketuanan Melayu di negeri mereka sendiri.

Di negeri Perak Gabenor Jervois telah berjumpa Frank Swettenham merundingkan cara serangan dari pihak Inggeris yang hendak dilakukan untuk mematahkan kekuatan pihak Datuk Maharaja Lela di Pasir Salak. Pada hari Jervois sampai di negeri Perak itu, kapal perang Inggeris dari Hong Kong telah sampai di Pulau Pinang. Pada 11 hari bulan November 1875 Jervois pun balik ke Singapura. Tiga hari kemudian, pada 14 hari bulan November 1875, kapal perang *Fly* dan *Thistle* telah sampai di negeri Perak.

Setelah angkatan Inggeris berkumpul di Bandar Baharu, pada 15 hari bulan November 1875, askar Inggeris itu pun bergerak menuju ke tempat Datuk Maharaja Lela di Pasir Salak dan ke Kampung Gajah tempat Datuk Sagor. Askar Inggeris itu telah dibahagikan kepada beberapa bahagian askar laut diketuai oleh Major Dunlop dan Kapten Sterling; askar darat di bawah Kapten Whitla; askar yang menaiki perahu diketahui oleh Komandan Bruce; askar pasukan peninjau di barisan hadapan sebagai pembuka jalan diketuai oleh Plunket, Frank Swettenham dan Raja Mahmud Selangor. Semua askar dan pegawai pihak tentera Inggeris yang datang menyerang Pasir Salak dan Kampung Gajah itu berjumlah 255 orang.

Kira-kira pada pukul 9.30 pagi hari itu juga (15 hari bulan

November 1875) mulalah askar Inggeris menyerang Pasir Salak dan Kampung Gajah dan berlakulah pertempuran hebat. Rumah Datuk Maharaja Lela di Pasir Salak dan rumah Datuk Sagor di Kampung Gajah serta semua rumah orang Melayu di kedua-dua buah kampung itu habis musnah dibakar oleh askar Inggeris yang telah melakukan serangan yang ganas dan tidak berperikemanusiaan sehinggakan penduduk kampung itu lari bertempiaran menyelamatkan diri ke tempat yang selamat. Oleh sebab serangan pihak Inggeris yang menggunakan senapang dan meriam itu semakin hebat, maka Datuk Maharaja Lela, Pandak Endut, Datuk Sagor serta beberapa orang hulubalang Melayu pengikut mereka mengundurkan diri masuk ke dalam hutan.

Setelah pihak Inggeris melihat kampung orang Melayu yang mereka serang itu habis terbakar hangus, lebih kurang pada pukul 8.00 malam hari itu juga, mereka pun menghirir balik di Bandar Baharu dengan kemenangan. Laporan mengenai peperangan itu telah dikirirkan oleh Major Dunlop kepada Gabenor William Jervois di Singapura yang diterima dengan gembiranya.

Major-Jeneral F. Calborne dari Hong Kong telah datang ke Singapura. Setelah berunding dengan pegawai-pegawai Inggeris di Singapura, Gabenor Jervois pun memerintahkan Calborne pergi menyerang negeri Perak, dan Komandan Singleton, pemerintah tertinggi tentera laut di Singapura diarahkan membawa askar dengan kapal perang yang bernama *Ringdove* dan *Egeria* menuju ke negeri Perak. Gabenor Jervois serta pegawainya telah bertolak dari Singapura dengan kapal Pluto dan sampai di negeri Perak pada 22 hari bulan November 1875. Semenjak itu selalulah kapal-kapal Inggeris dari Singapura datang ke negeri Perak.

Gabenor Jervois telah bermesyuarat dengan Major-Jeneral Colborne di Durian Sebatang (dalam Teluk Intan sekarang). Gabenor telah mengeluarkan pengumuman menyeru semua penduduk negeri Perak "membantu Inggeris mengembalikan keamanan dan ketenteraman" di negeri itu, iaitu sebagai yang biasa dibuat oleh Inggeris di negeri yang hendak dijajah sebagai menunjukkan mereka-lah di pihak yang benar dan pecinta keamanan walaupun yang sebenarnya mereka hendak menindas bumiputera yang menentang penjajahan mereka.

Perbuatan Gabenor Jervois itu nyatalah kerana hendak memu-

juk orang Melayu di negeri Perak supaya menganggap Inggeris sebagai bangsa yang baik dan mengutuk pejuang kebangsaan Melayu serta pengikut mereka yang menentang penjajahan Inggeris di negeri itu. Gabenor telah menemui dan berunding dengan Sultan Abdullah, Datuk Laksamana serta orang-orang besar di Perak Selatan (Hilir). Tetapi pertemuan itu bukanlah secara jujur dan Gabenor hanya berpura-pura manis di mulut sahaja.

Pada akhir bulan November 1875, kapal-kapal Inggeris yang membawa askar dan kelengkapan perang dari India dan Labuan telah sampai di Pulau Pinang. Major-Jeneral Colborne juga telah sampai di Pulau Pinang dan Major Amiel ditinggalkan di Bandar Baharu mengetuai pasukan Inggeris yang ada di situ.

Gabenor Jervis telah menjemput Raja Ismail di Belanja datang ke Pulau Pinang kerana Gabenor ingin tahu sama ada Raja Ismail menyebelahi Inggeris atau menentang Inggeris. Raja Ismail tidak pergi menemui Gabenor dengan alasan ianya sedang uzur.

Gabenor Jervis dengan Major Jeneral Colborne telah mengaturkan beberapa taktik perang yang akan dilancarkan ke negeri Perak.

Askar Inggeris yang datang dari Hong Kong itu dijadikan Pasukan Selatan diketuai oleh Major-Jeneral Colborne sendiri. Pasukan ini menyerang negeri Perak melalui selatan (hilir), iaitu masuk ke Sungai Perak, mudik hingga ke hulu. Major Dunlop menjadi Pesuruhjaya dalam pasukan itu, dan Frank Swettenham menjadi penolongnya yang akan menjalankan kerja-kerja penghubungan dan penyiasatan.

Askar Inggeris yang didatangkan dari India dijadikan Pasukan Utara, diketuai oleh Brigadier-Jeneral Ross. Pasukan ini akan menyerang negeri Perak dari utara (hulu), iaitu masuk melalui Sungai Larut pergi ke Larut dan dari Larut pergi pula ke Kuala Kangsar. Dari Kuala Kangsar pasukan ini akan menghilir di Sungai Perak lalu bersatu dengan pasukan Colborne yang datang dari selatan. Major MacNair dijadikan Pesuruhjaya dalam pasukan ini dan penolongnya William E. Maxwell.

Pada akhir bulan November 1875 itu juga, Pasukan Utara (Ross) telah meninggalkan Pulau Pinang pergi ke Larut. Tetapi pasukan ini telah menghadapi kesulitan hendak meneruskan perjalanan dari Larut ke Kuala Kangsar, kerana masa itu jalan yang ada

Tidak sampai pun sebulan Frank Swettenham menjadi Penasihat kepada Sultan Abdul Samad itu, pada 3 hari bulan Oktober 1874, Sultan Abdul Samad telah menulis surat kepada Gabenor Andrew Clarke di Singapura menawarkan kepada Gabenor itu supaya negeri Selangor dimasukkan ke bawah naungan perintah kerajaan Inggeris. Tindakan baginda itu adalah dipercayai menurut "nasihat" Frank Swettenham, dan nyatalah menunjukkan cengkaman penjajahan Inggeris telah bertambah kuat lagi ke atas negeri Selangor.

Pada bulan hadapannya, pada 18 hari bulan November 1874, permintaan Sultan Abdul Samad supaya negeri Selangor dinaungi oleh pemerintahan Inggeris itu, telah diumumkan oleh Gabenor Clarke di Singapura. Pada 30 hari bulan Disember 1874 itu juga, Gabenor Clarke telah mengumumkan bahawa J.G. Davidson dilantik menjadi Residen British yang pertama di negeri Selangor, dan Frank Swettenham menjadi Penolong Residen. Pada awal tahun 1875, J.G. Davidson ditempatkan bekerjasama dengan Tengku Kudin di Kelang manakala Frank Swettenham tinggal di Langat bekerjasama dengan Sultan Abdul Samad.

Setelah hampir enam bulan lamanya J.G. Davidson bersama-sama dengan Tengku Kudin memerintah negeri Selangor itu, didapati ramai orang Melayu telah bersiap sedia hendak memberontak menentang campur tangan Inggeris dalam pemerintahan di negeri Selangor itu.

Dalam bulan Oktober 1875, Raja Hamzah saudara Raja Mahadi yang tinggal di negeri Pahang telah membawa ramai orang Pahang datang ke Selangor. Raja Berumun dari Hulu Slim di negeri Perak telah membawa orang-orangnya datang juga ke Selangor. Sutan Puasa dengan pengikutnya yang terdiri daripada orang Sumatera dan Jawa di Cheras dan di Kajang telah menyiapkan kubu dan dilengkapi dengan meriam. Semua pasukan Raja Hamzah dan Raja Berumun serta Sutan Puasa itu telah berkumpul di Hulu Langat pada suatu tempat bernama Tanjung Dua Belas dan merundingkan bagaimana cara hendak membangkitkan huru-hara di negeri Selangor.

Sutan Puasa telah pergi ke Langat menghadap Sultan Abdul Samad memohonkan kebenaran hendak membawa orang-orang Melayu Sumatera dari Hulu Slim ke Hulu Langat dan Raja Hamzah

pula telah meminta beberapa tong ubat bedil dari Raja Kahar di Langat.

Apabila J.G. Davidson dapat tahu mengenai orang-orang Melayu yang telah berkumpul di Cheras dan Kajang hendak membangkitkan huru-hara di negeri Selangor itu, Davidson dan Inspektor Syers pun pergi ke Kuala Lumpur menyiapkan pasukan yang hendak pergi menyerang Hulu Langat.

Satu pasukan polis mengandungi seramai 75 orang mata-mata serta 100 orang Melayu di bawah pimpinan Inspektor Syers, ditambah pula dengan 200 orang Cina yang diberikan oleh Yap Ah Loy, telah pergi menyerang Cheras dan berjaya mematahkan pakatan pemberontakan itu dan merampas banyak senjata. Kemudian pasukan itu pergi menyerang pihak Sutan Puasa yang berkubu di Kajang, berlakulah pertempuran hebat. Akhirnya pasukan pihak Inggeris itu dapat mengalahkan pihak Sutan Puasa dan Sutan Puasa telah ditangkap lalu dipenjarakan di Kelang.

Beberapa bulan selepas itu Sutan Puasa telah dibebaskan dari penjara, dan semenjak itu beliau pun berniaga di Kuala Lumpur dan di Kajang dan tiadalah lagi beliau membuat kekacauan. Beliau telah meninggal dunia di Kuala Lumpur.

Pada tahun 1875 itu juga, Raja Mahadi telah menyerah diri lalu dibawa dan dipenjarakan di Singapura. Tiada lama kemudian beliau pun dibebaskan dari penjara tetapi tiada boleh keluar dari Singapura dan hiduplah beliau di Singapura sebagai orang buangan dari tanah airnya sendiri oleh tindakan orang Inggeris. Kerajaan Inggeris telah memberikan Raja Mahadi sebuah rumah kediaman dan diberi juga wang pencen setiap bulan. Tujuh tahun kemudian, pada 10 hari bulan Januari 1882 Raja Mahadi telah mangkat di Singapura disebabkan oleh penyakit batuk kering.

Semenjak tertangkapnya Raja Mahadi dan Sutan Puasa pada tahun 1875 itu, tiadalah lagi berlaku gerakan orang Melayu di Selangor menentang campur tangan Inggeris dalam pemerintahan di negeri Selangor.

dan dapat dilalui hanyalah hingga ke Bukit Gantang sahaja. Dari Bukit Gantang menuju ke Kuala Kangsar belum ada jalan raya, dan pasukan ini juga telah menghadapi kesulitan untuk mengangkut kelengkapan yang hendak dibawa ke Kuala Kangsar. Perjalanan mereka dari Larut yang telah dijangkakan boleh sampai ke Kuala Kangsar dalam masa tiga hari, telah mengambil masa selama sepuluh hari. Brigedier-Jeneral Ross telah menyalahkan Kapten Speedy kerana kelambatan itu, yang menuduhnya tidak menyediakan pekerja yang cukup untuk menyiapkan jalan sebelum Pasukan Utara itu sampai. Perkara itu telah disampaikan kepada Gabenor Jervois.

Di Larut pihak Inggeris telah menangkap Penghulu Mat Ali di Kurau yang telah cuba hendak menentang pihak Inggeris. Di Kuala Kangsar, Cik Hamidah seorang yang terkaya di situ, telah membenarkan Brigedier-Jeneral Ross menggunakan rumahnya yang besar di Kuala Kangsar itu bagi kegunaan Ross selama berada di Kuala Kangsar untuk melancarkan serangan di negeri Perak. Bukit Residen di sebelah kanan jalan menuju ke Bukit Chandan sekarang, di situlah terletaklah rumah Cik Hamidah dahulu.

Pada awal bulan Disember 1875, Pasukan Selatan (Colborne) telah mula memudiki Sungai Perak membawa ramai askar dengan kapal perang *Ringdove* dan diikuti oleh kapal perang *Fly*. Major Dunlop dengan askarnya seramai lebih kurang 80 orang serta beberapa anggota pasukan meriam telah bersedia menanti di Bandar Baharu.

Askar dari Pasukan Selatan yang memudiki bahagian hulu Sungai Perak dengan menggunakan lima puluh buah perahu lengkap dengan alat senjata mereka, dengan mudah sahaja mengalahkan Kampung Pasir Salak yang memang telah kalah itu. Dari sana mereka mudik lagi berperahu lalu sampai di Belanja.

Sebelum askar Inggeris itu sampai di Belanja, Raja Ismail dengan pengikutnya, telah berundur meninggalkan Belanja menuju ke daerah Kinta, dan di belakang rombongan Raja Ismail itu diikuti pula oleh Datuk Maharaja Lela serta pengikutnya yang juga menuju ke Kinta. Di Kinta bertemulah Datuk Maharaja Lela dengan Raja Ismail.

Tatkala pasukan Inggeris itu sampai di Belanja, mereka dapati Raja Ismail dan Datuk Maharaja Lela sudah tiada. Tujuan keda-

tangan Inggeris ke Belanja adalah untuk menangkap Raja Ismail, Datuk Maharaja Lela, Pandak Endut, Datuk Sagor dan pengikut mereka yang menentang penjajahan Inggeris di negeri Perak.

Dari Belanja, oleh kerana masa itu musim hujan, Pasukan Selatan yang menempuh banyak kesukaran semasa meredah hutan di situ, telah pergi ke arah daerah Kinta. Sampai di Kinta pihak Inggeris itu tidak juga bertemu dengan Raja Ismail dan hulubalang Perak yang mereka buru itu. Daripada maklumat yang didapati oleh orang Inggeris di daerah Kinta itu, tahulah mereka bahawa Raja Ismail, Datuk Panglima Kinta, Raja Ngah Tengku Panglima Besar, Panglima Perang Semaun serta ramai lagi pengikut Raja Ismail telah bertolak dengan angkatan bergajah meninggalkan daerah Kinta menuju ke utara iaitu ke hulu Perak, dan harus juga mereka akan pergi ke daerah Siam di sebelah Patani. Datuk Maharaja Lela serta pengikutnya juga telah meninggalkan daerah Kinta menuju ke hulu Perak.

Pendeknya bolehlah dikatakan, pada akhir tahun 1875 itu, pihak Inggeris yang diketuai oleh Major-Jeneral Colborne (Pasukan Selatan) belum lagi mendapat tentangan yang hebat dan kuat dari pihak orang Melayu kerana apalah ada senjata orang Melayu masa itu jika dibandingkan dengan senjata dan kelengkapan perang Inggeris yang mempunyai kelengkapan baru seperti senapang, meriam dan bermacam lagi. Oleh sebab itu tujuan asal pasukan Inggeris yang hendak menyerang orang Melayu itu, telah bertukar kepada memburu pejuang-pejuang Melayu Perak yang menentang penjajahan Inggeris itu. Orang Inggeris percaya jika orang Melayu yang mereka buru itu tidak ditangkap dan dihukum, mereka jugalah kelak yang akan membangkitkan penentangan yang berlanjutan terhadap Inggeris.

Dalam pada itu, pasukan Inggeris yang diketuai oleh Brigedier-Jeneral Ross (Pasukan Utara) yang berada di Kuala Kangsar, masih lagi menghadapi penentangan dari orang Melayu di daerah itu. Pada awal bulan Januari 1876 seorang pahlawan Melayu di Kampung Kota Lama dalam daerah Kuala Kangsar, bernama Panjang Meru telah menunjukkan penentangannya terhadap pihak Inggeris yang datang ke tempatnya itu, sehingga Pasukan Utara itu menghadapi beberapa kesulitan hendak mendapatkan orang di kampung itu yang hendak dijadikan buruh mengangkat dan membawa barang-barang

pasukan Inggeris itu. Brigedier-Jeneral Ross telah menangkap Panjang Meru, dan tanpa usul periksa lagi, Panjang Meru telah dihukum gantung hingga mati oleh Ross.

Pada 4 hari bulan Januari 1876 askar dan pegawai Inggeris itu (Pasukan Utara) telah memerintahkan penduduk di Kampung Kota Lama meletakkan senjata, lalu pihak Inggeris menjalankan pemeriksaan dari rumah ke rumah di kampung itu.

Oleh sebab kedatangan askar Inggeris itu pada mulanya tidak mendapat sebarang tentangan dari orang Melayu dan telah diketahui pula bahawa kampung itu telah ditinggalkan oleh penduduknya, maka Ross serta beberapa orang pegawainya telah datang ke Kota Lama hendak memerhatikan pemeriksaan dari rumah ke rumah yang dijalankan oleh askarnya itu. Dengan tidak disangka-sangka oleh pihak Inggeris, rombongan Brigadier Ross itu telah diserang oleh orang Melayu Kota Lama yang rupanya telah lama bersembunyi di hutan keliling kampung itu dan berlakulah pertempuran. Dalam pertempuran itu, seorang daripada pegawai Inggeris bernama Major Hawkins telah terbunuh. Dalam pada itu kumpulan orang Melayu yang datang menyerang itu telah dapat diusir oleh askar pihak Inggeris. Kampung Kota Lama dan dua buah lagi kampung yang berdekatan di situ telah dibinasakan oleh Inggeris.

Setelah selesai pertempuran di Kota Lama itu, tugas penting pasukan Inggeris di negeri Perak ialah hendak menangkap Raja Ismail, Datuk Maharaja Lela, Pandak Endut, Datuk Sagor dan sesiapa sahaja yang dianggap oleh Inggeris sebagai orang yang terlibat dalam pembunuhan Birch dan yang menentang kedatangan Inggeris ke negeri itu. Berdasarkan kepada maklumat yang didapati oleh pihak Inggeris, dapatlah pihak Inggeris mengesan jejak orang yang diburu itu.

Pada 13 hari bulan Januari 1876, Gabenor Jervois telah menawarkan hadiah wang yang banyak kepada sesiapa yang dapat menangkap pahlawan Melayu Perak yang dianggap oleh Inggeris sebagai "orang jahat" itu, iaitu hadiah sebanyak \$6,000 jika tertangkapnya Datuk Maharaja Lela, \$3,000 jika tertangkapnya Datuk Sagor, dan \$3,000 juga jika tertangkapnya Pandak Endut.

Dalam pertengahan bulan Januari 1876, Raja Ismail serta pengikutnya yang telah pergi ke negeri Kedah, telah meminta perlindungan dari Sultan Kedah (Sultan Zainul Rashid II). Sultan

Kedah yang telah menjadi serba salah hendak melindungi orang yang diburu oleh Inggeris itu, telah pergi ke Pulau Pinang memberitahu perkara itu kepada Lt. Gabenor Anson yang ada di Pulau Pinang, dan baginda telah meminta nasihat Anson apa yang patut baginda buat. Akhirnya Raja Ismail serta pengikutnya seramai 18 orang, termasuk Tok Nara, Panglima Perang Semaun dan Raja Loh (Lub?) telah diserahkan kepada Lt. Gabenor Anson, dan dalam bulan Mac 1876 mereka pun dihantar ke Singapura kemudian diserahkan kepada Gabenor Jervois. Raja Ismail telah dihantar ke negeri Johor diserahkan kepada jajaan Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar).

Sementara itu Inggeris terus melancarkan gerakan mencari orang yang bertanggungjawab dengan pembunuhan Birch dahulu. Dengan pertolongan orang Melayu yang mengharapkan balasan dari Inggeris, akhirnya Inggeris berjaya menangkap Seputum, Cik Gondah dan Ngah Ahmad.

Pada 3 dan 4 hari bulan Mac 1876 ketiga-tiga orang itu telah dibicarakan di Bandar Baharu yang dihakimkan oleh Raja Idris (dilantik menjadi hakim oleh Sultan Abdullah) penolong hakim ialah J.G. Davidson dan Frank Swettenham. Ketiga-tiga orang yang dituduh itu tidak mengaku salah dan mereka telah memberikan keterangan mempertahankan diri masing-masing dengan tiada saksi. Dalam pembicaraan itu telah terbabit pula orang bernama Ngah Jabor, Cik Ali atau Kulub Ali, Tuah dan Pandak Endut yang juga masuk campur dalam pembunuhan Birch itu, dan Raja Ismail pula dikatakan ada memberi pertolongan dalam pakatan membunuh Birch itu.

Akhir perbicaraan itu, Raja Idris telah menjatuhkan hukuman ke atas ketiga-tiga orang itu. Seputum, Cik Gondah dan Ngah Ahmad, didapati bersalah, dan dijatuhkan hukum bunuh dengan digantung. Setelah segala butir-butir perbicaraan itu disampaikan kepada Gabenor Jervois, Gabenor telah menasihatkan Sultan Abdullah supaya meminda hukuman itu, iaitu Cik Gondah dan Ngah Ahmad dihukum penjara seumur hidup. Sementara Seputum tetap juga dihukum bunuh. Pada 20 hari bulan Mei 1876, Seputum telah dihukum gantung sampai mati di Bandar Baharu.

Dalam bulan Mac 1876 Datuk Sagor pula telah ditangkap oleh Inggeris. Tiada lama selepas itu, Datuk Maharaja Lela telah

menghantar utusan kepada pihak Inggeris di negeri Perak mengatakan ia dan kawan-kawannya iaitu Pandak Endut, Panjang Bur, Ngah Jabor dan Kulub Ali akan menyerah diri kepada pihak Inggeris, jikalau Inggeris mahu berjanji akan membicarakan mereka dengan adil dan jujur. Pihak Inggeris telah menyetujui permintaan Datuk Maharaja Lela itu. Oleh sebab ada perjanjian itu, Datuk Maharaja Lela, Pandak Endut, Ngah Jabor, Panjang Bur dan Ngah Kulub Ali pun menyerah diri kepada pihak Inggeris. Pada pertengahan bulan Julai 1876 ketiga-tiga pahlawan Melayu itu pun dibawa ke Singapura.

Pada awal bulan Disember 1876, berdasarkan kepada laporan yang telah dibuat oleh sebuah badan Suruhanjaya Penyiasat dari pihak Inggeris yang telah pergi ke negeri Perak menjalankan penyiasatan berhubung dengan pembunuhan Birch dan Perang Perak, pihak kerajaan Inggeris Negeri-negeri Selat telah menjatuhkan hukuman iaitu Sultan Abdullah, Datuk Laksamana Muhammad Amin, Datuk Syahbandar, Menteri Ngah Ibrahim yang telah dipanggil datang ke Singapura dan telah dihukum buang negeri ke Pulau Seychelles. Raja Ismail diasingkan ke negeri Johor.

Sementara itu, Datuk Maharaja Lela, Pandak Endut, Datuk Sagor, Ngah Jabor, Panjang Bur dan Kulub Ali dihantar balik ke negeri Perak lalu dibicarakan di Matang. Hakim perbicaraan itu ialah Raja Yusof Pemangku Raja (Regent) di negeri Perak dan Raja Alang Husain, dan penolong hakim ialah J.G.Davidson (Residen Perak menggantikan Birch) dan William E. Maxwell. Perbicaraan itu mengambil keputusan, Datuk Maharaja Lela, Pandak Endut dan Sagor dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Ngah Jabor, Panjang Bur dan Kulub Ali dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Pada 20 hari bulan Januari 1877, Datuk Maharaja Lela, Pandak Endut dan Datuk Sagor, telah dihukum gantung sampai mati di Matang. (Ada riwayat mengatakan mereka itu telah dihukum gantung sampai mati dekat penjara besar di Taiping).

Demikianlah pengorbanan jiwa yang telah diberikan oleh pejuang kebangsaan Melayu di negeri Perak kerana menentang penjajahan Inggeris di negeri itu pada akhir kurun masihi yang ke-19 dahulu, dan pengorbanan itu tentulah tidak dapat dilupakan oleh bangsa Melayu di sepanjang zaman.

1870
1871
1872
1873
1874
1875
1876
1877
1878
1879
1880
1881
1882
1883
1884
1885
1886
1887
1888
1889
1890
1891
1892
1893
1894
1895
1896
1897
1898
1899
1900

CAMPUR TANGAN INGGERIS DI SELANGOR (1870 - 1875)

Sebelum dihuraikan kisah orang Melayu menentang campur tangan orang Inggeris dalam pemerintahan di negeri Selangor yang menjadi tajuk rencana ini, baiklah diceritakan dahulu kisah yang telah berlaku di negeri Selangor beberapa tahun sebelum itu sebagai latar belakang kepada kisah yang akan diceritakan ini.

Pada tahun 1859, Raja Abdul Samad bin Raja Abdullah ibni almarhum Sultan Ibrahim Shah, telah dilantik menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Abdul Samad, menggantikan ayah saudara baginda almarhum Sultan Muhammad Shah yang telah mangkat pada tahun 1857. Sultan Abdul Samad bersemayam di Bandar Langat yang disebut juga *Bandar Termasa*.

Sejak Sultan Abdul Samad menjadi Sultan Selangor, hingga tahun 1870 iaitu selama sebelas tahun, berbagai kekacauan telah berlaku di negeri Selangor.

Pada tahun 1866, iaitu setelah tujuh tahun lamanya Sultan Abdul Samad menjadi Sultan Selangor, berlaku Perang Kelang I; di mana seorang cucu almarhum Sultan Muhammad Shah yang bernama Raja Mahadi putera almarhum Raja Sulaiman ibni almarhum Sultan Muhammad Shah, dengan pengikutnya dari Kuala Lumpur dan daerah sekitarnya, iaitu orang Melayu yang berasal dari Sumatera — orang Bangkahulu, Batu Bara, Mendahiling dan orang Rawa — telah datang menyerang lalu menawan Kelang yang diperintah oleh Raja Abdullah bin Raja Jaafar adik Raja Jumaat Lukut.

Semasa Raja Mahadi menyerang Kelang, Raja Abdullah telah meninggalkan Kelang pergi ke Melaka, dan puteranya yang bernama Raja Ismail tinggal di Kelang menentang serangan angkatan Raja Mahadi itu. Raja Ismail telah dikalahkan oleh Raja Mahadi. Dengan kekalahan itu, Raja Ismail telah pergi ke Melaka. Sejak itu (1866) Raja Mahadi pulalah memerintah di Kelang, dan beliau membuat perkampungan di tempat yang bernama Pangkalan Batu.

Setelah Raja Mahadi menguasai Kelang, beliaulah yang memungut dan mengambil cukai bijih timah yang dibawa keluar melalui Sungai Kelang terutama bijih timah yang dibawa dari daerah Kuala Lumpur oleh pelombong Cina di sana.

Pada masa itu Raja Mahadi telah dimusuhi oleh Sultan Abdul Samad kerana Raja Mahadi tidak memberi wang kepada baginda hasil dari pendapatan cukai di Kelang itu. Sebelum itu Raja Abdullah setiap bulan memberikan wang sebanyak \$500.00 kepada Sultan Abdul Samad. Oleh sebab itu Sultan Abdul Samad pun mencari jalan hendak menghalau Raja Mahadi keluar dari Kelang.

Pada tahun 1867 Sultan Abdul Samad telah mengahwinkan puteri baginda yang bernama Tengku Arfah dengan seorang raja dari Kedah bernama Tengku Dhiauddin ibni almarhum Sultan Zainul Rashid, iaitu adik kepada Sultan Kedah masa itu, Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Perkahwinan itu telah dilangsungkan di Bandar Termasa (Langat). Tengku Dhiauddin itu lebih terkenal dengan nama Tengku Kudin.

Pada tahun 1868 Sultan Abdul Samad telah melantik menantu baginda Tengku Kudin menjadi wakil baginda dengan gelaran Wakil Yamtuan bagi menjalankan pentadbiran pemerintahan di seluruh negeri Selangor. Surat kuasa perlantikan Tengku Kudin menjadi Wakil Yamtuan itu telah diberikan oleh Sultan Abdul Samad kepada Tengku Kudin dalam suatu istiadat yang telah dijalankan pada 26 hari bulan Jun 1868.

Setelah Sultan Abdul Samad melantik Tengku Kudin menjadi Wakil Yamtuan di Selangor itu, baginda pun memberikan Langat kepada Tengku Kudin. Tetapi tindakan baginda itu tidak disetujui oleh putera baginda yang bernama Raja Musa, Raja Kahar dan Raja Yaakub yang disebut juga namanya Tengku Alang. Raja Mahadi juga tidak bersetuju dengan perbuatan baginda memberikan Langat kepada Tengku Kudin itu.

Dalam bulan Ogos 1868 itu juga, seorang Cina tauke lombong di Kuala Lumpur bernama Yap Ah Loy telah dilantik oleh orang Cina di situ menjadi Kapitan Cina di Kuala Lumpur (Kapitan Cina yang ketiga di Kuala Lumpur).

Oleh sebab pertentangan dari anak-anak raja dan orang-orang besar di Selangor terhadap Tengku Kudin yang telah menjadi Wakil Yamtuan itu telah semakin hebat, Tengku Kudin pun balik ke negeri

Kedah hendak mengumpulkan orangnya dan hendak dibawa ke Selangor.

Setelah setahun lamanya Tengku Kudin menjadi Wakil Yam-tuan di negeri Selangor itu (masa itu Tengku Kudin di Kedah), pada bulan Ogos 1869 berlaku pula Perang Kelang sekali lagi (Perang Kelang II). Raja Ismail putera Raja Abdullah dari Melaka dengan angkatan perangnya yang mengandungi beberapa buah perahu membawa orang-orangnya seramai lebih kurang seratus orang, telah datang hendak menyerang pihak Raja Mahadi di Kelang.

Mula-mula Raja Ismail dengan angkatannya itu telah menyerang dan menawan kubu pihak Raja Mahadi yang ada di Kuala Kelang. Lepas itu Raja Ismail membawa angkatannya mudik Sungai Kelang lalu mengepung dan memerangi pihak Raja Mahadi di Kelang. Raja Ismail telah meminta bantuan dari Tengku Kudin yang pada masa itu berada di Kedah.

Setelah dua bulan lamanya Raja Ismail mengepung Kelang, dalam bulan Oktober 1869 itu juga, Tengku Kudin dengan angkatannya mengandungi beberapa buah perahu membawa orang Kedah seramai lima ratus orang telah sampai di Kuala Kelang, kemudian mudik Sungai Kelang, lalu bersatu dengan angkatan Raja Ismail mengepung pihak Raja Mahadi di Kelang. Sultan Abdul Samad telah menghantar dua ratus orang askar dari Langat datang membantu Tengku Kudin dan Raja Ismail melawan Raja Mahadi itu. Semasa mengepung dan memerangi pihak Raja Mahadi di Kelang itu, pasukan meriam pihak Tengku Kudin diketuai oleh seorang bangsa Perancis bernama de Fontaine, tiadalah berhenti-henti menembak kota Raja Mahadi di Pangkalan Batu (Kelang) itu.

Pada masa Perang Kelang II itu sedang berjalan, dalam bulan Februari 1870, berlaku pula Perang Kanching dekat Bukit Kanching tiada berapa jauh di utara Kuala Lumpur. Pasukan Yap Ah Loy yang bersatu dengan Raja Asal dan Sutan Puasa yang datang dari Kuala Lumpur menyerang orang-orang Cina di Kanching itu adalah berpunca dari pertelingkahan jual beli bijih timah. Seramai tiga puluh enam orang Cina di Kanching telah dibunuh oleh pasukan Yap Ah Loy.

Dalam bulan Mac 1870, iaitu setelah enam bulan lamanya askar Tengku Kudin dan Raja Ismail mengepung dan memerangi Kelang, pihak Raja Mahadi pun keputusan makanan kerana barang makan-

an tiada dapat dibawa masuk ke Kelang. Oleh itu Raja Mahadi pun keluar meninggalkan Kelang, dan Kelang pun dapat semula ke tangan Tengku Kudin.

Pada masa itu juga ada seorang hulubalang Melayu peranakan Arab yang berasal dari Pontianak tinggal di Langat yang bernama Sayid Mashhur. Tengku Kudin telah menghantarkan Sayid Mashhur pergi menjaga kota yang ada di Kuala Selangor walaupun masa itu Raja Musa putera Sultan Abdul Samad ada di Kuala Selangor.

Sayid Mashhur telah pergi ke Kuala Selangor. Tetapi tiada lama ia berada di Kuala Selangor itu, adiknya yang bernama Sayid Abdullah telah dibunuh di Langat. Sayid Mashhur percaya bahawa pembunuhan itu dilakukan oleh pihak Raja Yaakub putera Sultan Selangor. Sayid Mashhur mengutuk Raja Yaakub dan juga Sultan Abdul Samad serta Tengku Kudin yang bertanggungjawab dalam pemerintahan di negeri Selangor itu. Semenjak itu mulalah Sayid Mashhur memusuhi Tengku Kudin Wakil Yamtuan itu.

Pihak Inggeris menganggap bahawa huru-hara yang sedang berlaku di negeri Selangor itu merupakan satu peluang baik untuk memasukkan pengaruh Inggeris di negeri Selangor. Tambahan pula Tengku Kudin memang telah bersahabat dengan orang Inggeris semasa di negeri Kedah dahulu. Beliau sendiri pun dalam cara makan minum dan penghidupan sehari-hari telah mengikui cara hidup orang Eropah. Dalam istananya di Kelang itu dilengkapi dengan minuman keras mengikut cara orang putih dan ada pula menyimpan anjing besar yang tidak berpantang keluar masuk istananya itu. Mulai tahun 1870 ini, Inggeris pun mula bertindak.

Pada bulan Mei 1870, Gabenor Sir Harry Ord dari Singapura telah datang ke Langat dan berjumpa dengan Sultan Abdul Samad di istana baginda. Dalam pertemuan itu Gabenor Ord telah memujuk dan menasihatkan Sultan Abdul Samad supaya baginda terus memberi bantuan kepada Tengku Kudin, dan Gabenor Ord berpendapat bahawa Tengku Kudin itulah orang yang dapat memajukan negeri Selangor kerana ia berbaik dengan orang Inggeris.

Dua bulan selepas itu, dalam bulan Julai 1870, Sultan Abdul Samad telah meminta bantuan dari Gabenor Inggeris di Singapura untuk menghantar kapal perang mengawal kuala Sungai Selangor, Sungai Jeram dan Sungai Bernam, supaya pihak yang bermusuhan

dengan baginda dan Tengku Kudin tidak dapat membawa barang makanan dan senjata masuk melalui kuala sungai itu. Pada masa itu semakin terbukalah peluang kepada orang Inggeris hendak campur tangan dalam urusan pemerintahan di negeri Selangor.

Dalam pada itu, pada bulan Julai 1870 itu juga, Raja Mahadi yang dibantu oleh Raja Hitam di Bernam dan Raja Ali di Jeram dengan dua ratus orang pengikut mereka telah berjaya menawan semula Kuala Selangor dan kota yang ada di situ. Walaupun pada masa itu Raja Musa ada di Kuala Selangor, tetapi tiadalah di-pengapakan oleh Raja Mahadi. Raja Musa pun balik ke Langat.

Pada masa itu, iaitu dari bulan September hingga bulan Oktober 1870, permusuhan di antara Sayid Mashhur dengan Yap Ah Loy di pedalaman Selangor masih berjalan terus. Beberapa pertempuran dahsyat di antara pasukan Sayid Mashhur dengan Yap Ah Loy telah berlaku di Ampang dan di Hulu Kelang dan telah mengorbankan banyak jiwa dan akhirnya pihak Yap Ah Loy telah berjaya mengalahkan pihak Sayid Mashhur.

Lebih kurang enam bulan kemudian, dari bulan Mei hingga bulan Jun 1871 berlaku pula beberapa pertempuran hebat di antara pasukan Yap Ah Loy dengan Sayid Mashhur di Rawang dan kawasan sekitarnya. Dalam pertempuran ini, pihak Sayid Mashhur sekali lagi kalah. Dalam bulan Jun itu juga (1871), Sayid Mashhur telah berada pula di Kuala Selangor dan bersatu dengan pengikut Raja Mahadi yang menguasai Kuala Selangor.

Pada pertengahan bulan Jun 1871 itu berlaku pula suatu kejadian dan ekoran daripada kejadian itulah yang telah menyebabkan orang Melayu menentang orang Inggeris.

Sebuah tongkang yang diberi nama *Kim Seng Ceong* dipunyai oleh seorang tauke Cina di Pulau Pinang, membawa anak tongkang seramai 9 orang serta 25 orang penumpang (laki-laki, perempuan dan kanak-kanak) terutama orang Cina, serta barang-barang seperti kain, makanan dan binatang ternak, sedang dalam pelayaran dari Pulau Pinang ke Larut, telah dirompak di Selat Melaka berhampiran dengan Larut. Sekumpulan perompak Cina seramai 15 orang telah membunuh semua penumpang dalam tongkang itu.

Apabila berita tersebut sampai kepada tuan punya tongkang itu, ia pun mengadakan perkara itu kepada Arthur Birch Leftenan Gabenor di Pulau Pinang, dan Birch pula menyampaikan laporan

mengenai peristiwa itu kepada Kolonel A.E.H. Anson di Singapura (Pada masa itu Gabenor Ord sedang bercuti). Perompak Cina itu telah disyaki datang dari Kuala Selangor.

Kerajaan Inggeris di Singapura telah menghantar kapal *Pluto* diketuai oleh Kapten Bredbarry pergi ke Kuala Selangor menyiasat perkara rompakan dan pembunuhan yang telah berlaku itu. Sebelum sampai ke Kuala Selangor, Kapten Bredbarry singgah dulu di Melaka mengambil satu pasukan mata-mata diketuai oleh Inspektor George Cox, lalu bersama-sama menuju ke Kuala Selangor.

Kapal *Pluto* itu telah sampai di Kuala Selangor pada 28 hari bulan Jun 1871, dan mereka telah menemui tongkang yang kena rompak itu di Kuala Selangor. Enam orang perompak Cina yang ada dalam tongkang itu telah ditangkap.

Cox dan Bredbarry serta beberapa orang pengiring mereka telah pergi ke bandar Kuala Selangor dan telah berjumpa dengan Raja Musa yang pada masa itu telah datang semula ke Kuala Selangor. Mereka telah diterima dengan baik oleh Raja Musa. Dengan pertolongan Raja Musa dan orang-orangnya, orang Inggeris telah dapat merampas semula sebahagian daripada barang yang dirompak itu yang ada dijual di kedai-kedai di Kuala Selangor. Inspektor Cox telah dapat menangkap tiga orang lagi perompak Cina itu.

Pegawai Inggeris yang datang ke Kuala Selangor itu telah dikerumuni oleh orang-orang Melayu yang lengkap bersenjatakan keris dan lembing. Macam-macam kelakuan yang telah dilakukan terhadap pegawai Inggeris itu. Seorang Melayu yang ada di situ, dengan rupa yang bengis telah mengacu-ngacukan penumbuknya ke muka Inspektor Cox. Inspektor Cox telah berjumpa dengan Sayid Mashhur yang telah datang ke tempat itu diiringi oleh sekumpulan pengikutnya. Sayid Mashhur telah menghina pegawai Inggeris itu dengan gaya dan cakap yang kasar. Raja Mahmud juga telah datang ke tempat itu.

Dalam pada itu Inspektor Cox telah dapat menangkap seorang lagi perompak Cina itu dan dipercayai dialah ketua kumpulan perompak itu. Tetapi dengan helah Raja Mahmud, orang Cina itu telah dapat melepaskan diri lari meninggalkan tempat itu. Tatkala Inspektor Cox dan mata-matanya cuba hendak mengejar dan menangkapnya, orang-orang Melayu yang diketuai oleh Raja Mahmud telah menghalang mereka sambil menghunus keris dan men-

jerit-jerit hendak membunuh semua orang Inggeris yang datang itu. Oleh itu semua orang Inggeris itu pun lari ke kapal Pluto yang sedang berlabuh di Sungai Selangor.

Esoknya, pada 29 hari bulan Jun 1871, Raja Musa telah pergi ke kapal Pluto dan telah berjumpa dengan Inspektor Cox dan Kapten Bredbarry. Dalam perbualan itulah Raja Musa telah mengatakan bahawa Raja Mahadi, Sayid Mashhur, Raja Mahmud dan Raja Berkat (ayah Raja Mahmud) yang berada di Kuala Selangor itu memang selalu membuat kerja-kerja yang tidak disukai oleh Raja Musa. Pada tengah hari itu juga kapal Pluto meninggalkan Kuala Selangor sambil menunda membawa tongkang yang kena rompak itu. Tatkala kapal Pluto lalu bersetentang dengan kota Raja Mahadi yang ada di Kuala Selangor itu, kapal itu telah ditembak oleh orang Melayu dari kota itu, tetapi tembakan itu tidaklah dapat menyekat Pluto meneruskan pelayarannya ke Pulau Pinang. Pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang telah mengutus surat ke Singapura melaporkan peristiwa yang telah berlaku di Kuala Selangor itu.

Pada awal bulan Julai 1871, Kolonel Anson telah menghantar kapal perang H.M.S. Rinaldo yang diketuai oleh Kapten Robinson dari Singapura pergi ke Kuala Selangor dengan tujuan hendak menangkap perompak-perompak yang masih bebas serta mengambil harta benda yang telah dirompak itu. Anson telah memberi perintah supaya kapal Pluto yang membawa askar dan pegawai Inggeris segera datang ke Kuala Selangor bersatu dengan kapal perang Rinaldo.

Pada 3 hari bulan Julai 1871 kapal perang Rinaldo dari Singapura, dan kapal Pluto dari Pulau Pinang telah sampai di perairan kuala Sungai Selangor. Pada hari itu juga, kapal Pluto yang membawa askar Inggeris dari Pulau Pinang yang diketuai oleh Leftenan Stopford dan Leftenan Maude telah memudiki Sungai Selangor lalu sampai dan berlabuh pada suatu selekoh sungai tiada berapa jauh dari bandar Kuala Selangor.

Apabila pegawai Inggeris itu datang ke Kuala Selangor hendak menemui Raja Musa untuk meminta kerjasamanya menangkap perompak Cina itu, mereka dapati Raja Musa tidak ada di Kuala Selangor. Tatkala pegawai Inggeris itu berjumpa dengan Sayid Mashhur yang menjaga kota di Kuala Selangor itu, dan meminta Sayid Mashhur menolong pihak Inggeris menangkap perompak

Cina itu ia telah menjawab dengan keras mengatakan perkara itu bukan urusannya, dan dia tidak ada kuasa mengenai perkara itu.

Raja Mahadi telah menghalau Raja Musa keluar dari Kuala Selangor berikutan dengan tindakan Raja Musa pergi menemui pihak Inggeris di kapal Pluto.

Pada hari itu juga, dua pasukan pihak Inggeris dari kapal Pluto telah naik ke darat, iaitu satu pasukan diketuai oleh Leftenan Stopford, dan sepasukan lagi diketuai oleh Lt. Maude. Lt. Stopford telah ditugaskan mencari Raja Mahmud. Setelah berjumpa Raja Mahmud, Stopford telah mengajak Raja Mahmud pergi ke tepi pantai tempat Lt. Maude dan askarnya berkumpul. Raja Mahmud pergi ke tempat itu. Kemudian pegawai Inggeris itu telah mengajak Raja Mahmud naik ke perahu mereka yang ada di tepi pantai untuk dibawa ke kapal Pluto pula. Raja Mahmud enggan pergi ke kapal Pluto. Lt. Maude telah berkeras dan memaksa Raja Mahmud mesti naik juga ke perahu mereka itu. Semasa mereka memaksa Raja Mahmud itu, tiba-tiba orang Inggeris yang berkumpul di pantai telah ditembak oleh orang-orang yang tidak kelihatan dari pondok dan belukar di keliling tempat itu. Seorang daripada askar Inggeris telah terbunuh. Lt. Maude serta lima orang askarnya telah luka. Dengan tergesa-gesa, masa itu juga Lt. Stopford, Lt. Maude serta orang-orangnya telah melarikan diri naik ke perahu mereka balik ke kapal Pluto yang berlabuh di tengah sungai itu, dan belayar semula ke kuala Sungai Selangor. Kapten Robinson telah memerintahkan kapal Pluto balik ke Pulau Pinang membawa askar-askar yang luka untuk dirawat.

Esoknya, pada 4 hari bulan Julai 1871, kapal perang Rinaldo yang diketuai oleh Kapten Robinson telah memudiki Sungai Selangor. Satu pertempuran tembak-menembak dengan meriam telah berlaku di antara pihak orang Melayu dari kota di Kuala Selangor itu dengan pihak Inggeris di kapal Rinaldo. Tiga orang askar Inggeris telah luka tetapi Rinaldo terus mudik menuju ke bandar Kuala Selangor. Apabila sampai di hadapan bandar Kuala Selangor orang Inggeris dari kapal Rinaldo itu pun terus membedil bandar Kuala Selangor dengan meriam. Ada kira-kira satu setengah jam lamanya kapal perang Rinaldo membedil Kuala Selangor itu. Rinaldo pun hilir balik ke kuala Sungai Selangor.

Esoknya, pada 5 hari bulan Julai 1871, kapal Pluto dari Pulau

Pinang diketuai oleh Lt. Kolonel V. Shortland telah sampai di Kuala Sungai Selangor. Esoknya pula, pada 6 hari bulan Julai 1871, kapal perang Rinaldo dan kapal Pluto memudiki Sungai Selangor dan telah membedil kota orang Melayu yang ada di Kuala Selangor itu, tetapi tidak ada tembakan balas dari kota itu. Pegawai dan askar Inggeris telah naik ke darat lalu masuk ke kota itu. Meriam yang ada dalam kota itu telah disumbat dengan kayu dan kubu yang ada di situ semuanya dibinasakan, dan lima buah perahu bermuat senjata yang tertambat di tepi sungai di situ telah dibakar oleh orang Inggeris.

Dari situ angkatan Inggeris pergi pula ke Kuala Selangor dan mereka dapati bandar itu tiada lagi didiami orang. Bandar itu telah dibedil oleh orang Inggeris dengan meriam dari kapal perang Rinaldo. Kemudian askar-askar Inggeris telah naik ke darat dan membakar semua rumah yang ada di situ.

Pada hari itu juga (6 hari bulan Julai) kapal perang Rinaldo balik ke Singapura, dan kapal Pluto pergi ke Pulau Pinang. Sebuah meriam tembaga yang besar dalam kota di Kuala Selangor itu telah diambil oleh orang Inggeris dan dibawa ke Pulau Pinang. Meriam itu adalah hadiah daripada Sultan Aceh kepada Sultan Ibrahim Shah Selangor pada akhir kurun masihi yang ke-18 dahulu. Itulah meriamnya yang masih ada di Pulau Pinang hingga sekarang dan diberi nama "Seri Rambai".

Dua belas hari selepas itu, pada 18 hari bulan Julai 1871, Birch dan C.J. Irving, pegawai kerajaan Inggeris dari Singapura dengan menaiki kapal Pluto yang diiringi oleh kapal perang H.M.S. Teazer, telah sampai di Kuala Selangor. Mereka dapati kota di Kuala Selangor itu telah diduduki oleh orang-orang Tengku Kudin tetapi bandar Kuala Selangor masih sunyi senyap. Tengku Kudin dengan penolongnya seorang peranakan Arab berasal dari Pulau Pinang bernama Sayid Zain yang menaiki kapal Tengku Kudin bernama *Pelangi* telah datang menemui Birch dan Irving, dan merundingkan bagaimana caranya hendak menguatkan kuasa Tengku Kudin di negeri Selangor.

Pada 20 hari bulan Julai 1871 Tengku Kudin telah membawa Birch dan Irving melawat Kelang dan berjumpa dengan Raja Ismail yang menjaga kota Tengku Kudin di situ. Esoknya (21 hari bulan Julai), Birch dan Irving serta pengiring mereka, dan Tengku Kudin juga telah sampai di Jugra, berjumpa Sultan Abdul Samad di balai

penghadapan istana baginda di Jugra. Raja Yaakub putera Sultan Abdul Samad ada hadir sama. Kapal perang H.M.S. Teazer berlabuh menunggu di kuala Sungai Jugra dan meriam di kapal itu telah siap diisi peluru dan dihalakan ke istana Sultan Abdul Samad.

Birch dan Irving telah berunding dengan Sultan Abdul Samad. Dalam rundingan itulah Birch telah memaksa Sultan Abdul Samad memberi surat kuasa yang baharu bagi menguatkan lagi surat kuasa perlantikan Tengku Kudin sebagai Wakil Yamtuan di negeri Selangor yang telah baginda beri pada tahun 1868 dahulu.

Setelah berunding dengan panjang lebar dalam suasana yang agak tegang, akhirnya pada 22 hari bulan Julai 1868, Sultan Abdul Samad pun memberikan surat kuasa yang baharu bagi mengesahkan semula perlantikan Tengku Kudin sebagai Wakil Yamtuan bagi seluruh negeri Selangor. Pada masa itulah juga Birch bagi pihak kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat memberikan pengakuannya bahawa kerajaan Inggeris akan memberi sepenuh pertolongan kepada Tengku Kudin dalam tugasnya hendak "mengamankan" negeri Selangor. Tetapi perkataan hendak "mengamankan" seperti yang dikatakan oleh Birch itu, mengikut tafsiran orang Melayu sekarang ialah hendak "memasukkan pengaruh" Inggeris ke negeri Selangor!

Esoknya (23 hari bulan Julai) pegawai Inggeris itu pun balik ke Singapura dengan kapal Pluto tetapi kapal perang Teazer ditinggalkan berjaga-jaga di pantai negeri Selangor. Tindakan itu nyatalah kerana Inggeris merasa sokongannya menegakkan kuasa Tengku Kudin dengan tujuan hendak memasukkan kuasa Inggeris di negeri Selangor itu, telah diketahui dan tidak disukai oleh orang Melayu Selangor, atau boleh jadi dengan meninggalkan kapal perang di pantai negeri Selangor itu dapatlah pihak Inggeris menunjukkan "taringnya" kepada orang Melayu.

Sebulan kemudian, dalam bulan Ogos 1871 Tengku Kudin telah menunjukkan lagi yang beliau memang hendak mencari kekuatan dari orang Barat kerana menegakkan kuasanya di negeri Selangor. Pada bulan itulah Tengku Kudin mula menempatkan tentera upahan askar Sepahi di Kuala Lumpur seramai lebih kurang 80 orang yang dibawa dari Singapura. Askar Sepahi itu diketuai oleh dua orang bangsa Eropah bernama van Hagen (Belanda) dan Cavaliero (Itali) dengan dibantu oleh lebih kurang seramai 15 orang

lagi pegawai rendah daripada bangsa Eropah dan Serani. Manakala di kota Kuala Selangor pula Tengku Kudin telah menempatkan pasukan askar yang kebanyakannya bangsa Sikh dan juga orang Melayu seramai lebih kurang 140 orang, diketuai oleh seorang bangsa Eropah bernama Pennefather.

Dalam bulan November 1871 itu juga, dengan hasutan Pennefather, Tengku Kudin telah menemui Sultan Abdul Samad mendesak baginda memecat Raja Musa yang memerintah Kuala Selangor dan mencadangkan supaya digantikan dengan adik Raja Musa yang bernama Raja Yaakub (Tengku Alang) menjadi pemerintah di Kuala Selangor. Tetapi Raja Yaakub juga tidak suka kepada Tengku Kudin.

Dalam pada itu permusuhan dan pertempuran di antara pasukan Sayid Mashhur dari Hulu Selangor dengan pasukan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur masih berjalan terus. Raja Asal yang dahulunya menyebelahi Tengku Kudin, telah berpaling tadah masuk menyebelahi Sayid Mashhur pula dan memusuhi Tengku Kudin serta sekutunya Yap Ah Loy yang dibantu oleh orang Inggeris itu.

Pada 20 hari bulan April 1872, C.J. Irving dari Singapura telah datang lagi ke negeri Selangor berjumpa dengan Tengku Kudin di Kelang (Pangkalan Batu). Tengku Kudin telah menceritakan kepada Irving bahawa Raja Kahar dan Raja Musa putera Sultan Abdul Samad itu telah menyebelahi Sayid Mashhur dan memusuhi beliau, dan Raja Yaakub di Kuala Selangor itu juga tidak suka kepada beliau.

Irving telah pergi ke Langat berjumpa Sultan Abdul Samad dan memaksa baginda membuat surat yang memerintahkan Raja Musa dan Raja Yaakub di Kuala Selangor balik ke Langat dan menyerahkan Kuala Selangor kepada de Fontaine. Surat itu dibawa oleh Irving pergi ke Kuala Selangor. Pada 22 hari bulan April 1872 Irving telah sampai di Kuala Selangor lalu menyampaikan surat Sultan Abdul Samad itu kepada Raja Yaakub dan Raja Musa. Oleh kerana patuhnya kepada surat perintah daripada Sultan Abdul Samad itu, Raja Yaakub pun menyerahkan Kuala Selangor dan kota di Kuala Selangor itu kepada de Fontaine. Raja Musa dan Raja Yaakub balik ke Langat, Irving terus ke Pulau Pinang dan de Fontaine dengan beberapa orang askarnya menduduki kota di Kuala Selangor itu.

Dalam bulan April 1872 itu juga, bersabit dari permintaan Tengku Kudin, maka seorang pembesar Pahang bernama Haji Muhammad Nur yang membawa surat Bendahara Wan Ahmad Pahang, telah datang ke Kelang hendak berjumpa Tengku Kudin, tetapi pada masa itu Tengku Kudin pergi di Singapura, lalu Haji Muhammad Nur pergi ke Singapura berjumpa Gabenor Sir Harry Ord merundingkan fasal Pahang hendak membantu Tengku Kudin menentang musuhnya di negeri Selangor seperti yang telah diminta oleh Tengku Kudin. Gabenor Ord bersetuju Bendahara Wan Ahmad Pahang membantu Tengku Kudin di Selangor.

Dalam bulan Mei 1872, Raja Asal dan Raja Laut yang telah berjumpa di Kelang, telah pergi ke Kajang mengumpulkan penyokong mereka di situ seramai lebih kurang dua ribu orang, lalu pergi mengepung Kuala Lumpur tempat kediaman Yap Ah Loy dan pengikutnya serta askar Tengku Kudin yang diketuai oleh van Hagen dan Cavaliero. Orang-orang Raja Asal dan Raja Laut itu berkumpul di Petaling.

Askar Yap Ah Loy dan askar Tengku Kudin yang diketuai oleh orang putih itu telah datang menyerang orang-orang Raja Asal dan telah berlaku pertempuran dekat Pudu. Dalam pertempuran itu pasukan Yap Ah Loy dan Tengku Kudin telah kalah dan ramai daripada askarnya telah terbunuh. Pasukan Yap Ah Loy dan askar Tengku Kudin itu pun balik ke Kuala Lumpur. Raja Asal meneruskan pengepungannya di luar bandar Kuala Lumpur.

Tiada lama selepas itu, Sayid Mashhur dengan orang-orangnya dari Hulu Selangor datang menyebelahi Raja Asal yang mengepung Kuala Lumpur itu. Sultan Puasa juga masuk menyebelahi Sayid Mashhur dan Raja Asal.

Dalam bulan Julai 1872, Raja Mahadi yang telah lari ke Bengkalis dan Siak semenjak kalah di Kuala Selangor dahulu, telah datang ke pinggiran Kuala Lumpur bersama dengan Raja Mahmud dan Raja Laut lalu bersatu dengan Sayid Mashhur, Raja Asal dan Sultan Puasa yang sedang mengepung bandar Kuala Lumpur.

Apabila Yap Ah Loy mengetahui bahawa Kuala Lumpur yang dikepung oleh orang Melayu itu telah bertambah besar dan kuat, ia pun menghantar isteri dan anak-anaknya serta orang perempuan Cina di Kuala Lumpur pergi ke Kelang.

Dalam bulan Julai 1872 itu juga, satu pasukan dari pihak Raja

Mahadi yang diketuai oleh Raja Mahmud, Raja Laut, Raja Endut dan seorang Cina bernama Teo Ah Chong telah datang menyerang dan membakar rumah-rumah di Kampung Batu dan Gombak.

Pada masa ini kedudukan Tengku Kudin di Selangor telah semakin buruk, kerana beliau berbaik-baik dengan orang Inggeris dan telah cuba membawa masuk pengaruh Inggeris ke negeri Selangor. Raja Mahadi, Sayid Mashhur serta sekutu-sekutunya, Raja Musa, Raja Kahar dan Raja Yaakub putera-putera Sultan Abdul Samad telah menentang Tengku Kudin. Sultan Abdul Samad juga telah khuatir Tengku hendak merampas kerajaan Selangor. Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar) pula tidak suka kepada Tengku Kudin dan beliau mahukan Raja Musa menggantikan ayahnya menjadi Raja di Selangor.

Empat bulan lamanya orang-orang Raja Mahadi, Sayid Mashhur dan Raja Asal mengepung bandar Kuala Lumpur, dan telah menyebabkan pasukan Yap Ah Loy dan askar Tengku Kudin yang diketuai oleh van Hagen dan Cavaliero itu keputusan makanan.

Dalam bulan Ogos 1872 askar-askar Sepahi yang diletakkan oleh Tengku Kudin di Kuala Lumpur itu telah dibawa oleh van Hagen dan Cavaliero meninggalkan Kuala Lumpur pergi ke Kelang. Tetapi apabila sampai dekat Sungai Kuyoh (di barat Kampung Sungai Besi sekarang), askar-askar Sepahi itu telah diserang oleh askar Raja Mahadi yang telah sedia berkumpul dan mengendap di situ. Cavaliero serta 20 orang askar Sepahi bersamanya telah terbunuh, kepala Cavaliero yang telah dikerat dari badannya dibawa ke Kuala Lumpur. Seramai 30 orang askar Sepahi dari pasukan van Hagen telah dapat melarikan diri ke dalam hutan di situ dan akhirnya mereka telah sampai di Kelang. Van Hagen bersama askar yang masih tinggal bersamanya telah ditawan oleh askar Raja Mahadi lalu dibawa ke Kuala Lumpur. Kepala van Hagen telah dikerat daripada badannya. Kepala van Hagen dan kepala Cavaliero yang telah dipenggal itu diarak beramai-ramai ke merata tempat di Kuala Lumpur untuk dipertontonkan kepada ramai, dan akhirnya kedua-dua kepala orang putih itu dipakukan di pintu gerbang kubu Raja Mahadi. Askar-askar Sepahi yang lain dipercayai telah ditangkap dan dibunuh oleh pihak Raja Mahadi. Pasukan Tengku Kudin di Kuala Lumpur itu telah mengalami korban yang besar di mana dua orang pegawainya telah terbunuh (Van Hagen dan Cavaleiro),

termasuk lapan orang pegawai bangsa Eropah dan Serani serta 56 orang askar Sepahi.

Di sini patut disebutkan juga, tidak lama setelah van Hagen dan Cavaliero membawa askar Tengku Kudin itu meninggalkan bandar Kuala Lumpur, Yap Ah Loy pula turut membawa pasukannya keluar meninggalkan Kuala Lumpur, berjalan meredah hutan dengan tujuan hendak pergi ke Kelang. Pasukan Yap Ah Loy itu mengandungi seramai lebih kurang dua ribu orang.

Apabila orang-orang Yap Ah Loy itu sampai dekat tempat yang bernama Damansara (dari situ mereka hendak menghilir Sungai Kelang pergi ke Kelang), mereka telah diserang secara mengejut oleh askar Sayid Mashhur dan Raja Laut yang telah lama mengendap dan mengikuti pasukan Yap Ah Loy itu dari belakang, dan berlakulah pertempuran hebat. Dalam pertempuran itu, seramai 1,700 orang dari pasukan Yap Ah Loy telah dibunuh oleh askar Sayid Mashhur dan Raja Laut, yang lainnya dapat melepaskan diri lari susup-sasap masuk hutan keluar hutan, dan akhirnya mereka sampai di Kelang. Yap Ah Loy sendiri pun dengan beberapa orang kawannya dapat melepaskan diri, naik sampan, menghilir Sungai Kelang lalu sampai di Kelang dengan schelai sepinggang. Ia telah diterima oleh Tengku Kudin dan diberikan makanan dan pakaian.

Dalam bulan Ogos 1872 itu, bandar Kuala Lumpur telah jatuh semula ke tangan Raja Mahadi, Sayid Mashhur, Raja Mahmud dan rakan-rakan mereka.

Dalam bulan Ogos 1872 itu, Sayid Mashhur membawa askarnya datang menyerang dan mengambil kota di Kuala Selangor dari tangan orang Tengku Kudin. Pennefather serta 52 orang askar Sepahi yang menjaga kota itu bagi pihak Tengku Kudin, telah mati dibunuh oleh askar Sayid Mashhur. Sheikh Muhammad Taib Minangkabau yang mengetuai pasukan orang Melayu dari pihak Tengku Kudin yang berada di kota Kuala Selangor itu telah melarikan diri naik sampan pergi ke Kelang mengadukan halnya kepada Tengku Kudin.

Pada pertengahan bulan hadapannya, bulan November 1872, orang-orang Cina dari pasukan Yap Ah Loy seramai lebih kurang seribu orang, dan orang-orang Tengku Kudin seramai lebih kurang seribu orang juga, lengkap dengan alat senjata, telah bergerak dari

Kelang hendak pergi menyerang pihak Raja Mahadi di Kuala Lumpur.

Sebelum sampai ke bandar Kuala Lumpur, askar-askar Yap Ah Loy yang bersatu dengan askar Tengku Kudin itu telah bertempur dengan askar-askar Raja Mahadi di Petaling. Pasukan Raja Mahadi di Petaling itu diketuai oleh Tok Engku Kelang dan Tengku Panglima Raja (Raja Berkat, ayah Raja Mahmud). Dalam pertempuran itu pihak Raja Mahadi telah kalah lalu mereka balik ke Kuala Lumpur. Angkatan Yap Ah Loy dan Tengku Kudin itu terus pergi ke Kuala Lumpur dan mengepung bandar itu sambil melancarkan beberapa serangan kecil sementara menantikan kedatangan bantuan dari Pahang. Hampir lapan bulan lamanya pasukan Yap Ah Loy dan Tengku Kudin mengepung Kuala Lumpur.

Pada bulan Mac 1873, pasukan Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Rasul (kemudiannya bergelar Tok Gajah) telah sampai di pinggir bandar Kuala Lumpur lalu bersatu dengan pasukan Yap Ah Loy dan askar Tengku Kudin yang ada di situ. Pada akhir bulan Mac 1873 mereka telah menyerang dan mengalahkan pihak Raja Mahadi, Sayid Mashhur dan Raja Asal yang menguasai Kuala Lumpur. Dengan itu Tengku Kudin yang dibantu oleh Yap Ah Loy dan orang Pahang itu telah dapat semula menguasai Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Raja Mahadi lari ke Kanching dan Sayid Mashhur lari ke Kuala Selangor.

Lima bulan kemudian, pada awal bulan September 1873, angkatan laut Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Indera Mahkota (Gendut) telah tiba di Kelang, dan dengan dibantu oleh Tengku Kudin, telah datang menyerang Kuala Selangor. Dua bulan lamanya mereka berperang di Kuala Selangor melawan askar Sayid Mashhur yang bertahan di situ. Akhirnya pada 8 hari bulan November 1873 Kuala Selangor dapat ditawan oleh orang Pahang yang membantu Tengku Kudin itu. Sayid Mashhur dan pengikutnya lari ke Hulu Selangor.

Dari Kuala Selangor askar Tengku Kudin yang diketuai oleh Imam Perang Muhammad Akil dan Khatib Bahrain, dengan dibantu oleh orang Pahang itu telah pergi menyerang dan berjaya menawan beberapa buah tempat di utara Kuala Selangor iaitu Tanjung Karang, Hujung Permatang, Pasir Gayam dan Kubu Masjid. Imam

Perang Muhammad Akil telah mati terbunuh dalam pertempuran di Kubu Masjid.

Orang Pahang di darat Selangor yang diketuai oleh Imam Perang Rasul (Tok Gajah) telah dapat mengalahkan pihak Raja Mahadi di Kanching. Dari situ angkatan Pahang itu terus mara dan telah mengalahkan Rawang, Serendah, lalu menyerang pihak Raja Asal yang berkubu di Hulu Yam. Kubu Raja Asal di Hulu Yam itu juga kalah, lalu angkatan Pahang itu pergi menyerang dan menawan Kuala Kubu, dan mereka telah berkumpul di Kuala Kubu. Walaupun ada juga Raja Mahadi datang menyerang Kuala Kubu, tetapi tidak berjaya.

Sayid Mashhur yang lari dari Kuala Selangor itu telah pergi ke Batang Berjantai, dan dari situ pergi ke Hulu Bernam. Orang Pahang dari Kuala Kubu telah pergi menyerang dan mengalahkan Sayid Mashhur di Hulu Bernam. Sayid Mashhur lari ke Slim (di negeri Perak). Datang pula orang Pahang menyerang dan mengalahkan Sayid Mashhur di Slim. Sayid Mashhur lari ke utara lagi dan pergi melindungi diri kepada Raja Muda Abdullah Perak di Kampung Batak Rabit (dekat Teluk Intan sekarang). Semenjak itu selesailah orang-orang Pahang membantu Tengku Kudin memerangi musuhnya di negeri Selangor dengan persetujuan Gabenor Inggeris di Singapura.

Semasa askar Pahang berperang melawan orang-orang Sayid Mashhur, Raja Mahadi dan Raja Asal di darat negeri Selangor itu, di laut Selat Melaka mengganas pula perompak laut, dan bahaya perompak laut itu telah menimpa juga orang Inggeris.

Pada 16 hari bulan November 1873, sebuah sekuci orang Melaka rakyat Inggeris, yang membawa anak sekuci seramai 9 orang, termasuk seorang nakhodanya bernama Haji Abdul Rahman, serta tiga orang penumpang orang Cina, telah bertolak dari Langat (Bandar Termasa) hendak belayar balik ke Melaka. Sementara menantikan angin, sekuci itu telah berlabuh di kuala Sungai Jugra, tiada berapa jauh dari kubu Raja Yaakub (Tengku Alang) putera Sultan Abdul Samad.

Lebih kurang pada pukul 5.00 petang itu (16 hari bulan November) dua buah perahu yang datang dari Langat membawa 20 orang di dalamnya, telah menyerang sekuci orang Melaka itu lalu membunuh orang-orang dalam sekuci itu, iaitu tiga orang penum-

pang Cina serta lima orang anak sekuci. Hanya seorang anak sekuci itu bernama Mat Said telah dapat melarikan diri terjun ke dalam air lalu berenang pergi bersembunyi di bawah pangkalan di tepi sungai itu. Semua barang dagangan dalam sekuci Melaka itu telah dibawa oleh perompak itu balik ke Langat. Mat Said anak sekuci yang dapat melepaskan diri itu telah diserahkan kepada Sultan Abdul Samad dan Raja Yaakub (Tengku Alang). Mujurlah ia tiada pula dipengapakan oleh Sultan Selangor dan Raja Yaakub.

Apabila tuan punya sekuci yang kena rompak itu, Muhammad bin Hasan di Melaka, dapat tahu mengenai sekucinya telah kena rompak di kuala Sungai Jugra itu, ia pun mengadu kepada kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat. Muhammad Hasan telah menerima sepucuk surat daripada kerajaan Inggeris menyuruhnya menyampaikan perkara itu kepada Sultan Abdul Samad. Dalam surat itu kerajaan Inggeris telah meminta Sultan Abdul Samad melepaskan Mat Said dan menangkap perompak yang telah merompak sekuci Muhammad bin Hasan rakyat Inggeris itu.

Apabila Mat Said sampai balik ke Melaka, ia pun memberikan keterangan mengenai rompakan dan pembunuhan yang telah berlaku di kuala Sungai Jugra itu, dan telah membabitkan Tengku Alang (Raja Yaakub) ada campur tangan dalam kejadian itu. Lapan orang yang dituduh telah melakukan rompakan dan pembunuhan di kuala Sungai Jugra itu telah dapat ditangkap oleh Sultan Abdul Samad.

Kerajaan Inggeris telah masuk campur. Penyiasatan yang telah dijalankan oleh kerajaan Inggeris mengenai hal ini telah berlanjutan hingga memasuki tahun 1874. Di sini terbukalah suatu peluang baik lagi kepada Inggeris untuk memasukkan kuku penjajahannya ke negeri Selangor.

Gabenor Sir Andrew Clarke yang memang telah berusaha hendak memasukkan kuasa Inggeris ke negeri-negeri Melayu, telah memerintahkan Naib Laksamana Sir Charles Shadwell membawa kapal perang pergi ke negeri Selangor untuk menunjukkan kekuatan perang Inggeris bagi menakutkan Sultan Selangor.

Pada 6 hari bulan Februari 1874, kapal perang Inggeris yang diketuai oleh Sir Charles Shadwell telah sampai di Selangor. Dua buah daripada kapal perang itu telah berlabuh tiada jauh dari persimpangan Sungai Langat dengan Sungai Jugra dekat istana Sultan Abdul Samad. Dua buah kapal perang lainnya telah menung-

gu di Kuala Sungai Kelang. Tiada lama kemudian, Gabenor Sir Andrew Clarke dengan diiringi oleh pegawai tinggi kerajaan Inggeris dari Singapura, dengan kapal Pluto telah sampai di Langat.

Pada 9 hari bulan Februari 1874, Gabenor Andrew Clarke telah pergi ke bandar Langat dan disambut oleh Sultan Abdul Samad dan putera-putera baginda Raja Yaakub, Raja Kahar dan Raja Musa serta orang-orang besar Selangor iaitu Datuk Aru, Penggawa Permatang, Penggawa Muda, Panglima Besar, Orang Kaya Kecil, Penghulu Jeram dan Penghulu Dagang.

Esoknya, pada 10 hari bulan Februari 1874, Gabenor Clarke serta empat orang pegawainya bersama-sama Sultan Abdul Samad serta tiga orang putera baginda dan kira-kira sepuluh orang pembesar Selangor telah mengadakan perundingan.

Dalam pertemuan itu Gabenor Clarke telah menyatakan tujuan kedatangannya ialah kerana hendak menyelesaikan hal rompakan dan pembunuhan yang telah berlaku di negeri Selangor supaya semuanya berjalan dengan aman damai. Beliau juga telah berterus terang menyatakan kepada Sultan Abdul Samad betapa baiknya bagi baginda, bagi keluarga baginda dan juga bagi negeri Selangor, jika baginda membantu menantu baginda Tengku Kudin melawan perompak di negeri baginda sendiri.

Raja Yaakub telah menyatakan kepada Gabenor adapun semua kekacauan yang telah berlaku di negeri Selangor itu adalah disebabkan oleh Tengku Kudin. Tetapi kenyataan Raja Yaakub itu telah dijawab oleh Gabenor Clarke dengan cara menyindir dan telah bertanya pula kepada Raja Yaakub, adakah Tengku Kudin itu masih lagi menjadi Wakil Yamtuan di negeri Selangor atau tidak? Pertanyaan Gabenor itu pada mulanya telah dijawab oleh Raja Yaakub mengatakan Tengku Kudin bukan Wakil Yamtuan. Tetapi tiada lama kemudian, setelah berlaku soal jawab dengan Gabenor itu, Raja Yaakub telah membenarkan pula Tengku Kudin itu menjadi Wakil Yamtuan.

Dalam pertemuan itu berbagai pertanyaan telah ditimbulkan oleh Gabenor Clarke kepada Raja Yaakub dan Sultan Abdul Samad mengenai Tengku Kudin yang menjadi Wakil Yamtuan itu. Dalam rundingan itu, Sultan Abdul Samad telah menerangkan kepada Gabenor berhubung dengan kerja pemerintahan, tak ada apa-apa yang hendak baginda murkakan kepada Tengku Kudin, melainkan

yang baginda murka ialah kerana telah dua tahun lamanya Tengku Kudin tiada pernah membawa isterinya (puteri baginda) berjumpa baginda.

Semasa berada di Langat itulah juga Gabenor Clarke telah dapat berjumpa dan berunding dengan Tengku Kudin dan itulah kali pertamanya Gabenor berjumpa dengan Tengku Kudin. Mereka telah berunding panjang mengenai hal ehwal pemerintahan dan keadaan di negeri Selangor masa itu, dan pada masa itu baharulah Gabenor mengetahui pada keseluruhannya akan kedudukan Tengku Kudin di negeri Selangor. Pada masa itu Gabenor tetap ingin meneruskan pertolongannya kepada Tengku Kudin. Dalam pada itu, Gabenor telah menerangkan juga, walaupun Inggeris hendak meneruskan pertolongannya kepada Tengku Kudin, tetapi tidaklah pula akan menjejaskan hak Raja Musa sebagai bakal Sultan Selangor.

Dalam pertemuan itu Gabenor Clarke telah menetapkan iaitu perbicaraan terhadap lapan orang yang dituduh menjadi perompak laut itu akan dijalankan di negeri Selangor oleh kerajaan Selangor. Dua orang pegawai Inggeris akan hadir dalam perbicaraan itu sebagai pemerhati. Raja Yaakub hendaklah hadir sama dalam perbicaraan itu dan membawa semua bukti yang boleh membuktikan bahawa Raja Yaakub tidak bersalah dalam kejadian rompak yang telah berlaku itu.

Pada hari itu juga Sultan Abdul Samad telah melantik empat orang menjadi hakim perbicaraan itu iaitu Tengku Kudin, Datuk Aru, Penghulu Dagang dan seorang ketua orang Cina di Langat bernama See Kang. Gabenor Clarke telah melantik Major MacNair dan J.G. Davidson menjadi ahli sebuah badan Suruhanjaya yang akan memerhatikan perbicaraan itu dijalankan, dan mereka tidak dibenarkan mengambil bahagian cergas dalam perbicaraan yang akan dijalankan itu.

Setelah ditetapkan hari perbicaraan akan dijalankan, esoknya pada 11 hari bulan Februari 1874 Gabenor Sir Andrew Clarke pun balik ke Singapura.

Perbicaraan itu telah dijalankan di Langat (Bandar Termasa) selama tiga hari iaitu dari 13 hari bulan Februari 1874 hingga 15 hari bulan Februari 1874. Keputusan hakim dalam perbicaraan itu ialah mahkamah tiada memperoleh apa-apa bukti yang menunjukkan

Raja Yaakub (Tengku Alang) telah merancang perbuatan jahat itu (merompak dan membunuh). Lapan orang yang telah dituduh melakukan rompakan dan pembunuhan di Kuala Sungai Jugra pada 16 hari bulan November 1873 itu, didapati bersalah dan telah dijatuhkan hukuman bunuh, tetapi seorang daripada yang berlawanan itu telah diampunkan kerana ia masih terlalu muda belum sempurna akal, belum dewasa.

Esoknya, pada 16 hari bulan Februari 1874, ketujuh-tujuh orang itu pun dibunuh dalam kubu di Kuala Sungai Jugra mengikut cara Melayu iaitu ditikam hingga mati dengan keris Sultan Abdul Samad sendiri.

Setelah itu, ahli Suruhanjaya Inggeris yang dilantik oleh Gabenor Clarke itu (Major MacNair dan J.G. Davidson) telah membuat laporan dan diserahkan kepada kerajaan Inggeris. Dalam laporan itu antara lain Suruhanjaya itu menyebutkan:

Sekalian raja-raja dan orang-orang besar dalam negeri Selangor suka sangat hendak mendapat seorang pegawai British tinggal bersama mereka memberi nasihat dan menolong mereka dalam pekerjaan memerintah negeri, dan mereka ada mendengar Tengku Kudin sendiri telah meminta seorang pegawai British datang ke Selangor.

Lebih kurang empat bulan selepas itu, Sultan Abdul Samad pula telah meminta Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura membuat suatu peraturan mencukai barang-barang yang dibawa masuk dari Negeri-negeri Selat ke negeri Selangor, dan menetapkan gaji Penghulu Dagang di Selangor yang mana telah diberi tugas memeriksa orang dari Negeri-negeri Selat yang datang ke negeri Selangor.

Pada pertengahan bulan Ogos 1874, seorang pegawai Inggeris dari Negeri-negeri Selat bernama Frank Swettenham yang dihantar oleh Gabenor di Singapura, telah sampai di Langat (Bandar Termasa) memegang jawatan Penolong Residen di Selangor dan juga menjadi Penasihat kepada Sultan Abdul Samad. Sultan Abdul Samad telah mengirimi surat memberitahu dan mengucapkan terima kasih kepada Gabenor Clarke yang telah menghantar Frank Swettenham itu, dan baginda menyatakan juga bahawa baginda tersangat suka kerana Frank Swettenham itu seorang yang bijak dan pandai pula bercakap bahasa Melayu. Pendeknya, semenjak itu masuklah jarum penjajahan Inggeris ke negeri Selangor.

timbul cita-cita mereka hendak menjalankan gerakan kebangsaan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dari penjajahan Inggeris yang sedang memerintah di Tanah Melayu. Tetapi cita-cita itu belumlah dapat mereka laksanakan, kerana mereka sedang dalam latihan belajar. Pendeknya dari ajaran dan asuhan Cikgu Abdul Hadi Hasan di maktab itulah Ibrahim Yaakub, Abdul Karim Rashid dan Hassan Manan, seperti pelajar yang lain juga, mulai sedar akan fahaman kebangsaan Melayu yang akan mereka perjuangkan demi mencari kemerdekaan bangsa dan tanahair mereka.

Pada tahun 1931 Ibrahim Yaakub tamat belajar di MPSI, lalu menjadi guru sekolah Melayu di negeri Pahang, dan rakan-rakannya yang berdua itu menjadi guru sekolah Melayu di Selangor. Enam tahun lepas itu, pada tahun 1937, Ibrahim Yaakub ditukarkan ke Kuala Lumpur menjadi guru bahasa Melayu di Pusat Latihan Polis.

Di antara tahun 1937-1939 kesedaran politik orang Melayu telah semakin memuncak. Pada masa itulah beberapa buah pertubuhan Melayu yang bercorak politik dan berterus-terang menjalankan kegiatan politik, telah ditubuhkan di negeri Melayu.

Pertukaran Ibrahim Yaakub ke Kuala Lumpur itu telah memberi kesempatan yang sebaik-baiknya kepada beliau untuk melaksanakan cita-citanya yang terpendam selama ini. Pada tahun itulah (1937) Ibrahim Yaakub serta rakan-rakannya Ishak bin Haji Muhammad, Hasan Manan, Abdul Karim Rashid dan Isa Mahmud (pejuang kebangsaan Melayu yang dinamakan *KESATUAN MELAYU MUDA* (*KMM*), berpusat di Kuala Lumpur dan di peringkat permulaan kebanyakan ahli-ahlinya terdiri daripada guru-guru Melayu lepasan MPSI, wartawan Melayu dan orang-orang Melayu. Tujuan *KMM* ditubuhkan ialah hendak berjuang mencapai kemerdekaan Malaya (Tanah Melayu) dari perintah British, berfahaman kiri, tidak bekerjasama dengan kerajaan, dan hendak menggabungkan Malaya dengan Gugusan Pulau-pulau Melayu (Indonesia sekarang) untuk mencapai *Melayu Raya* tanahair rumpun bangsa Melayu yang lebih luas.

Adapun Ishak bin Haji Muhammad itu ialah seorang anak Pahang, bekas pegawai pentadbir kerajaan yang telah meletakkan jawatan itu pada tahun 1934 lalu masuk berjuang dalam politik.

Di antara tahun 1937-1939 itulah juga, beberapa orang pemimpin politik dari Pulau-pulau Melayu (Indonesia sekarang) telah

datang ke Tanah Melayu antaranya Tan Melaka, Sulan Djenain Alimin, Djameluddin Tamin dan lain-lain. Mereka itu telah membuat hubungan dan menyebarkan cita-cita revolusioner kepada orang Melayu terutama kepada pelajar di MPSI, Maktab Pertanian Serdang dan Sekolah Pertukangan (Trade School) Kuala Lumpur. Pada tahun 1939 itulah juga, apabila fahaman kebangsaan Melayu semakin bergolak dalam kegiatan politik orang Melayu, Cikgu Abdul Hadi bin Haji Hasan yang dianggap sebagai sumber ilham fahaman kebangsaan Melayu di MPSI itu telah ditukarkan pergi bekerja di Kota Bharu, Kelantan, tetapi beberapa orang bekas pelajar MPSI yang telah menerima asuhan dan galakan dari beliau selama ini masih tetap mengajar di MPSI bagi meneruskan perkembangan fahaman kebangsaan Melayu di MPSI itu.

Pada tahun 1939, menjelang Jepun hendak menyerang Malaya, Ibrahim Yaakub telah cuba berhubung dengan Jepun. Pada akhir tahun 1939 itulah Ibrahim Yaakub telah membeli syarikat akhbar *Warta Malaya* di Singapura dengan bantuan wang dari Jepun, dan beliau sendiri menjadi ketua pengarangnya. Semenjak itu terbitlah rencana-rencana yang mengandungi isu-isu anti British disiarkan oleh akhbar tersebut. Dalam pada itu Inggeris telah mengetahui akan keinginan pemimpin radikal dari KMM yang hendak melancarkan gerakan revolusioner menghalau British dari Malaya untuk mencapai kemerdekaan Malaya.

Pada tahun 1940, apabila berita yang mengatakan Jepun akan menyerang Asia Tenggara dan menghalau penjajah Barat telah semakin memuncak, maka pihak berkuasa Inggeris telah menangkap seramai 150 orang ahli KMM dan orang-orang Melayu yang lain yang dianggap merbahaya kepada pemerintahan Inggeris di Malaya, dan mereka semua dipenjara di Singapura. Di antara orang-orang Melayu yang tertangkap itu termasuklah Ibrahim Yaakub, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan Sutan Djenain. Tetapi sebahagian besar daripada ahli KMM yang tidak tertangkap oleh Inggeris itu, telah menjalankan gerakan secara sulit dengan menggabungkan diri mereka ke dalam MCP (Malayan Communist Parti — Parti Komunis Malaya), dan ada pula yang masuk menjadi pasukan pengintip bagi pihak Jepun yang disebut Barisan Kelima (Fifth Column) di bawah perintah pegawai tentera Jepun yang bernama Major Fujiwara. Semenjak tertangkapnya pemimpin K-

MM itu, KMM pun diharamkan oleh Inggeris.

Pada 8 hari bulan Disember 1941, tentera Jepun mulai mendarat di bahagian utara Tanah Melayu lalu menyerang dan menghalau askar British di negeri-negeri Melayu iaitu dari Perlis hingga ke negeri Johor dalam tempoh lebih kurang 55 hari, dan pada 15 hari bulan Februari 1942 pihak British yang berpusat di Singapura itu pun menyerah kalah dengan tiada bersyarat kepada pihak tentera Jepun, dan semenjak itu seluruh Tanah Melayu diperintahkan oleh tentera Jepun.

Apabila Jepun berkuasa di Tanah Melayu, Ibrahim Yaakub, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan lain-lain orang Melayu yang dipenjarakan oleh Inggeris itu pun dibebaskan oleh Jepun. KMM yang diharamkan oleh Inggeris itu ditubuhkan semula oleh Ibrahim Yaakub.

KMM yang ditubuhkan semula pada masa permulaan Jepun menduduki Malaya itu, pada zahirnya bekerjasama dengan pihak tentera Jepun tetapi pada hakikatnya hanya tipu daya kerana yang sebenarnya pemimpin KMM secara sulit telah membuat perhubungan dengan pemimpin askar MPAJA (Malayan People Anti Japanese Army) yang dikuasai oleh MCP untuk meneruskan perjuangan mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Lebih kurang tiga bulan selepas itu, dalam bulan Jun 1942, pihak tentera Jepun telah mengetahui bahaya yang akan ditimbulkan oleh KMM, lalu KMM pun diharamkan tetapi pemimpin KMM tidaklah dipengapakan kerana Jepun masih hendak menggunakan mereka dalam berbagai hal.

Dalam pada itu, dengan kerjasama pihak tentera Jepun, Ibrahim Yaakub pun membentuk pasukan askar Melayu yang dinamakan *Giyu Gun* atau *PETA* (Pembela Tanah Air) dan Ibrahim Yaakub sendiri menjadi ketuanya dengan pangkat Leftenan-Kolonel. Pada masa Jepun masih berkuasa di Tanah Melayu, tujuan PETA dibentuk ialah untuk menentang Inggeris kalau mereka datang semula ke Tanah Melayu. Tetapi yang sebenarnya tujuan Ibrahim Yaakub menubuhkan PETA adalah hendak mengumpulkan senjata yang didapati dari tentera Jepun, diberikan kepada askar Melayu dalam PETA di samping melatih mereka cara-cara berperang, dan merekalah yang akan menentang tentera Jepun untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Begitulah rancangan asal Ibrahim

Yaakub. Oleh sebab itulah, dengan secara sulit PETA telah membuat hubungan dengan MPAJA dan mempunyai tujuan yang dirahsiakan iaitu hendak membinasakan tentera Jepun apabila sampai masanya kelak.

Dalam bulan Mac 1943 seramai 50,000 orang Cina di Singapura telah ditangkap lalu dibunuh secara beramai-ramai oleh pihak tentera Jepun kerana Jepun menuduh orang Cina itu menyebelahi pihak Komunis Cina di negeri China. Pada masa itu anggota MCP di Singapura tidak dapat menjalankan apa-apa kegiatan kerana kawalan pihak tentera Jepun terhadap kegiatan Komunis di Singapura begitu ketat. Oleh sebab itu anggota MCP yang ada di Singapura itu pun meninggalkan Singapura menyusup datang ke negeri-negeri Melayu lalu menubuhkan pula askar MPAJA yang bergerak di hutan-hutan negeri Melayu terutama di Johor, Pahang dan Perak, bagi meneruskan penentangan mereka secara askar gerila terhadap tentera Jepun. Walaupun demikian, selama tentera Jepun berkuasa di Tanah Melayu tiadalah pernah askar MPAJA yang ada di hutan itu melancarkan serangan atau bertempur secara terbuka dengan tentera Jepun, melainkan kalau ada pun hanya sekali-sekala iaitu dengan melakukan "pukul curi" terhadap kumpulan askar Jepun yang berada di tempat-tempat yang terpencil.

Dari pertengahan tahun 1943 hingga ke awal tahun 1944, beberapa orang pegawai Pasukan 136 iaitu pasukan gerila dari pasukan besar tentera British yang sedang bersiap-siap di India dan Ceylon hendak datang menyerang Jepun di Tanah Melayu, telah dihantar ke Tanah Melayu. Pasukan 136 ini ada yang diterjunkan di Lumut, Perak.

Pegawai Inggeris dari Pasukan 136 itu telah masuk ke dalam hutan lalu berhubung dengan pegawai dan askar MPAJA yang dipimpin oleh anggota MCP itu dan pegawai Inggeris itu telah memberikan banyak senjata moden kepada anggota MPAJA yang bergerak dalam hutan untuk bersama-sama menentang tentera Jepun. Dalam pada itu, pihak MPAJA yang dipimpin oleh ahli MCP itu memang telah mempunyai rancangan jangka panjang dalam perjuangan mereka di Tanah Melayu ini dengan tujuan hendak menghalau penjajah dari Tanah Melayu dan menjadikan Tanah Melayu sebuah *Republik Rakyat Malaya* bercorak komunis. Pada awal tahun 1944 itu, Setiausaha Agung MCP yang menguasai askar

MPAJA di hutan negeri Melayu itu ialah seorang Cina bernama Loi Tak.

Pada pertengahan tahun 1945 pihak tentera Jepun tahu mereka tidak akan dapat mengalahkan pihak Amerika Syarikat-British dan sekutu mereka dalam peperangan di sebelah timur ini, kerana dalam beberapa peperangan di Lautan Pasifik, Jepun selalu beroleh kegagalan. Pada masa itulah juga Jepun merasa tidak keberatan hendak memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu dan Indonesia. Dalam bulan Julai 1945, dengan kebenaran dari pihak tentera Jepun di Tanah Melayu, Ibrahim Yaakub dan kawan-kawan seperjuangannya telah menubuhkan pertubuhan yang dinamakan KRIS (Kekuatan Rakyat Indonesia Semenanjung) menggantikan KMM yang telah diharamkan oleh Jepun semenjak bulan Jun 1942.

Pada masa itulah juga Ibrahim Yaakub dan rakan-rakannya telah bercita-cita dan berikhtiar hendak menggabungkan Malaya dengan Indonesia yang sedang berjuang dengan begitu gigih hendak mencapai kemerdekaannya dari penjajahan Belanda. Pada 22 hari bulan Ogos 1945 Ibrahim Yaakub dan beberapa orang rakannya telah dapat berjumpa dengan Soekarno dan Hatta pemimpin Indonesia di Taiping iaitu ketika pemimpin Indonesia itu singgah di Taiping dalam perjalanan dari Saigon ke Jakarta dan pada masa itulah Ibrahim Yaakub telah membincangkan bersama Soekarno dan Hatta mengenai pergabungan Tanah Melayu dengan Indonesia yang akan dijadikan *Melayu Raya*.

Dua hari selepas itu, pada 14 hari bulan Ogos 1945, Maharaja Jepun pun mengaku kalah dalam peperangan di Lautan Pasifik melawan Amerika Syarikat-British dan sekutunya, dan pada 15 hari bulan Ogos 1945, baharulah kenyataan kerajaan Jepun itu disiarkan ke seluruh dunia. Dua hari kemudian, pada 17 hari bulan Ogos 1945, di Jakarta, Soekarno dan Hatta telah mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia dari penjajahan Belanda dengan tidak sedikit pun menyebutkan Malaya (Tanah Melayu). Rancangan Ibrahim Yaakub telah gagal.

Pada masa inilah pihak tentera British di India menerusi All-India Radio telah mengumumkan perjanjian dengan pegawai MPAJA yang berada di hutan-hutan negeri Melayu itu akan membentuk sebuah kerajaan yang demokratik di Tanah Melayu apabila tentera Jepun telah sepenuhnya menyerah kalah dan sebelum pihak British

datang ke Tanah Melayu, British telah meminta MPAJA menjaga keamanan dan ketenteraman di Tanah Melayu.

(Antara 15 hari bulan Ogos hingga 5 hari bulan September 1945, iaitu setelah Jepun kalah dan askar British belum datang ke Tanah Melayu, askar-askar MPAJA telah keluar dari hutan lalu menguasai beberapa buah bandar dan kampung. Pada masa itulah penduduk Tanah Melayu, terutama orang Melayu dan India, telah diancam oleh askar *Bintang Tiga* (MPAJA) yang telah bermaharajalela dan telah menangkap serta membunuh orang-orang yang dituduh (terutama Melayu dan India) telah membantu dan bekerjasama dengan Jepun pada masa Jepun berkuasa. Oleh sebab keganasan dan hasutan askar "Bintang Tiga" (MPAJA) itulah, selama lebih kurang dua minggu itu, telah berlaku perkelahian hebat di antara orang Melayu dengan orang Cina yang dibantu oleh MPAJA di beberapa buah tempat terutama di Batu Pahat dan di Sungai Manik dekat Teluk Anson (Perak). Mujurlah pada 5 hari bulan September 1945 askar pihak British telah sampai di Tanah Melayu (di Singapura) dan terus menjalankan pentadbiran di seluruh Tanah Melayu. Pada masa itulah Tanah Melayu mula diletakkan di bawah perintah "Pentadbiran Tentera British" (British Military Administration).

Dua hari selepas Jepun menyerah kalah itu, pertubuhan Melayu yang bergabung dengan KRIS telah mengadakan kongresnya di Kuala Lumpur, dan satu daripada ketetapan yang telah diambil dalam kongres itu ialah meneruskan perjuangan KMM (Kesatuan Melayu Muda) yang telah diharamkan oleh Jepun dahulu, dan Dr. Burhanuddin dilantik sebagai Yang Dipertuanya berpusat di Ipoh (Perak). Dua hari pula selepas itu, pada 19 hari bulan Ogos 1945, dengan paksaan pihak Jepun, Ibrahim Yaakub telah bertolak dari Singapura meninggalkan Tanah Melayu pergi ke Jakarta dan beliau terus bermastautin di sana. Selang dua hari kemudian, pada 22 hari bulan Ogos 1945, PETA pula dibubarkan oleh pemimpinnya.

Lebih kurang sebulan selepas itu, dalam bulan Oktober 1945, Ahmad Boestamam dengan beberapa orang kawannya di Ipoh (Perak) telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PK-MM atau Malaya Nationalist Party — MNP) dan ketuanya dipilih dari seorang yang berasal dari Indonesia bernama Mukhtaruddin. Pada masa itu di Ipoh ada dua buah parti politik Melayu iaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang diketuai oleh Dr. Burhanud-

din, dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang diketuai oleh Mukhtaruddin tetapi yang sebenarnya berkuasa di belakang layar PKMM itu ialah Ahmad Boestamam.

Tidak lama lepas itu, Mukhtaruddin telah menghilangkan diri dari Ipoh dan dipercayai balik ke Indonesia. Oleh sebab itu Ahmad Boestamam dan rakan-rakan seperjuangannya telah menjemput Dr. Burhanuddin menjadi Yang Dipertua PKMM. Oleh sebab itu KMM yang juga diketuai oleh Dr. Burhanuddin telah disatukan ke dalam PKMM, dan hanya menggunakan nama PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya — MNP) sahaja.

Dari bulan Oktober hingga Disember 1945 itu, di negeri-negeri Melayu sedang sibuk dengan kedatangan wakil khas kerajaan British bernama Sir Harold MacMichael, kerana hendak mengambil tandatangan Raja-raja pemerintah negeri-negeri Melayu, menandakan persetujuan mereka dengan kerajaan Inggeris yang bercadang menggabungkan sembilan buah negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka menjadi sebuah negeri persekutuan yang dinamakan Malayan Union. Setelah mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu itu, pada 6 hari bulan Januari 1946 MacMichael pun bertolak dari Singapura balik ke London.

Pada masa Sir Harold MacMichael sedang mengambil tandatangan Raja-raja Melayu itu, dalam bulan Disember 1945 itu juga pihak Pentadbiran Tentera British (BMA) di Tanah Melayu telah membubarkan MPAJA (Askar MCP) dan mengambil semula senjata yang telah diberikan oleh Pasukan 136 (British) kepada MPJA dahulu, serta memberi wang saku sebanyak \$350/- kepada tiap-tiap orang askar MPAJA yang dibubarkan itu. Tetapi bukanlah semua senjata British itu telah dikembalikan kepada British. Dan dengan membawa senjata itulah pula askar MPAJA itu bergerak semula di hutan Tanah Melayu meneruskan perjuangan mereka.

Dalam bulan Januari 1946, oleh sebab tentera Jepun tiada berkuasa lagi di Tanah Melayu (walaupun mereka masih ada di Tanah Melayu), MCP dan askar MPJANYA telah mengubah sikap. Semenjak itu mereka bukan lagi melawan Jepun sebaliknya telah menentang pihak British pula dengan tujuan hendak menggulingkan kerajaan dan menjadikan Tanah Melayu sebuah pemerintahan *Republik Rakyat Malaya* bercorak Komunis. Pada masa itu Pengerusi Jawatankuasa Parti Komunis Malaya (MCP) di negeri perak ialah

seorang pemuda Cina (berasal di Perak juga) bernama Chin Peng.

Pada 22 hari bulan Januari 1946 kerajaan Inggeris telah mengeluarkan perisytiharan bahawa cadangan hendak menubuhkan Malayan Union itu dilaksanakan. Semenjak itu Raja-raja Melayu dan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, yang dimulakan oleh orang Melayu di Batu Pahat (Johor) di bawah pimpinan Datuk Onn bin Jaafar, telah membuat bantahan, bangkangan dan kutukan terhadap Malayan Union yang akan ditubuhkan oleh kerajaan British itu kerana orang Melayu tahu bahawa adanya Malayan Union bererti kuasa dan kedaulatan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing akan terserah kepada Raja Inggeris, dan orang Melayu sendiri sebagai bumiputera negeri Melayu akan disamakan hak mereka dengan bangsa asing yang mendatangi ke negeri Melayu.

Tetapi walau bagaimanapun hebatnya orang Melayu membangkang dan mengutuk Malayan Union yang akan dibentuk oleh kerajaan British itu, pada 1 hari bulan April 1946 kerajaan British pun menubuhkan Malayan Union dan Sir Edward Gent menjadi Gabernornya berpusat di Kuala Lumpur. Upacara perlantikan Sir Edward Gent yang dilantik menjadi Gabenor Malayan Union yang telah diadakan di Kuala Lumpur itu telah dipulaukan oleh semua Raja-raja Melayu serta hampir semua rakyat Melayu di bawah pimpinan Datuk Onn bin Jaafar.

Bangkangan orang Melayu di bawah pimpinan Datuk Onn terhadap Malayan Union itu tetap diteruskan dalam beberapa perhimpunan raksasa dan juga Kongres yang telah diadakan oleh orang Melayu. Dalam Kongres Melayu Setanah Melayu III yang telah diadakan di Istana Besar, Johor Bharu, pada 11 hari bulan Mei 1946, pada masa itulah orang Melayu di bawah pimpinan Datuk Onn menubuhkan pertubuhan politik orang Melayu berfahaman kanan yang dinamakan *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu* (United Malays National Organisation — UMNO), dan beberapa buah pertubuhan politik Melayu di seluruh Tanah Melayu telah masuk bergabung ke dalam pertubuhan UMNO itu, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah bergabung dalam UMNO, dan tujuan asal UMNO ditubuhkan ialah hendak memimpin seluruh bangsa Melayu menentang Malayan Union. Wakil pihak PKMM yang telah menandatangani perlembagaan asal UMNO ialah Dr.

Burhanuddin dan Zulkifli Auni.

Pada akhir bulan Mei 1946, dua orang Ahli Parlimen British bernama Kapten L.D. Gammons dan Leftenan-Kolonel D.R. Rees Williams telah sampai ke Tanah Melayu untuk meninjau keadaan dan suasana politik di Tanah Melayu semenjak dibentuk Malayan Union. Mereka berdua telah melawat ke merata tempat di Tanah Melayu, dan akhirnya pada 28 hari bulan Mei 1946 mereka telah menghadiri perhimpunan raksasa orang Melayu di Kuala Kangsar (Perak), dan di situlah mereka telah menyaksikan dengan jelasnya betapa orang Melayu telah berarak beramai-ramai menunjuk perasaan dan memberi ucapan yang berapi-api, terutama kaum perempuan Melayu yang membangkang dan mengutuk adanya Malayan Union. Kedua-dua Ahli Parlimen British itu telah juga berjumpa dengan semua Raja-raja pemerintah negeri Melayu di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, dan telah mendengar pengakuan mereka tidak bersetuju dengan pelaksanaan Malayan Union.

Dalam persidangan agung UMNO yang kedua yang telah diadakan di Ipoh, PKMM (MNP) sebagai sebuah daripada badan yang bergabung dengan UMNO telah turut sama bersidang. Banyak syor dan cadangan telah dibincangkan dalam persidangan itu, termasuklah membincangkan bentuk dan corak bendera UMNO yang hendak diadakan, wakil PKMM (MNP) telah mencadangkan supaya rupa dan corak bendera UMNO hendaklah dibuat seperti bendera Sang Saka Merah Putih bendera Indonesia. Tetapi cadangan PKMM itu ditolak. Oleh sebab cadangan PKMM itu tidak diterima oleh persidangan, dan juga kerana wakil PKMM yang menghadiri persidangan itu sama ramainya dengan wakil badan-badan lain yang lebih kecil dari PKMM, padahal PKMM mempunyai cawangan yang banyak di seluruh Tanah Melayu, maka Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam yang mewakili PKMM dalam persidangan itu telah keluar meninggalkan persidangan sambil mengumumkan bahawa PKMM menarik diri keluar dari UMNO dan langkah PKMM itu telah diikuti pula oleh wakil Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor. Setelah keluar dari UMNO, Ahmad Boestamam telah dilantik menjadi Setiausaha Agung PKMM.

Dalam mesyuarat agung PKMM (MNP) yang telah diadakan dalam bulan Disember 1946, Ishak Haji Muhammad telah dipilih

menjadi Yang Dipertua PKMM, tetapi Ahmad Boestamam tidak terpilih menjadi Setiausaha Agungnya, sebaliknya telah dipilih menjadi pengerusi cawangan pemuda PKMM yang dinamakan *Angkatan Pemuda Insaf* (API). Dan semenjak tertubuhnya API, parti MCP (Komunis) telah tertarik hati dengan menggunakan API sebagai barisan bertindak (*front*) Melayu dalam MCP. Tetapi cita-cita MCP itu tidaklah berhasil kerana sebaliknya Ahmad Boestamam pula telah mencuba hendak menggunakan MCP untuk mencapai cita-cita API.

Pada 7 hari bulan Disember 1946 sebuah badan politik orang bukan Melayu telah ditubuhkan di Singapura dengan nama *All-Malaya Council of Joint Action* (AMCJA) yang bertujuan membantah cara-cara kerajaan memilih ahli jawatankuasa yang merancang-cadangan untuk perlembagaan bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan juga membantah penubuhan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan diadakan bagi menggantikan Malayan Union.

Pada permulaan AMCJA ditubuhkan itu, ada tiga buah pertubuhan politik Melayu, termasuk PKMM (MNP), yang telah sama bergabung dalam AMCJA. Kemasukan PKMM ke dalam AMCJA itu, satu daripada sebabnya ialah kerana PKMM telah keluar dari UMNO. Tetapi tiada lama lepas itu, dalam bulan Januari 1947, PKMM dan pertubuhan Melayu yang lain itu telah keluar dari AMCJA kerana badan-badan Melayu itu hendak menjalankan kegiatan politiknya sendiri.

Dalam bulan Januari 1947 itu juga, badan-badan politik Melayu yang telah keluar dari AMCJA telah menubuhkan sebuah badan gabungan daripada beberapa buah badan politik Melayu dinamakan PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat) bertujuan menentang penubuhan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada bulan Mac 1947, Loi Tak, Setiausaha Agung MCP yang telah memegang jawatan itu semenjak tahun 1939, telah menghilangkan diri (*lari*) dengan membawa beberapa banyak wang MCP. Pada masa itulah Chin Peng yang berada di negeri Perak telah dilantik menjadi Setiausaha Agung MCP (Komunis) menggantikan Loi Tak. Chin Peng telah memerintahkan orang-orangnya, anggota-anggota MCP dan askar MPAJA meneruskan kegiatan mengganas walaupun dengan menggunakan senjata kerana hendak meruntuhkan kerajaan

di Tanah Melayu yang disokong oleh Inggeris itu. Pada masa itulah pegganas Komunis telah melakukan berbagai perbuatan zalim dan tidak berperikemanusiaan seperti membunuh orang, membakar rumah, membinasakan bas, menggelincirkan keretapi, membakar stesen keretapi dan lain-lain perbuatan jahat.

Ahmad Boestamam (Ketua API) juga pada masa itu telah menjalankan tindakan membangkitkan semangat kebangsaan orang Melayu untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu walaupun dengan menggunakan kekerasan. Pada bulan April 1947 Ahmad Boestamam telah ditangkap dan dibicarakan kerana dituduh mengeluarkan siaran dari API yang dianggap oleh kerajaan sebagai menghasut dan dia telah didakwa. Ia telah membayar denda sebanyak \$1,400 dan setelah itu ia kembali semula memimpin API. Lebih kurang dua bulan lepas itu, pada bulan Julai 1947 kerajaan telah mengharamkan API dan API pun dibubarkan. Sungguhpun PKMM telah membantah pengharaman itu, tetapi tidak berjaya.

Pada bulan Januari 1948, bekas ahli API telah bergerak dengan cara lain pula. M. Mustaza, Penolong Setiausaha Agung KMM (MNP) telah meletakkan jawatannya lalu menubuhkan sebuah pertubuhan pemuda Melayu yang berfahaman kiri dinamakan PERAM (Pemuda Radikal Melayu) dan M. Mustaza sendiri menjadi Yang Dipertua. Pada masa itu di Singapura memang telah ada sebuah pertubuhan pemuda Melayu bernama GERAM (Gerakan Angkatan Muda) dan seorang daripada orang yang mula-mula menubuhkan pertubuhan itu ialah Abdul Aziz bin Ishak. Wakil dari PERAM telah menghadiri sebuah persidangan yang telah diadakan di Calcutta oleh pengikut Komunis. Persidangan itu telah menganjurkan dasar dan gerakan revolusi di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun pertubuhan PERAM dan GERAM itu telah hilang begitu sahaja ceritanya disebabkan oleh timbulnya beberapa kekacauan dan keganasan yang dilakukan oleh pegganas Komunis. Pada masa itu beberapa orang Melayu yang cergas dari API dan PERAM telah masuk menyebelahi Komunis yang mengganas di Tanah Melayu. Dalam pada itu sebilangan besar ahli PKMM (MNP) telah merasa kecewa dan serba-salah pada politik, sehingga mereka bertindak tidak mahu masuk Komunis dan tidak juga mahu menyebelahi British.

Pada 21 hari bulan Januari 1948, semua Raja Melayu pemerintah negeri Melayu telah menandatangani Perjanjian Persekutuan,

dan sepuluh hari lepas itu, pada 1 hari bulan Februari 1948, tertubuhlah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya), Sir Edward Gent menjadi Pesuruhjaya Tinggi dan semajak itu hapuslah Malayan Union yang tidak disukai oleh orang Melayu itu.

Dalam pada itu pengganas Komunis (MPAJA) di Persekutuan Tanah Melayu terus juga melakukan keganasan. Pada 7 hari bulan Jun 1948 pengganas Komunis itu telah membunuh seorang pengurus ladang getah Consolidated Eastern Plantation Estate di Renggam, Johor, bernama W.J. Wallace. Lepas itu pada 16 hari bulan Jun 1948 pula pengganas Komunis telah membunuh tiga orang pengurus ladang getah di Sungai Siput, Perak; pengurus ladang getah itu bernama Arthur Walker, John A. Allison dan I.D. Christian.

Oleh sebab keganasan Komunis itu telah semakin memuncak, pada hari itu juga (16 hari bulan Jun 1948), Sir Edward Gent telah mengisytiharkan dijalankan Undang-undang Darurat di Daerah Ipoh dan Sungai Siput (Perak).

Pada 29 hari bulan Jun 1948 Sir Edward Gent telah menaiki kapal terbang hendak pergi ke London untuk berunding dengan pegawai tinggi Inggeris di sana. Tetapi empat hari lepas itu, kapal terbang yang ditumpangi oleh Sir Edward Gent itu telah berlanggar dengan sebuah kapal terbang lain di angkasa bandar London, dan beliau telah meninggal dunia.

Oleh sebab keganasan Komunis tidak juga reda, masih berlaku juga pembunuhan yang dilakukan oleh pengganas Komunis di beberapa buah tempat di Persekutuan Tanah Melayu, terutama di Johor, Pahang dan Perak, maka pada 12 hari bulan Julai 1948, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan perintah dikenakan Undang-undang Darurat bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa itulah juga MCP (Parti Komunis Malaya) mulai diharamkan di Persekutuan Tanah Melayu. Perintah darurat itu telah berlanjutan selama 12 tahun, iaitu hingga 31 hari bulan Julai 1960.

Sungguhpun MCP telah diharamkan oleh kerajaan, tetapi ahli-ahlinya masih menjalankan rancangan mereka secara sulit (*gerakan bawah tanah*). Pada masa itulah askar MCP yang dikenali juga sebagai MPAJA yang bergerak di hutan-hutan Tanah Melayu itu diubah namanya kepada Malayan Peoples Anti-British Army —

MPABA (Tentera Rakyat Malaya Anti-British).

Dalam bulan Julai 1948 itu juga, PKMM (MNP) telah mengeluarkan kenyataan parti yang melarang ahli-ahlinya melakukan keganasan dan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang kerajaan, kerana perjuangan PKMM adalah perjuangan kebangsaan.

Pada masa itu walaupun PKMM tidak diharamkan, tetapi kerajaan telah mencurigai tindakan yang dijalankannya. Oleh sebab itu beberapa orang ahli PKMM, termasuk Ishak bin Haji Muhammad, telah ditahan oleh kerajaan.

Dari akhir Disember 1948 hingga awal Januari 1949, PKMM (MNP) telah mengadakan Kongres IV di Singapura (Ishak Haji Muhammad tidak hadir kerana masih dalam tahanan), Dr. Burhanuddin dan Muhammad Taha Kalu hadir dalam Kongres itu. Kongres itu telah mengambil ketetapan, antara lain, ialah PKMM tetap juga meneruskan perjuangannya hendak membentuk sebuah Negara Kebangsaan yang merdeka berdasarkan kedaulatan rakyat.

Tiada berapa lama selepas itu PKMM telah mengadakan Kongres tergempar membincangkan peraturan kerajaan yang berkehendakkan PKMM didaftarkan seperti pertubuhan lain yang berdaftar iaitu berhubung dengan adanya Undang-undang Darurat. Oleh sebab PKMM telah meminta kepada kerajaan supaya PKMM dikecualikan daripada berdaftar, dan kerajaan tidak pula mahu meluluskan permintaan PKMM itu, akhirnya, dalam Kongres itu telah diambil ketetapan di mana PKMM (MNP) dibubarkan.

Lima bulan selepas diisytiharkan Undang-undang Darurat di seluruh Persekutuan Tanah Melayu, pada 25 hari bulan Januari 1949, pusat Parti Komunis Malaya (MCP) yang dipimpin oleh Chin Peng itu telah mengeluarkan pengumuman kepada ahli-ahlinya mengenai rancangan parti itu hendak menjadikan Semenanjung Tanah Melayu sebuah Republik Rakyat Demokratik (Peoples' Democratic Republic) bercorak Komunis. Enam hari kemudian, parti itu mengumumkan pula bahawa pasukan askar gerilanya yang dikenali sebagai MPABA (Malayan Peoples Anti-British Army) itu, sekali lagi diubah namanya kepada Malayan Races Liberation Army — MRLA (Tentera Pembebasan Bangsa-bangsa Malaya) yang bertujuan menarik semua keturunan bangsa di Tanah Melayu menyebelahi atau bersimpati kepada MCP.

Enam tahun kemudian, pemuda-pemudi Melayu telah mengorak langkah dalam gerakan kebangsaan. Dari 8 hingga 10 hari bulan Februari 1955, suatu Kongres Pemuda-Pemudi telah diadakan di Kuala Lumpur membincangkan hal-hal politik. Datuk Onn bin Jaafar turut hadir dalam kongres itu bersama dengan bekas pemimpin PKMM iaitu Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad (telah bebas dari tahanan) dan Harun Aminurrashid. Ishak Haji Muhammad telah memberikan ucapan dalam Kongres itu. Di antara ketetapan penting yang telah diambil dalam kongres itu ialah Pemuda-pemuda Melayu akan menubuhkan "Front Nasional" dan berikrar bahawa matlamat perjuangan kebangsaan Tanah Melayu ialah mendapatkan satu bangsa, satu negara dan satu bahasa.

Setelah tujuh tahun lamanya dalam tahanan kerajaan, pada bulan Jun 1955 Ahmad Boestamam telah dibebaskan dari tahanan.

➤ Pada 28 dan 29 hari bulan Disember 1955, Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu bersama dengan David Marshall Ketua Menteri Singapura dan Datuk Tan Cheng Lock Yang Dipertua Persekutuan Cina Malaya (MCA) telah mengadakan perundingan bersama dengan Chin Peng yang menjadi Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (MCP) dan pegawai-pegawai Komunis di bawahnya seperti Chen Tien dan Abdul Rashid Maidin, di Baling, Kedah. Mereka telah berunding mengenai kedudukan Parti Komunis Malaya di Persekutuan Tanah Melayu dan jika dibenarkan parti itu akan menjalankan kegiatannya tetapi Tunku Abdul Rahman mahukan parti itu diharamkan dan ahli-ahlinya menyerah diri tetapi Chin Peng tidak bersetuju dengan rancangan itu, akhirnya rundingan itu gagal, Chin Peng dan kawan-kawannya masuk semula ke dalam hutan meneruskan perjuangan mereka.

➔ Setelah berjalan selama 12 tahun, iaitu semenjak tahun 1948, pada 31 hari bulan Julai 1960 Undang-undang Darurat di Persekutuan Tanah Melayu telah ditamatkan.

Diringkaskan, dengan usaha pemimpin Perikatan, terutama Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, Tan Cheng Lock, Kolonel S.H. Lee, T.H. Tan, dan Raja-raja Melayu yang diwakili oleh beberapa orang ahli politik Melayu seperti Haji Abdul Wahab Datuk Panglima Bukit Gantang, Nik Ahmad Kamil dan lain-lain, pada 31 hari bulan Ogos 1957 Persekutuan Tanah Melayu telah

menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, bebas dari penjajahan Inggeris, dan Tunku Abdul Rahman Putra dipilih menjadi Perdana Menteri bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Enam tahun kemudian, dengan usaha Tunku Abdul Rahman Putra, pada 16 hari bulan September 1963, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura telah digabungkan menjadi sebuah negara persekutuan yang merdeka dinamakan "MALAYSIA". Tetapi pada 9 hari bulan Ogos 1965, Singapura telah berpisah dari Malaysia, menjadi sebuah negara merdeka.